

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS
2023**

**19 JUN HINGGA 27 JUN 2023
SOALAN NO. 1 HINGGA 145**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB TUAN AK NAN A/L EHTOOK

TUAN AK NAN A/L EHTOOK minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan adakah jawatankuasa peringkat kampung telah berperanan dengan sebaik mungkin dalam membantu Kerajaan membangunkan penduduk setempat dan apakah langkah penambahbaikan bagi menggandakan keberkesanan jawatankuasa ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) / Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JPKKP) yang ditubuhkan di peringkat kampung adalah berperanan untuk membuat perancangan dan melaksanakan pelan pembangunan kampung masing-masing. Tugas ini tidak mudah untuk dilaksanakan dan perlu mendapat sokongan serta kerjasama daripada masyarakat setempat.

Dalam hal ini, Kementerian ini sentiasa komited untuk memberikan latihan dan pendedahan yang berterusan kepada kepimpinan JPKK dan JPKKP sama ada dalam bentuk formal dan tidak formal berkaitan aspek seperti kepimpinan, ekonomi, pendidikan serta keselamatan. Selain itu, Kementerian juga sentiasa menambahbaik latihan serta modul program mahu pun kursus seperti Pengurusan Desa, Pengurusan Bencana dan Program Pemerkasaan JPKK/JPKKP agar ilmu yang diberi dapat dipraktikkan sebaiknya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB TUAN AK NAN A/L EHTOOK**

TUAN AK NAN A/L EHTOOK minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan kemajuan terkini projek tebatan banjir Sungai Golok dan langkah-langkah lain yang diambil untuk menangani kesan daripada banjir termenung di kawasan lembah Sungai Golok.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman yang Ahli Yang Berhormat, projek Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu (PLSB) Sungai Golok melibatkan tiga (3) fasa dianggarkan berjumlah RM2 billion.
2. Fasa 1 melibatkan kawasan Tumpat dan sebahagian kawasan Pasir Mas berjumlah RM656 juta dan telah bermula pada 23 April 2018. Projek ini dijangka siap pada Ogos 2024 dan kemajuan fizikal di tapak sehingga 2 Jun 2023 adalah 73%.
3. Fasa 2 melibatkan kawasan Pasir Mas, Rantau Panjang dan Jeli dan masih di peringkat pra pelaksanaan. Projek dengan anggaran kos RM879 juta dijangka bermula pada September 2023 untuk tempoh 38 bulan.
4. Bagi menangani kesan daripada banjir termenung di kawasan lembah Sungai Golok, JPS telah melaksanakan kerja-kerja segera pembinaan alur limpah di ban Sungai Lemal Lanchang berjumlah RM2 juta. Kemajuan sebenar di tapak sehingga 13 Jun 2023 adalah 75%.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB TUAN AK NAN A/L EHTOOK

TUAN AK NAN A/L EHTOOK minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada HIV masih merupakan ancaman utama kepada rakyat Malaysia dan adakah Kerajaan bercadang untuk mewajibkan saringan HIV ke atas semua bakal pengantin sebagai langkah tambahan kepada usaha pencegahan lain yang dilaksanakan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Bilangan kes HIV baru di Malaysia pada amnya telah menurun berbanding bilangan tertinggi kes HIV yang dilaporkan pada tahun 2002 iaitu sebanyak 6,978 orang, atau pada kadar 28.5 kes bagi setiap 100,000 penduduk. Manakala bagi tahun 2022, sebanyak 3,177 kes HIV baru telah dilaporkan, atau pada kadar 9.7 kes bagi setiap 100,000 penduduk pada tahun 2022, iaitu penurunan notifikasi sebanyak 66% semenjak tahun 2002.
2. Semenjak 2010, Kementerian Kesihatan Malaysia telah menyediakan Garis Panduan Program Saringan HIV pra-perkahwinan di semua Klinik Kesihatan KKM secara percuma dan sukarela untuk semua rakyat Malaysia. Ini bertujuan supaya semua pasangan yang hendak berkahwin mengetahui status HIV masing-masing sebelum berkahwin seterusnya mengambil langkah pencegahan penularan kepada pasangan dan bayi.
3. Bagi pasangan beragama Islam, saringan HIV adalah berdasarkan keputusan yang dicapai semasa Persidangan Ketua Pendaftar Nikah Cerai Rujuk (KPNCR) seluruh negara yang mewajibkan saringan ini kepada bakal pengantin Islam.
4. Bagi pasangan bukan Islam, tiada peruntukan atau perundangan yang boleh digunakan untuk mewajibkan saringan ini dilaksanakan kepada pasangan pengantin bukan Islam. Isu kewajipan saringan kesihatan bagi tujuan pendaftaran perkahwinan pasangan bukan Islam

NO SOALAN: 3

bukanlah di bawah bidang kuasa KKM. Hal ini adalah kerana KKM berpegang kepada Garis Panduan “*Consolidated guidelines on HIV testing services*” yang diterbitkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada tahun 2019. Garis panduan tersebut menekankan prinsip asas “*Consent*”, atau kebenaran pesakit dalam perkhidmatan ujian HIV, di mana pesakit berhak membuat keputusan untuk menjalani ujian HIV, dan mereka perlu dibekalkan dengan maklumat berkaitan tujuan, faedah dan implikasi ujian HIV sebelum memberi kebenaran untuk diuji.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB TUAN AKNAN A/L EHTOOK

TUAN AKNAN A/L EHTOOK minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan bidang yang menjadi pilihan para pelabur daripada negara China yang telah memberikan komitmen pelaburan bernilai RM170 bilion dan apakah kaedah yang digunakan untuk memastikan rakan tempatan yang menandatangani perjanjian-perjanjian persefahaman itu memenuhi komitmen mereka agar pelaburan yang diumumkan itu menjadi realiti.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) secara konsisten melaksanakan Misi Galakan Pelaburan dan Perdagangan (*Trade and Investment Mission - TIM*) yang merupakan salah satu inisiatif Kerajaan dalam usaha menarik pelaburan yang berkualiti ke dalam negara dan meningkatkan prestasi eksport ke pasaran antarabangsa. TIM MITI memberi tumpuan untuk memuktamadkan cadangan pelaburan dan perdagangan bernilai tinggi serta mampu mewujudkan peluang pekerjaan yang berpendapatan tinggi dalam pelbagai sektor ekonomi.

Semasa lawatan rasmi YAB Perdana Menteri ke Republik Rakyat China (RRC) dari 29 Mac hingga 1 April 2023, MITI dan agensi telah mengaturkan dua program perniagaan yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri dan telah berjaya menarik pelaburan berjumlah RM170.07 bilion, seperti berikut:

- i. Program **Mesyuarat Meja Bulat** (*Roundtable Meeting*) yang dihadiri pemimpin-pemimpin perniagaan RRC dari 36 buah syarikat dari industri pembuatan dan perkhidmatan yang menghasilkan komitmen pelaburan bernilai RM100.33 bilion. Sektor-sektor industri terlibat termasuklah petrokimia, automotif, peralatan pengangkutan, elektrikal dan elektronik, teknologi pembinaan; serta sektor perkhidmatan seperti pusat data, telekomunikasi, e-dagang, perbankan dan perkhidmatan pengangkutan udara; dan

- ii. Program **Forum Perniagaan Malaysia-China** yang dihadiri oleh pemimpin-pemimpin perniagaan dari Malaysia dan RRC, di mana YAB Perdana Menteri telah berinteraksi dan berkongsi pandangan mengenai idea baharu, isu dan cabaran ekonomi semasa. Di Forum tersebut, sebanyak 19 Memorandum Persefahaman (MoU) dan Perjanjian antara *business-to-business* (B2B) telah ditandatangani dengan potensi pelaburan berjumlah RM69.74 bilion. MoU dan Perjanjian B2B merangkumi kerjasama dan pelaburan dalam sektor pendidikan, pusat data, kesihatan, automotif, harta tanah dan logistik.

Jumlah pelaburan tersebut jelas membuktikan bahawa, program-program perniagaan anjuran MITI dan agensi berjaya mencapai matlamatnya dalam mengukuhkan keyakinan pelabur-pelabur terhadap Malaysia sebagai destinasi pelaburan pilihan utama, di samping memperbaharui komitmen bagi memperkasa kerjasama, hubungan perdagangan dan pelaburan dua hala antara Malaysia dan RRC, bukan sahaja di peringkat tertinggi Kerajaan, malahan di kalangan komuniti perniagaan kedua-dua buah negara.

MITI menerusi Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) sedang menjalankan perundingan aktif dengan syarikat-syarikat berpotensi ini bagi memastikan keputusan pelaburan dapat dimuktamadkan secepat mungkin. Dalam usaha ini, MIDA melalui khidmat fasilitasi oleh pejabat MIDA di luar negara dan pejabat negeri memberikan sokongan sepenuhnya dan menyelaras pelbagai aspek keperluan pelabur bagi memastikan projek-projek pelaburan tersebut dapat direalisasikan. Selain itu, Pejabat Pelaksanaan Projek dan Fasilitasi (TRACK) di MIDA juga komited untuk memudahkan proses kelulusan dan

NO SOALAN: 4

mempercepatkan pelaksanaan projek pengilangan bagi menyumbang ke arah Malaysia yang makmur, inklusif dan mampan.

Di samping itu, Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) turut melaksanakan inisiatif #MyMudah bagi menambahbaik persekitaran perniagaan melalui semakan peraturan agar ia tidak membebankan para pelabur serta pemain industri dengan peraturan birokrasi yang tidak wajar dan kos pematuhan yang tinggi. Inisiatif ini menyumbang kepada memudah cara urusan menjalankan perniagaan (*ease of doing business*).

Kerajaan sememangnya sedar akan kepentingan bagi merealisasikan projek-projek pelaburan bernilai tinggi ini kepada negara. Oleh yang demikian, pemantauan kemajuan projek pelaburan akan menjadi agenda tetap di dalam mesyuarat Majlis Pelaburan Negara (MPN) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB TUAN AK NAN A/L EHTOOK

TUAN AK NAN A/L EHTOOK minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan langkah terkini untuk mengurangkan penggunaan plastik sekali-guna dalam semua bentuk perniagaan. Apakah garis masa untuk meningkatkan penggunaan plastik 'biodegradable' dan bahan berasaskan kayu/kertas untuk industri pembungkusan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman, Mesyuarat Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan (MNKT) ke 76 pada 18 Oktober 2020 telah bersetuju dengan cadangan pelaksanaan Kempen Tiada Beg Plastik oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di seluruh negara. Melalui kempen ini, premis perniagaan akan mengenakan caj ke atas setiap beg plastik yang dibekalkan kepada pengguna selepas membuat bayaran di kaunter.
2. Bagi fasa pertama iaitu sehingga 2021, kempen ini dilaksanakan di semua premis tetap dan seterusnya akan diperluaskan kepada semua premis perniagaan secara beransur-ansur dalam tempoh 2022 hingga 2025. Tujuan pengenaan caj ke atas beg plastik ini adalah sebagai satu bentuk pencegahan dan usaha membendung penggunaan beg plastik sekali guna yang merupakan salah satu produk yang kerap kali dibuang secara tidak terkawal.
3. Seperti mana diputuskan oleh MNKT, pelaksanaan kempen ini adalah di bawah tanggungjawab Kerajaan Negeri dan kaedah pelaksanaan adalah mengikut kesesuaian negeri masing-masing sama ada dari segi kadar caj yang dikenakan, kekerapan serahan kutipan, agihan di antara PBT dan Kerajaan Negeri serta penggunaan wang kutipan tersebut.
4. Kempen ini juga merupakan salah satu pelan jangka panjang kerajaan dalam menangani isu pencemaran sisa plastik sekali guna di Malaysia. Antara negeri-negeri yang telah menjalankan kempen ini ialah

NO SOALAN: 5

Selangor, Pulau Pinang, Johor, dan Negeri Sembilan. Berdasarkan kepada data yang diterima dari negeri Pulau Pinang, sebanyak 2.8 juta beg plastik dapat dikurangkan pada tahun 2021 berbanding tahun 2019. Pengurangan yang signifikan mewakili 57% daripada jumlah penggunaan beg plastik ini menjadi tanda aras penting dalam usaha mengurangkan pencemaran plastik dan kejayaan ini turut disumbang oleh inisiatif Pulau Pinang yang meningkatkan caj kepada RM1 bagi setiap beg plastik pada tahun 2021.

5. Sementara itu, negeri Selangor juga membuktikan bahawa walaupun dengan hanya mengenakan caj minimum iaitu 20 sen, pengurangan sebanyak 2 juta beg plastik iaitu 9% direkodkan berbanding dengan pelaksanaan inisiatif secara sukarela pada tahun 2017.

6. Di Malaysia, produk biodegradasi yang dibenarkan adalah jenis klasifikasi biodegradasi atau *compostable* yang telah mendapat pensijilan SIRIM ECO-001:2018 atau SIRIM ECO-009:2016 daripada SIRIM Berhad. Tempoh penguraian bagi produk biodegradasi adalah singkat dan disokong oleh faktor persekitaran yang memudahkan proses pereputan.

7. Penggunaan produk biodegradasi memerlukan pengurusan sisa pepejal yang efektif dan cekap serta memerlukan komitmen kolektif dari pelbagai pihak. Walaupun ianya direka bentuk untuk terurai dengan lebih mudah, proses penguraian ini masih boleh mendarangkan kesan kepada alam sekitar bergantung kepada persekitaran sewaktu proses biodegradasi tersebut. Contohnya, pecahan plastik biodegradasi tertentu boleh membebaskan metana, dan memberi kesan kepada gas rumah hijau.

NO SOALAN: 5

8. Sehubungan itu, Kementerian ini dengan kerjasama SIRIM sedang menjalankan kajian dan pembangunan standard Eco-Label yang baru untuk pengenalan beg biodegradasi yang boleh terurai dalam persekitaran terbuka dengan kesan negatif yang minima kepada alam sekitar. Pembangunan ini juga merupakan salah satu rangka kerja di bawah Pelan Hala Tuju Malaysia ke Arah Sifar Plastik Sekali Guna, 2018-2030.

9. Bagi meningkatkan kesedaran dan penghayatan masyarakat mengenai perkara ini, Kementerian ini sangat aktif menggalakkan pengguna untuk memperkasakan amalan 3R (*Reduce, Reuse, Recycle*) dan pengasingan daripada punca di rumah (*Separation at Source - SAS*). Pada masa yang sama, Kementerian ini amat menggalakkan kempen Hindari Plastik Sekali Guna dengan amalan membawa beg dan bekas makanan sendiri (*Bring Your Own*) kepada rakyat Malaysia demi kelestarian alam sekitar.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB DATO' KESAVADAS A/L
A.ACHYUTHAN NAIR

DATO' KESAVADAS A/L A.ACHYUTHAN NAIR minta **PERDANA MENTERI** menyatakan signifikan penubuhan pasukan petugas khas 1MDB yang dipengerusikan oleh Ahli Parlimen Titiwangsa dan sejauh manakah fungsi yang dimandatkan kepada pasukan khas tersebut berupaya mengenal pasti segala kebobrokan kewangan yang melibatkan urus niaga 1MDB yang selama ini mengundang liabiliti kepada negara.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Pasukan Petugas Khas 1Malaysia Development Bhd (PPK 1MDB) yang telah ditubuhkan berdasarkan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 4 Januari 2023 bagi menasihati Kerajaan berhubung isu-isu berkaitan 1MDB. PPK 1MDB yang dipengerusikan oleh YB Ahli Parlimen Titiwangsa, mempunyai ahli-ahli tetap iaitu:
 - i. YB Menteri Perdagangan Industri dan Antarabangsa (MITI) atau wakilnya;
 - ii. YB Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi) atau wakilnya;
 - iii. Peguam Negara, Jabatan Peguam Negara (AGC);
 - iv. Ketua Polis Negara, Polis DiRaja Malaysia (PDRM)
 - v. Ketua Pesuruhjaya, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM);
 - vi. Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Kementerian Kewangan (MOF);
 - vii. Ketua Pengarah, Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional (NFCC);
 - viii. Gabenor, Bank Negara Malaysia (BNM); dan

NO SOALAN: 6

- ix. YBhg. Dato' Seri Dr. Awang Adek Hussin, Pengerusi Eksekutif Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC).
2. PPK 1MDB akan menjalankan fungsi dan tanggungjawab bagi memperkasakan dan menyelaraskan tindakan penguatkuasaan secara bersepadu dengan penglibatan agensi-agensi Kerajaan dan swasta bagi tujuan penjejakan dana atau aset yang terlibat dalam isu 1MDB dan membantu pihak Kerajaan bagi memulihkan (*recovery*) atau mendapatkan semula aset-aset berkenaan.
3. Tugas dan tanggungjawab utama PPK 1MDB adalah seperti yang berikut:
- i. Mengenal pasti transaksi kewangan dan dana syarikat kumpulan 1MDB dan sekutunya yang diseleweng;
 - ii. berkongsi maklumat yang berkaitan dengan ahli pasukan;
 - iii. mengatur strategi, pendekatan serta alternatif bagi memperoleh aset hasil dari penyelewengan oleh syarikat kumpulan 1MDB dan sekutunya;
 - iv. membina dan memupuk rangkaian hubungan dengan agensi penguat kuasa luar negara yang berkaitan;
 - v. memastikan tindakan yang diambil mengikut prosedur dan peruntukan undang-undang; dan
 - vi. menjaga nama baik dan menegakkan kedaulatan Malaysia.

NO SOALAN: 6

4. Proses untuk mendapatkan semula dana 1MDB sedang berjalan dan ia merupakan suatu proses yang rumit dan panjang yang boleh memakan masa bertahun lamanya. Ini kerana ia bukan sahaja melibatkan kerjasama di antara beberapa agensi tempatan dengan agensi asing daripada pelbagai negara, malahan ia turut melibatkan proses perundangan di mahkamah dan proses rundingan penyelesaian.
5. Oleh yang demikian, pihak PPK 1MDB kini telah dan sedang mengadakan kerjasama strategik dengan pelbagai pihak termasuk pihak berkuasa luar negara dalam mengambil tindakan penguatkuasaan undang-undang jenayah dan juga tindakan sivil terhadap individu-individu, entiti dan syarikat yang berkaitan serta mengadakan rundingan penyelesaian dengan pihak-pihak yang berkepentingan bagi mendapatkan kembali aset-aset 1MDB kepada Kerajaan mengikut lunas-lunas perundangan.
6. PPK 1MDB amat komited dalam meneruskan usaha-usaha memulihkan aset-aset 1MDB termasuk terhadap aset-aset yang berada di luar negara antaranya United Kingdom, USA, Switzerland, Luxembourg, Australia, Perancis dan negara-negara lain bagi mengembalikan kepercayaan dan integriti Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB DATO' KESAVADAS A/L
A.ACHYUTHAN NAIR

DATO' KESAVADAS A/L A.ACHYUTHAN NAIR minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan sejauh manakah penerimaan pasaran terhadap penjualan beras FELCRA Super Special Tempatan dan bagaimanakah pengeluaran beras tersebut berupaya menjadikan FELCRA sebagai antara entiti terpenting Kerajaan dalam meningkatkan keterjaminan bagi penghasilan beras tempatan menerusi kaedah penanaman padi yang efisyen dengan teknologi terkini.

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Di-pertua,

Sehingga kini, FELCRA Berhad senantiasa menyokong hasrat KKDW dalam memperjuangkan agenda Keterjaminan Makanan Nasional dalam meningkatkan kualiti hidup komuniti peserta dan kepentingan masyarakat desa terus dilindungi dari aspek ekonomi dan sosial maka FELCRA telah memasarkan beras FELCRA Super Special Tempatan bagi memenuhi keperluan makanan yang berkualiti dan mengurangkan kebertanggungan kepada eksport beras daripada luar negara.

Sejak dipasarkan pada bulan Mac 2023, jenama beras keluaran FELCRA tersebut telah memperolehi sambutan yang memberangsangkan dan menepati citarasa pengguna kerana kualitinya adalah setanding dengan produk-produk beras lain di pasaran.

Menerusi sambutan pengguna yang amat positif dan menggalakkan terhadap produk beras berkenaan menjadikan FELCRA di antara GLC terpenting Kerajaan dalam meningkatkan keterjaminan bagi penghasilan beras tempatan menerusi kaedah penanaman padi yang efisyen dengan teknologi terkini.

FELCRA telah mengaplikasi sepenuhnya pelbagai mekanisme dan teknologi terkini bagi melonjakkan kualiti dan kapasiti pengeluaran tanaman padi khususnya di estet padi FELCRA Seberang Perak, Perak menerusi tujuh (7) strategi utama seperti mana berikut;

NO SOALAN: 7

- i) Penggunaan ‘drone’ untuk kawalan perosak dan penyakit tanaman padi. Kaedah ini mempercepatkan proses kerja dan amat berkesan serta mengurangkan kos operasi projek.
- ii) Penggunaan ‘drone’ secara komprehensif dan besar-besaran dalam penaburan benih padi dan semasa operasi pembajaan.
- iii) Penggunaan klon variety benih pada terkini **MR 315** yang di perkenalkaan oleh pihak MARDI dan telah diaplikasi sepenuhnya dalam operasi di estet Padi FELCRA Seberang Perak.
- iv) Bagi memastikan keterjaminan pengeluaran dan penggunaan benih padi yang kondusif dan berkualiti maka inisiatif ini telah direalisasikan dan dilaksanakan menerusi operasi di Kilang Benih Padi FELCRA Seberang Perak.
- v) Penggunaan ‘optical sorter’ yang berfungsi sebagai alternatif bagi mengurangkan populasi ‘padi angin’ dan meningkatkan kualiti biji benih padi.
- vi) Pemantauan status tanah dengan mekanisme ‘soil profiling’ yang dilaksanakan setiap tahun yang berupaya untuk meningkatkan kesuburan tanah dan mampu meningkatkan pengeluaran tuaian padi serta mengelakkan pembaziran penggunaan baja.
- vii) Menaiktaraf kemudahan pengairan (tersier) secara berkala telah memberikan impak yang besar dalam operasi pengurusan air bagi tanaman padi agar lebih sistematik dan efisyen.

NO SOALAN: 7

Berdasarkan inisiatif-inisiatif di atas, trend penghasilan padi telah menunjukkan impak yang amat baik. Anggaran hasil tuaian padi untuk satu musim di sawah Padi FELCRA Seberang Perak (3264 Hektar) ialah sebanyak 15,000 MT atau bersamaan 30,000 MT setahun. Setelah padi yang dituai diproses, beras yang dihasilkan adalah dalam anggaran 9,000 MT untuk satu musim.

Setelah melalui beberapa proses, beras yang dihasilkan akan dibungkus atau dikampitkan dalam bentuk pembungkusan 5kg sekampit. Adalah dianggarkan sebanyak 1.8 juta kampit beras @ 5kg akan diedarkan ke dalam pasaran beras tempatan untuk semusim.

Setakat ini FELCRA Berhad telah melantik Koperasi Peserta-Peserta Rancangan (KPR) FELCRA Seberang Perak dan anak syarikat FELCRA Bekalan & Perkhidmatan Sdn Bhd sebagai entiti yang bertanggungjawab untuk pengedaran dan pemasaran Beras FELCRA Super Special Tempatan di pasaran.

Namun demikian, disebabkan faktor lokaliti bagi penghasilan beras ini iaitu di Seberang Perak, maka mandat utama bagi pengedaran beras 5kg ini ialah untuk memenuhi keperluan bagi komuniti peserta FELCRA Seberang Perak khususnya dan Peserta FELCRA di seluruh negara amnya. Ini sudah semestinya memberikan impak terhadap keterjaminan pembekalan beras berkualiti yang konsisten hasil daripada aktiviti estet padi di kawasan tersebut.

FELCRA Berhad mempunyai lebih kurang **156** Koperasi Peserta-Peserta Rancangan (KPR) FELCRA yang dianggotai oleh 8,000 orang ahli di seluruh Malaysia. FELCRA juga mempunyai sejumlah 107,130

NO SOALAN: 7

Peserta di seluruh Malaysia. FELCRA Berhad juga mengamalkan kaedah Smart Sawah Berskala Besar (SSBB) yang merupakan inisiatif dari Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS) supaya tanah sawah dapat diuruskan secara bersepadu serta mengoptimumkan penggunaan sumber dan meningkatkan kecekapan aktiviti penanaman dan pengeluaran hasil selepas penuaian. Ini termasuklah penggunaan jentera dan teknologi pertanian moden IOT dalam pengurusan benih padi, baja dan racun. Ini akan memberi impak kepada pendapatan golongan sasar iaitu pesawah dan juga warga peserta Felcra.

Kejayaan FELCRA Berhad di dalam menguruskan estet padi berskala besar di Seberang Perak ini secara komersial telah membuka peluang kepada FELCRA Berhad untuk diberi mandat tambahan oleh Kerajaan Malaysia di dalam segmen sekuriti makanan negara di mana FELCRA Berhad telah diamanahkan untuk mengurus lebih kurang 15,000 Hektar tanah bagi aktiviti estet padi di negeri Sabah dan Sarawak.

Pihak Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) di bawah seliaan YAB TPM telah memulakan siri rundingan bersama kepimpinan tertinggi Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak dan disusuli dengan beberapa siri perbincangan teknikal di antara pihak FELCRA Berhad serta beberapa Agensi Pusat dan Negeri bagi memastikan mandat Kerajaan Persekutuan dapat dilaksanakan dalam waktu terdekat.

NO SOALAN: 7

Selaras dengan itu, produk beras FELCRA Super Special Tempatan keluaran FELCRA Berhad akan terus diperkasakan menerusi pemantapan strategi pengurusan tanaman secara sistematik dengan menggunakan sepenuhnya mekanisme dan teknologi (IoT) untuk memperluaskan segmen dan skop pasaran produk beras berkenaan dalam skala komersial.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB DATO' KESAVADAS A/L
A.ACHYUTHAN NAIR

DATO' KESAVADAS A/L A.ACHYUTHAN NAIR minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan agenda pembangunan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) yang sedang direncanakan bagi meningkatkan mutu penyampaian pengajaran dan pembelajaran TVET di setiap sekolah menengah teknik sejajar dengan usaha Kerajaan untuk memadankan lepasan-lepasan TVET dengan bidang-bidang kerja yang ditawarkan dalam sektor swasta.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) komited dalam menyediakan program yang ditawarkan di sekolah menengah teknik (SMT) berpadanan dengan permintaan sektor pekerjaan terkini terutamanya di sektor swasta.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kurikulum yang dilaksanakan di SMT ialah Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM). KSSM menekankan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dengan memberi fokus kepada pendekatan pembelajaran berasaskan inkiri dan pembelajaran berasaskan projek agar murid dapat menguasai kemahiran yang diperlukan dalam abad ke-21. Pendekatan pengajaran dan pembelajaran (PdP) juga diselaraskan dengan perkembangan teknologi dalam industri bagi melengkapkan murid dengan kemahiran asas yang diperlukan bagi mendepani cabaran Revolusi Industri (IR) serta memenuhi keperluan tenaga kerja industri untuk memacu ekonomi Malaysia.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, SMT menawarkan pakej mata pelajaran elektif teknikal (MPET) yang berfokus kepada bidang kejuruteraan seperti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik, Kejuruteraan Mekanikal, Kejuruteraan Awam dan Lukisan Kejuruteraan. SMT juga menawarkan pakej mata pelajaran Pengajian Keusahawanan, Prinsip Perakaunan dan Pertanian. Kesemua kurikulum mata pelajaran ini telah dipetakan dengan kursus di universiti awam (UA) bagi menyediakan murid SMT untuk menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi.

NO SOALAN: 08

Di samping itu, MPET juga dapat mendedahkan murid kepada pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan sebagai persediaan menjadi tenaga kerja profesional seperti jurutera, arkitek dan lain-lain pada masa hadapan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebanyak 97.59 peratus murid SMT yang mengambil Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun 2021 menyambung pengajian ke peringkat matrikulasi/ asasi dan diploma. Perincian adalah seperti berikut berikut:

BIL	NAMA SEKOLAH MENENGAH TEKNIK (SMT)	PERATUS
1.	SMT KUALA LUMPUR, WP KUALA LUMPUR	98.75%
2.	SMT TUANKU JAAFAR, NEGERI SEMBILAN	96.90%
3.	SMT MELAKA, MELAKA	99.30%
4.	SMT JOHOR BAHRU, JOHOR	100%
5.	SMT TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA, PULAU PINANG	95.00%
6.	SMT ALOR SETAR, KEDAH	99.02%
7.	SMT KUANTAN, PAHANG	97.96%
8.	SMT TERENGGANU, TERENGGANU	98.40%
9.	SMT SEJINGKAT, SARAWAK	93.00%
	JUMLAH	97.59%

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB DATO' KESAVADAS A/L
A.ACHYUTHAN NAIR

DATO' KESAVADAS A/L A.ACHYUTHAN NAIR minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan pelan tindakan anti-godam yang telah distrukturkan bersama Bank Negara Malaysia (BNM) ke arah mewujudkan ekosistem perbankan dalam talian yang benar-benar selamat daripada sebarang anasir yang memanipulasikan data peribadi dan maklumat perbankan untuk memindahkan wang pengguna secara senyap menerusi akaun proksi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Penggodaman tidak berada secara khusus di bawah bidang kuasa Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD). Namun demikian, kerjasama erat antara KKD melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dan CyberSecurity Malaysia (CSM) dengan agensi penguatkuasaan yang lain termasuklah BNM, telah sedia terjalin di dalam menangani ancaman salah guna kemudahan rangkaian, termasuklah aktiviti penipuan dan pencurian maklumat.

Dalam hal ini, tindakan SKMM dan CSM adalah bercorak bantuan teknikal bagi membantu agensi-agensi penguatkuasa yang berkenaan. Sebagai contoh, mana-mana aduan awam yang berkaitan penipuan akan dirujuk kepada agensi penguatkuasaan yang berkaitan samada BNM, Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) untuk perhatian lanjut serta tindakan di bawah bidang kuasa agensi yang berkenaan, tertakluk kepada bentuk aktiviti penipuan yang dijalankan. Bagi industri kewangan, Bank Negara Malaysia (BNM) telah menetapkan keperluan untuk semua bank memastikan tahap keselamatan perkhidmatan perbankan atas talian berada pada tahap tertinggi setiap masa. Selain itu, semua bank juga dikehendaki menilai keberkesanan langkah-langkah yang diambil secara berterusan dan mengambil tindakan proaktif bagi menangani sebarang ancaman keselamatan yang mampu menyebabkan kerugian terhadap pelanggan mereka.

Secara khususnya, bagi menangani masalah penipuan atas talian ini, BNM telah menganjurkan semua bank untuk mengambil langkah-langkah pencegahan tambahan seperti berikut:

- (i) mempercepatkan peralihan daripada penghantaran kata laluan sekali sahaja (*One Time Password - OTP*) melalui sistem pesanan ringkas (atau SMS) kepada kaedah pengesahan yang lebih kukuh bagi transaksi dalam talian yang berkaitan dengan pembukaan akaun, pemindahan dana dan pembayaran serta pertukaran maklumat peribadi dan penetapan akaun (*account settings*);
- (ii) memperketat peraturan pengesahan penipuan dan sekat transaksi yang disyaki terlibat dengan aktiviti penipuan kewangan;
- (iii) mengenakan tempoh bertenang (*cooling-off period*) untuk pendaftaran kali pertama bagi perkhidmatan perbankan dalam talian atau peranti yang selamat (*secure device*);
- (iv) mengehadkan pelanggan kepada hanya satu peranti sahaja untuk pengesahan transaksi perbankan dalam talian; dan
- (v) menyediakan talian *hotline* khusus untuk pelanggan melaporkan kes penipuan dalam talian melibatkan akaun bank mereka dan meningkatkan tahap respon ke atas laporan yang dibuat.

Seperti yang telah dimaklumkan melalui ucapan Bajet 2023, BNM juga sedang menguatkuasakan mekanisma “*kill switch*” ke atas industri perbankan untuk membolehkan pelanggan membekukan akaun bank mereka termasuk kad ATM dengan segera. Dengan mekanisma ini, mangsa jenayah penipuan dapat bertindak dengan menyekat aliran wang daripada terus keluar daripada akaun mereka.

NO SOALAN: 9

KKD akan terus menjalin kerjasama erat bersama BNM dalam usaha untuk menangani ancaman salah guna kemudahan rangkaian seterusnya menyediakan ekosistem perbankan dalam talian yang selamat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB DATO' KESAVADAS A/L
A.ACHYUTHAN NAIR

DATO' KESAVADAS A/L A.ACHYUTHAN NAIR minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan justifikasi terhadap penyediaan peruntukan pembangunan bagi Agensi Kawalan Sempadan (AKSEM) bagi tahun 2023 sedangkan kedua-dua Majlis Parlimen telah meluluskan Rang Undang-undang (Pemansuhan) Akta Agensi Kawalan Sempadan (AKSEM) 2017 yang menggariskan pemusatan kuasa penuh kepada PDRM untuk mengawal sempadan negara.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Berhubung isu penyediaan peruntukan pembangunan Agensi Kawalan Sempadan (AKSEM) bagi tahun 2023, terdapat satu projek pembangunan di bawah AKSEM yang telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe11) pada tahun 2020 iaitu Projek Pembangunan Kuarters Padang Besar, Perlis. Setelah AKSEM diserahkan kepada PDRM, tajuk butiran peruntukan bagi projek tersebut masih dikekalkan tetapi telah diletakkan di bawah PDRM untuk meneruskan rancangan pembangunan tersebut bagi menampung keperluan penugasan dan menjaga kebajikan anggota PGA yang bertugas mengawal keselamatan sempadan negara. Selain itu, penyerahan aset tak alih AKSEM kepada PGA, PDRM juga turut melibatkan kontrak (perkhidmatan) sedia ada dan masih diteruskan serta berkuatkuasa sehingga tamat tempoh kontrak.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB TUAN AMIR BIN MD GHAZALI

TUAN AMIR BIN MD GHAZALI minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah jenis program efektif yang telah dirancang oleh pihak Kerajaan untuk membendung gejala najis dadah dalam kalangan belia remaja dan orang dewasa.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Dalam Negeri melalui Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) melaksanakan program pencegahan penyalahgunaan dadah berdasarkan Model i-Cegah AADK yang meliputi aspek kesedaran awam dan aspek pendidikan pencegahan menggunakan pendekatan umum, selektif dan bersasar. Program kesedaran awam dijalankan melalui **Kempen Lebih Baik Cegah AADK** sebagai pendekatan umum dalam usaha membanteras gejala dadah di kalangan masyarakat di negeri ini.

Selain itu, AADK juga melaksanakan pendekatan bersasar melalui beberapa program bagi menangani masalah penyalahgunaan dadah, antaranya **Program Penghijauan Kawasan Berisiko Tinggi Penagihan Dadah (KBT)**. Sebanyak 155 buah KBT telah dikenal pasti sebagai kawasan tumpuan masalah penagihan dadah di seluruh negara yang disasarkan untuk dihijaukan menjelang tahun 2025.

Bagi pendekatan secara selektif pula, AADK melaksanakan program mengikut kumpulan sasar seperti berikut:

- i. Program Intelek Asuhan Rohani (PINTAR) untuk murid-murid sekolah rendah;
- ii. Program Kem Sayangi Hidup Elak Dadah Selamanya (SHIELDS) untuk pelajar sekolah menengah;
- iii. Program *Tomorrow Leader* untuk pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam/Swasta (IPTA/IPTS);
- iv. Program *Family On Alert* (FOA) untuk ibubapa dan keluarga;

NO SOALAN: 11

- v. Program Sukses, Matang, Aktif, Rasional, Tanggungjawab (SMART) untuk para belia; dan
- vi. Program *Community Empowerment* dan Tempat Kerja Bebas Dadah (TEKAD) untuk majikan dan pekerja.

Bagi menggalakkan penglibatan belia dalam program kesukarelawanan, AADK mewujudkan Skuad Antidadah untuk belia bersama-sama melaksanakan program pencegahan dadah serta bertindak sebagai agen penyaluran maklumat dan mempromosi perkhidmatan AADK.

Pada masa yang sama, usaha pemantauan berterusan juga turut dilaksanakan melalui aktiviti “*Omnipresence*” oleh pegawai AADK.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB TUAN AMIR BIN MD GHAZALI**

TUAN AMIR BIN MD GHAZALI minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah tindakan yang boleh diambil oleh pihak Kementerian untuk membantu peniaga kecil yang menghadapi masalah serta menanggung kerugian akibat berlakunya kecuaian daripada pihak pemaju yang menyebabkan mereka tidak dapat bermiaga di premis tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) cakna akan kebajikan dan keperluan golongan penjaja dan peniaga kecil serta sentiasa berusaha menyalurkan pelbagai jenis bantuan mengikut keperluan mereka.
2. Bagi peniaga kecil yang menghadapi masalah berkaitan kewangan untuk menjalankan aktiviti perniagaan, Kementerian melalui Bank Rakyat telah menyediakan **pembiayaan mikro kredit** untuk membantu peniaga kecil yang menghadapi masalah tersebut. Bagi pelanggan sedia ada pula, Bank Rakyat menyediakan **bantuan penstrukturran atau penjadualan semula pembiayaan** untuk peniaga kecil yang terjejas bagi mengurangkan beban mereka.
3. TEKUN Nasional juga boleh mempertimbangkan **kelonggaran pembayaran seperti penangguhan atau pengurangan bayaran bulanan** bagi meringankan beban peniaga kecil yang berhadapan masalah kerugian dan tidak dapat menjalankan perniagaan. Selain itu, TEKUN Nasional menawarkan pembiayaan sehingga RM100,000 bergantung kepada kelayakan pemohon bagi usahawan yang memerlukan bantuan kewangan untuk memulakan semula perniagaan.

NO SOALAN: 12

4. Di samping itu, KUSKOP juga bersedia untuk **menjadi fasilitator** dalam membantu menyelesaikan isu-isu yang melibatkan penjaja dan peniaga kecil, melalui perbincangan bersama pemaju terlibat dengan Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) atau Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB TUAN AMIR BIN MD GHAZALI

TUAN AMIR BIN MD GHAZALI minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah faktor-faktor yang menyebabkan boleh terjadinya penyakit Strok Haba. Sejauh manakah usaha pihak Kementerian dalam menangani isu kesihatan awam yang kini terdedah dengan keadaan cuaca panas luar biasa dan adakah fenomena strok haba ini akan berlaku dalam tempoh yang lama.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Faktor-faktor yang menyebabkan boleh terjadinya penyakit Strok Haba adalah:

- i. Pendedahan kepada cuaca panas dalam tempoh yang lama dan berterusan;
- ii. Melakukan aktiviti fizikal semasa cuaca panas;
- iii. Kurang minum air yang menyebabkan dehidrasi badan.

2. Faktor umur dan tahap kesihatan individu juga boleh meningkatkan risiko kejadian strok haba apabila mereka terdedah kepada cuaca panas. Golongan warga emas, kanak-kanak dan mereka yang mempunyai penyakit kronik mempunyai risiko yang lebih tinggi berbanding orang dewasa yang sihat.

3. Bagi menangani isu kesihatan awam semasa cuaca panas luar biasa, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah mengaktifkan Pelan Tindakan Kesiapsiagaan Kementerian Kesihatan Malaysia Bagi Menghadapi Monsun Barat Daya dan Fenomena El Nino 2023. Kesiapsiagaan merangkumi semua aspek seperti berikut:

- i. Memperkuuh aktiviti pencegahan, kawalan dan pemantauan penyakit berkaitan cuaca panas (termasuk strok haba) dan jerebu serta penyakit-penyakit yang sensitif kepada perubahan cuaca dan kekurangan bekalan air bersih seperti penyakit bawaan vektor khususnya denggi, penyakit bawaan makanan

- dan air (keracunan makanan, tifoid, acute gastroenteritis (AGE) dan lain-lain);
- ii. Meningkatkan aktiviti advokasi dan komunikasi risiko bagi memberi kesedaran kepada masyarakat berkaitan kesan kesihatan akibat pendedahan kepada *hazard* kesihatan semasa Monsun Barat Daya dan El Nino serta langkah-langkah pencegahan yang perlu diambil;
 - iii. Memperkuuh aktiviti perawatan di klinik kesihatan dan hospital bagi mengesan dan merawat kes dengan berkesan. Ini termasuklah memastikan anggota sentiasa peka dan diberi latihan, memastikan bekalan ubat-ubatan dan peralatan yang mencukupi bagi tujuan perawatan pesakit;
 - iv. Memastikan bekalan air bersih di fasiliti kesihatan mencukupi bagi menjamin kesinambungan perkhidmatan dan memantau kualiti air minum bagi memastikan kualiti air minum masyarakat terjamin;
 - v. Memastikan sistem penyaman udara dan pengudaraan sedia ada di fasiliti kesihatan berada dalam keadaan baik dan berfungsi. Langkah-langkah kontigensi juga perlu bagi memastikan fasiliti yang tidak mempunyai pengudaraan yang baik dan panas dapat diatasi;
 - vi. Mengemas kini dan mengeluarkan garis panduan bagi menangani Monsun Barat Daya dan El Nino.

NO SOALAN: 13

- vii. Meningkatkan kerjasama antara agensi bagi memastikan semua perkara di atas berjalan dengan baik.

Tuan Yang di-Pertua,

4. MetMalaysia telah melaporkan situasi Monsun Barat Daya dan Fenomena EL Nino dijangkakan akan berlanjutan sehingga September 2023. Ini bermakna situasi cuaca panas yang tidak menentu boleh berterusan sehingga waktu tersebut. Oleh itu, Pelan Tindakan Kesiapsiagaan Kementerian Kesihatan Malaysia Bagi Menghadapi Monsun Barat Daya dan Fenomena El Nino 2023 akan terus diaktifkan di sepanjang tempoh tersebut.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB TUAN AMIR BIN MD GHAZALI**

TUAN AMIR BIN MD GHAZALI minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat untuk memberi nafas baharu atau menaik taraf status Ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) contohnya seperti Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) dalam Kerajaan Perpaduan di bawah peruntukan Kementerian seperti mewujudkan semula khidmat anggota rondaan secara sukarela bagi memastikan tahap kawalan keselamatan penduduk dilindungi daripada berlakunya jenayah atau kejadian pecah rumah.

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat, sejak dahulu lagi Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) / Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JPKKP) sememangnya mempunyai salah satu peranan untuk menjaga keselamatan penduduk setempat dan kawasan kampung. Fungsi JPKK / JPKKP ini telah diperkenas sejak tahun 1975 oleh Majlis Keselamatan Negara melalui arahan Rukun Tetangga dan Rancangan Perhubungan Masyarakat pada ketika itu.

Dalam keanggotaan JPKK / JPKKP telah diwujudkan jawatan Biro Keselamatan dan Kesihatan yang bertanggungjawab dalam memastikan keselamatan dan kesihatan penduduk. Antara lain tugas biro ini adalah menyediakan pelan keselamatan kampung termasuk melaksanakan rondaan dan menubuhkan pasukan banteras jenayah, mengawal selia harta awam di kampung serta membantu agensi Kerajaan yang berkaitan dalam menjalankan kegiatan khidmat nasihat dan penguatkuasaan undang-undang.

Menyedari akan tanggungjawab JPKK / JPKKP sebagai pihak yang berada di barisan hadapan dan sentiasa menjadi pihak pertama yang berhadapan dengan pelbagai isu seperti bencana dan banjir, pihak Kementerian ini akan sentiasa memastikan anggota JPKK / JPKKP ini menerima latihan dan diberikan pendedahan berkaitan ilmu keselamatan supaya dapat membantu pihak berkuasa untuk melindungi keselamatan penduduk setempat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB TUAN AMIR BIN MD GHAZALI

TUAN AMIR BIN MD GHAZALI minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah konsep pelaksanaan Program Komuniti Sejahtera (PKS) yang hendak dilaksanakan oleh kementerian ini dan sejauh manakah tahap kefahaman terhadap konsep baharu yang diperkenalkan dapat diterima baik oleh penduduk di luar bandar.

JAWAPAN

Program Komuniti Sejahtera (PKS) merupakan program di bawah Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) yang telah mula dilaksanakan pada tahun 2021 di bawah Rancangan Malaysia Ke Dua Belas (RMKe-12).

PKS merupakan program yang memberikan bantuan kewangan dalam bentuk pulangan dividen dan perkongsian keuntungan kepada kumpulan sasar (peserta pasif yang uzur dan warga emas) dalam pelbagai sektor ekonomi seperti aktiviti perkhidmatan, perusahaan sumber asas tani/perikanan dan penternakan dan aktiviti perusahaan kecil.

Sepanjang tempoh program ini dilaksanakan seramai 380 orang peserta dalam kalangan penduduk luar bandar telah menerima bantuan dalam bentuk dividen yang diagihkan mengikut kepada tempoh kontrak yang telah ditetapkan di bawah program.

Bagi tempoh 2021 hingga 2022, peruntukan yang telah dibelanjakan untuk pelaksanaan PKS adalah berjumlah RM4 juta. Pada tahun 2023, KKDw telah memperuntukan sebanyak RM2 juta bagi pelaksanaan PKS dan akan terus melaksanakan program hebahan melalui agensi-agensi di bawah kementerian ini dalam usaha untuk meningkatkan pendapatan keluarga serta meningkatkan taraf hidup seterusnya mengeluarkan peserta daripada belenggu kemiskinan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB DATUK TEO ENG TEE @ TEO KOK
CHEE**

DATUK TEO ENG TEE @ TEO KOK CHEE minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan dengan merujuk kepada kenyataan NRECC bahawa Malaysia mempunyai kebarangkalian untuk berlaku gempa bumi, adakah Kementerian telah menyemak kod pembinaan bangunan dan mengambil kira piawaian tahan gempa / standard mitigasi dalam mengelakkan sebarang potensi bencana.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia) telah menerbitkan Garis Panduan Perancangan (GPP) Pembangunan dan Pengurusan di Kawasan Berisiko Bencana Gempa Bumi pada tahun 2018. Garis panduan ini berfungsi sebagai rujukan kepada kerajaan negeri, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), agensi pelaksana dan pemaju dalam merancang pembangunan dan merangka langkah-langkah kawalan di kawasan berisiko bencana gempa bumi.

Melalui GPP ini, penyediaan Peta Risiko Bencana yang mengintegrasikan peta kawasan garis sesar aktif dengan peta cadangan pembangunan adalah sangat diperlukan dalam kajian Rancangan Tempatan (RT) khususnya di kawasan-kawasan yang dikenal pasti berisiko bencana gempa bumi. Ini bagi mengurangkan risiko bencana di kawasan-kawasan berhampiran garis sesar gempa bumi. Sebagai contoh, RT Daerah Bentong di Pahang yang telah mengenal pasti garis sesar aktif diambil kira dalam merangka cadangan pembangunan guna tanah kawasan petempatan di Bukit Tinggi, Daerah Bentong.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG) telah menyediakan Peta Bahaya Gempa Bumi yang menunjukkan kawasan-kawasan yang dikenal pasti berisiko gempa bumi. Peta garis sesar pula, menunjukkan suatu garisan sesar gempa bumi yang melalui kawasan tertentu dan telah direkod sejak dahulu lagi.

NO SOALAN: 16

Dalam aspek pembinaan bangunan pula, terdapat sembilan (9) *Eurocodes* yang diguna pakai sebagai asas untuk mereka bentuk dan mendirikan sesebuah bangunan di mana salah satunya adalah *Eurocode 8* (ENV 1998) yang mengkhususkan reka bentuk struktur bangunan yang berdaya tahan terhadap gempa bumi.

Jabatan Standards Malaysia juga telah menerbitkan *Malaysia National Annex to Eurocode 8: Design Of Structures For Earthquake Resistance - Part 1: General Rules, Seismic Actions And Rules For Buildings* untuk diguna pakai di Malaysia. Umumnya, *Malaysia National Annex* ini telah disesuaikan dalam industri pembinaan bangunan dengan mengambil kira tahap daya tahan gempa bumi seperti jenis tanah-tanah, nilai *Peak Ground Acceleration* (PGA), nilai kecerunan, nilai ketebalan tanah, jenis struktur bangunan dan lain-lain.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB DATUK TEO ENG TEE @ TEO KOK
CHEE

DATUK TEO ENG TEE @ TEO KOK CHEE minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bahawa mereka yang berada di pertengahan kerjaya dalam sektor swasta yang ingin menyertai perkhidmatan awam terpaksa bermula dari gred asas walaupun mempunyai pengalaman dan pendidikan tinggi yang berkaitan, perkara ini menghalang bakat tempatan daripada menyumbang kepada sistem perkhidmatan awam. Adakah Kerajaan bersetuju untuk mencontohi negara jiran yang membenarkan bakat pertengahan kerjaya yang mempunyai kemahiran berkaitan untuk menyertai perkhidmatan awam pada gred gaji yang setaraf dengannya.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YB DATUK ARMIZAN MOHD ALI,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(HAL EHWAL SABAH, SARAWAK DAN TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat Dan Penamatan Perkhidmatan) 2012 [P.U. (A) 1/2012] telah memperuntukkan bahawa semua pelantikan ke dalam perkhidmatan awam Persekutuan hendaklah dilaksanakan berdasarkan syarat-syarat yang dinyatakan dalam skim perkhidmatan.

2. Dimaklumkan bahawa sememangnya terdapat skim perkhidmatan yang meletakkan syarat kelayakan masuk Ijazah Sarjana Muda Kepujian dan mengambil kira pengalaman calon untuk dilantik ke Gred lebih tinggi berbanding tahap kemasukan biasa Gred 41 bagi pegawai kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&P). Sebagai contoh skim perkhidmatan Pegawai Penyelidik yang menetapkan kelayakan lantikan masuk ke Gred Q43, Q47, Q51 atau Q53 berdasarkan syarat-syarat yang ditetapkan. Selain itu, skim perkhidmatan Pensyarah Perubatan turut membenarkan pelantikan ke Gred DU51, DU53 (Profesor Madya) dan Gred Khas C (Profesor) berdasarkan syarat-syarat yang ditetapkan.

NO SOALAN: 17

3. Skim perkhidmatan lain yang turut memperuntukkan pelantikan masuk seumpama itu adalah:
- i. Pensyarah Universiti;
 - ii. Pensyarah Pergigian;
 - iii. Pensyarah Farmasi;
 - iv. Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi;
 - v. Pegawai Latihan Vokasional;
 - vi. Penerbit Rancangan;
 - vii. Pegawai Kebudayaan;
 - viii. Ahli Muzik; dan
 - ix. Pereka.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB DATUK TEO ENG TEE @ TEO KOK
CHEE

DATUK TEO ENG TEE @ TEO KOK CHEE minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah mekanisme yang digunakan oleh Kementerian dalam meneliti tahap kepuasan bekerja (termasuk tekanan kerja) dalam kalangan guru, dan apakah langkah susulan yang diambil oleh Kementerian dalam mengurangkan beban pentadbiran daripada tenaga pengajar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa mengambil langkah proaktif dalam mencari penyelesaian terbaik untuk menjamin kesejahteraan guru agar kekal bermotivasi sepanjang perkhidmatan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM telah menjalankan Program Meningkatkan Kesejahteraan Psikologi Guru dibawah #111 Pemantapan Profesionalisme PPP bermula pada tahun 2021. Program ini mensasarkan agar guru mencapai kesejahteraan diri sekurang-kurangnya tahap sederhana tinggi yang diukur menggunakan Inventori Kesejahteraan Psikologi (IKPsi). Program ini akan dijalankan sehingga tahun 2025 dengan sasaran 100 peratus guru mempunyai profil kesejahteraan psikologi.

Selain itu, berdasarkan inisiatif 7 Teras Utama Nadi Keunggulan KPM yang diperkenalkan, KPM memberi perhatian kepada isu kebajikan guru di bawah Teras 5: Kebajikan Guru Sebagai Teras Keberkesanan Penyampaian Pendidikan. Sehubungan dengan itu, KPM telah melaksanakan langkah-langkah seperti yang berikut:

- i. mengeluarkan pemakluman Pemansuhan Pertandingan, Sambutan atau Majlis di Semua Peringkat yang Tidak Memberi Impak Besar Terhadap Pembelajaran Murid di Sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia bertarikh 15 Mac 2023;

NO SOALAN: 18

- ii. mengeluarkan Pemakluman Pelaksanaan Penilaian Kendiri Sekolah Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Tahun 2023 bertarikh 3 Mac 2023;
- iii. mengeluarkan pemakluman Perekodan Waktu Kehadiran Murid dalam Sistem Kehadiran Murid (eKehadiran) Sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia bertarikh 13 Mac 2023;
- iv. mengeluarkan pemakluman Pelantikan Pengawas Peperiksaan Awam Kendalian Lembaga Peperiksaan pada 15 Mac 2023;
- v. mengeluarkan Pemakluman Berhubung Pelaksanaan Sambutan Hari Guru Tahunan Peringkat Kebangsaan dan Sekolah bertarikh 15 Mac 2023;
- vi. mengeluarkan Pemakluman Terhadap Pematuhan Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 3 Tahun 1999: Penyediaan Rekod Pengajaran dan Pembelajaran bertarikh 3 Mac 2023; dan
- vii. mengeluarkan pemakluman Autonomi Guru dalam Perancangan dan Pelaksanaan Proses Pembelajaran dan Pengajaran di dalam Bilik Darjah bertarikh 20 Mac 2023.

Selain inisiatif Teras 5 yang dilaksanakan oleh KPM bagi mengurangkan beban tugas guru, KPM telah mengumumkan sepuluh perkara yang ditambah baik untuk memperkasa kebajikan guru. Antara perkara yang secara langsung dapat mengurangkan tugas guru adalah dengan memperkasa pengurusan pengambilan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan agar kekosongan di sekolah dapat dipenuhi dengan segera. KPM akan terus memastikan keperluan guru dipenuhi melalui pengisian kekosongan perjawatan guru di sekolah agar pengajaran dan pembelajaran dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

NO SOALAN: 18

Di samping itu, KPM juga berusaha meminimumkan tugas pengurusan dan pentadbiran bukan profesional dengan mengoptimumkan pengisian kekosongan perjawatan Anggota Kumpulan Pelaksana (AKP) berdasarkan kelulusan kuota pengisian agensi pusat (JPA) serta bekalan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM telah menyemak semula tugas dan tanggungjawab guru dengan melaksanakan penambahbaikan ke atas fungsi pengurusan di sekolah melalui pewujudan Modul Tadbir Urus Sekolah (MySG) yang diperkenalkan pada tahun 2021. MySG menjelaskan dengan lebih terperinci empat komponen pengurusan sekolah, iaitu Pengurusan dan Pentadbiran, Kurikulum, Hal Ehwal Murid dan Kokurikulum.

KPM turut mengadakan perbincangan berterusan dengan pihak berkepentingan termasuk Majlis Penasihat Pendidikan Kebangsaan (MPPK), Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Malaysia (NUTP), Majlis Pengetua Sekolah Malaysia (MPSM) dan Majlis Guru Besar (MGB) bagi mendapatkan maklum balas untuk menentukan perancangan KPM dalam mengatasi isu beban tugas guru.

KPM komited untuk memastikan kesejahteraan guru diutamakan melalui pelaksanaan usaha yang berterusan dalam mengurangkan beban tugas guru.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB DATUK TEO ENG TEE @ TEO KOK
CHEE

DATUK TEO ENG TEE @ TEO KOK CHEE minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan sejauh manakah Kerajaan bersedia untuk mencapai kadar penggunaan tenaga boleh diperbaharui yang tinggi, memandangkan rizab petroleum Malaysia untuk sumber minyak dan gas dijangka hanya bertahan selama 15 tahun lagi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Kerajaan telah menetapkan komitmen baharu untuk meningkatkan campuran kapasiti Tenaga Boleh Baharu (TBB) dalam pembekalan elektrik negara daripada 25% pada masa ini kepada 70% pada tahun 2050. Komitmen ini telah diambil setelah mengambil kira perkembangan tren semasa dunia yang menitikberatkan agenda rendah karbon di sepanjang rantaian nilai ekonomi, serta rizab bahan api gas yang semakin berkurangan di dalam negara.
2. Oleh itu, komitmen baharu TBB ini merupakan langkah awal dan proaktif Kerajaan untuk terus menyediakan sistem bekalan elektrik yang berdaya harap, mampu milik dan mampan untuk rakyat negara ini. Bagi memastikan komitmen dan sasaran ini tercapai, Kementerian saya akan melaksanakan inisiatif-inisiatif berikut:
 - a. menggalakkan pemasangan sistem rooftop solar dan sebagai permulaan di bangunan kerajaan;
 - b. menggalakkan penerokaan sistem solar atas kawasan brownfield seperti empangan dan tasik terbiar untuk mengelakkan tebus guna tanah yang boleh digunakan untuk tujuan lain;

NO SOALAN: 19

- c. menyediakan akses kepada syarikat-syarikat korporat untuk mendapatkan bekalan elektrik secara langsung daripada pemaju loji jana kuasa TBB;
 - d. merancakkan pembangunan sumber TBB bukan solar seperti hidro, biojisim dan biogas;
 - e. menerokai sambung tara dengan negara-negara jiran bagi meningkatkan lagi keanjalan sistem grid untuk kemasukkan TBB yang lebih tinggi; dan
 - f. mengukuhkan sistem rangkaian grid bagi membolehkan penyambungan dan kemasukkan TBB.
3. Dengan pelaksanaan inisiatif-inisiatif ini, Kerajaan yakin bahawa komitmen yang ditetapkan ini boleh dicapai.

Sekian, terima kasih

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB DATUK TEO ENG TEE @ TEO KOK
CHEE

DATUK TEO ENG TEE @ TEO KOK CHEE minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah rumah Residensi Wilayah yang telah dibina bagi tahun 2022 hingga kini, termasuk projek baru yang bakal dibina bagi tahun semasa. Jelaskan kadar permohonan dan kelulusan. Mohon pengurusan Residensi Wilayah untuk menetapkan keluasan sesebuah rumah kepada standard sekurang-kurangnya 1,000kps.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) melalui program Residensi Wilayah (RW) telah mensasarkan pembinaan sebanyak 80,000 unit Rumah Mampu Milik (RMM) di Wilayah Persekutuan dalam tempoh 10 tahun, iaitu mulai 2018 hingga 2028. Pencapaian bagi jumlah unit yang telah siap dibina dari 1 Januari 2022 sehingga 31 Mei 2023 adalah sebanyak 4,199 unit, melibatkan sejumlah lapan (8) projek di sekitar Kuala Lumpur.
2. Dalam tempoh yang sama, sebanyak 10,702 unit yang melibatkan 10 projek, termasuklah dua (2) projek RW yang didaftarkan pada tahun 2023, sedang giat dalam pembinaan, dan dijangka siap antara penghujung tahun 2023 hingga 2026.
3. Bagi projek-projek yang sedang dalam pembinaan, sejak 1 Januari 2022 sehingga 31 Mei 2023, JWP telah menerima sebanyak 8,415 permohonan yang memenuhi syarat dan layak dipertimbangkan. Bagaimanapun daripada jumlah tersebut sebanyak 4,853 permohonan yang telah diluluskan dan unit RW telahpun ditawarkan kepada pemohon-pemohon yang lulus. Sebanyak 3,562 tidak diluluskan kerana, antara lain, pemohon gagal mendapat pembiayaan dan terdapat juga yang telah menolak unit yang ditawarkan.

NO SOALAN: 20

5. Keluasan minimum rumah RW yang ditetapkan dalam Dasar RW adalah 800 kaki persegi (kps) setelah mengambil kira kebolehlaksanaan di Wilayah Persekutuan terutamanya di Kuala Lumpur yang mana nilai harga tanah amat tinggi. Keluasan ini juga mengambil kira serta faktor kenaikan kos bahan binaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB DATUK LIM PAY HEN

DATUK LIM PAY HEN minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan statistik graduan yang menerima gaji yang tidak setimpal dengan kelayakan mereka dan apakah langkah yang diambil oleh Kementerian bagi menangani ketidakpadanan gaji dengan pekerjaan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

1. Untuk Makluman Dewan Yang Mulia, berdasarkan statistik tahun 2021, guna tenaga tidak penuh siswazah berkaitan kemahiran adalah sebanyak 1.6 juta orang. Jumlah ini adalah merujuk kepada **siswazah yang bekerja dalam kategori pekerjaan yang lebih rendah daripada kelayakan mereka** dan bukannya jumlah siswazah yang menerima gaji yang tidak setimpal.
2. Perintah Gaji Minimum 2022 telah **berkuat kuasa** mulai **1 Mei 2022** dengan **kadar gaji minimum RM1,500** sebulan untuk semua sektor tanpa mengira wilayah dan **terpakai untuk semua pekerja di sektor swasta tanpa mengira kelayakan akademik**. Perintah ini terpakai bagi majikan yang menggajikan lima (5) orang pekerja atau lebih, dan tanpa mengira bilangan pekerja bagi majikan yang menjalankan suatu aktiviti profesional yang dikelaskan di bawah Piawaian Pengelasan Pekerjaan Malaysia 2020.
3. Konsep dasar gaji minimum adalah bertujuan untuk menetapkan gaji lantai (*floor wages*) atau gaji pokok sahaja dan bukannya sebagai gaji keseluruhan pekerja. Ia adalah salah satu inisiatif Kerajaan sebagai jaminan pendapatan untuk pekerja kategori paling bawah. **Bagi graduan yang memiliki diploma, ijazah sarjana muda atau ijazah sarjana, gaji mereka tidak ditentukan melalui gaji minimum tetapi melalui rundingan antara graduan tersebut dengan pihak majikan.** Pihak majikan dan graduan boleh berunding untuk menentukan tangga gaji

yang lebih tinggi daripada gaji minimum, setimpal dengan kelayakan dan kemahiran mereka.

Tuan Yang Di Pertua,

4. Kementerian Sumber Manusia telah menerbitkan Buku Panduan Gaji Permulaan 160 Pekerjaan Terpilih Berasaskan Kemahiran (Buku Panduan Gaji). Tujuan utama Buku Panduan Gaji adalah untuk mengiktiraf graduan lepasan institusi latihan kemahiran atau universiti dan seterusnya meningkatkan penyertaan tenaga mahir dalam pasaran tenaga kerja negara. **Kewujudan Buku Panduan Gaji ini tidak bersifat mandatori dan hanyalah sebagai panduan bagi majikan dalam menetapkan gaji permulaan bagi sesuatu pekerjaan berdasarkan kemahiran.**
5. Kerajaan sentiasa terbuka terhadap setiap pandangan dan cadangan. Oleh itu, Kementerian melalui Majlis Perundingan Gaji Negara akan meneliti cadangan gaji minimum dan gaji permulaan graduan berdasarkan tahap pendidikan agar ia benar-benar sesuai dan memberi manfaat kepada rakyat serta ekonomi negara secara keseluruhannya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB DATUK LIM PAY HEN

Datuk Lim Pay Hen minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan pendirian terbaru Kementerian tentang penyertaan Malaysia dalam cadangan pembinaan projek Rangkaian Landasan Singapura Kunming (SKRL) yang merupakan sebahagian daripada projek Landasan Keretapi Trans-Asia dan adakah kajian impak ekonomi mengenainya telah dilaksanakan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, projek Rangkaian Keretapi Singapura-Kunming (*Singapore-Kunming Rail Link – SKRL*) telah dipersetujui oleh Sidang Kemuncak ASEAN Ke-5 yang bersidang di Bangkok, Thailand pada tahun 1995. Mesyuarat pertama Kumpulan Kerja Khas bagi SKRL telah diadakan pada Disember 1996. Seterusnya, Malaysia telah diberi penghormatan untuk menjadi Pengurus Tetap serta Sekretariat bagi Kumpulan Kerja Khas tersebut mulai tahun 2007 sehingga kini.
2. Tiga laluan telah dikenalpasti bagi projek ini iaitu:
 - i. Jajaran Tengah (*Central Route*): Singapura – Malaysia – Thailand – Lao PDR – Kunming, China;
 - ii. Jajaran Timur (*Eastern Route*): Thailand – Cambodia – Viet Nam – Kunming, China; dan
 - iii. Jajaran Barat (*Western Route*): Thailand – Myanmar – Kunming, China.
3. Secara umumnya, projek ini telah mencatatkan kemajuan yang agak perlahan disebabkan oleh kekangan kewangan dan teknikal yang dihadapi oleh beberapa negara anggota.
4. Di pihak Malaysia, jajaran yang telah dikenalpasti bagi projek ini adalah jajaran keretapi Pantai Barat Semenanjung (Johor Bahru-Kuala Lumpur-Padang Besar). Komitmen Malaysia dalam pembangunan infrastruktur di bawah projek ini akan dapat disempurnakan dengan

pelaksanaan projek Landasan Berkembar Gemas-Johor Bahru yang dijangka selesai pada tahun 2024.

5. Dalam masa yang sama, Kementerian Pengangkutan selaku agensi peneraju bagi SKRL sedang berusaha bersama-sama negara anggota SKRL untuk membangunkan satu rangka kerja ke arah pelaksanaan operasi keretapi rentas sempadan tanpa rintangan (*seamless rail operation*) yang akan membolehkan perjalanan keretapi dilaksanakan dengan lancar dengan kerenah birokrasi sempadan yang minima.
6. Untuk makluman Yang Berhormat juga, kajian kebolehlaksanaan projek SKRL ini telah dijalankan pada September 2000 yang mengkaji, antara lain, unjuran trafik penumpang dan kargo bagi jajaran SKRL sehingga tahun 2035. Berdasarkan kajian ini, dianggarkan bahawa sebanyak 15.4 juta tan kargo dan 428 ribu penumpang akan menggunakan keseluruhan jajaran SKRL. Unjuran ini mungkin akan lebih tinggi berikutan pelaksanaan *Belt and Road Initiative* (BRI) yang sedang diusahakan oleh Republik Rakyat China.
7. Mengambil kira manfaat projek SKRL terhadap kelangsungan dan peranan Malaysia selaku hab logistik utama di Rantau ASEAN, Kementerian Pengangkutan akan terus melibatkan diri dengan aktif dalam projek ini. Ini sejajar dengan Teras Kelima Dasar Pengangkutan Negara yang menyasarkan untuk membangunkan satu persekitaran yang kondusif bagi penyertaan pengendali perkhidmatan pengangkutan dan logistik tempatan di dalam arena antarabangsa, selain meningkatkan kerjasama serantau dan antarabangsa di dalam sektor pengangkutan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB DATUK LIM PAY HEN

DATUK LIM PAY HEN minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status projek Rintis Kluster Hospital dan keberkesanan projek berkenaan dalam menangani isu kesesakan di jabatan kecemasan hospital.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Hospital Kluster dibentuk melalui gabungan beberapa hospital dengan sekurang-kurangnya satu hospital berpakar yang terletak di dalam kawasan geografi yang berdekatan di mana hospital-hospital ini selaras daripada segi aliran perkhidmatan dan pesakit. Sesebuah kluster akan menyediakan perkhidmatan kepakaran kepada semua pesakit yang berada di dalam liputan rangkaian kesemua hospital yang terlibat dan kesemua sumber manusia, fasiliti dan lain-lain kemudahan dikongsi di dalam kluster tersebut.
2. Melalui Hospital Kluster banyak kesan positif yang diperoleh baik daripada segi mutu dan kualiti perkhidmatan kesihatan sehingga kepada pelaksanaan perkhidmatan yang lebih efisien dan efektif. Antaranya, penggunaan fasiliti dan sumber terutama di Hospital Tanpa Pakar meningkat dan dapat dioptimumkan di samping perkhidmatan kepakaran kepada pesakit dapat diberikan secara lebih menyeluruh dan berkesan.
3. Antara pencapaian yang diperoleh adalah seperti berikut:
 - a. Peningkatan penggunaan fasiliti terutama di Hospital Tanpa Pakar:
 - i. Secara purata terdapat peningkatan kadar penggunaan katil sebanyak 13% di antara tahun 2013 dan 2018 di hospital Tanpa Pakar yang melaksanakan inisiatif hospital kluster;

- ii. Secara purata jumlah pesakit yang mendapatkan rawatan di Klinik Pakar Hospital Tanpa Pakar di dalam kluster juga meningkat 39.4% di antara tahun 2013 dan 2018 di Hospital Kluster Rintis dan 17.8% di antara tahun 2016 dan 2018 bagi Hospital Kluster Kedah Utara, Seberang Perai, Kelantan Utara dan HTAN;
 - iii. Terdapat peningkatan penggunaan dewan bedah di hospital Tanpa Pakar melalui pelaksanaan pembedahan katarak daripada tiada kepada 100 sebulan di Hospital Kluster Kedah Utara yang dilaksanakan di Hospital Jitra (2017); dan
 - iv. Penggunaan optimum fasiliti dan peralatan di Hospital Alor Gajah juga dapat dilihat dengan peningkatan penggunaan mesin *Exercise Stress Test* dan *Echocardiogram* di Unit Perubatan hospital tersebut, serta decentralization of *Mycology tests* di Unit Patologi Hospital Alor Gajah.
- b. Peningkatan dan penambahbaikan waktu menunggu bagi mendapatkan perkhidmatan antaranya;
 - i. Waktu menunggu bagi pembedahan katarak dapat dikurangkan daripada 6 minggu kepada 2 minggu melalui pelaksanaan pembedahan katarak di Hospital Tampin dan Hospital Jempol di Kluster HTAN;

- ii. Setiap tahun sejak 2014 sehingga 2019 kes-kes pembedahan Ortopedik untuk *fixation of long bone closed fractures* dapat dilaksanakan dalam tempoh kurang daripada tujuh hari melalui pelaksanaan pembedahan di hospital Tanpa Pakar dalam Hospital Kluster Melaka; dan
 - iii. Tempoh menunggu bagi pembedahan AVF juga dapat dikurangkan daripada 12 minggu kepada 6 minggu melalui pelaksanaan pembedahan AVF di Hospital Jasin bagi Kluster Melaka.
- c. Perkhidmatan kepakaran mula dilaksanakan dihospital Tanpa Pakar seperti berikut;
 - i. Perkhidmatan Perubatan Rehabilitasi Geriatrik mula dilaksanakan di Hospital Sungai Bakap di Hospital Kluster Seberang Perai pada 2016 dan di Hospital Kuala Nerang pada November 2017 di Hospital Kluster Kedah Utara;
 - ii. Perkhidmatan perubatan rehabilitasi dan Palliatif dilaksanakan di Hospital Batu Gajah di Hospital Kuster Ipoh;
 - iii. Perkhidmatan Perubatan Respiratori dan Penyakit Berjangkit mula dilaksanakan di Hospital Tumpat dan Perkhidmatan Nefrologi di laksanakan di Hospital Pasir Mas di Hospital Kluster Kelantan Utara pada 2018; dan

- iv. Setelah penempatan Pakar di Unit Kecemasan & Trauma Hospital Jasin dan Hospital Alor Gajah, kes-kes zon Merah didapati meningkat 5 kali ganda. Ini memperlihatkan peluasan perkhidmatan kepakaran di *Non-Lead Hospital*, serta bertambahnya keyakinan rakyat untuk menggunakan perkhidmatan ini, yang sebelum ini mengalami 'bypassing phenomenon'.
 - d. Penjimatan melalui pembelian secara pukal dapat dilaksanakan melalui penggabungan hospital-hospital ini sebagai sebuah kluster. Penjimatan sebanyak RM1,260,619.03 pada tahun 2019 telah diperolehi melalui pembelian secara pukal bagi item konsumabel di 10 buah Hospital Kluster.
4. Untuk makluman, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan penubuhan Pasukan Petugas Khas Reformasi Sektor Awam (STAR) semasa pembentangan Belanjawan 2023. Penubuhan STAR ini bertujuan memboleh daya perkhidmatan awam yang terbaik untuk rakyat. Salah satu inisiatif yang dikenal pasti pasukan STAR bertujuan untuk mengurangkan kesesakan di Jabatan Kecemasan dan Trauma hospital Kementerian Kesihatan Malaysia.
5. Di bawah inisiatif ini, satu projek rintis melibatkan kluster hospital dan klinik kesihatan telah dilaksanakan, menerusi penyuraian pesakit bergejala ringan dan bukan kes kecemasan ke klinik kesihatan berdekatan yang dilanjutkan waktu operasi (*extended hours*) untuk tempoh tiga (3) bulan.

6. Perkhidmatan *Extended Hours* di Klinik Kesihatan (KK) Bandar Botanik yang telah bermula sejak tahun 2015, dipanjangkan termasuk pada Hari Sabtu, Ahad dan Cuti Umum bermula dari 25 Mac 2023 bagi menangani kesesakan di Jabatan Kecemasan dan Trauma Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang.
7. Kedatangan pesakit ke zon hijau (zon kecemasan bukan kritikal) di Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang dipantau secara harian bagi mengukur keberkesanan inisiatif ini.
8. Projek rintis STAR ini telah menunjukkan keberkesanan dengan purata penurunan bulanan kedatangan pesakit ke zon hijau dalam tempoh 3 bulan (Februari hingga April 2023) adalah sebanyak 30.6%. Jumlah kehadiran pesakit ke zon hijau menurun daripada 3,897 pada bulan Februari kepada 1,779 orang pada bulan April 2023. Manakala pesakit bergejala ringan dan bukan kes kecemasan dari Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang yang dirujuk ke Klinik Kesihatan Bandar Botanik meningkat daripada 219 pesakit dalam bulan Mac kepada 543 pesakit bagi April 2023 (perincian di maklumat tambahan).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB DATUK LIM PAY HEN

DATUK LIM PAY HEN minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan justifikasi Kempen Pemilikan Rumah (HOC) yang tidak diteruskan bagi tahun 2023 dan apakah pertimbangan Kementerian untuk memperkenalkan Geran Pembeli Rumah Kali Pertama sebanyak RM30,000 untuk harta berharga sehingga RM500,000 dan pengaktifan semula program Skim MyHome kepada pembeli yang layak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam usaha menggalakkan pemilik rumah dalam kalangan rakyat Malaysia, Kerajaan telah memperkenalkan Inisiatif Pemilikan Kediaman Malaysia (i-MILIKI) di bawah Program Pemilikan Kediaman 2022/2023. i-MILIKI memberikan pengecualian duti setem ke atas surat cara pindah milik dan perjanjian pinjaman bagi pembeli rumah pertama bagi harga rumah sehingga RM1 juta tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan iaitu pemberian diskaun harga rumah sekurang-kurangnya 10% oleh pemaju. Pengecualian ini adalah bagi perjanjian jual beli yang disempurnakan mulai 1 Jun 2022 sehingga 31 Disember 2023. Pewartaan i-MILIKI ini telah digazetkan melalui PUA176, PUA177, PUA179 dan PUA180 oleh Kementerian Kewangan pada 9 Jun 2023. Pengecualian duti setem ke atas surat cara pindah milik dan perjanjian pinjaman yang diberikan adalah seperti berikut:

Harga Rumah (RM)	Kadar Pengecualian
< 500,000	100%
500,001 - 1,000,000	75%

Berhubung cadangan supaya Kementerian mengaktifkan semula program Skim MyHome kepada pembeli yang layak, pihak Kerajaan telah bersetuju untuk menyediakan jaminan pembiayaan melalui Syarikat Jaminan Kredit Perumahan di bawah Skim Jaminan Kredit Perumahan (SJKP) yang memberikan aksesibiliti pembiayaan yang lebih kepada pemberi rumah pertama termasuklah pinjaman sehingga 110%. Ini

NO SOALAN: 24

termasuk memperluaskan skop pembiayaan kepada golongan sasar iaitu pembeli rumah pertama tanpa perlu menyediakan deposit.

Pihak Kementerian sentiasa mengalu-alukan cadangan bagi membuka ruang kepada aksesibiliti pembiayaan perumahan yang lebih mampan dalam usaha mengalakkan pemilikan kediaman di Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB DATUK NORAINI IDRIS**

DATUK NORAINI IDRIS minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah penubuhan Pasukan Petugas Khas 1MDB berupaya mewujudkan pelan pemulihan yang boleh dijadikan sebagai solusi dalam meleraikan segala kemelut kewangan yang melibatkan 1MDB.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Pasukan Petugas Khas 1Malaysia Development Bhd (PPK 1MDB) yang telah ditubuhkan berdasarkan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 4 Januari 2023 bagi menasihati Kerajaan berhubung isu-isu berkaitan 1MDB. PPK 1MDB yang dipengerusikan oleh YB Ahli Parlimen Titiwangsa, mempunyai ahli-ahli tetap iaitu:
 - i. YB Menteri Perdagangan Industri dan Antarabangsa (MITI) atau wakilnya;
 - ii. YB Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi) atau wakilnya;
 - iii. Peguam Negara, Jabatan Peguam Negara (AGC);
 - iv. Ketua Polis Negara, Polis DiRaja Malaysia (PDRM)
 - v. Ketua Pesuruhjaya, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM);
 - vi. Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Kementerian Kewangan (MOF);
 - vii. Ketua Pengarah, Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional (NFCC);
 - viii. Gabenor, Bank Negara Malaysia (BNM); dan

- ix. YBhg. Dato' Seri Dr. Awang Adek Hussin, Pengurus Eksekutif Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC).
2. PPK 1MDB akan menjalankan fungsi dan tanggungjawab bagi memperkasakan dan menyelaraskan tindakan penguatkuasaan secara bersepadu dengan penglibatan agensi-agensi Kerajaan dan swasta bagi tujuan penjejakan dana atau aset yang terlibat dalam isu 1MDB dan membantu pihak Kerajaan bagi memulihkan (*recovery*) atau mendapatkan semula aset-aset berkenaan.
3. Tugas dan tanggungjawab utama PPK 1MDB adalah seperti yang berikut:
- i. Mengenal pasti transaksi kewangan dan dana syarikat kumpulan 1MDB dan sekutunya yang diseleweng;
 - ii. berkongsi maklumat yang berkaitan dengan ahli pasukan;
 - iii. mengatur strategi, pendekatan serta alternatif bagi memperoleh aset hasil dari penyelewengan oleh syarikat kumpulan 1MDB dan sekutunya;
 - iv. membina dan memupuk rangkaian hubungan dengan agensi penguat kuasa luar negara yang berkaitan;
 - v. memastikan tindakan yang diambil mengikut prosedur dan peruntukan undang-undang; dan
 - vi. menjaga nama baik dan menegakkan kedaulatan Malaysia.
4. Proses untuk mendapatkan semula dana 1MDB sedang berjalan dan ia merupakan suatu proses yang rumit dan panjang yang boleh memakan masa bertahun lamanya. Ini kerana ia bukan sahaja melibatkan kerjasama di antara beberapa agensi tempatan dengan agensi asing

daripada pelbagai negara, malahan ia turut melibatkan proses perundangan di mahkamah dan proses rundingan penyelesaian.

5. Oleh yang demikian, pihak PPK 1MDB kini telah dan sedang mengadakan kerjasama strategik dengan pelbagai pihak termasuk pihak berkuasa luar negara dalam mengambil tindakan penguatkuasaan undang-undang jenayah dan juga tindakan sivil terhadap individu-individu, entiti dan syarikat yang berkaitan serta mengadakan rundingan penyelesaian dengan pihak-pihak yang berkepentingan bagi mendapatkan kembali aset-aset 1MDB kepada Kerajaan mengikut lunas-lunas perundangan.
6. PPK 1MDB amat komited dalam meneruskan usaha-usaha memulihkan aset-aset 1MDB termasuk terhadap aset-aset yang berada di luar negara antaranya United Kingdom, USA, Switzerland, Luxembourg, Australia, Perancis dan negara-negara lain bagi mengembalikan kepercayaan dan integriti Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB DATUK NORAINI IDRIS

DATUK NORAINI IDRIS minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan daerah-daerah tumpuan di wilayah Sabah yang akan dibangunkan dengan pembinaan semula rumah-rumah daif yang didiami oleh keluarga miskin tegar yang selama ini turut berdepan dengan masalah ketiadaan bekalan elektrik dan sumber air bersih.

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat, salah satu kaedah agihan Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) adalah mengikut nisbah kadar kemiskinan daerah yang diperolehi daripada Sistem e-Kasih. Daerah-daerah yang mempunyai kadar kemiskinan yang tinggi akan diberi agihan yang lebih. Antara daerah yang mempunyai kadar kemiskinan yang tinggi di wilayah Sabah adalah Semporna, Kota Marudu, Kudat, Kota Belud dan Pitas.

Bagi tempoh tahun 2021 sehingga 2023, sebanyak 1,765 unit telah diagihkan di daerah-daerah tersebut itu 297 unit Bina Baharu dan 1,468 unit Baik Pulih dengan jumlah peruntukan sebanyak RM43.8 juta. Pecahan agihan mengikut daerah adalah seperti berikut:

DAERAH/TAHUN	2021		2022		2023		JUMLAH	
	BB	BP	BB	BP	BB	BP	BB	BP
Semporna	6	134	41	136	37	144	84	414
Kota Marudu	23	120	30	99	49	100	102	319
Kudat	4	80	9	73	6	60	19	213
Kota Belud	13	71	23	87	5	50	41	208
Pitas	16	120	25	114	10	80	51	314
JUMLAH	62	525	128	509	107	434	297	1468

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB DATUK NORAINI IDRIS

DATUK NORAINI IDRIS minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan senarai MRSM di seluruh negara yang akan dijenamakan semula selepas MRSM Musa Aman dan bagaimanakah penjenamaan semula yang dilakukan berupaya menjadikan institusi pendidikan MARA tersebut lebih kompetitif dalam menandingi sekolah-sekolah berprestasi tinggi (SBT) di bawah Kementerian Pendidikan.

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat, Datuk Noraini Idris, sebanyak 8 buah MRSM telah dijenamakan semula dengan menggunakan nama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan atau individu yang telah banyak menyumbangkan jasa kepada negara. Antara MRSM yang telah dijenamakan semula adalah seperti berikut:

- i. MRSM Sultan Azlan Shah, Kuala Kangsar, Perak
- ii. MRSM Tun Abdul Razak, Pekan, Pahang
- iii. MRSM Tun Dr. Ismail, Pontian, Johor
- iv. MRSM Tun Ghafar Baba, Jasin, Melaka
- v. MRSM Tun Ghazali Shafie, Lipis, Pahang
- vi. MRSM Tun Mohammad Fuad Stephens, Sandakan, Sabah
- vii. MRSM Tun Mustapha, Tawau, Sabah
- viii. MRSM Tan Sri Musa Aman, Kota Kinabalu, Sabah

Langkah penjenamaan MRSM bukanlah sesuatu amalan rutin yang dilaksanakan setiap masa. Langkah ini hanya dijalankan jika terdapat keperluan bagi menghargai sumbangan besar tokoh atau individu yang banyak terlibat dalam aspek pembangunan negeri maupun negara. Kelazimannya, nama tokoh yang dipilih merupakan individu yang amat rapat dengan sejarah penubuhan dan aspek pembangunan MRSM itu sendiri.

Dengan menjenamakan MRSM menggunakan nama tokoh ini, sedikit sebanyak dapat memberi inspirasi kepada pelajar-pelajar untuk mencontohi sifat murni dan usaha gigih tokoh tersebut sementelah lagi tokoh tersebut juga merupakan figura yang disegani dalam kalangan

NO SOALAN: 27

anak watan. Dengan keazaman tersebut, pelajar akan meningkatkan prestasi, membina perwatakan dan mengharumkan nama baik MRSM masing-masing.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB DATUK NORAINI IDRIS

DATUK NORAINI IDRIS minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan status terkini rangkaian 5G terutamanya membabitkan kawasan luar bandar di Sabah dan adakah ianya telah mencapai sasaran liputan seperti yang dirancang melalui inisiatif ~~Identiti Digital Nasional (ID Digital Nasional)~~ atau Jalinan Digital Negara (JENDELA).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Setakat 31 Mei 2023, sejumlah 5,058 daripada 7,509 tapak 5G yang dirancang telah siap dibangunkan oleh Digital Nasional Berhad (DNB) di seluruh negara merangkumi 62.1 peratus liputan di kawasan berpenduduk. Pecahan pencapaian pelaksanaan rangkaian 5G mengikut negeri adalah seperti dalam jadual berikut:

BIL.	NEGERI	BILANGAN TAPAK SIAP	LIPUTAN DI KAWASAN BERPENDUDUK
1	WP. Kuala Lumpur	738	97.6%
2	WP. Putrajaya	106	97.3%
3	Selangor	1327	93.8%
4	Kedah	256	59.2%
5	Pulau Pinang	256	64.1%
6	Perak	337	59.1%
7	Perlis	15	30.9%
8	Pahang	198	38.7%
9	Kelantan	77	28.6%
10	Terengganu	155	49.4%
11	Johor	741	69.4%
12	Melaka	119	61.9%
13	Negeri Sembilan	154	59.3%
14	Sarawak	266	38.3%
15	Sabah	300	38.8%
16	WP. Labuan	13	29.0%
JUMLAH KESELURUHAN		5058	62.1%

Khusus bagi Sabah, sejumlah 300 daripada 624 tapak 5G yang dirancang telah disiapkan merangkumi 38.8 % liputan di kawasan berpenduduk. Kadar liputan ini akan terus meningkat menjelang penghujung 2023 apabila kesemua tapak yang dirancang siap dibina oleh

DNB. Jumlah peratusan ini adalah termasuk tapak-tapak pemancar 5G yang telah diaktifkan oleh DNB tetapi masih belum boleh diakses oleh pengguna kerana masih di dalam proses *on-boarding oleh pihak pemberi perkhidmatan*. Jika dilihat pada tapak 5G yang boleh diakses pengguna, ketersediaan perkhidmatan 5G telah mencapai 29.9% liputan populasi di kawasan berpenduduk.

Pelan JENDELA pada asalnya menyasarkan pelaksanaan rangkaian 5G di Malaysia bermula selepas tahun 2022 iaitu setelah inisitaif di bawah Pelan JENDELA Fasa 1 disiapkan. Walau bagaimanapun, pelaksanaan rangkaian 5G di Malaysia telah dipercepatkan melalui penubuhan DNB pada 2021 untuk membangunkan rangkaian borong tunggal 5G ke seluruh negara. Sasaran asal DNB adalah untuk mencapai 80 peratus liputan 5G di kawasan berpenduduk menjelang penghujung 2024.

YAB Perdana Menteri dalam Ucapan Belanjawan 2023 telah mengumumkan bahawa sasaran tersebut telah dipercepatkan di mana 80 peratus liputan 5G di kawasan berpenduduk disasarkan untuk dicapai menjelang penghujung 2023. Kerajaan pada 3 Mei 2023 juga telah memutuskan supaya pelaksanaan rangkaian 5G di Malaysia beralih kepada model dwirangkaian setelah pelaksanaan oleh DNB mencapai 80 peratus liputan di kawasan berpenduduk. Kerajaan juga akan terus memastikan pendekatan yang diambil dalam pembangunan rangkaian 5G negara ini akan memberikan manfaat sepenuhnya kepada rakyat dari segi kualiti, liputan dan juga harga perkhidmatan yang ditawarkan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB TUAN ABUN SUI ANYIT

TUAN ABUN SUI ANYIT minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah kelulusan yang diberikan kepada pemohon-pemohon taraf kewarganegaraan daripada bulan Disember 2022 sehingga bulan Mei 2023 mengikut kaum.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Berdasarkan rekod Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), seramai 1,694 orang yang telah dikeluarkan sijil kewarganegaraan dari 01 Disember 2022 hingga 31 Mei 2023. Dari jumlah berkenaan mengikut susunan tertinggi, seramai 804 orang berketurunan Indonesia, 183 orang berketurunan Filipina, 102 orang berketurunan Thai, 50 orang berketurunan Bugis, 47 orang berketurunan India dan 508 orang dari lain-lain keturunan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB TUAN ABUN SUI ANYIT

TUAN ABUN SUI ANYIT minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan secara terperinci jumlah dan kos yang terlibat dalam mendirikan setiap menara telekomunikasi yang telah dibina di Sarawak setakat Mei 2023, dan siapakah kontraktor-kontraktor yang diberikan tanggungjawab untuk mendirikan menara-menara tersebut dan kawasan-kawasan yang terlibat serta apakah status liputan internet yang dialami di kawasan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) telah melancarkan inisiatif Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA). Menerusi inisiatif ini, Sarawak telah diperuntukkan sebanyak 846 menara baharu dan daripada jumlah tersebut, sebanyak 167 menara telah siap beroperasi setakat suku pertama tahun 2023. Baki sebanyak 679 menara sedang di dalam proses pelaksanaan dan dijangka siap dan beroperasi secara berperingkat sehingga suku keempat tahun 2023.

Selain itu, sebanyak 100,178 premis telah siap disediakan dengan sambungan gentian optik bagi jalur lebar talian tetap, manakala baki 106,957 premis lagi masih dalam peringkat pelaksanaan daripada jumlah 207,135 yang dirancang. Sebanyak 3,594 alat pemancar komunikasi telah siap dinaik taraf kepada teknologi 4G, manakala baki sebanyak 41 lagi dalam peringkat pelaksanaan daripada jumlah 3,635 yang dirancang. Kesemua inisiatif yang sedang dalam peringkat pelaksanaan dijangka akan siap sepenuhnya pada suku keempat 2023.

Kerajaan juga telah mempercepatkan penyediaan perkhidmatan jalur lebar melalui teknologi satelit di 523 lokasi di kawasan pedalaman di Sarawak yang pada asalnya dirancang untuk dilaksanakan pada tahun 2023 di dalam JENDELA Fasa 2 yang berjaya disiapkan sepenuhnya di dalam JENDELA Fasa 1 pada tahun 2022.

Pelaksanaan JENDELA di Sarawak melibatkan peruntukan Kerajaan melalui Program Pemberian Perkhidmatan Sejagat (USP) dan pelaburan komersial oleh syarikat pemberi perkhidmatan, secara keseluruhannya dianggarkan melebihi RM4 bilion. Setakat suku pertama 2023, anggaran sebanyak RM2.7 bilion telah dilaksanakan manakala bakinya dalam peringkat pelaksanaan.

Pembinaan menara baharu secara komersial melibatkan pelaburan dari syarikat-syarikat pemberi perkhidmatan swasta seperti Celcom, Digi, Maxis dan U-Mobile, manakala bagi Program USP, sebanyak lapan Penyedia Kemudahan Rangkaian (*Network Facilities Provider*, NFP) dan Penyedia Perkhidmatan Rangkaian (*Network Service Provider*, NSP) yang diberikan tanggungjawab untuk melaksanakan projek menara komunikasi baharu di bawah JENDELA Fasa 1 di seluruh bahagian di Sarawak melalui proses tender terbuka. Syarikat-syarikat NFP dan NSP yang terlibat adalah Celcomdigi Berhad, Maxis Broadband Sdn. Bhd, U Mobile Sdn. Bhd, REDtone Engineering & Network Services Sdn Bhd, Borneo Restu Sdn. Bhd, Danawa Resources Sdn. Bhd, Optical Communication Engineering Sdn. Bhd. dan Valsa (Sarawak) Sdn. Bhd.

Setakat suku pertama 2023, peratus liputan 4G di kawasan berpenduduk di Sarawak telah meningkat kepada 87.36% berbanding 73.67% sebelum pelaksanaan JENDELA pada tahun 2020.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB DATUK NORAINI IDRIS

DATUK NORAINI IDRIS minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan perancangan penyaluran dana sejumlah RM600 juta yang diumumkan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri bagi menyelesaikan isu infrastruktur termasuk projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB), Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) serta menaiktaraf dan membina rumah baharu untuk golongan kurang bernasib baik di Sabah.

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat, bagi Program Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Negeri Sabah, sebanyak 65 projek sambungan dan empat (4) projek baharu telah diluluskan di bawah *Rolling Plan 3*, Tahun 2023, Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) dengan peruntukan sebanyak RM136.58 juta.

Manakala bagi Program Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) sebanyak 20 projek telah diluluskan melibatkan 15 projek sambungan dan lima (5) projek baru dengan peruntukan sebanyak RM284.5juta. Pelaksanaan dan pembayaran bagi projek akan dibuat mengikut prestasi kerja oleh pihak Kementerian dan tidak melibatkan penyaluran peruntukan kemana-mana agensi lain.

Manakala berkaitan bantuan untuk membina rumah baharu, bagi tahun 2023, sebanyak RM130 juta telah diperuntukan untuk Wilayah Sabah di bawah Program Bantuan Rumah. Dengan peruntukan ini, diunjurkan pembinaan sebanyak 850 unit rumah dan pembaikan sebanyak 2,900 unit rumah daif seluruh Sabah.

Sehingga bulan Mei 2023, sebanyak 480 projek bina baharu dan 1,900 projek baik pulih diluluskan. Agihan projek dibuat berdasarkan kadar kemiskinan daerah dan juga permohonan yang diterima tertakluk kepada syarat dan kelayakan yang telah ditetapkan. Keutamaan diberikan kepada daerah-daerah termiskin di Sabah. Kementerian berharap dengan pelaksanaan Program Bantuan Rumah ini, hasrat Kerajaan untuk menyediakan kediaman yang selamat dan selesa kepada kumpulan sasar miskin dan miskin tegar akan terlaksana.

NO SOALAN: 31

Yang Berhormat juga boleh mengemukakan permohonan projek-projek yang mendesak kepada Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Sabah untuk dimasukkan ke dalam senarai keutamaan negeri sebelum diangkat oleh Kementerian kepada Kementerian Ekonomi bagi permohonan dan kelulusan di bawah *Rolling Plan* yang akan datang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB DATO' DR. AHMAD AZAM BIN
HAMZAH

DATO' DR. AHMAD AZAM BIN HAMZAH minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk meningkatkan aksesibiliti dan kualiti pelayanan kesihatan mental di Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Secara dasarnya, pelaksanaan program dan perkhidmatan kesihatan mental negara adalah berpandukan kepada Pelan Strategik Kesihatan Mental Kebangsaan (2020-2025) yang menggariskan inisiatif seperti promosi kesihatan mental kepada semua lapisan masyarakat, menyediakan perkhidmatan dan capaian kesihatan mental yang komprehensif dan berkualiti serta meningkatkan usaha kolaborasi bersama agensi-agensi berkepentingan.
2. Sehingga kini, perkhidmatan kesihatan mental boleh diakses di 1,161 Klinik Kesihatan, 60 buah hospital, 34 buah pusat Kesihatan Mental Masyarakat (MENTARI), dan empat (4) institusi mental yang meliputi aspek promosi, pencegahan, pengesanan awal, rawatan dan rehabilitasi.
3. Selain daripada perkhidmatan sedia ada, KKM juga telah mengambil tindakan proaktif bagi memperkuuh perkhidmatan kesihatan mental untuk masyarakat termasuk:
 - a) **Memperluas perkhidmatan kaunseling di peringkat kesihatan primer melalui penempatan 200 kaunselor secara kontrak (CFS)**
Kaunselor kontrak ini telah ditempatkan di Pejabat Kesihatan Daerah bagi memberikan perkhidmatan secara berjadual di klinik kesihatan di seluruh negara. Kerajaan juga telah memberi kelulusan bagi pelanjutan perkhidmatan 200 kaunselor kontrak ini sehingga 3 Ogos 2023. Selain itu, terdapat juga Badan Bukan

Kerajaan yang berperanan dalam menyampaikan perkhidmatan kaunseling dan sokongan psikososial di peringkat komuniti.

b) Perkhidmatan Talian Krisis Kesihatan Mental Kebangsaan – Talian HEAL 15555

Talian HEAL 15555 adalah talian bantuan bagi krisis kesihatan mental yang menawarkan perkhidmatan tele-kaunseling bertujuan memberikan bantuan sokongan emosi dan psikososial serta intervensi awal krisis. Talian ini telah mula beroperasi pada 21 Oktober 2022 di mana ia merupakan kesinambungan daripada Talian Perkhidmatan Kesihatan Mental dan Sokongan Psikososial yang diwujudkan pada 25 Mac 2020. Talian ini dikendalikan oleh Pegawai Psikologi Kaunseling KKM. Antara krisis kesihatan mental yang dikendalikan adalah seperti tingkah laku bunuh diri, kemurungan, panic attack, anzieti, dan stres.

c) Memperkuuh program sokongan kesihatan mental dan psikososial di peringkat komuniti

Program Perkhidmatan Kesihatan Mental dan Sokongan Psikososial atau *Mental Health Psychosocial Support* (MHPSS) bertujuan membantu memberi sokongan emosi kepada masyarakat umum. Pasukan MHPSS yang terdiri daripada pakar-pakar perubatan (kesihatan awam, psikiatri, perubatan keluarga), pegawai perubatan, pegawai psikologi kaunseling (kaunselor), pegawai psikologi klinikal, paramedik, memberikan perkhidmatan saringan, bantuan awal psikologi (PFA atau *Psychological First Aid*), psikopendidikan, tele-psikososial dan tele kaunseling kepada orang awam dan petugas barisan hadapan yang memerlukan.

d) Implementasi kempen Let's TALK Minda Sihat merentas agensi

Kempen ini merupakan kolaborasi pintar (*smart partnership*) bersama agensi-agensi kerajaan, bukan kerajaan dan NGO dalam usaha mempertingkatkan kesedaran kesihatan mental secara meluas bagi mengatasi stigma terhadap kesihatan mental dalam kalangan masyarakat.

e) Pemerkasaan komuniti setempat dalam usaha mengendalikan isu permasalahan kesihatan mental secara bersepadu

Bagi memperkasa peranan komuniti setempat, aspek latihan yang memfokuskan advokasi kesihatan mental kepada ketua komuniti meliputi penghulu, ketua kampung, tok batin dan lain-lain turut dilaksanakan. Sehingga kini, seramai 20 orang penghulu dan ketua kampung telah dilatih dan latihan advokasi ini akan diadakan secara berterusan.

f) Digitalisasi Kesihatan Mental

Perkhidmatan saringan kesihatan mental telah dimulakan melalui aplikasi MySejahtera bagi tujuan mengesan awal individu yang mempunyai masalah kesihatan mental. Ini diperkuuh lagi dengan pembangunan modul kesihatan mental dalam aplikasi MySejahtera bagi memastikan kesinambungan intervensi kesihatan mental yang diperlukan.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Tanggungjawab bagi menangani masalah kesihatan mental perlulah dipikul secara bersama oleh semua pihak yang terlibat. Ini kerana faktor yang mendorong kepada masalah kesihatan mental adalah melibatkan pelbagai faktor psikososial yang memerlukan tindakan daripada pemegang-pemegang taruh daripada agensi-agensi kerajaan yang berkenaan. KKM akan terus komited dalam meningkatkan mutu perkhidmatan kesihatan mental negara bagi memastikan kesejahteraan mental masyarakat dapat dicapai.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB DATO' DR. AHMAD AZAM BIN
HAMZAH

DATO' DR. AHMAD AZAM BIN HAMZAH minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah perancangan Kementerian dalam meningkatkan pembangunan infrastruktur pengangkutan seperti pelabuhan, jalan tol, dan lapangan terbang yang masih menjadi isu penting di Malaysia untuk meningkatkan perhubungan dan pertumbuhan ekonomi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pengangkutan (MOT) sentiasa berusaha dan bekerjasama dengan semua pihak dalam meningkatkan pembangunan infrastruktur pengangkutan untuk meningkatkan perhubungan dan pertumbuhan ekonomi. Bagi meningkatkan pembangunan dan kecekapan operasi di pelabuhan, Kerajaan telah melaksanakan beberapa pendekatan seperti memberikan kelulusan secara prinsip bagi cadangan pembesaran dermaga kontena dari terminal kontena (CT) 10 sehingga 19 di Pelabuhan Barat, Pelabuhan Klang yang dilaksanakan secara kerjasama awam swasta melalui kaedah Bina Kendali Pindah (*Build Operate Transfer – BOT*). Projek cadangan pembesaran dermaga kontena oleh Westports telah bermula pada tahun 2020 dan dilaksanakan secara berperingkat sehingga tahun 2035. Projek yang akan mengambil masa selama 15 tahun ini dijangka mampu meningkatkan kapasiti pelabuhan sebanyak 15 juta TEUs setahun dan menjadikan jumlah kapasiti keseluruhan Pelabuhan Barat sebanyak 30 juta TEUs setahun.
2. Usaha-usaha lain yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:
 - a. Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP) telah melaksanakan lori kontena elektrik (*electric prime mover*), di mana keperluan industri dan prestasi dapat dipenuhi dengan masa yang minimum serta mengurangkan risiko akibat daripada cuaca buruk dan kecuaian semasa operasi;

- b. melaksanakan *single window system*, seperti PKNet di Pelabuhan Klang serta eGateway di Pelabuhan Johor (Pasir Gudang) dan PTP; dan
- c. mengadakan kerjasama pelabuhan berkembar (*sister-port relationship*) seperti Lembaga Pelabuhan Kelang (LPK) dengan Pelabuhan Kobe, Jepun dan LPK dengan Lembaga Pelabuhan Kenya.
3. Selain daripada itu, MOT telah mengambil inisiatif untuk mewujudkan *China-Malaysia Port Alliance* (CMPA) di bawah *21st Century Maritime Silk Road* yang merangkumi 9 pelabuhan Malaysia dengan 12 pelabuhan China, di mana Memorandum Persefahaman (MoU) bagi Perikatan tersebut telah ditandatangani pada 23 November 2015. Objektif CMPA adalah untuk mewujudkan perikatan pelabuhan melalui *mutual assistance* dan *joint cooperation* khususnya dalam bidang kajian pelabuhan (*port studies*), komunikasi dan kerjasama antara kedua-dua pihak.
4. Kementerian turut sentiasa komited untuk meningkatkan pembangunan infrastruktur pengangkutan udara khususnya lapangan terbang bagi tujuan memangkinkan pertumbuhan ekonomi negara melalui peningkatan kesalinghubungan udara. Kerajaan telah mengenal pasti beberapa buah lapangan terbang untuk dinaik taraf dan dibesarkan khususnya bagi tujuan menampung peningkatan kapasiti pengendalian penumpang dan penambahbaikan fasiliti-fasiliti penting bagi memberikan keselesaan kepada para penumpang, meningkatkan aspek keselamatan penerbangan serta melancarkan operasi lapangan terbang.

5. Berdasarkan pengumuman Belanjawan 2023, Kerajaan telah mengumumkan cadangan pembesaran dan peningkatan keupayaan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP) dan Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang (LTSAAS) yang akan diterajui oleh pihak Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB). Pada masa ini, kerja-kerja awalan yang antara lainnya melibatkan proses reka bentuk telah dimulakan bagi kedua-dua lapangan terbang tersebut, manakala kerja-kerja fizikal dijangka bermula pada tahun 2024 bagi kedua-dua lapangan terbang ini.
6. Dalam masa yang sama, pihak MOT juga sedang melaksanakan projek pembesaran Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra (LTSIP), Kota Bharu yang dijangka selesai pada suku ke 3, tahun 2024. Pembesaran lapangan terbang ini apabila siap kelak boleh mengendalikan sehingga 4 juta penumpang setahun dengan kos pembinaan sebanyak RM440 juta.
7. Pihak Kerajaan juga telah meluluskan projek pemanjangan landasan padang terbang Bario (*Short Take-Off and Landing – STOLPort Bario*) di bawah *Rolling Plan Ketiga* (RP3) RMKe-12 dengan peruntukan sebanyak RM28 juta, antara lainnya memfokuskan kepada penambahbaikan aspek keselamatan pesawat dan penumpang di STOLPort ini.
8. Selain itu, pihak MOT turut mengemukakan cadangan baharu untuk menaik taraf beberapa buah lapangan terbang di bawah Rolling Plan Keempat (RP4), Tahun 2024, Rancangan Malaysia ke-12 (RMKE-12) iaitu Lapangan Terbang Miri dan Lapangan Terbang Tawau untuk pertimbangan Kerajaan.

NO SOALAN: 33

9. Walau bagaimanapun, perancangan pembangunan infrastruktur berkaitan dengan jalan tol adalah terletak di bawah bidang kuasa Kementerian Kerja Raya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB DATO' DR. AHMAD AZAM BIN
HAMZAH

DATO' DR. AHMAD AZAM BIN HAMZAH minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah terdapat cadangan daripada pihak Kementerian untuk mengkaji semula penggunaan 'mix' yang sedia ada (AC 14) bagi kerja-kerja penurapan jalan memandangkan keadaan jalan mudah rosak disebabkan faktor cuaca dan lebihan muatan kenderaan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, Kementerian Kerja Raya (KKR) menerusi Jabatan Kerja Raya Malaysia (JKR) sentiasa berusaha meningkatkan kualiti pembinaan jalan raya. Usaha yang dilakukan bukan sahaja terhad kepada meningkatkan kompetensi warga JKR dan pemain industri, malah tumpuan terhadap penambahbaikan kualiti turapan jalan juga telah dilaksanakan.

JKR sentiasa prihatin dengan isu-isu berkaitan dengan prestasi turapan jalan raya yang terkesan dengan keadaan cuaca di Malaysia. Justeru itu, bermula dari tahun 2017 JKR telah mengambil langkah proaktif, dengan menetapkan penggunaan gred bitumen *penetration grade* (PG) 60/70 dalam AC14 untuk kerja-kerja pembinaan dan penyenggaraan jalan yang dilaksanakan oleh JKR. Penggunaan bitumen gred 60/70 ini mampu memanjangkan jangka hayat turapan sehingga 18% berbanding penggunaan bitumen gred 80/100 yang lazim digunakan sebelum ini, kerana sifat bitumen gred 60/70 yang mempunyai nilai kelikatan yang lebih tinggi dan berupaya menampung beban trafik yang tinggi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, JKR melalui Pusat Kecemerlangan Kejuruteraan dan Teknologi JKR (CREaTE), Cawangan Jalan (CJ) serta Cawangan Senggara Fasiliti Jalan (CSFJ) tiada menjalankan kajian secara spesifik berkaitan kesan faktor cuaca ke atas prestasi turapan jalan. Walau bagaimanapun, bagi memastikan bahawa turapan AC14 mematuhi spesifikasi dari aspek ubah bentuk (*deformation*), ujian titik lembut (*softening point*)

bagi gred 60/70 dilakukan supaya dapat mengukur keupayaan bitumen menjadi lembut apabila suhu ditingkatkan iaitu di dalam julat 48°C dan 56°C . Oleh yang demikian, secara teorinya bitumen berada dalam keadaan separa pepejal dan tidak sepatutnya meleleh atau bersifat cecair dengan faktor cuaca panas di Malaysia.

Penggunaan *porous asphalt* (rujuk spesifikasi jalan JKR/SPJ 2008) pula sesuai digunakan di lokasi yang berisiko dinaiki air. Kelebihan *porous asphalt* adalah untuk meningkatkan rintangan gelinciran kelajuan tinggi terutama ketika hujan, mengurangkan kesan *hydroplaning*, mengurangkan percikan air dari tayar kenderaan, mengurangkan pantulan dan silauan cahaya lampu kenderaan di atas pemukaan jalan yang basah dan mengurangkan bunyi bising dari tayar kenderaan yang bergerak.

Secara dasarnya, pembinaan struktur jalan dalam negara ini telah mengambil kira reka bentuk struktur jalan raya yang kukuh dan selamat sepanjang jangka hayat reka bentuk. Parameter utama yang telah diambil kira dalam reka bentuk struktur jalan termasuk data trafik harian tahunan, kadar pertumbuhan trafik, jumlah kenderaan perdagangan serta faktor beban setara, bentuk muka bumi selain daripada penggunaan bahan-bahan yang berkualiti.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB DATO' DR. AHMAD AZAM BIN
HAMZAH

DATO' DR. AHMAD AZAM BIN HAMZAH minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan keselamatan jalan raya menjadi isu utama di Malaysia dengan angka kematian akibat kecelakaan lalu lintas yang masih tinggi. Apakah langkah-langkah yang Kementerian telah laksanakan bagi mengurangkan angka kecelakaan termasuk peningkatan hukuman, peningkatan infrastruktur jalan raya dan kempen keselamatan jalan raya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pengangkutan telah membangunkan Pelan Keselamatan Jalan Raya Malaysia 2022-2030 (PKJRM 2022-2030) dan telah dilancarkan pada tahun 2022. Penetapan PKJRM 2022-2030 adalah mensasarkan untuk mencapai pengurangan jumlah kematian akibat naas jalan raya sekurang-kurangnya pada kadar 50% menjelang tahun 2030. Hala tuju ini juga adalah selaras dengan seruan dan sasaran resolusi 74/299, Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), yang mengisyiharkan tahun 2021-2030, sebagai dekad tindakan keselamatan yang kedua sejurus tamatnya dekad yang pertama pada tahun 2020 yang lalu. Bagi memudahkan proses pemantauan dan pengukuran pencapaian, pelaksanaan PKJRM 2022-2030 telah dibahagikan kepada dua fasa utama. Fasa Pertama yang bermula pada tahun 2022 hingga tahun 2027 merupakan fasa untuk membiasakan diri, belajar dan membuat penilaian yang disokong. Manakala Fasa Kedua dari tahun 2028 hingga tahun 2030 merupakan fasa penyelarasan dan profesional. Setiap fasa yang dirancang akan diukur dan dipantau melalui Pelan Tindakan kepada PKJRM 2022-2030.

2. Kementerian Pengangkutan juga telah meminda Akta Pengangkutan Jalan [Akta 333] pada tahun 2020 terhadap kesalahan pemanduan di bawah pengaruh (DUI) merangkumi seksyen 41 hingga 45. Pindaan yang dilaksanakan antaranya adalah berkaitan dengan kenaikan denda dan peningkatan hukuman yang telah diluluskan oleh Dewan Negara pada 26 Ogos 2020 dan mula dikuatkuasakan pada 23 Oktober 2020. Selain itu, pada tahun 2023, Kementerian Pengangkutan telah

NO SOALAN: 35

meminda Kaedah-Kaedah Kenderaan Motor (Pengecualian) 2023 dan telah berkuat kuasa pada 29 Mac 2023. Pindaan ini bertujuan untuk memberikan perkhidmatan lebih baik kepada orang ramai dan keselamatan pengguna jalan raya lebih terjamin.

3. Sebagai contoh, pindaan di bawah seksyen 44, Akta 333 terhadap kesalahan pemanduan di bawah pengaruh DUI adalah sebagaimana berikut:

Jadual 1: Memandu semasa di bawah pengaruh minuman yang memabukkan/dadah dan menyebabkan KEMATIAN

Hukuman	Sedia ada		Pindaan	
	Kesalahan pertama	Kesalahan berikutnya	Kesalahan pertama	Kesalahan berikutnya
Penjara (tahun)	3-10, dan	3-10, dan	10-15, dan	15-20, dan
Denda (RM)	8,000 – 20,000	8,000 – 20,000	50,000 – 100,000	100,000 – 150,000
Hilang Kelayakkan lesen	> 5 tahun	10 tahun	> 10 tahun	20 tahun

Jadual 2 : Memandu semasa di bawah pengaruh minuman yang memabukkan/dadah dan menyebabkan KECEDERAAN

Hukuman	Sedia ada		Pindaan	
	Kesalahan pertama	Kesalahan berikutnya	Kesalahan pertama	Kesalahan berikutnya
Penjara (tahun)	3-10, dan	3-10, dan	7 - 10, dan	10 - 15, dan
Denda (RM)	8,000 – 20,000	8,000 – 20,000	30,000 – 50,000	50,000 - 100,000
Hilang Kelayakkan lesen	> 5 tahun	10 tahun	> 7 tahun	10 tahun

4. Manakala, daripada aspek peningkatan infrastruktur jalan raya, Kementerian Pengangkutan sentiasa bekerjasama dengan Kementerian Kerja Raya (KKR) dan Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) dalam memastikan kemudahan dan infrastruktur yang dibina adalah memenuhi aspek keselamatan pengguna jalan raya. Kerjasama ini juga terkandung melalui indikator pengukuran bagi Bidang Keutamaan 7 iaitu Infrastruktur Yang Lebih Selamat dalam PKJRM 2022-2030. Selain daripada menambahbaik fabrik jalan dan meningkatkan infrastruktur jalan, rangkaian pengangkutan awam juga ditambah baik seperti menambah kekerapan bas dan mengurangkan tempoh masa perjalanan dengan mengambil konsep *first mile and last mile connectivity*. Selain itu, rangkaian dan kekerapan perkhidmatan rel juga ditambahbaik dalam usaha mengekang kesesakan dan kemalangan di jalan raya.
5. Melalui kempen keselamatan jalan raya pula, Kementerian Pengangkutan melalui agensinya iaitu Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya (MIROS) sentiasa menjalankan aktiviti advokasi dan kempen keselamatan jalan raya. Salah satu program yang dilaksanakan oleh JPJ ialah *Safety Awareness and Focused Advocacy for Road Users* (SAFER), iaitu satu program advokasi dan kempen bersama pihak berkepentingan di seluruh negara dalam menitikberatkan kesedaran tentang keselamatan jalan raya. Manakala, bermula Julai 2023, Program Insentif Pembelian Kerusi Keselamatan Kanak-kanak Malaysia (MyCRS) bagi golongan B40 dan M40 akan dilaksanakan oleh MIROS dengan menggunakan peruntukan bajet 2023 yang telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan (MOF).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB DATO' DR. AHMAD AZAM BIN
HAMZAH

DATO' DR. AHMAD AZAM BIN HAMZAH minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah perancangan Kementerian untuk mengatasi masalah kekurangan tenaga medik di Malaysia, terutama di daerah-daerah pedalaman dan kurang membangun.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Setakat 31 Mac 2023, Kementerian Kesihatan mempunyai seramai 303,462 pegawai daripada pelbagai skim perkhidmatan yang merangkumi 261,672 pegawai lantikan tetap dan 41,790 pegawai lantikan kontrak. Pegawai ini ditempatkan di pejabat dan fasiliti kesihatan di seluruh negara termasuk di luar bandar dan pedalaman bagi menyampaikan perkhidmatan kesihatan kepada rakyat.
2. Bagi memastikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat, Kementerian Kesihatan melaksanakan inisiatif berikut, antaranya:
 - (a) melaksanakan 42 konsep hospital kluster di seluruh negara yang mengutamakan perkongsian kemudahan, sumber manusia dan pakar perubatan dalam lingkungan hospital-hospital yang diklusterkan;
 - (b) melaksanakan konsep *visiting specialist* (dengan izin) bagi pakar perubatan menyampaikan rawatan kepakaran kepada penduduk di luar bandar dan kawasan pedalaman;
 - (c) melantik secara kontrak pakar perubatan dalam bidang-bidang kritikal dan masih dipenuhi berdasarkan kedudukan peruntukan kewangan semasa;
 - (d) melaksanakan aktiviti penyumberluaran (*outsourcing*) perkhidmatan perawatan kepada fasiliti kesihatan swasta; dan

NO SOALAN: 36

- (e) menempatkan pakar perubatan keluarga di klinik kesihatan terpilih iaitu Klinik Kesihatan Jenis 1 hingga Jenis 4 bagi meningkatkan mutu perkhidmatan kepada rakyat di kawasan berkenaan dan sekitarnya.
3. Bagi perkhidmatan di kawasan pedalaman, Kementerian Kesihatan juga memperkuuh perkhidmatan kesihatan primer menerusi 280 pasukan klinik bergerak di 11 buah negeri iaitu sebanyak 200 pasukan darat dengan penggunaan bas, van dan kenderaan pacuan 4 roda, sebanyak 69 pasukan perubatan menggunakan bot dan sebanyak 11 pasukan perubatan udara (*flying doctor service*) dengan menggunakan helikopter.
4. Melalui strategi pembangunan dan perluasan fasiliti kesihatan, Kementerian Kesihatan dari semasa ke semasa melaksanakan perancangan dan pembinaan serta naik taraf fasiliti kesihatan di kawasan luar bandar dan pedalaman bagi memastikan akses rakyat yang lebih baik untuk mendapat perkhidmatan kesihatan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB DATUK JOHN AMBROSE

DATUK JOHN AMBROSE minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah perangkaan terkini mengenai butiran kategori pendapatan isi rumah mengikut kategori B40, M40, T20 menurut pecahan tahun 2019, 2020, 2021 dan 2022.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, statistik terkini kategori kumpulan pendapatan adalah berdasarkan Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIES & BA) pada tahun 2019. Survei ini dilaksanakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dengan kekerapan dua kali bagi setiap lima tahun. Survei terkini adalah pada tahun 2022 dan Laporan HIES & BA 2022 akan diterbitkan pada suku ketiga tahun 2023.

Perincian bilangan isi rumah dan had pendapatan, pendapatan isi rumah serta agihan pendapatan kumpulan isi rumah mengikut negeri adalah seperti di **Jadual 1, Jadual 2** dan **Jadual 3**.

Jadual 1: Bilangan isi rumah mengikut kumpulan isi rumah dan negeri, Malaysia, 2019

Negeri	Tertinggi 20%	Pertengahan 40%	Terendah 40%
Bilangan isi rumah ('000)			
Malaysia	1,455.3	2,910.7	2,910.7
Johor	175.7	351.9	351.7
Kedah	99.5	199.1	199.1
Kelantan	69.1	138.2	138.2
Melaka	45.6	91.1	91.2
Negeri Sembilan	54.1	108.3	108.4
Pahang	69.8	139.5	139.5
Pulau Pinang	89.7	179.5	179.5
Perak	127.8	255.8	255.8
Perlis	11.8	23.5	23.5
Selangor	324.5	649.3	649.3
Terengganu	51.4	103.1	103.1
Sabah	102.6	205.3	205.3
Sarawak	125.0	250.2	250.2
W.P. Kuala Lumpur	96.9	193.7	193.7
W.P. Labuan	4.7	9.5	9.5
W.P. Putrajaya	6.5	13.1	13.1

Jadual 2: Had pendapatan kasar isi rumah bulanan mengikut kumpulan isi rumah dan negeri, Malaysia, 2019

Negeri	Had pendapatan (RM)		
	Tertinggi 20%	Pertengahan 40%	Terendah 40%
Malaysia	≥ 10,960	4,850 - 10,959	< 4,850
Johor	≥ 10,880	5,400 - 10,879	< 5,400
Kedah	≥ 7,550	3,710 - 7,549	< 3,710
Kelantan	≥ 6,620	3,030 - 6,619	< 3,030
Melaka	≥ 10,730	5,110 - 10,729	< 5,110
Negeri Sembilan	≥ 9,300	4,210 - 9,299	< 4,210
Pahang	≥ 7,600	3,900 - 7,599	< 3,900
Pulau Pinang	≥ 10,680	5,310 - 10,679	< 5,310
Perak	≥ 7,640	3,660 - 7,639	< 3,660
Perlis	≥ 7,930	3,870 - 7,929	< 3,870
Selangor	≥ 14,440	6,960 - 14,439	< 6,960
Terengganu	≥ 9,260	4,720 - 9,259	< 4,720
Sabah	≥ 8,200	3,490 - 8,199	< 3,490
Sarawak	≥ 8,650	3,720 - 8,649	< 3,720
W.P. Kuala Lumpur	≥ 16,640	9,150 - 16,639	< 9,150
W.P. Labuan	≥ 11,390	5,910 - 11,389	< 5,910
W.P. Putrajaya	≥ 16,330	8,650 - 16,329	< 8,650

Jadual 3: Agihan Pendapatan Isi Rumah, 2019

Kumpulan Desil		Agihan Pendapatan (%)
MALAYSIA		100
T20	T2	30.7
	T1	16.1
M40	M4	12.3
	M3	9.9
	M2	8.2
	M1	6.8
	B4	5.6
B40	B3	4.5
	B2	3.5
	B1	2.4

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB DATUK JOHN AMBROSE**

DATUK JOHN AMBROSE minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah jumlah mangsa sindiket pemerdagangan orang yang dieksplotasi di luar negara sepanjang tahun 2021 hingga Ogos 2022 dan berapa jumlah mangsa yang berjaya diselamatkan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Keselamatan rakyat Malaysia sama ada di dalam negara maupun di luar negara adalah merupakan perkara penting yang selalu diambil berat oleh pihak Kerajaan. Dalam hal ini, pihak Kerajaan dari semasa ke semasa akan sentiasa memastikan isu keselamatan rakyat Malaysia senantiasa terpelihara walaupun mereka berada jauh dari tanah air.

Berdasarkan rekod pihak Polis DiRaja Malaysia, terdapat 191 laporan polis yang telah diterima sehingga Ogos 2022 yang melibatkan 238 orang mangsa rakyat Malaysia yang telah diperdaya dan dipaksa bekerja dengan sindiket *scammer* atau lebih kita kenali sebagai '*job scam*'. Daripada jumlah ini, 73 orang telah berjaya diselamatkan dan dibawa pulang ke tanah air dan seramai 165 orang lagi masih terkandas di pelbagai negara dan menunggu untuk diselamatkan pada waktu itu.

Sehingga Jun 2023, adalah dilaporkan sebanyak 284 laporan polis telah diterima yang melibatkan 368 orang mangsa. Daripada angka ini, seramai 253 orang (68.75%) telah berjaya diselamatkan dan hanya 115 orang (31.25%) masih dalam proses untuk diselamatkan.

NO SOALAN: 38

Pihak Kerajaan sentiasa akan berusaha sedaya upaya untuk menyelamatkan rakyat Malaysia dari terus menjadi mangsa sindiket dan komited untuk membawa mereka yang terkandas untuk pulang ke Malaysia. Walau bagaimanapun, saya bagi pihak Kerajaan ingin mengingatkan rakyat Malaysia supaya tidak mudah terpengaruh dengan tawaran lumayan oleh mana-mana pihak bagi mengelakkan mereka menjadi mangsa dan penyumbang kepada statistik ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB DATUK BOBBEY BIN SUAN

DATUK BOBBEY BIN SUAN minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah jumlah mereka yang masih ditahan di bawah Akta SOSMA. Daripada jumlah ini, berapakah tahanan bukan warganegara Malaysia dan berikan pecahan mengikut negara asal mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman, jumlah individu yang masih ditahan di bawah SOSMA 2012 sehingga 31 Mei 2023 adalah seramai 194 orang. Daripada jumlah tersebut, seramai 185 adalah warganegara dan baki seramai sembilan (9) orang adalah bukan warganegara dengan pecahan tujuh (7) orang warga Indonesia, seorang warga Bangladesh dan seorang warga Myanmar.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB DATUK BOBBEY BIN SUAN

DATUK BOBBEY BIN SUAN minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan apakah pelan dan tindakan perancangan awal oleh pihak Kerajaan Pusat bagi menghadapi kemungkinan banjir besar berikutan fenomena La Nina, Monsun Timur Laut dan taburan hujan di luar jangkaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Negara pada amnya dalam tempoh Jun/Julai sehingga awal tahun 2024, dijangka mengalami fenomena El Niño. Walau bagaimanapun, Monsun Timur Laut merupakan musim hujan utama negara kita. Sistem cuaca monsun yang terbentuk bersama-sama dengan luruhan udara sejuk dari Siberia menghasilkan hujan lebat yang sering menyebabkan banjir besar di negeri-negeri pantai timur Semenanjung iaitu negeri Kelantan, Terengganu, Pahang dan Johor Timur, serta negeri Sarawak dan Sabah di Malaysia Timur. Fenomena La Niña pula merupakan suatu keadaan yang bertentangan dengan El Niño. Dalam keadaan ini, kebiasaannya berlakunya pembentukan awan yang lebih aktif dan boleh mengakibatkan keadaan hujan di atas paras purata. Sekiranya fenomena-fenomena ini berlaku serentak, ia boleh menyebabkan hujan ekstrem dan mengakibatkan risiko banjir yang lebih tinggi.

2. Kementerian melalui Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia) sentiasa memantau keadaan cuaca serta fenomena El Niño atau La Niña bagi memastikan kesiapsiagaan pengurusan bencana Negara. MET Malaysia juga turut memberikan taklimat cuaca di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Bencana peringkat Persekutuan, Negeri dan Daerah sekiranya terdapat keadaan cuaca yang boleh membawa kemusnahan kepada Negara.

NO SOALAN: 40

3. Kementerian melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) pula berperanan membuat ramalan dan amaran banjir untuk seluruh negara melalui Program Ramalan dan Amaran Banjir (PRAB). PRAB merupakan program ramalan awal banjir dengan pelaksanaan *National Flood Forecasting and Warning System* (NaFFWS) yang membuat pengesahan hujan dan aras air pada masa sebenar (*real time*).
4. Sistem NAFFWS bagi 25 lembangan sungai telah siap sepenuhnya dan memasuki fasa operasi manakala sistem NAFFWS bagi 16 lembangan sungai dijangka siap pada tahun 2025 menjadikan jumlah keseluruhan lembangan sungai bagi PRAB adalah sebanyak 41.
5. JPS juga sedang dalam pembinaan secara berfasa sebanyak 526 buah stesen siren amaran banjir di seluruh negara. Stesen siren amaran banjir ini ditempatkan di lokasi *hotspot* banjir seluruh negara sebagai sistem amaran awal dimana amaran banjir akan dikeluarkan kepada penduduk kawasan-kawasan yang bakal terjejas.
6. JPS di bawah inisiatif PRAB juga telah melaksanakan projek Sistem Pengurusan Maklumat Ramalan dan Amaran Banjir Negara yang dinamakan sebagai Sistem Operasi Ramalan Bersepadu atau *Integrated Forecast Operation System* (iFOS). Modul utama iFOS iaitu portal PublicInfobanjir boleh digunakan oleh rakyat untuk mengetahui ramalan banjir, status semasa aras air sungai dan hujan di seluruh negara melalui laman sesawang www.publicinfobanjir.water.gov.my. Pengguna dan orang awam juga boleh menggunakan aplikasi mudah alih iaitu MyPublic Infobanjir yang boleh dimuat turun di *Apple Store & Google Play Store* untuk mendapatkan maklumat amaran banjir, status aras air sungai dan hujan di seluruh negara.

NO SOALAN: 40

7. Untuk meningkatkan kecekapan penyampaian hebahan amaran banjir MCMC, NADMA, JPS dan MET Malaysia telah melaksanakan hebahan amaran bencana banjir menggunakan kaedah *flash broadcast* / SMS kepada pengguna telefon di lokasi yang diramalkan banjir berdasarkan maklumat sistem NaFFWS yang telah dibangunkan.
8. Selain itu, dalam Rancangan Malaysia ke-12, Kementerian melalui JPS juga menerima peruntukan pembangunan sebanyak RM11.53 bilion untuk pelaksanaan 93 projek tebatan banjir melibatkan 48 projek dalam peringkat pra pelaksanaan, 34 projek dalam peringkat pembinaan dan 11 projek dalam peringkat pasca pelaksanaan termasuk RM1.01 bilion yang telah diluluskan dalam *Rolling Plan 3 (RP3)*.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB DATUK BOBBEY BIN SUAN

DATUK BOBBEY BIN SUAN minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah yang diambil bagi menarik lebih ramai pelajar-pelajar bukan Bumiputera kembali bersekolah di Sekolah Kebangsaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Akta Pendidikan 1996 [Akta 550] telah digubal untuk memastikan sistem pendidikan Malaysia dapat melahirkan masyarakat yang menguasai ilmu, berkemahiran, berdaya saing serta mengamalkan nilai murni yang selari dengan perkembangan sains, teknologi dan maklumat.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa memastikan sistem pendidikan kebangsaan adalah selari dengan perkembangan semasa. Bagi tujuan yang tersebut, KPM telah melakukan transformasi terkini dalam semua aspek pendidikan melalui pelbagai inisiatif terancang dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Salah satu inisiatif yang terkandung dalam PPPM 2013-2025 adalah pemerksaan sekolah kebangsaan (SK) sebagai sekolah pilihan bagi masyarakat di Malaysia. Antara langkah yang diambil KPM dalam memperkasakan SK adalah seperti yang berikut:

- i. menyediakan infrastruktur yang lengkap dan berkualiti;
- ii. mengupayakan pemimpin dan guru yang cekap, kompeten dan berkualiti;
- iii. memastikan semua murid Tahap 1 menguasai 3M (membaca, menulis dan mengira);
- iv. memastikan kemenjadian murid secara holistik yang merangkumi aspek kognitif, afektif dan psikomotor;
- v. menyediakan sistem sokongan yang kuat dan mencukupi;
- vi. menyediakan iklim dan budaya sekolah yang sihat;

- vii. menawarkan dan melaksanakan kurikulum berasaskan pelanggan; dan
- viii. memantapkan pelaksanaan aktiviti kokurikulum dan sukan.

Bagi menjadikan SK sebagai sekolah pilihan masyarakat, KPM juga telah menawarkan mata pelajaran bahasa tambahan seperti Bahasa Cina Komunikasi, Bahasa Tamil Komunikasi dan Bahasa Arab Komunikasi di SK. Selain itu, pemupukan kemahiran digital murid mula diperkenalkan dari sekolah rendah melalui pelaksanaan Modul Aplikasi TMK merentas kurikulum pada Tahap 1 dan pengaturcaraan dan teknologi robotik dalam mata pelajaran Reka Bentuk Teknologi (RBT). Bagi menyokong penguasaan Bahasa Inggeris (BI) murid, *Dual Language Programme* (DLP) dilaksanakan dengan memberi pilihan kepada sekolah menggunakan bahasa Inggeris dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) Sains dan Matematik.

Pendidikan digital juga turut diberikan tumpuan dan terus menjadi agenda KPM. Melalui penaiktarafan Pelantar *Digital Educational Learning Initiative Malaysia* (DELIMa), bahan pengajaran dan pembelajaran digital dan interaktif yang terkini disediakan secara berterusan. Selain itu, DELIMa juga memperluas peluang murid SK belajar secara aktif dan kolaboratif bersama-sama murid lain sama ada secara maya ataupun secara bersemuka.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, SK menyediakan peluang yang luas bagi membolehkan murid menyerlahkan bakat di pelbagai peringkat. Melalui pelbagai inisiatif dan program yang telah dilaksanakan dari peringkat sekolah sehingga antarabangsa, pelbagai kejayaan murid dalam bidang sukan, kebudayaan mahupun STEM telah

NO SOALAN: 41

dicapai. Dalam pelibatan sukan, atlet KPM telah beraksi cemerlang dalam pelbagai disiplin sukan di temasya Sukan SEA Hanoi 2022 dan terkini dalam Sukan SEA Kemboja 2023 dengan memenangi lima pingat emas, 10 pingat perak dan tujuh pingat gangsa. Bidang kebudayaan juga menjadi satu daripada kejayaan KPM pada peringkat antarabangsa dengan kejayaan menggondol beberapa anugerah utama dalam VIII *World Cup Of Folklore* 2023. Selain itu, murid Malaysia juga menunjukkan pencapaian yang membanggakan dalam bidang STEM seperti dalam pertandingan 52nd *International Physics Olympiad, Grand Award in Robotics and Intelligent Machines* serta *Formula One In Schools World Finals* 2022. Pelibatan dan kejayaan murid di SK ini jelas membuktikan bahawa KPM menitikberatkan kemenjadian murid bagi kelangsungan kemajuan negara kelak.

KPM akan terus komited melaksanakan pelbagai inisiatif dalam usaha memperkasakan SK sebagai sekolah pilihan masyarakat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB DATUK BOBBEY AH FANG BIN
SUAN

DATUK BOBBEY AH FANG BIN SUAN minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah jumlah faedah hutang negara telah dibayar oleh Kerajaan bagi tahun 2018, 2019, 2020, 2021 dan 2022.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa komited dalam memastikan bayaran khidmat hutang atau *debt service charges* (DSC) yang merangkumi bayaran faedah tahunan ke atas hutang terkumpul Kerajaan Persekutuan dilaksanakan mengikut jadual yang ditetapkan. DSC ini diperuntuk sebagai item tanggungan T13 iaitu salah satu perbelanjaan tanggungan yang terlebih dahulu diberi keutamaan daripada item perbelanjaan yang lain, seperti yang termaktub di bawah Perkara 98(1)(b) Perlembagaan Persekutuan.

Bagi 2018 bayaran DSC adalah sebanyak RM30.5 bilion, RM32.9 bilion pada 2019, RM34.5 bilion pada 2020, dan RM38.1 bilion pada 2021. Manakala untuk tahun 2022 pula, DSC Kerajaan adalah sebanyak RM41.3 bilion.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB DR. LINGESHWARAN A/L DATO'
SERI R. ARUNASALAM

DR. LINGESHWARAN A/L DATO' SERI R. ARUNASALAM minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah senarai kriteria untuk kenaikan pangkat pakar-pakar ke Gred Khas / JUSA. Seorang Pakar Perunding Kanan telah menyuarakan kekecewaan beliau di New Straits Times bertarikh 4hb Mei 2023 terhadap sistem kenaikan pangkat yang tidak telus dan adil di KKM.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pelaksanaan urusan kenaikan pangkat Pakar Perubatan Klinikal (Pakar Perunding) ke Gred Khas C dan ke atas di Kementerian Kesihatan dibuat berdasarkan iklan dan kriteria kenaikan pangkat seperti berikut:
 - (a) laporan penilaian prestasi tahun atau pencapaian Petunjuk Prestasi Utama;
 - (b) kecemerlangan prestasi dan sumbangan di Kementerian Kesihatan, dalam negara dan di peringkat antarabangsa;
 - (c) sumbangan pegawai kepada perkhidmatan, contohnya sebagai Ketua Perkhidmatan di peringkat Kementerian Kesihatan, negeri dan daerah serta menjadi Penyelaras Program Sarjana/ laluan paralel/ Program Subkepakaran;
 - (d) kedudukan kekananan sebagai pakar perubatan dikira berdasarkan tarikh warta kepakaran asas dan kenaikan pangkat atas gred jawatan terdahulu;
 - (e) distribusi mengikut disiplin berdasarkan keperluan kepakaran dan pengisian Gred Khas A, B dan C sedia ada;
 - (f) sedang atau pernah berkhidmat di Sabah dan Sarawak atau hospital di kawasan pedalaman dan kawasan tidak popular;
 - (g) input daripada pelbagai pihak seperti Ketua Perkhidmatan, Pengarah Kesihatan Negeri atau Pengarah Hospital berkaitan perakuan pemangku/ kenaikan pangkat pegawai;
 - (h) pegawai yang diperakukan bebas aduan atau tindakan tatatertib dan tidak berada dalam tempoh Cuti Tanpa Gaji yang panjang.

NO SOALAN: 43

2. Pegawai dipertimbang kenaikan pangkat berdasarkan kekosongan jawatan menerusi mesyuarat Jawatankuasa Kenaikan Pangkat KKM (JNPKKM) yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha (KSU) KKM dan dianggotai oleh Ketua Pengarah Kesihatan (KPK) sebelum diperakukan untuk pertimbangan kelulusan oleh Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara (KSN).

Sekian,terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB DR. LINGESHWARAN A/L DATO'
SERI R. ARUNASALAM

DR. LINGESHWARAN A/L DATO' SERI R. ARUNASALAM minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan mengapakah ramai Pegawai Perubatan yang ditawarkan Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) untuk program parallel pathway Perubatan Forensik telah ditangguhkan tempoh program mereka semenjak November 2022. Masa depan kerjaya mereka kini hancur akibat penangguhan yang dimaklumkan seminggu sebelum mereka sepatutnya berlepas ke United Kingdom.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman, Latihan Kepakaran *Parallel Pathway* bagi bidang Forensik Patologi menggunakan kelulusan *Diploma of Jurisprudence* (DMJ) yang dikendalikan oleh *The Worshipful Society of Apothecaries* di United Kingdom.
2. Walau bagaimanapun, *The Worshipful Society of Apothecaries* telah memutuskan untuk menghentikan penawaran diploma berkenaan mulai 2024, di mana tidak ada lagi peperiksaan untuk mendapatkan diploma berkenaan. Perkara ini adalah di luar kawalan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).
3. Susulan itu, KKM terpaksa menangguhkan tawaran kepada 6 orang pegawai perubatan yang berkaitan. Beberapa siri perbincangan telah dilakukan bersama kesemua pegawai yang terlibat telah diadakan untuk mencari alternatif bagi menggantikan latihan berkenaan. Antaranya adalah Program Sarjana Perubatan di universiti atau latihan kepakaran *parallel pathway* di Australia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
**DARIPADA : YB DR. LINGESHWARAN AL DATO' SERI
R. ARUNASALAM**

DR. LINGESHWARAN AL DATO' SERI R. ARUNASALAM minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan apakah usaha Kerajaan dalam meningkatkan kadar penggunaan kereta elektrik (EV) khususnya dari segi peningkatan rangkaian stesen pengelas kenderaan elektrik dalam negara dan juga penukaran kenderaan jabatan Kerajaan kepada kereta elektrik sebagai satu langkah kepimpinan melalui teladan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) menerusi Pelan Pembangunan Mobiliti Rendah Karbon 2021-2030 (*Low Carbon Mobility Blueprint – LCMB*) sedang melaksanakan strategi dan pelan tindakan di bawah Bidang Fokus B iaitu pengurangan penggunaan tenaga dan pelepasan gas rumah kaca (*greenhouse gases – GHG*) melalui penggunaan mobiliti elektrik. Pelaksanaan LCMB adalah selaras dengan sasaran oleh Dasar Pengangkutan Negara dan melengkapi Dasar Automotif Nasional (NAP) 2020.
2. Strategi dan inisiatif bersesuaian bagi menggalakkan penggunaan kenderaan elektrik (*Electric Vehicle - EV*) telah dikenal pasti seperti penyediaan infrastruktur pengecasan. Di dalam pelan tersebut, Kerajaan telah mensasarkan sebanyak 10,000 unit pengecas EV dipasang di seluruh negara menjelang tahun 2025 bagi menggalakkan penggunaan EV.
3. Melalui Belanjawan 2023, Kerajaan mengambil inisiatif untuk menyokong pembangunan industri EV tempatan dan menggalakkan permintaan domestik EV dengan menyediakan pelbagai galakan cukai.
4. Bagi mempercepatkan pencapaian sasaran penyediaan 10,000 stesen pengecasan EV menjelang tahun 2025, pengecualian cukai pendapatan 100% telah diperkenalkan ke atas pendapatan berkanun pengilang peralatan pengecasan EV mulai tahun taksiran 2023 hingga

tahun taksiran 2032 dan Elaun Cukai Pelaburan 100% untuk tempoh 5 tahun.

5. *Green Investment Tax Allowance (GITA) Asset* bagi peralatan pengecasan (sebagai aset syarikat) dan *Green Income Tax Exemption (GITE) Services* bagi servis berkaitan pengecasan seperti pemasangan, penyelenggaraan dan sebagainya.
6. Usaha ini akan turut disokong oleh inisiatif-inisiatif oleh Petronas Gentari dengan penyediaan 500 unit kemudahan pengecasan EV di seluruh negara dan Tenaga Nasional Berhad (TNB) menyediakan kemudahan pengecasan EV di 70 lokasi tumpuan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
**DARIPADA : YB DR. LINGESHWARAN A/L DATO'
SERI R. ARUNASALAM**

DR. LINGESHWARAN A/L DATO' SERI R. ARUNASALAM minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah untuk mengurangkan kesesakan institusi penjara kerana isu kesesakan merupakan satu risiko untuk penularan penyakit-penyakit berjangkit seperti COVID-19. Laporan Free Malaysia Today bertarikh 30 Mac 2023, melaporkan bahawa jumlah banduan di penjara telah melebihi kapasiti maksimum sebanyak 10.15 peratus.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi mengatasi kesesakan di institusi penjara, Jabatan Penjara Malaysia telah mengambil inisiatif dengan menempatkan banduan sabitan dan reman kategori risiko keselamatan minima ke beberapa bekas kem Pusat Latihan Khidmat Negara (PLKN) yang telah diwartakan sebagai penjara di bawah Seksyen 3, Akta Penjara 1995.

Di samping itu, selaras dengan hala tuju Jabatan Penjara Malaysia iaitu 2/3 banduan sabitan yang layak akan menjalani pemulihan di luar tembok penjara, Jabatan Penjara Malaysia telah melaksanakan program Sistem Parol, Perintah Kehadiran Wajib, Program Reintegrasi Penghuni Industri, *Program Corporate Smart Internship (CSI)* dan Pelepasan Banduan Secara Lesen yang mana secara tidak langsung dapat mengurangkan kesesakan di institusi penjara. Pada Julai 2022, Dewan Rakyat telah meluluskan Rang Undang-Undang Kehadiran Wajib Pesalah-Pesalah (Pindaan) 2022 bagi memberikan peluang kepada lebih ramai pesalah menjalani hukuman serta di luar tembok penjara bersama komuniti.

Bagi menangani penularan penyakit berjangkit, Jabatan Penjara Malaysia sentiasa mengambil langkah proaktif dengan mematuhi *Standard Operating Procedure (SOP)* yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk merawat, melaksanakan kuarantin dan mencegah penularan wabak tersebut kepada banduan dan kakitangan. Jabatan Penjara Malaysia turut mempunyai Perintah Tetap Jabatan berhubung dengan ujian saringan COVID-19, yang mana telah

NO SOALAN: 46

menetapkan agar semua banduan menjalani ujian pengesahan COVID-19 semasa kemasukan bagi memastikan penularan COVID-19 di penjara dapat dicegah lebih awal.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, tahap kesesakan penghuni penjara pada tahun 2020 iaitu sewaktu berlakunya penularan wabak COVID-19 di dalam penjara adalah seramai 10,905 atau 19.14% melebihi kapasiti. Walau bagaimanapun, hasil daripada pelbagai inisiatif yang dilaksanakan, tahap kesesakan tahap kesesakan sehingga 14 Jun 2023 telah menurun kepada 3,273 orang banduan atau 4.7% sahaja (jumlah yang telah melebihi kapasiti).

Kementerian Dalam Negeri dan Jabatan Penjara Malaysia bersama-sama dengan Agensi kerajaan lain yang berkaitan, akan sentiasa bekerjasama dalam memastikan inisiatif-inisiatif dalam menangani masalah kesesakan di penjara ini dilaksanakan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB DR. LINGESHWARAN A/L DATO'
SERI R. ARUNASALAM**

**Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam minta MENTERI
BELIA DAN SUKAN menyatakan berapa ramaikah pemenang pingat
emas di Sukan Malaysia (SUKMA) dalam tempoh 15 tahun sebelum ini
telah berjaya meraih pingat di temasya Sukan SEA, Sukan Asia, Sukan
Komanwel dan Sukan Olimpik dalam 10 tahun yang lepas.**

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penganjuran temasya Sukan Malaysia (SUKMA) mempunyai objektif utama untuk mencungkil dan memberi peluang kepada bakat muda negara untuk menyerlahkan potensi serta meningkat prestasi bagi memastikan Malaysia dapat menampilkan saingan berkualiti di pentas antarabangsa.

SUKMA sebelum ini telah berjaya menjadi medan kelahiran ramai atlet hebat negara termasuk Datuk Shalin Zulkifli (mewakili Selangor dalam Tenpin Boling), Datuk Nicol David (mewakili Pulau Pinang dalam Skuasy), Datuk Wira Lee Chong Wei (mewakili Pulau Pinang dalam Badminton) dan Dato' Azizulhasni Awang (mewakili Terengganu dalam Berbasikal).

Pada dekad ini, atlet yang memenangi pingat emas SUKMA telah berjaya mencatatkan prestasi cemerlang di peringkat Sukan SEA, Sukan Asia, Sukan Komanwel dan Sukan Olimpik adalah seperti berikut:

1. Nur Dhabitah Sabri (Akuatik-Terjun)
2. Zaidatul Husniah Zulkifli (Olahraga)
3. Alia Sazana Azahari (Menembak)
4. Muhammad Irfan Shamsuddin (Olahraga)
5. Wong Weng Son (Wushu)
6. Ng Eain Yow (Skuasy)
7. Jellson Jabillin (Akuatik-Terjun)
8. Muhammad Fadhil Mohd Zonis (Berbasikal)

9. Tan Cheong Min (Wushu)
10. Fauzi Kaman Shah (Pelayaran)
11. Sivasangari Subramaniam (Skuasy)
12. Rachel Yeoh Wen (Gimnastik)
13. Goh Jin Wei (Badminton)
14. Muhd Shah Firdaus (Berbasikal)
15. Ervin Chang (Golf)
16. Nur Alia Ghafar (Lawn Bowls)
17. Sheeren Samson Ballabouy (Olahraga)
18. Mohamad Aniq Kasdan (Angkat Berat)
19. Muhammad Erry Hidayat (Angkat Berat)
20. Ng Tze Yong (Badminton)

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB DATUK WIRA KOH NAI KWONG**

DATUK WIRA KOH NAI KWONG minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah kesediaan Kerajaan untuk memandatorikan pembayaran gaji bulan ketiga belas seperti yang dilaksanakan oleh para majikan di Indonesia dan apakah terdapat pindaan akta yang perlu diperhalusi bagi tujuan ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

1. Pada masa ini, Kerajaan belum bersedia untuk memandatorikan pembayaran gaji bulan ketiga belas kepada majikan sektor swasta di negara ini. Tambahan pula, tiada peruntukan khusus berkenaan pembayaran gaji bulan ketiga belas di bawah mana-mana undang-undang perburuhan pada masa ini.
2. Secara amalannya, kebanyakan bayaran gaji adalah berdasarkan bayaran 12 bulan dan bayaran bonus yang tertakluk kepada budi bicara majikan.
3. Walau bagaimanapun kesatuan sekerja pekerja dengan pihak majikan atau kesatuan sekerja majikan, boleh membincangkan pembayaran gaji bulan ketiga belas semasa perundingan perjanjian kolektif atau perjanjian bersama. Sekiranya bersetuju, perkara tersebut boleh dimasukkan sebagai terma di dalam Perjanjian Kolektif tersebut dan ditandatangani oleh kedua-dua pihak iaitu pekerja dan majikan.
4. Sekiranya berlaku ketidakpatuhan (*non-compliance*) terhadap Perjanjian Kolektif yang telah dipersetujui, pihak kesatuan atau pekerja boleh melaporkan secara terus ke Mahkamah Perusahaan di bawah seksyen 56 Akta Perhubungan Perusahaan 1967 [Akta 177].

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB DATUK WIRA KOH NAI KWONG

DATUK WIRA KOH NAI KWONG minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah status pengoperasian, sasaran utama dan pencapaian terkini Pusat Kecemerlangan Kesihatan Mental Kebangsaan yang telah dilancarkan pada bulan Oktober dalam menangani isu kesihatan mental dalam kalangan rakyat Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pusat Kecemerlangan Kesihatan Mental Kebangsaan (NCEMH) ini telah ditubuhkan untuk beroperasi secara interim mulai 21 Oktober 2022. Pusat Kecemerlangan ini bertindak sebagai agensi peneraju dan koordinasi bagi menyelaraskan aktiviti-aktiviti serta program kesihatan mental yang menggabungkan komponen kesihatan awam, perubatan dan penyelidikan. Pusat ini juga menjadi satu platform dalam merancang dan melaksanakan perkhidmatan kesihatan mental yang melibatkan kolaborasi strategik agensi awam, swasta, universiti dan Pertubuhan Badan Bukan Kerajaan. Buat masa ini, NCEMH berfungsi dengan kapasiti anggota seramai 46 orang yang melaksanakan lima (5) skop utama iaitu:

- a) Promosi Kesihatan Mental dan Pencegahan Penyakit Mental;
- b) Intervensi Krisis Kesihatan Mental;
- c) Latihan dan Pendidikan Kesihatan Mental;
- d) Survelan Kesihatan Mental; dan
- e) Penyelidikan dan Inovasi.

2. Pencapaian terkini pusat ini adalah seperti yang berikut:

- a) **Talian Bantuan Krisis Kesihatan Mental - Talian HEAL 15555**

Talian HEAL 15555 (*Help with Empathy and Love*) telah beroperasi hampir tujuh (7) bulan di mana jumlah panggilan yang diterima sehingga 3 Jun 2023 adalah sebanyak 18,264 panggilan. Daripada jumlah ini, sebanyak 12,181 (67%) klien telah menerima bantuan sokongan dan emosi manakala 6,083

(33%) klien telah diberikan intervensi khusus oleh Pegawai Psikologi Kaunseling. Sebanyak 169 kes adalah melibatkan tingkah laku bunuh diri meliputi idea bunuh diri dan cubaan bunuh diri. Daripada jumlah ini, 67 kes idea bunuh diri telah diberikan intervensi dan 102 kes cubaan bunuh diri telah berjaya dibawa ke hospital untuk rawatan lanjut dengan mengaktifkan MERS999 dan kerjasama daripada pihak PDRM dan Jabatan Kecemasan.

b) Sesi Libat Urus Bersama Agensi Lain

Sesi libat urus bersama agensi lain juga telah dilaksanakan secara konsisten melibatkan pihak berkepentingan seperti Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dan Kementerian Komunikasi Digital (KKD) dalam usaha meningkatkan mutu perkhidmatan kesihatan mental negara.

c) Kolaborasi Bersama Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO)

Kementerian Kesihatan telah menyalurkan dana kepada 52 NGO yang terlibat secara aktif dalam aktiviti kesihatan mental di peringkat komuniti. Antara aktiviti yang telah dilaksanakan termasuk:

- i. Aktiviti advokasi seperti ceramah, seminar, webinar dan forum yang melibatkan pelbagai golongan sasar termasuk golongan bekerja, warga emas dan OKU.
 - ii. Perkhidmatan kaunseling dan bantuan sokongan sosial kepada pelbagai peringkat komuniti termasuk golongan B40 dan mangsa bencana.
 - iii. Latihan Bantuan Awal Psikologi (*Psychological First Aid*) kepada sukarelawan, golongan belia serta anggota kesihatan di fasiliti swasta.
 - iv. Program kesihatan mental melalui terapi seni dan persembahan kepada pelajar sekolah dan universiti.
 - v. Aktiviti kesihatan mental melalui sukan dan riadah bersama komuniti setempat.
- d) **Aktiviti promosi kesihatan mental melalui platform media sosial**
- Aktiviti promosi secara atas talian ini dilakukan secara berkala melalui platform Facebook, Instagram dan TikTok NCEMH. Setakat ini, sebanyak 350 infografik dan video pendidikan kesihatan mental telah di muatnaik di platform sosial media NCEMH dan telah berjaya mencapai 339,800 capaian setakat ini.
- e) **Pelaksanaan aktiviti latihan kepada ketua komuniti**
- Latihan bagi meningkatkan pengetahuan dan kesedaran kepentingan penjagaan kesihatan mental kepada ketua komuniti setempat telah dijalankan kepada seramai 20 orang penghulu dan ketua kampung. Latihan ini akan diteruskan secara berkala kepada ketua komuniti meliputi penghulu, ketua kampung, tok batin dan lain-lain.

f) Pembangunan modul kesihatan mental dalam MySejahtera

KKM telah memulakan perkhidmatan saringan kesihatan mental melalui aplikasi MySejahtera bagi tujuan pengesanan awal individu yang mempunyai masalah kesihatan mental. KKM juga sedang membangunkan modul kesihatan mental untuk dimasukkan ke dalam aplikasi MySejahtera bagi memastikan kesinambungan rawatan dan intervensi kesihatan mental yang diperlukan.

3. Pusat Kecemerlangan ini diharapkan akan memberi nilai tambah kepada perkhidmatan kesihatan mental sedia ada. Semoga dengan tertubuhnya Pusat Kecemerlangan ini akan terus memacu perkhidmatan kesihatan mental negara ke arah yang lebih baik demi kesejahteraan mental masyarakat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN :

BUKAN LISAN

DARIPADA :

YB DATUK WIRA KOH NAI KWONG

DATUK WIRA KOH NAI KWONG minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah statistik terkini kes yang menerima rawatan akibat penyakit berkaitan haba termasuk kes kelesuan haba dan strok haba di negara ini serta tindakan yang akan dilakukan oleh Kementerian selain hanya memberikan kesedaran tentang bahaya strok haba kepada masyarakat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Data kes berkaitan haba dari 1 April 2023 hingga 8 Jun 2023 adalah sebanyak 39 kes dengan pecahan kes mengikut diagnosis adalah lima (5) kes strok haba, 23 kelesuan haba dan 11 kes kejang haba. Semua kes yang mendapat rawatan telah discaj tanpa komplikasi kecuali satu (1) kes kematian melibatkan kanak-kanak berumur 11 tahun di Kelantan yang dilaporkan pada 25 April 2023.
2. Tindakan yang telah dilakukan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) selain memberikan kesedaran tentang bahaya strok haba kepada masyarakat adalah:
 - i. Mempertingkat aktiviti pencegahan, kawalan dan pemantauan penyakit berkaitan cuaca panas berdasarkan Pelan Tindakan Pengurusan Risiko Kesihatan akibat Gelombang Haba, KKM, 2021;
 - ii. Memperkuuhkan aktiviti perawatan di klinik kesihatan dan hospital bagi mengesan dan merawat kes berkaitan cuaca panas dengan berkesan. Ini termasuklah memastikan anggota sentiasa peka dan diberi latihan berdasarkan garis panduan *Clinical Guidelines on Management of Heat Related Illness at Health Clinic and Emergency and Trauma Department, Ministry of Health Malaysia (2016)* DAN memastikan bekalan ubat-ubatan dan peralatan yang mencukupi bagi tujuan perawatan pesakit

NO SOALAN: 50

- iii. Bekerjasama dengan pelbagai agensi kerajaan seperti Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), Kementerian Komunikasi dan Digital, Kementerian Sumber Asli dan Perubahan Iklim (NRECC) dan turut melibatkan kerjasama pemimpin masyarakat, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan sukarelawan kesihatan atau MyCHAMPION dalam menyalurkan maklumat dan memberi syor langkah-langkah pencegahan penyakit berkaitan cuaca panas.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN :

BUKAN LISAN

DARIPADA :

YB DATUK WIRA KOH NAI KWONG

DATUK WIRA KOH NAI KWONG minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah tindakan Kerajaan bagi menangani isu penyusutan permintaan dan tawaran subjek Kesusastraan Melayu Komunikatif (KMK) di sekolah-sekolah dalam Semenanjung Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Mata Pelajaran Kesusasteraan Melayu Komunikatif (KMK) merupakan mata pelajaran elektif yang dikenakan semula daripada Kesusasteraan Melayu. KMK ditawarkan kepada murid peringkat menengah atas. Bersesuaian dengan sifat mata pelajaran elektif tersebut, permintaan murid terhadap mata pelajaran tersebut berkait rapat dengan minat dan pilihan murid, sama ada ingin mengambil mata pelajaran KMK atau sebaliknya. Selain itu, pembelajaran mata pelajaran KMK juga memerlukan murid membaca karya pelbagai genre dalam pembelajaran. Namun begitu, terdapat kecenderungan dalam kalangan murid yang kurang berminat mengambil mata pelajaran yang memerlukan banyak pembacaan seperti mata pelajaran KMK. Sehubungan dengan itu, berlaku penyusutan terhadap penawaran dan permintaan mata pelajaran KMK.

KPM telah melaksanakan beberapa langkah bagi menarik minat sekolah untuk menawarkan mata pelajaran KMK setiap tahun kepada kohort baharu murid Tingkatan 4. Antara langkah yang diambil oleh KPM bagi mengatasi penyusutan penawaran dan permintaan mata pelajaran KMK ialah:

- i. mempergiat usaha dalam menjelaskan kepentingan mata pelajaran KMK dalam kalangan pentadbir dan murid sekolah;
- ii. bekerjasama dengan pihak JPN melalui pegawai bahasa agar sentiasa memberi galakkan kepada pihak sekolah supaya isu penyusutan penawaran mata pelajaran KMK dapat ditangani malah dapat ditingkatkan pengambilan daripada murid Tingkatan Empat dan Tingkatan Lima;

NO SOALAN: 51

- iii. memperkasa guru KMK dengan menyediakan ruang untuk guru menambah ilmu kesusasteraan dengan kerjasama pakar sastera dari IPTA. Kerjasama dan perkongsian ilmu melalui mesyuarat dan bengkel sastera yang diadakan akan menambah kemahiran guru dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang lebih menarik untuk murid mengikuti kelas KMK; dan
- iv. bekerjasama dengan Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA), Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Gabungan Persatuan Penulis Nasional Malaysia (GAPENA) dan Universiti Awam untuk turut menarik minat murid terlibat dengan aktiviti kesusasteraan.

KPM akan terus komited dalam memastikan kesinambungan mata pelajaran KPM terpelihara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB DATUK WIRA KOH NAI KWONG

DATUK WIRA KOH NAI KWONG minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah status pertimbangan Kerajaan terhadap cadangan cuti sekolah bersasar atau pelaksanaan PdPR di kawasan-kawasan yang terkesan dengan cuaca panas melampau.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa mengutamakan penjagaan kebajikan, kesihatan dan keselamatan murid termasuk semasa menghadapi keadaan cuaca panas berpanjangan ketika ini.

Berdasarkan Surat Siaran KPM Bilangan 5 Tahun 2016: Persediaan Sekolah Berhubung Penjagaan Kebajikan, Kesihatan dan Keselamatan Murid Semasa Menghadapi Cuaca Panas dan Kering Yang Berpanjangan bertarikh 26 April 2016, KPM mengingatkan semua jabatan pendidikan negeri (JPN), pejabat pendidikan daerah (PPD) dan institusi pendidikan agar melaksanakan langkah-langkah pencegahan yang sewajarnya semasa menghadapi fenomena cuaca panas dan kering berpanjangan atau sebarang keadaan cuaca di luar jangkaan.

Langkah tersebut termasuklah menangguhkan aktiviti luar bilik darjah jika cuaca terlalu panas, memastikan bekalan air minuman bersih mencukupi di institusi pendidikan dan menggalakkan pengambilan air dalam kalangan murid mengikut kuantiti yang sesuai bagi mengawal suhu badan. JPN, PPD dan institusi pendidikan juga diingatkan agar sentiasa berwaspada serta bekerjasama dengan klinik dan hospital berdekatan sekiranya berlaku sebarang komplikasi ke atas murid akibat cuaca panas.

NO SOALAN: 52

Terkini, KPM telah menyediakan Garis Panduan Pelaksanaan Aktiviti Luar Institusi Pendidikan Bawah Kementerian Pendidikan Malaysia Semasa Cuaca Panas yang dikeluarkan menerusi Surat Siaran Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 3 Tahun 2023 bertarikh 6 Jun 2023. Garis panduan ini merupakan panduan kepada semua institusi pendidikan bawah KPM agar dapat mengambil langkah-langkah dan tindakan sewajarnya semasa melaksanakan aktiviti luar bilik darjah bagi mengurangkan komplikasi akibat cuaca panas.

KPM turut mengeluarkan Surat Siaran Bilangan 1 Tahun 2023, Garis Panduan Penutupan Institusi Pendidikan Bawah Kementerian Pendidikan Malaysia Semasa Cuaca Panas, bertarikh 28 April 2023. Berdasarkan garis panduan yang dikeluarkan oleh KPM, pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) tidak dilaksanakan sekiranya sekolah ditutup berikutan cuaca panas melampau.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB DATO' DR. NELSON A/L
RENGANATHAN**

DATO' DR. NELSON A/L RENGANATHAN minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapakah bilangan sekolah SJK Tamil yang telah dikenal pasti sebagai sekolah daif yang perlu dibaik pulih dan apakah status terkini program membaik pulih sekolah-sekolah tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa proaktif dan memberi keutamaan dalam usaha menangani sekolah yang mempunyai bangunan daif di seluruh negara.

Berdasarkan data KPM sehingga April 2023, bilangan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) yang mempunyai bangunan daif di seluruh negara adalah sebanyak tiga buah. Kesemua sekolah tersebut adalah pada skala 6 berdasarkan analisis Skor Gred Impak. Dalam Rancangan Malaysia Ke-12 *Rolling Plan* 2 tahun 2022, KPM telah diluluskan projek pembinaan bangunan gantian lapan bilik darjah dan prasekolah di SJKT Dengkil, Selangor yang merupakan sekolah kerajaan. Status projek adalah di peringkat prabina.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dua buah SJKT yang mempunyai bangunan daif adalah SJKT Batu Caves, Selangor dan SJKT Ladang Victoria, Kedah. Kedua-dua buah SJKT ini merupakan sekolah bantuan kerajaan (SBK).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, pihak Lembaga Pengelola Sekolah (LPS) bertanggungjawab untuk membiayai sepenuhnya kos pembinaan bangunan serta penggantian bagi sekolah berstatus SBK setelah mendapat kelulusan KPM.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB DATO' DR. NELSON A/L
RENGANATHAN

DATO' DR. NELSON A/L RENGANATHAN minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan adakah Kementerian menjalankan program-program tertentu di sekolah-sekolah di negara ini untuk meningkatkan pengetahuan dan penglibatan para pelajar dalam bidang sains dan teknologi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Selari dengan usaha "Merakyatkan Sains dan Menginsangkan Teknologi", Kementerian ini giat melaksanakan program jangkau luar melalui agensi di bawahnya seperti Pusat Sains Negara, Planetarium Negara, Akademi Sains Malaysia, Yayasan Inovasi Malaysia, Jabatan Tenaga Atom, Agensi Nuklear Malaysia, Jabatan Kimia Malaysia dan Bahagian Pembudayaan dan Perkhidmatan bertujuan untuk menggalakkan minat kepada sains dan teknologi kepada para pelajar sekolah rendah dan menengah di seluruh Malaysia.
2. Selain dari melaksanakan program jangkau luar ke sekolah-sekolah di seluruh Malaysia, secara tahunan MOSTI turut memperuntukan sebanyak RM100,000.00 dan disalurkan kepada sekolah-sekolah terpilih diseluruh Malaysia bagi membiayai program-program pembudayaan sains mengikut syarat-syarat dan tatacara yang telah ditetapkan.
3. Minggu Sains Negara juga merupakan salah satu inisiatif MOSTI dalam usaha untuk menggerakkan pelaksanaan pelbagai inisiatif pembudayaan STI secara bersepadu serta aktiviti kesedaran dan pembudayaan STI secara besar-besaran. Sejak awal pelaksanaannya pada tahun 2018, Minggu Sains Negara telah menyaksikan penglibatan daripada para pelajar sekolah rendah, sekolah menengah, belia, pelajar institusi pengajian tinggi dalam pelbagai aktiviti serta program interaktif berteraskan STI.

4. Tahun ini merupakan penganjuran kali ke-enam (6) bagi Minggu Sains Negara menggunakan pendekatan secara holistik dalam pelaksanaan program dan aktiviti secara dalam talian serta fizikal di seluruh negara. Dalam hasrat menyemai dan meraikan kepelbagaian STI di setiap negeri serta membudayakan elemen STI dalam kalangan masyarakat, usaha bersepadu ini bermula dari peringkat akar umbi khususnya para pelajar sekolah.
5. Dalam merealisasikan aspirasi ini, perancangan program dan aktiviti secara fizikal telah diterjemahkan dalam bentuk pelaksanaan Karnival Minggu Sains Negara di setiap negeri. Karnival Minggu Sains Negara Peringkat Negeri ini bertujuan untuk mengetengahkan kepelbagaian ciptaan inovasi berteraskan STI serta memberi peluang kepada penggerak dan pengamal STI tempatan untuk mengetengahkan teknologi dan inovasi mereka kepada komuniti setempat. Karnival ini juga turut menawarkan pelbagai pengisian interaktif seperti reruai pameran, demonstrasi sains dan bual bicara yang dapat menarik minat pelbagai peringkat umur masyarakat khususnya para pelajar sekolah untuk mengenali dan memahami sains dan teknologi melalui kaedah *hands-on* yang menyeronokkan.
6. Di samping itu juga, MOSTI turut menganjurkan program Malaysia Techlympics yang bertujuan untuk memupuk minat generasi muda terhadap Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) melalui pendekatan pertandingan yang lebih menyeronokkan, membudayakan belia dengan minda kritikal, set kemahiran dan inovasi yang lebih bermakna serta berimpak tinggi.

7. Melalui program ini, pelbagai pertandingan yang berteraskan teknologi sohor seperti kecerdasan buatan, Internet kebendaan, dron, pengekodan dan robotik akan dipertandingan di peringkat negeri, zon dan kebangsaan. Selaras dengan penganjurannya kali kedua tahun ini, MOSTI komited untuk meraih 1 juta penyertaan daripada para pelajar dan belia yang berusia 7 hingga 30 tahun dalam pertandingan berteraskan teknologi terkini ini.
8. Tambahan itu juga, Malaysia Techlympics turut menekankan aspek keterangkuman dan inklusif dengan menitikberatkan akses kepada keperluan asas dan pendidikan berkualiti menerusi Program Jangkauan Keterangkuman (*outreach*) yang telah dirancangkan sepanjang tempoh pelaksanaannya. Program ini antara lain bertujuan untuk meningkatkan akses kepada pengajaran dan pembelajaran (PdP) STEM khususnya kepada pelajar luar bandar, guru dan komuniti setempat.
9. Tuntasnya, MSN dan Techlympics merupakan inisiatif MOSTI dalam membudayakan STI melalui kaedah pertandingan dan secara langsung daripada pengamal serta pakar STI. Melalui kaedah ini, pembelajaran berteraskan STI ini dapat disampaikan secara interaktif dan lebih menyeronokkan khususnya berkaitan pengaplikasian teknologi dalam kehidupan seharian. Inisiatif ini diharap mampu meningkatkan pengetahuan dan penglibatan para pelajar dalam bidang sains dan teknologi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB DATO' DR. NELSON A/L
RENGANATHAN**

DATO' DR. NELSON A/L RENGANATHAN minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan berapakah bilangan pelajar mengikut kaum dalam bidang perubatan dan pergigian di universiti awam di negara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan Sistem MyMoheS Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) pada tahun 2022, jumlah keseluruhan **pelajar warganegara Malaysia yang sedang mengikuti pengajian dalam bidang perubatan dan pergigian di Universiti Awam (UA)** adalah seramai 15,232 orang.

2. Daripada jumlah tersebut, untuk tahun 2022, jumlah **pelajar warganegara Malaysia yang mengambil jurusan perubatan** adalah seramai 12,912 orang dengan pecahan berikut:
 - a. Bumiputera seramai 8,387 pelajar dan;

 - b. Bukan Bumiputera seramai 4,525 pelajar.

3. Pada tahun 2022 juga, jumlah **pelajar warganegara Malaysia yang mengambil jurusan pergigian** adalah seramai 2,320 orang dengan pecahan berikut:
 - a. Bumiputera seramai 1,810 pelajar dan;

 - b. Bukan Bumiputera seramai 510 pelajar.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB DATO' DR. NELSON A/L
RENGANATHAN**

DATO' DR. NELSON A/L RENGANATHAN minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapakah bilangan guru pendidikan prasekolah yang kini berkhidmat secara sepenuh masa dengan KPM dan berapakah bilangan murid prasekolah yang dapat ditanggung oleh guru-guru tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa komited bagi memastikan setiap kanak-kanak mendapat akses kepada pendidikan awal kanak-kanak. Sehingga Mei 2023, terdapat seramai 9,835 orang guru prasekolah yang sedang mengajar di kelas prasekolah KPM seluruh negara. Setiap guru prasekolah akan dibantu oleh seorang pembantu pengurusan murid (PPM).

Berdasarkan rekod Sistem Maklumat Prasekolah Kebangsaan (SMPK) pada Mei 2023, jumlah murid prasekolah di seluruh negara adalah seramai 214,741 murid. Setiap kelas prasekolah KPM yang beroperasi boleh menampung sehingga 25 orang murid bagi setiap kelas dalam satu-satu masa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB DATO' DR. NELSON A/L
RENGANATHAN**

DATO' DR. NELSON A/L RENGANATHAN minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan di manakah pengusaha-pengusaha pertanian dan penternakan boleh memperolehi tanah secara pajakan untuk mengembangkan operasi mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) sangat prihatin dengan pengusaha-pengusaha pertanian dan penternakan yang berusaha mengembangkan operasi mereka. Seperti Dewan sedia maklum, urusan tanah untuk pertanian adalah di bawah bidang kuasa Pihak Berkuasa Negeri (PBN) selaras dengan Seksyen 40 Kanun Tanah Negara (KTN) yang secara jelas memperuntukkan bahawa PBN mempunyai hak ke atas semua tanah yang termasuk di dalam sempadan negeri masing-masing.

Pengusaha pertanian dan penternakan boleh mengembangkan operasi perusahaan mereka dengan memperoleh pajakan bagi tanah Kerajaan Negeri, pajakan bagi tanah Kerajaan Persekutuan, pajakan bagi tanah milik GLC atau koperasi serta pajakan bagi tanah milik persendirian.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB PUAN NOORITA BINTI SUAL

PUAN NOORITA BINTI SUAL minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah langkah penyelesaian yang telah diambil oleh Kementerian bagi mengatasi masalah kekurangan air di daerah Tenom, khususnya di daerah kecil Kemabong yang sering mengalami bekalan air terputus dan catuan air.

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat, secara dasarnya, penyediaan bekalan air bersih dan terawat adalah di bawah tanggungjawab Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Air Negeri (PBAN) yang melibatkan penyediaan sumber air, pembinaan paip utama, pembinaan loji rawatan air serta pengoperasian dan penyelenggaraan.

Peranan dan matlamat Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) adalah membantu mempercepatkan liputan dan merapatkan jurang bekalan air bersih dan terawat ke kawasan luar bandar melalui penyambungan paip retikulasi dari paip utama ke rumah-rumah atau akaun baharu di kawasan luar bandar yang belum mendapat bekalan air melalui pelaksanaan Program Bekalan Air Luar Bandar (BALB).

Projek BALB yang siap dilaksanakan oleh Kementerian akan diserahkan kepada PBAN untuk pengoperasian dan penyelenggaraan serta kutipan tarif bekalan air.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, terdapat tiga (3) projek di bawah Program BALB sedang dilaksanakan Kementerian di Daerah Tenom.

Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) di Jalan Pulong-Melalap, Tenom, Sabah kini sedang dalam fasa akhir pembinaan iaitu pemasangan bekalan elektrik oleh Sabah Electricity Sdn. Bhd. di kawasan rumah pam. Projek dijangka memberi manfaat kepada 368 buah rumah pengguna akaun baharu.

NO SOALAN: 58

Selain itu, Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Menaiktaraf Loji Rawatan Air Senagang, Sabah kini sedang dalam peringkat reka bentuk terperinci. Projek dijangka memberi manfaat kepada 1,098 bilangan rumah pengguna akaun baharu.

Bagi Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Kawasan Kemabong, Tenom, Sabah pula, projek masih dalam peringkat reka bentuk konsep. Projek dijangka memberi manfaat kepada 500 buah rumah pengguna akaun baharu.

Sekian, terima kasih.

MAKLUMAT TAMBAHAN

Bil.	Perkara	Maklumat
1.	Tajuk Projek	Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) di Jalan Pulong-Melalap, Tenom, Sabah (2017, RP2, RMKe-11)
2.	Agensi Pelaksana	Bahagian Prasarana, KKD Jabatan Air Negeri Sabah (JANS) – Pegawai Pengguna
3.	Kos Projek	RM11,000,000.00
4.	Bajet 2023	RM180,000.00
5.	Skop Projek	Sambungan paip retikulasi pelbagai jenis dan saiz sepanjang 19.05 km; Pembinaan pumping station; Pembinaan suction tank; Pembinaan reservoir di Kg. Makaniton berkapasiti 0.5 ML; dan Pembinaan reservoir di Kg. Pagansangon berkapasiti 0.3 ML.
6.	Penerima Manfaat	368 buah rumah
7.	Status Projek	<ul style="list-style-type: none"> - Projek sedang dalam peringkat akhir pembinaan. - Kerja-kerja pemasangan bekalan elektrik oleh Sabah Electricity Sdn. Bhd. di kawasan rumah pam sedang dilaksanakan.

Bil.	Perkara	Maklumat
1.	Tajuk Projek	Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Menaiktaraf Loji Rawatan Air Senagang, Sabah (2018, RP3, RMKe-11)
2.	Agensi Pelaksana	Bahagian Prasarana, KKDW Jabatan Air Negeri Sabah (JANS) – Pegawai Pengguna
3.	Kos Projek	RM45,000,000.00
4.	Bajet 2023	RM450,000.00
5.	Skop Projek	Pembinaan loji rawatan air berkapasiti 18 JLH; pemasangan rangkaian paip retikulasi bersaiz 100mm - 450mm diameter yang dianggarkan sepanjang 50.0 km; pembinaan tangki simpanan; dan pembinaan rumah pam beserta kelengkapan/ tangki pengimbang.
6.	Penerima Manfaat	1,098 buah rumah
7.	Status Projek	<ul style="list-style-type: none"> - Projek sedang dalam peringkat reka bentuk terperinci - Perunding <i>Civil & Structure</i> (C&S) dilantik memaklumkan kos projek terkini meningkat sehingga RM61 juta. Perunding sedang berusaha untuk melakukan reka bentuk berdasarkan kos RM45 juta seperti yang diluluskan. - Perunding <i>Mechanical & Electrical</i> (M&E) dilantik pada 15 Oktober 2019 telah menarik diri. Justeru, perunding M&E baharu perlu dilantik. - Keputusan Lembaga Perolehan bagi pelantikan perunding M&E baharu telah dimuktamadkan. Kini menanti surat setuju terima daripada perunding yang dilantik.

Bil.	Perkara	Maklumat
1.	Tajuk Projek	Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Kawasan Kemabong, Tenom, Sabah (RP1, 2021, RMKe-12)
2.	Agensi Pelaksana	Bahagian Prasarana, KKDW Jabatan Air Negeri Sabah (JANS) – Pegawai Penguasa
3.	Kos Projek	RM50,000,000.00
4.	Bajet 2023	RM750,000.00
5.	Skop Projek	(1) kos kajian dan rekabentuk; (2) kerja awalan dan syarat am; (3) pembinaan mukasauk; (4) pembinaan loji rawatan air baru berkapasiti 15 JLH; (5) pembinaan tangki simpanan air berkapasiti 15 JL; (6) pembinaan stesen pam penggalak; (7) pemasangan paip air mentah, transmisi dan agihan bersaiz 150mm - 600mm diameter sepanjang 20 km; (8) pembinaan 4 unit rumah pekerja; (9) pembinaan fasiliti kolam enap cemar; (10) kerja mekanikal & elektrikal; (11) kos sumbangan modal SESB; (12) kos penyeliaan projek
6.	Penerima Manfaat	500 buah rumah
7.	Status Projek	- Projek sedang dalam peringkat reka bentuk konsep

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB PUAN NOORITA BINTI SUAL**

PUAN NOORITA BINTI SUAL minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah status penggantian atau pembaikan jambatan-jambatan gantung khususnya di kawasan Melalap, Tenom yang teruk terjejas akibat bencana banjir bukit pada bulan Oktober tahun 2022.

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat, di bawah Rancangan Malaysia Ke-12, sebanyak RM50 Juta kos Program Ameniti Sosial (PAMS) negeri Sabah telah dipersetujui oleh agensi pusat. Bagi tahun 2023 ini, peruntukan sebanyak RM8 juta telah disediakan untuk PAMS negeri Sabah. Permohonan akan dipertimbangkan sekiranya menepati skop projek PAMS KKDW tertakluk kepada kos dan peruntukan yang diluluskan oleh agensi pusat.

Selain itu, pada tahun 2023 sebanyak RM40.195 juta telah diperuntukkan bagi pelaksanaan 26 projek Jambatan Luar Bandar (JMLB) Wilayah Sabah di bawah Kementerian ini.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, senarai projek yang diluluskan ini adalah berdasarkan kepada permohonan Senarai Keutamaan Kerajaan Negeri. Sekiranya terdapat keperluan mendesak bagi menggantikan jambatan-jambatan yang terjejas akibat bencana banjir ini, Yang Berhormat disarankan untuk mengemukakan permohonan kepada Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Sabah untuk dimasukkan ke dalam Senarai Keutamaan Negeri sebelum diangkat kepada Kementerian Ekonomi bagi kelulusan di bawah *Rolling Plan* yang akan datang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB PUAN NOORITA BINTI SUAL**

PUAN NOORITA BINTI SUAL minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah program-program dan berapakah jumlah peruntukan bagi membantu golongan ibu tunggal, bapa tunggal dan anak-anak yatim yang menetap di kawasan luar bandar bagi negeri Sabah pada tahun ini.

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) sentiasa komited dalam melaksanakan pelbagai program selaras dengan fokus RMKe-12 untuk melonjakkan pembangunan Sabah selaras dengan matlamat Dasar Pembangunan Luar Bandar 2030 (DPLB 2030) ke arah luar bandar sejahtera. KKDw memberi tumpuan untuk mengurangkan kadar kemiskinan di luar bandar Sabah secara holistik melalui program-program pembangunan sosio ekonomi seperti Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT), Program Peningkatan Pendapatan, Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK), Program Keusahawan di bawah Kementerian dan agensi KKDw termasuklah Program Keusahawan Atas Talian seperti DesaMall. KKDw tidak mengehadkan bantuan ini kepada golongan ibu tunggal, bapa tunggal dan anak-anak yatim sahaja, bantuan yang diberikan adalah secara menyeluruh tanpa mengira jantina. Walau bagaimanapun golongan ini sentiasa akan diberi keutamaan.

Seterusnya, melalui DPLB 2030 di bawah bab 9 terdapat satu teras yang melibatkan wanita. Antara program yang dilaksanakan di bawah Teras Wanita ini adalah seperti Skim Pembiayaan Perniagaan Khas Wanita (DANANITA) dan Program Kursus Kemahiran Quick Win.

KKDw juga melalui MARA telah merangka satu program bagi memperkasa penglibatan wanita dalam bidang keusahawanan iaitu melalui Skim Pembiayaan Perniagaan Khas Wanita (DANANITA) yang diperkenal semenjak tahun 2018. Di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12), sebanyak RM35 juta peruntukan disediakan iaitu dengan pecahan pada tahun 2021 sebanyak RM10 juta, tahun 2022

NO SOALAN: 60

sebanyak RM10 juta dan tahun 2023 sebanyak RM15 juta. Sejak tahun 2021 sehingga April 2023, seramai 897 usahawan telah diluluskan permohonan dengan jumlah pembiayaan sebanyak RM34 juta Wilayah Sabah merupakan penerima manfaat tertinggi skim pembiayaan ini dengan kelulusan RM3.48 juta dan memberi manfaat kepada 84 orang usahawan.

Di samping itu, KKDW juga mengadakan Kursus Kemahiran Quick Win di bawah KEMAS bagi meningkatkan kemahiran sedia ada dalam usaha membolehkan peserta meningkatkan pendapatan di samping membantu peserta yang ingin memulakan perniagaan. Di bawah RMKe-12 sebanyak RM870,000 telah diperuntukkan bagi Program Quick Win di Negeri Sabah dengan pecahan bagi tahun 2021 sebanyak 280,000 telah diperuntukkan dengan jumlah peserta seramai 80 orang melibatkan 8 siri program. Manakala bagi tahun 2022, sebanyak RM310,000 telah diperuntukkan melibatkan 90 peserta dan 9 siri program. Seterusnya, bagi tahun 2023, sebanyak RM250,000 melibatkan 70 orang peserta dan 7 siri program.

Selain itu, pihak Kerajaan melalui Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) serta Jabatan dan agensinya di bawahnya juga telah melaksanakan pelbagai program advokasi bagi membantu kumpulan sasar termasuk ibu tunggal, bapa tunggal serta keluarga tunggal dalam meneruskan kelangsungan hidup. Antara inisiatif yang dijalankan adalah seperti:

- i) Bantuan Kewangan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat;
- ii) Program Pembangunan Kapasiti di bawah Jabatan Pembangunan Wanita;

NO SOALAN: 60

- iii) Perkhidmatan Intervensi Psikologi dan Kaunseling; dan
- iv) Bantuan Asas Modal Perniagaan oleh Yayasan Kebajikan Negara.

Kerajaan akan sentiasa memastikan inisiatif-inisiatif ini ditambahbaik dari semasa ke semasa agar dapat membantu kelangsungan hidup kumpulan sasar ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB PUAN NOORITA BINTI SUAL**

PUAN NOORITA BINTI SUAL minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan berapakah jumlah golongan Orang Kurang Upaya (OKU) berdaftar yang menetap di luar bandar terkini khasnya bagi negeri Sabah mengikut kawasan Parlimen dan apakah program-program bagi tahun ini untuk membantu golongan ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- Sehingga 31 Mei 2023 seramai 654,270 Orang Kurang Upaya (OKU) telah berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Pecahan OKU berdaftar mengikut Kawasan Parlimen di negeri Sabah adalah seperti berikut:

Bil	Negeri	Jumlah
1	P.167 Kudat	2,483
2	P.168 Kota Marudu	2,012
3	P.169 Kota Belud	2,454
4	P.170 Tuaran	2,912
5	P.171 Sepanggar	2,319
6	P.172 Kota Kinabalu	2,258
7	P.173 Putatan	1,146
8	P.174 Penampang	2,068
9	P.175 Papar	1,719
10	P.176 Kimanis	1,066
11	P.177 Beaufort	1,497
12	P.178 Sipitang	919
13	P.179 Ranau	1,482
14	P.180 Keningau	2,501
15	P.181 Tenom	1,173
16	P.182 Pensiangan	1,561
17	P.183 Beluran	1,141
18	P.184 Libaran	1,263
19	P.185 Batu Sapi	780
20	P.186 Sandakan	1,194
21	P.187 Kinabatangan	1,002
22	P.188 Silam	2,247
23	P.189 Semporna	1,965
24	P.190 Tawau	1,932
25	P.191 Kalabakan	1,743
JUMLAH		42,837

2. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui JKM menyediakan pelbagai kemudahan dan keistimewaan termasuk bantuan kewangan kepada golongan Orang Kurang Upaya (OKU). Antara bantuan JKM yang boleh diakses oleh golongan OKU termasuklah Elaun Pekerja OKU, Bantuan bagi OKU yang Tidak Berupaya, Bantuan Penjagaan OKU Terlantar dan Bantuan alat tiruan/sokongan.
3. KPWKM juga sentiasa merangka program bagi mendayaupayakan OKU. Antara program-program tersebut adalah:

- i. **Bengkel Terlindung.**

terdapat dua Bengkel Terlindung iaitu Bengkel Daya Klang, Selangor dan Bengkel Daya Sungai Petani, Kedah yang ditubuhkan untuk menyediakan peluang pekerjaan kepada OKU yang tidak mampu bersaing di pasaran luar. Di samping itu, bengkel ini juga boleh melatih mereka supaya berdikari dan meningkatkan kemahiran mereka dalam bidang-bidang tertentu agar mereka mendapat lebih peluang bekerja di pasaran yang lebih terbuka. Penyertaan bengkel adalah terbuka kepada OKU berdaftar berumur 18-45 tahun di bawah kategori OKU Pembelajaran (Mild) atau OKU Fizikal seluruh Malaysia.

Bengkel Daya menyediakan peluang pekerjaan di Unit Kerja (Bengkel Perusahaan) kepada pekerja OKU seperti jahitan, sulaman, roti dan pastri, dobi, peruncitan dan bistro (restoran).

ii. Program Pemerkasaan Kemahiran Keupayaan OKU Down Sindrom (DSSErT).

Program ini bertujuan untuk membangunkan potensi OKU Sindrom Down dengan menambah latihan bersesuaian kepada OKU atau penjaga ke arah kehidupan berdikari. Dengan adanya latihan, OKU akan dipertimbangkan dalam sesuatu pekerjaan dan akhirnya dapat menjalani kehidupan berdikari tanpa perlu bergantung kepada bantuan dan pertolongan orang lain.

iii. Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) / *Community Based Rehabilitation Programme (CBR)*.

Program ini adalah satu strategi dalam pembangunan komuniti untuk rehabilitasi, penyamaan peluang dan integrasi sosial bagi OKU. Program ini dilaksanakan melalui pendekatan multi-sektoral dengan penglibatan aktif OKU, keluarga dan masyarakat setempat dengan disokong oleh agensi kerajaan, swasta, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) serta pemimpin tempatan melalui perkhidmatan kesihatan, pendidikan, vokasional dan sosial dengan menggunakan sumber tempatan. Sehingga 30 Mei 2023, terdapat 40 buah PPDK yang sedang beroperasi dan memberi perkhidmatan kepada OKU di negeri Sabah.

iv. Program Pemerkasaan Ekonomi/Economic Empowerment Programme (EEP) di PDK.

Merupakan suatu program yang bertujuan untuk memberi latihan kemahiran/ pekerjaan dan serta membantu menjana pendapatan pelatih OKU di PDK. Program ini selaras dengan Perancangan Strategik JKM untuk menjana pendapatan OKU dengan menjalankan pelbagai kegiatan ekonomi. Antara program

NO SOALAN: 61

kemahiran yang ditawarkan di peringkat awal pelaksanaan EEP adalah jahitan baju kurung, sulaman tag nama dan tuala, pembuatan beg, sarung kusyen, cadar dan sebagainya.

Bermula tahun 2017, program ini telah diperluaskan kepada pelbagai projek meliputi jahitan, batik, kraftangan, pertanian, penternakan, perkhidmatan, pemprosesan makanan ringan, kuih tradisional, makanan sejuk beku dan lain-lain. Sehingga 2022, sebanyak 178 PDK masih meneruskan EEP yang melibatkan 967 orang pelatih PDK. Bagi negeri Sabah, terdapat 9 buah PPDK yang terlibat di dalam program EEP yang turut melatih 71 pelatih di PPDK terbabit.

4. Selain JKM, kemudahan dan keistimewaan kepada golongan OKU juga diberikan oleh pelbagai pihak seperti agensi kerajaan, badan berkanun termasuk universiti, GLC dan pihak swasta untuk mengurangkan bebanan OKU yang terpaksa menanggung pelbagai kos tambahan seperti untuk pengangkutan, alat sokongan, perubatan dan sebagainya. Terdapat 30 kemudahan dan keistimewaan yang disediakan oleh pihak ini kepada golongan OKU.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB PUAN NOORITA BINTI SUAL

PUAN NOORITA BINTI SUAL minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah status terkini landasan keretapi bagi laluan Tenom ke Halogilat dan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian bagi membantu mengatasi masalah kerosakan laluan landasan keretapi Tenom ke Halogilat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek Cadangan Kerja-Kerja Tambahan Menaiktaraf di Kawasan ‘*Gorge Line*’ antara Stesen Halogilat (KM111) ke Stesen Tenom (KM137.9) bagi Jabatan Keretapi Negeri Sabah (JKNS) telah siap pada 22 Januari 2022 dan Sijil Perakuan Siap Kerja (CPC) telah pun dikemukakan pada tarikh yang sama. Lanjutan itu, semasa dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan (*Defect Liability Period-DLP*), telah berlaku satu bencana alam iaitu kejadian tanah runtuh dan banjir pada 31 Oktober 2022 dan 1 November 2022 yang telah menyebabkan kerosakan ke atas struktur landasan yang telah siap dibina.
2. Lanjutan dari peristiwa tersebut, satu lawatan ke kawasan projek yang dihadiri oleh wakil Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) dan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) bersama-sama Yang Berhormat Pembantu Menteri Kerja Raya Sabah telah dijalankan pada 17 Mac 2023. Dalam hal ini, pihak MOF telah mengambil maklum akan situasi semasa dan mencadangkan supaya permohonan peningkatan kos keseluruhan dikemukakan untuk penelitian lanjut.
3. Dalam hal ini, pihak MOT mengambil perhatian atas permohonan ini dan telah pun meminta pihak Jabatan Keretapi Negeri Sabah (JKNS) untuk mengemukakan dokumen-dokumen berkaitan bagi tujuan permohonan peningkatan kos keseluruhan projek serta penambahan skop kerja bagi membolehkan kerja-kerja pembersihan runtuhan dan

NO SOALAN: 62

pembaikan landasan serta jambatan yang telah rosak akibat peristiwa banjir tahun lepas dapat dilaksanakan.

4. MOT akan mengemukakan permohonan tambahan kos untuk pembaikan semula landasan yang terjejas akibat kejadian banjir kepada pihak Kementerian Ekonomi untuk kelulusan. Kerja-kerja pembaikan akan dijalankan sepenuhnya setelah peruntukan tambahan ini diluluskan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB TUAN SERUANDI BIN SAAD

TUAN SERUANDI BIN SAAD minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan sejauh manakah pelaburan-pelaburan baharu yang dibawa masuk ke negara ini akan turut memanfaatkan pembangunan sosioekonomi negeri Perlis.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Bagi tempoh 2019 sehingga Mac 2023, jumlah keseluruhan pelaburan yang diluluskan dalam pelbagai sektor ekonomi bernilai RM1,027.4 bilion merangkumi sektor perkhidmatan (RM499.4 bilion), perkilangan (RM469 bilion) dan utama (RM59 bilion). Pelaburan yang diluluskan dalam tempoh tersebut melibatkan 20,395 projek dan dijangka menjana sebanyak 508,350 peluang pekerjaan baharu.

Daripada keseluruhan jumlah pelaburan tersebut, pelaburan yang diluluskan di negeri Perlis adalah sebanyak RM1.6 bilion melibatkan 85 projek. Pelaburan ini mewujudkan sejumlah 513 peluang pekerjaan di negeri Perlis. Sebanyak 65% atau RM1.04 bilion daripada jumlah nilai pelaburan ini adalah di dalam industri-industri yang disasarkan iaitu produk elektrikal dan elektronik, kimia dan produk kimia serta tenaga boleh diperbaharui, selari dengan Aspirasi Pelaburan Nasional (*National Investment Aspirations - NIA*).

Sebanyak 18 projek telah dilaksanakan bagi tempoh tahun 2019 sehingga tahun 2022 dengan jumlah pelaburan sebanyak RM766 juta. Projek-projek ini telah memberi peluang pekerjaan kepada 193 tenaga kerja negeri Perlis. Antara syarikat-syarikat utama yang telah beroperasi adalah dalam industri produk logam fabrikasi, tenaga boleh diperbaharui, produk galian bukan logam, hotel dan pelancongan serta kimia dan produk kimia.

Kemasukan projek-projek pelaburan berkualiti tinggi ke negeri Perlis juga menyokong kejayaan pembangunan projek-projek sosioekonomi strategik di negeri Perlis. Ini termasuklah:

- i. Taman Perindustrian Lembah Chuping (*Chuping Valley Industrial Area - CVIA*);
 - Projek dengan keluasan 2,482 ekar ini terletak sekitar 10 km dari Sempadan Malaysia-Thailand yang kini dalam proses pelaksanaan dengan kemajuan kerja-kerja pembangunan infrastruktur fizikal telah mencapai sebanyak 95.06% setakat 31 Mei 2023. Projek ini dijangka siap sepenuhnya pada suku ketiga tahun 2023.
 - CVIA telah dirancang untuk memberi fokus kepada 4 sektor utama iaitu elektronik untuk industri automotif, industri hijau (perkilangan dan teknologi), industri halal (*nutraceutical, pharmaceutical, F&B*) dan ladang solar.
 - CVIA dijangka akan menyediakan peluang pekerjaan sebanyak 12,000 untuk rakyat tempatan serta menyumbang sebanyak RM2.5 bilion Pendapatan Negara Kasar (*Gross National Income - GNI*) kepada negara.
- ii. Infrastruktur sokongan kepada Pelabuhan Darat Perlis (*Perlis Inland Port - PIP*); dan
 - Pembangunan projek PIP telah dirangka sebagai pelengkap kepada ekosistem CVIA bagi memastikan CVIA menjadi sebuah destinasi pelaburan utama di utara tanahair.

- Kedudukan negeri Perlis yang strategik di dalam *Indonesia-Malaysia-Thailand Growth Triangle* (IMG-GT) dan bersempadan dengan Thailand berpotensi menjana peluang ekonomi dan perdagangan rentas sempadan. Dianggarkan PIP akan menggaji seramai 4,000 pekerja dan menyumbang GNI berjumlah RM1 bilion apabila beroperasi kelak.
- Projek ini turut melibatkan pembangunan infrastruktur sokongan yang terdiri daripada tiga (3) komponen termasuklah *bonded road* yang menghubungkan PIP ke Padang Besar; *spurline* yang menghubungkan PIP dengan landasan keretapi utama; dan *flyover* yang menghubungkan PIP dengan jalan JKR R5.
- Kemudahan hab logistik dan pergudangan dengan kemampuan mengendali 2 juta *twenty-foot equivalent unit* (TEUs) setahun serta kawasan perindustrian ringan di PIP akan menyokong perkembangan sektor industri termasuk industri sokongan di CVIA. PIP bakal menghubungkan CVIA dan Perlis dengan jaringan trek lokomotif ke Thailand sehingga ke Kunming, China di utara dan Singapura di selatan sebagai alternatif kepada jalan perdagangan laut sedia ada.
- Projek ini dijangka siap menjelang suku keempat tahun 2024 akan memacu pembangunan dan pertumbuhan pelaburan di negeri Perlis sekaligus mewujudkan pelbagai limpahan ekonomi kepada rakyat negeri Perlis.

- iii. Zon Ekonomi AgriBio NCER (*NCER AgroBio Economic Zone - NAEZ*), melalui kerjasama Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (*Northern Corridor Implementation Authority - NCIA*) dengan beberapa syarikat swasta. Inisiatif ini akan menyokong pembangunan projek tenusu bersepadu di Chuping dalam sektor agri-bio di kawasan tersebut. NAEZ Chuping dijangka menarik pelaburan sehingga RM3 bilion dengan mewujudkan sebanyak 10,000 peluang pekerjaan menjelang tahun 2025.

Kerajaan sentiasa mengambil langkah proaktif dalam memastikan aliran masuk pelaburan berkualiti dan berimpak tinggi ke dalam negara termasuklah di negeri Perlis. Projek-projek ini akan dapat memacu pembangunan sosioekonomi setempat melalui pembangunan kawasan perindustrian yang akan memberi limpahan manfaat jangka panjang termasuk menyediakan peluang pekerjaan, meningkatkan kemudahan infrastruktur serta membuka ruang bagi pembangunan industri berpotensi lain.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB TUAN SERUANDI BIN SAAD

TUAN SERUANDI BIN SAAD minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah aspek pembangunan dan bantuan dari Kementerian untuk turut sama memajukan sektor pertanian dan memastikan keterjaminan makanan Negeri Perlis.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua, bagi tahun 2023, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) sedang menjalankan 60 buah projek pembangunan pelbagai sektor di Negeri Perlis (perincian seperti di **Lampiran**) dengan peruntukan berjumlah RM12,667,601.00.

Antara projek pembangunan yang dijalankan oleh KPKM adalah seperti berikut:

- (1) Membina Infrastruktur Pengairan dan Saliran Serta Kerja-Kerja Lain Yang Berkaitan Untuk Skim Pengairan Titi Tinggi, Padang Besar, Perlis (Fasa II) – RM2,000,000.00
- (2) Pembangunan Tanaman Makanan Ternakan – RM900,000.00
- (3) Pemerkasaan Industri Akuakultur – RM100,000.00

NO SOALAN: 64

KPKM juga menyediakan bantuan kepada para nelayan di negeri Perlis melibatkan pelbagai jenis bantuan seperti berikut:

BIL	INSENTIF/ BANTUAN	NILAI BANTUAN (RM)	PERUNTUKAN YANG TELAH DIBELANJAKAN (RM)
1	ELAUN SARA HIDUP NELAYAN (ESHN)	457,200.00	457,200.00
2	TABUNG BENCANA DAN KEBAJIKAN NELAYAN	50,000.00	49,400.00
3	INSENTIF HASIL TANGKAPAN IKAN (IHTI)	RM0.10 per kg	213,333.94
JUMLAH PERUNTUKAN TELAH DIBELANJAKAN SEHINGGA 31 MEI 2023			719,933.94

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB DATO' SRI TI LIAN KER

DATO' SRI TI LIAN KER minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah statistik peratusan kaum India yang memperoleh manfaat peruntukan menerusi individu dan NGO di bawah Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (MITRA) dari 2018 sehingga 2023 dan kadar keberkesanan serta impak MITRA dalam membantu masyarakat India keluar dari belenggu kemiskinan.

JAWAPAN

**YB TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL SINGH
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Sejak penjenamaan semula Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (MITRA) pada tahun 2018, MITRA telah melaksanakan sebanyak 399 program merangkumi tiga (3) teras, iaitu: -
 - a. Pendidikan dan Pengajian Tinggi;
 - b. Keusahawanan dan Kerjaya; dan
 - c. Kebajikan dan Kesejahteraan Sosial.
2. Seramai 518,484 peserta kaum India telah menerima manfaat daripada program-program ini dari tahun 2019 hingga 2022 di mana pecahan peserta mengikut tahun adalah seperti berikut: -

TAHUN	PESERTA
2019	122,920
2020	227,225
2021	95,781
2022	72,558

3. Program-program MITRA bagi tahun 2023 masih dalam proses pelaksanaan dan statistik peserta yang memperolehi manfaat hanya akan diperolehi setelah tahun 2023 berakhir.
4. Berhubung keberkesanan serta impak MITRA, program-program MITRA adalah berimpak tinggi dan bersifat tambah nilai kepada masyarakat di mana impaknya akan dapat dilihat sepenuhnya dalam tempoh jangka masa yang panjang. Sebagai contoh, program-program yang menyediakan kursus kemahiran dan turut menyediakan penempatan pekerjaan bukan sahaja dapat membantu taraf hidup individu tersebut dipertingkatkan tetapi secara tidak langsung juga dalam tempoh 5 hingga 10 tahun, apabila pendapatan individu tersebut meningkat, ia akan dapat mengeluarkan seluruh isi rumah dari kemiskinan juar.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB DATO' SRI TI LIAN KER

DATO' SRI TI LIAN KER minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah perubahan populasi penduduk di Kampung Baru Cina dari tahun 2000 sehingga 2023 dan apakah kesediaan Kementerian untuk mewujudkan satu model baharu bagi melestarikan Kampung Baru Cina khususnya di kawasan luar bandar yang mengelakkan populasinya semakin menyusut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan kajian pada tahun 2003, anggaran populasi penduduk Kampung Baru pada ketika itu adalah seramai 1,257,367 orang yang melibatkan 450 buah Kampung Baru sahaja dan tidak termasuk Kampung Baru Rangkaian dan Kampung Bagan. Negeri Johor mencatatkan jumlah penduduk tertinggi iaitu seramai 322,141 orang, seterusnya negeri Perak dan Selangor masing-masing seramai 296,171 dan 269,012 orang penduduk.

Selaras dengan peredaran masa, sebanyak 14 buah Kampung Baru telah dikeluarkan daripada seliaan Kementerian kerana kampung-kampung tersebut sudah tidak relevan lagi apabila penduduk sedia ada telah berpindah keluar menjadikan bilangan Kampung Baru sebanyak 436 buah. Anggaran populasi bagi 436 buah Kampung Baru ini pada ketika ini adalah seramai 920,427 orang iaitu pengurangan sebanyak 336,940 orang (26.80%) berbanding tahun 2003.

Berdasarkan statistik di atas, Kampung-kampung Baru juga dilihat tidak terkecuali daripada fenomena urbanisasi khususnya Kampung-kampung Baru yang terletak di kawasan luar bandar. Mengikut sumber data daripada Jabatan Perangkaan Malaysia, kadar urbanisasi di negara kita pada tahun 2020 adalah sebanyak 77% dan dijangka meningkat kepada tidak melebihi 85% menjelang tahun 2040.

Masyarakat belia lebih cenderung untuk berpindah ke bandar mencari rezeki bagi meningkatkan punca pendapatan atas faktor lebih banyak peluang pekerjaan berbanding luar bandar. Oleh yang demikian, lebih banyak peluang pekerjaan perlu diwujudkan melalui pembangunan ekonomi setempat bagi mengurangkan pergerakan keluar penduduk dari Kampung Baru.

Kementerian telah melaksanakan usaha-usaha untuk menarik kembali orang-orang muda tinggal dan bekerja di kampung seperti menjadikan Kampung Baru sebagai destinasi pelancongan supaya aktiviti ekonomi setempat dapat dirancakkan melalui aktiviti pelancongan. Peningkatan aktiviti pelancongan secara tidak langsung akan membuka peluang perniagaan baharu yang boleh diterokai oleh orang-orang muda.

Bagi menyokong usaha ini, Kementerian telah menyediakan peruntukan berjumlah RM20 juta untuk membina baharu, menaik taraf dan menyelenggara infrastruktur-infrastruktur asas dan kemudahan-kemudahan pelancongan di Kampung-kampung Baru.

Kementerian juga akan menyediakan geran kepada Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) atau Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) untuk membantu mempromosikan kawasan-kawasan pelancongan di kampung mereka supaya lebih ramai orang mengenali tempat-tempat menarik ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB DATO' SRI TI LIAN KER

DATO' SRI TI LIAN KER minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan apakah cadangan mekanisme yang akan dilaksanakan melalui perangkaan dasar baru berkaitan pembayaran pampasan kepada pemilik tanaman yang mengalami kerugian akibat tanaman dirosakkan oleh hidupan liar dan berapakah jumlah penerima Tabung Bantuan Mangsa Serangan Binatang Buas bagi setiap tahun sejak diluluskan pada 2004.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) sedang mengkaji mekanisme dan dasar yang bersesuaian berhubung bayaran pampasan bagi kerugian dan kerosakan tanaman akibat hidupan liar bersama dengan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Kementerian Perladangan dan Komoditi (KPK) serta Kementerian Kewangan (MOF).
2. Walau bagaimanapun, NRECC melalui Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara Semenanjung Malaysia (PERHILITAN) sentiasa proaktif dalam membantu mangsa dan waris yang terlibat dengan serangan hidupan liar untuk mendapatkan bantuan daripada Tabung Kumpulan Wang Amanah Bantuan Mangsa Serangan Binatang Buas yang diuruskan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM).
3. Untuk makluman Yang Berhormat, Kumpulan Wang Amanah Bantuan Mangsa Serangan Binatang Buas diwujudkan selepas diluluskan oleh Parlimen pada 14 Disember 2004. Tabung ini beroperasi sepenuhnya selepas Perbadanan Malaysia mengeluarkan Surat Ikatan Amanah bertarikh 30 November 2005.

NO SOALAN: 67

4. Penubuhan Kumpulan Wang Serangan Binatang Buas adalah bertujuan untuk membantu mangsa serangan binatang buas agar mendapat pembelaan dan membantu meringankan beban keluarga terlibat terutama bagi kes-kes yang melibatkan kematian.
5. Peruntukan sebanyak Ringgit Malaysia Satu (RM 1) juta telah disediakan untuk pelaksanaan tabung ini. Kumpulan Wang Amanah Kelulusan Jemaah Menteri dan Kementerian Kewangan melalui Surat Ikatan Amanah Bagi Kumpulan Wang Amanah Bantuan Serangan Binatang Buas bertarikh 30 November 2005(di bawah Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957)

**STATISTIK MENGIKUT TAHUN DAN PENERIMA BANTUAN
MANGSA SERANGAN BINATANG BUAS DARI TAHUN 2007-2023**

BIL.	TAHUN	BIL.PENERIMA	JUMLAH (RM)
1.	2004	-	-
2.	2005	-	-
3.	2006	-	-
4.	2007	14	93,200
5.	2008	6	111,000
6.	2009	13	79,600
7.	2010	19	128,400

BIL.	TAHUN	BIL.PENERIMA	JUMLAH (RM)
8.	2011	35	252,000
9.	2012	108	354,800
10.	2013	153	629,500
11.	2014	112	498,000
12.	2015	257	855,200
13.	2016	342	714,200
14.	2017	190	336,400
15.	2018	311	591,400.00
16.	2019	126	273,800.00
17.	2020	363	522,600.00
18.	2021	383	787,000.00
19.	2022	359	536,100.00
20.	2023	324	462,700.00
JUMLAH KESELURUHAN		3,115	7,225,900.00

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB DATO' SRI TI LIAN KER

Dato' Sri Ti Lian Ker minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah jumlah individu yang telah ditahan di bawah Subseksyen 4(1) Akta Hasutan 1948 [Akta 15], Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, dan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 sejak tahun 2018 dan sejauh manakah kemajuan usaha terkini Kerajaan dalam memansuhkan akta-akta ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di Pertua,

Statistik tangkapan Subseksyen 4(1) Akta Hasutan 1948 [Akta 15] bagi tahun 2018 sehingga 31 Mei 2023.

BIL	KESALAHAN	TANGKAPAN						JUMLA H
		2018	2019	2020	2021	2022	2023 (1/1 – 31/05)	
1.	Subseksyen 4(1) Akta Hasutan 1948 [Akta 15]	21	16	2	36	24	14	113

Statistik tangkapan Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 bagi tahun 2018 sehingga 31 Mei 2023.

BIL	KESALAHAN	TANGKAPAN						JUMLA H
		2018	2019	2020	2021	2022	2023 (1/1 – 31/05)	
1.	Seksyen 233 Akta Komunikasi Dan Multimedia 1998	2	8	20	4	1	1	36

NO SOALAN: 68

Statistik tangkapan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 bagi tahun 2018 sehingga 31 Mei 2023.

BIL	KESALAHAN	TANGKAPAN						JUMLAH
		2018	2019	202 0	2021	2022	2023 (1/1 – 31/05)	
1.	Akta Mesin Cetak Dan Penerbitan 1984	-	2	-	-	-	-	2

Bagi maksud kedudukan akta-akta tersebut, Kerajaan sedang dalam proses melaksanakan kajian menyeluruh dalam merangka keputusan dasar berkenaan hala tuju akta-akta tersebut.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB TUAN SERUANDI BIN SAAD

TUAN SERUANDI BIN SAAD minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan berapakah median gaji yang diterima oleh belia di negara ini dan adakah terdapat sebarang kajian dilakukan bagi memastikan gaji belia menepati kos sara hidup pada masa kini terutamanya di bandar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Sumber Manusia mengambil maklum akan gaji kehidupan wajar dengan izin *living wage* RM2,700 seorang pekerja bujang di Kuala Lumpur yang diterbitkan oleh Bank Negara Malaysia pada 2018. Untuk makluman ahli Yang Berhormat, dasar gaji minimum kebangsaan digubal untuk menetapkan gaji lantai dengan izin *floor wages* bagi pekerja kategori terendah dalam pasaran buruh dan merupakan satu keperluan statutori yang ditetapkan di bawah undang-undang. Intervensi terhadap pasaran buruh dengan pelaksanaan dasar gaji minimum adalah bertujuan untuk meningkatkan pendapatan dan kuasa beli rakyat supaya dapat memenuhi keperluan asas diri dan keluarga mereka.
2. Berdasarkan maklumat daripada Jabatan Perangkaan Malaysia berhubung Survei Gaji dan Upah yang dilaksanakan pada tahun 2021, bilangan penerima gaji dan upah bagi belia warganegara berumur 15 hingga 30 tahun telah meningkat kepada 3.57 juta orang berbanding 3.44 juta orang pada tahun 2020. Dalam tempoh yang sama, nilai penengah gaji dan upah bulanan turut mencatatkan peningkatan kepada RM1,692 berbanding RM1,514 pada tahun 2020.
3. Sementara itu, berdasarkan penemuan survei tersebut, penengah gaji dan upah bulan mengikut bandar dan luar bandar masing-masing mencatatkan RM1,757 dan RM1,195 bagi belia warganegara yang menerima gaji dan upah bulanan pada tahun 2021.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB DATO' SRI TI LIAN KER

DATO' SRI TI LIAN KER minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah kesediaan Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) untuk meneliti semula persempadanan setiap kawasan pilihan raya bagi memastikan bilangan pengundi adalah lebih seimbang, adil dan mengelakkan isu persempadanan tidak sekata dan manipulasi persempadanan dari terus berlaku.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Urusan kajian semula persempadanan terhadap bahagian-bahagian pilihan raya sedia ada, hanya boleh dilaksanakan selepas tamat lat tempoh 8 tahun atau terdapat pindaan undang-undang ke atas komposisi bilangan keanggotaan Ahli Dewan Rakyat atau Dewan Undangan Negeri. Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menjalankan urusan kajian semula persempadanan bahagian-bahagian pilihan raya Persekutuan dan negeri berlandaskan kepada prinsip-prinsip dan tatacara persempadanan yang ditetapkan di bawah Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan serta menurut bidang kuasa SPR yang diperuntukkan di bawah Perkara 113, Perlembagaan Persekutuan.
2. Berdasarkan peruntukan yang ditetapkan oleh Perlembagaan, prinsip-prinsip persempadanan yang dipegang oleh SPR adalah seperti berikut:-
 - i. Kemudahan diadakan bagi pemilih-pemilih keluar mengundi semasa pilihan raya dan bahagian pilihan raya tidak merentasi sempadan negeri;

NO SOALAN: 70

- ii. Mengambil kira kemudahan pentadbiran yang boleh didapati dalam bahagian pilihanraya itu untuk mengadakan jentera yang perlu bagi pendaftaran dan pengundian;
- iii. Jumlah pemilih yang lebih kurang sama banyak bagi setiap bahagian pilihan raya dalam sesbuah Negeri kecuali apabila terdapat kesukaran perhubungan dan pengangkutan yang dihadapi di luar bandar, luas bahagian pilihan raya patut diberi pertimbangan; dan
- iv. Mengelakkan hubungan masyarakat tempatan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB TUAN SERUANDI BIN SAAD

TUAN SERUANDI BIN SAAD minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah berkesan yang boleh dilaksanakan dalam menangani isu ketirisan subsidi dan sejauh manakah Kerajaan komited untuk melaksanakan subsidi bersasar pada tahun ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan komited dalam melaksanakan pemberian subsidi secara bersasar bagi mengurangkan ketirisan. Kerajaan telah pun melaksanakan program pensasaran subsidi secara berperingkat bermula Januari 2023 yang melibatkan subsidi elektrik. Bermula Januari 2023, Kerajaan tidak lagi memberikan subsidi penuh tarif elektrik kepada syarikat-syarikat besar yang menggunakan tenaga elektrik pada tahap yang tinggi. Melalui langkah ini, Kerajaan masih menanggung jumlah subsidi sebanyak 10.8 bilion ringgit berbanding jumlah asal sebanyak 14.9 bilion ringgit.

Pengurusan subsidi yang lebih bersasar dan mampan adalah menjadi keutamaan, dalam memastikan perbelanjaan Kerajaan dapat disalurkan kepada keperluan pembangunan yang dapat memberi nilai tambah lebih tinggi kepada ekonomi negara. Kerajaan juga sedang mengkaji pelaksanaan pemberian subsidi secara bersasar berdasarkan kepada model yang bersesuaian dan kebolehlaksanaan. Pelaksanaan pemberian subsidi secara bersasar ini akan dibuat secara berperingkat tertakluk kepada ketersediaan serta mengekalkan fokus Kerajaan dalam memastikan kos sara hidup rakyat terutamanya golongan B40 tidak terjejas.

Oleh itu, antara cadangan awal adalah pemberian diesel bersubsidi secara bersasar melalui perluasan Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS). Sesi libat urus dengan pihak industri akan diteruskan untuk mengenalpasti kaedah dan mekanisme terbaik pemberian subsidi bersasar.

NO SOALAN:71

Bagi mengimbangi tanggungan subsidi dengan keperluan untuk terus memelihara kebijakan dan kesejahteraan rakyat, Kerajaan sedang giat meneroka langkah bagi menambah baik pemberian subsidi yang lebih bersasar disamping mengurangkan ketirisan dalam masa yang sama supaya penjimatan subsidi dapat digunakan bagi mengoptimumkan perbelanjaan kepada program dan projek yang memberi nilai tambah kepada ekonomi negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB DATUK DR. DOMINIC LAU HOE CHAI

DATUK DR. DOMINIC LAU HOE CHAI minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah lantikan ke dalam jawatan Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M41 bagi tahun 2021, 2022 dan sehingga Mei 2023, mengikut jantina, keturunan, dan wilayah.

JAWAPAN:

**YB DATUK ARMIZAN BIN MOHD ALI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(HAL EHWAL SABAH, SARAWAK DAN TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

Pelantikan Tetap Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M41

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA) telah melantik tetap seramai **402 orang** Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD) Gred M41 bagi tahun **2021** yang terdiri daripada **185 orang** calon lelaki dan **217 orang** calon wanita. Daripada jumlah tersebut, seramai **360 orang** adalah calon kaum Melayu, **empat (4) orang** calon kaum Cina, **10 orang** calon kaum India, **14 orang** calon Bumiputera Sabah, **10 orang** calon Bumiputera Sarawak dan **empat (4)** orang calon lain-lain kaum. Bagi pecahan mengikut wilayah kelahiran pula, seramai orang **361 orang** calon adalah dari Semenanjung Malaysia, **21 orang** calon dari Sabah, **17 orang** calon dari Sarawak dan **tiga (3)** orang calon yang lahir di luar negara.

Bagi tahun **2022** pula, seramai **397 orang** calon telah dilantik yang terdiri daripada **197 orang** calon lelaki dan **200 orang** calon wanita. Daripada jumlah tersebut, seramai **341 orang** adalah calon kaum Melayu, **tujuh (7) orang** calon kaum Cina, **25 orang** calon kaum India, **lapan (8) orang** calon Bumiputera Sabah, **empat (4) orang** calon Bumiputera Sarawak dan **12 orang** calon lain-lain kaum. Bagi pecahan mengikut wilayah

kelahiran pula, seramai orang **344 orang** calon adalah dari Semenanjung Malaysia, **33 orang** dari Sabah, **19 orang** calon dari Sarawak dan **seorang** calon yang lahir di luar negara.

Manakala bagi tahun **2023** (sehingga 31 Mei 2023), tiada pelantikan dibuat berikutan tiada urusan pengambilan bagi jawatan PTD Gred M41.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kaedah pengambilan dan pelantikan pegawai ke perkhidmatan awam am Persekutuan yang dilaksanakan oleh SPA adalah telus berdasarkan merit dan kompetensi calon. **Tiada penetapan sebarang kuota untuk sesuatu kaum atau etnik tertentu** bagi pelantikan semua jawatan dalam perkhidmatan awam. Semua warganegara Malaysia mempunyai peluang yang sama untuk dipertimbangkan dalam **persaingan yang terbuka dan adil (*open and fair competition*)**.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB DATUK DR. DOMINIC LAU HOE CHAI

DATUK DR. DOMINIC LAU HOE CHAI minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan :-

- a) apakah langkah-langkah Kerajaan dalam menangani isu-isu berkaitan perkauman yang kian merisaukan; dan
- b) adakah Kerajaan bercadang mewujudkan sebuah akta/undang-undang sebagai badan penguatkuasa dalam melindungi kepelbagaian serta mengambil tindakan ke atas mana-mana individu yang menggugat perpaduan negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

a) **apakah langkah-langkah Kerajaan dalam menangani isu-isu berkaitan perkauman yang kian merisaukan**

1. Kementerian Perpaduan Negara (KPN) telah mengambil inisiatif menghasilkan beberapa dokumen dasar dan pelan tindakan perpaduan bagi memupuk dan mengeratkan perpaduan kaum di Malaysia seperti berikut:

i. **Dasar Perpaduan Negara (DPN)** merupakan dasar payung yang julung kali dihasilkan oleh Kerajaan secara khusus bagi memupuk, mengukuh serta memelihara perpaduan dalam kalangan rakyat melalui konsep “Perpaduan Dalam Kepelbagaian”. Dasar ini menetapkan agenda dan halatuju perpaduan nasional berdasarkan tiga (3) teras utama iaitu:

- a) Patriotisme dan demokrasi;
- b) Identiti nasional; dan
- c) Ekosistem perpaduan.

ii. **Rangka Tindakan (Blueprint) Perpaduan Negara 2021-2030** merupakan dokumen yang menggariskan anjakan strategik bagi mencapai objektif yang terkandung di dalam DPN secara komprehensif. Dokumen ini menetapkan 3 aspirasi, 12 strategi dan 41 anjakan strategi dalam usaha membina dan mengekalkan perpaduan negara dan integrasi nasional.

- iii. Bagi menterjemahkan strategi yang digariskan melalui dokumen DPN dan Rangka Tindakan (*Blueprint*) Perpaduan Negara 2021-2030 ke dalam bentuk pelaksanaan, **Pelan Tindakan Perpaduan Negara (PTPN) 2021-2030** juga telah dihasilkan dengan menyusun program dan inisiatif secara khusus, inklusif dan holistik melibatkan kerjasama pelbagai agensi Kerajaan, badan-badan bukan Kerajaan (NGO), swasta dan masyarakat umum.
- 2. Kementerian Perpaduan Negara juga turut memainkan peranan yang penting bagi membangun Malaysia MADANI dalam konteks sosial, khususnya aspek kemasyarakatan dan kebudayaan selain turut menyumbang kepada aspek pendidikan, institusi, ekonomi dan kewangan, perundangan, bandar dan luar bandar.
- 3. Bagi menyokong hasrat membangun Malaysia MADANI, Kementerian ini turut menghasilkan kerangka membangun Malaysia MADANI melalui konsep Perpaduan Dalam Kepelbagaian yang akan menjadi rujukan kepada Kementerian Perpaduan Negara bagi melaksanakan program dan aktiviti berteraskan usaha ke arah melahirkan masyarakat MADANI dalam kalangan rakyat berbilang kaum.
- 4. Kerangka ini disusun seiring Dasar Perpaduan Negara dan memperjelaskan dengan lebih komprehensif strategi pelaksanaan serta sasaran yang hendak dicapai.

5. Antara inisiatif program yang diperkenalkan adalah **Kembara Perpaduan Malaysia MADANI**. Program ini merupakan program *flagship* yang menerajui inisiatif di bawah agenda perpaduan nasional dengan matlamat menyebarluaskan pengetahuan, kefahaman dan penghayatan terhadap usaha-usaha Kerajaan dalam membangunkan Malaysia MADANI.
6. Kembara Perpaduan Malaysia MADANI memayungi tiga (3) kluster program yang berpaksikan kepada pencapaian objektif Dasar Perpaduan Negara melalui penglibatan dan kerjasama semua pihak termasuklah pemimpin, agensi Kerajaan, pihak swasta, NGO, CSO dan masyarakat secara keseluruhannya.
7. Tiga (3) kluster program tersebut adalah seperti berikut:
 - a. **Semarak Kenegaraan**

Program kenegaraan yang bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan, kefahaman dan penghayatan tentang cita-cita dan prinsip Rukun Negara serta sejarah ketamadunan negara bagi mengukuhkan jati diri dan semangat cintakan negara dalam kalangan semua lapisan masyarakat.
 - b. **Semarak Perpaduan**

Program untuk menyemarakkan semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum, agama dan budaya bersesuaian dgn konsep perpaduan dalam kepelbagaian.

c. Komuniti Rahmah

Program yang dirangka bagi membina komuniti yang mampan dan rahmah khususnya dalam Kawasan Rukun Tetangga yang menjunjung tinggi nilai-nilai kemanusiaan dengan saling menghormati, mengasihi dan menghargai melalui penggembangan tenaga semua pihak KPN, agensi Kerajaan, swasta, NGO dan komuniti.

8. Dengan penghasilan dokumen dasar, pelan tindakan dan inisiatif program yang dirancang, agenda perpaduan dapat dilaksanakan dengan lebih terancang dan tersusun melalui kerjasama pelbagai pihak di setiap peringkat daripada peringkat Kementerian hingga ke peringkat komuniti.
- b) adakah Kerajaan bercadang mewujudkan sebuah akta/undang-undang sebagai badan penguatkuasa dalam melindungi kepelbagaian serta mengambil tindakan ke atas mana-mana individu yang menggugat perpaduan negara
9. Kementerian Perpaduan Negara mempunyai mekanisme untuk mencari penyelesaian isu yang menggugat perpaduan dengan membawa isu ini ke jawatankuasa-jawatankuasa seperti:
 - a. Jawatankuasa Keharmonian Antara Penganut Agama (HARMONI) yang melibatkan perbincangan antara pemimpin-pemimpin agama dari Islam, Kristian, Buddha, Hindu, Tao, Sikh dan Baha'i.

- b. **Majlis Penasihat Perpaduan Negara** yang melibatkan tokoh-tokoh dari pelbagai latar belakang (Akademik, Korporat, NGO, Swasta, Belia)
10. Di samping itu, di peringkat komuniti pula, isu-isu perpaduan diuruskan oleh **Mediator Komuniti** (yang telah ditauliah oleh Kementerian), melalui langkah-langkah intervensi sosial berdasarkan isu atau insiden. Bagi kes-kes yang memerlukan tindakan bersepadau antara agensi, isu atau insiden akan dirujuk kepada agensi-agensi yang berkaitan seperti **PDRM, MCMC dan PBT**.
11. Bagi menangani ekstremisme yang nampak semakin serius, Kerajaan akan mengambil tindakan ke atas mana-mana pihak yang sengaja mencetuskan atau mengeluarkan sebarang kenyataan yang mengganggu gugat perpaduan dan mengancam keharmonian rakyat. Oleh itu, Kerajaan berusaha mengekalkan keharmonian antara kaum dengan melaksanakan melalui perundangan sedia ada iaitu:
- (i) **Akta Hasutan 1948 [Akta 15]** iaitu akta bagi mengawal kesalahan menghasut.
 - (ii) **Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588]** bagi mengawal kesalahan penggunaan tidak wajar kemudahan atau perkhidmatan rangkaian.

- (iii) **Kanun Keseksaan (Penal Code) [Akta 574]** – iaitu akta yang digubal bagi membolehkan seseorang dihukum atas kesabitan jenayah, di mana ia terdapat **7 Seksyen yang berkaitan dengan perpaduan kaum dan keagamaan.**
12. Ini merupakan antara langkah memelihara keharmonian antara kaum dan mendidik rakyat bagi menghormati undang-undang sedia ada. Dengan mewujudkan jawatankuasa keharmonian kaum dan memperketat penguatkuasaan serta mengenakan hukuman setimpal terhadap individu yang mencetus isu perkauman dan keagamaan dapat membuka mata rakyat supaya menghormati undang-undang berkuatkuasa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB DATUK DR. DOMINIC LAU HOE CHAI**

DATUK DR. DOMINIC LAU HOE CHAI minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan apakah langkah-langkah dan pelan tindakan Kementerian dalam memulihkan imej 'Petaling Street' yang dikategorikan sebagai terkenal bagi barang tiruan dan cetak rompak oleh Wakil Perdagangan Amerika Syarikat (USTR).

JAWAPAN:

Yang di-Pertua,

Kementerian sentiasa memberikan perhatian serius mengenai aktiviti penjualan barang tiruan atau cetak rompak di negara ini termasuklah penilaian yang dikeluarkan oleh *United States Trade Representative (USTR)* berhubung aktiviti penjualan barang tiruan dan cetak rompak di Petaling Street yang terkenal sebagai lokasi pelancongan di negara ini pada bulan Februari 2023 yang lalu.

Malaysia kekal tidak tersenarai dalam ‘*Watch List*’ bagi cetak rompak dan barang tiruan oleh *USTR* dalam *Special 301 Report* yang dikeluarkan pada bulan April 2023. Ini menunjukkan Amerika Syarikat memperakui dan menghargai usaha kerajaan Malaysia melalui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Kos Sara Hidup (KPDN) dalam menangani masalah cetak rompak dan barang tiruan.

Dalam konteks perlindungan harta intelek, Kementerian sedar bahawa aktiviti perlanggaran cap dagangan dan cetak rompak menimbulkan ancaman kepada perdagangan dalam negara mahupun di peringkat antarabangsa serta mendedahkan pengguna kepada isu keselamatan produk.

Kementerian komited di dalam menangani isu penjualan barang tiruan dan cetak rompak di negara ini mahupun secara global bagi mengekalkan reputasi Malaysia sebagai sebuah destinasi pelancongan dan pelaburan yang stabil. Tujuannya bagi memperkuatkuarkan kekuatan ekonomi negara dan memastikan para pelabur terus menunjukkan keyakinan untuk melabur di Malaysia.

Pelbagai usaha dan pendekatan telah dilaksanakan oleh Kementerian ini untuk mengukuhkan perlindungan hak harta intelek termasuklah di Petaling iaitu:-

- (i) Mempertingkatkan pemantauan dan pemeriksaan ke atas premis perniagaan di seluruh negara;
- (ii) Memperkasakan tindakan penguatkuasaan bersepadu bersama agensi penguatkuasaan di negara ini seperti Polis DiRaja Malaysia, Kastam Diraja Malaysia, Jabatan Imigresen Malaysia, Suruhanjaya Multimedia dan Komunikasi Malaysia dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT);
- (iii) Tindakan Penguatkuasaan berterusan di seluruh negara menerusi pemeriksaan dan operasi bersama pemilik cap dagang (*trade mark owner*);
- (iv) Mempertingkatkan tahap kesedaran peniaga dan pengguna mengenai kepentingan melindungi dan menghormati cap dagangan dan hak cipta melalui kempen kesedaran; dan

- (v) Menubuhkan Pasukan Petugas Khas Perlindungan Harta Intelek (PPKPHI) yang melibatkan penyertaan pelbagai agensi penguat kuasa seperti Polis Diraja Malaysia, Kastam Diraja Malaysia, Suruhanjaya Multimedia dan Komunikasi Malaysia, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan pihak industri termasuklah pentadbir tapak pasar dalam talian bagi menyelaras tindakan penguatkuasaan dan merangka tindakan operasi bersepadu.

Kementerian dengan kerjasama daripada pemilik cap dagangan dan pelbagai agensi penguatkuasaan lain yang melibatkan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Polis Diraja Malaysia dan Jabatan Imigresen Malaysia telah menjalankan operasi bersepadu terhadap premis perniagaan yang menjual barang tiruan di Petaling Street, Kuala Lumpur pada 06 Mac 2023. Sebanyak tujuh (7) premis telah diambil tindakan dan disiasat di bawah Akta Cap Dagangan 2019, Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001, Akta Perihal Dagangan 2011 dan Akta Hak Cipta 1987.

Sepanjang tahun 2020 sehingga Mei 2023, sebanyak 1079 kes yang melibatkan pelabagi jenis barang tiruan telah dihasilkan di bawah Akta Cap dagangan 2019 dengan anggaran nilai rampasan berjumlah RM72 juta.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB DATUK DR. DOMINIC LAU HOE CHAI

DATUK DR. DOMINIC LAU HOE CHAI minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah terdapat sebarang perkembangan untuk meneliti semula projek Keretapi Berkelajuan Tinggi (HSR) dari Kuala Lumpur – Singapura.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan berhasrat untuk melaksanakan projek Kereta Api Laju (HSR) Kuala Lumpur-Singapura (KLSG) secara *Private Fund Investment* (PFI) dan tanpa suntikan dana dari pihak Kerajaan.
2. Selaras dengan itu, pihak Kementerian Kewangan (MOF) dalam proses mendapatkan maklumat melalui kaedah *Request For Information* (RFI) daripada pihak swasta yang berminat untuk melaksanakan projek ini.
3. Pihak swasta yang berkemampuan dari segi teknikal dan kewangan perlu dilibatkan bagi memastikan kelestarian operasi dalam jangka masa panjang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : DATUK DR. DOMINIC LAU HOE CHAI**

DATUK DOMINIC LAU HOE CHAI minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah peranan dan tindakan Malaysia selanjutnya dalam isu Myanmar melalui platform ASEAN.

JAWAPAN

**YB DATO' SERI DIRAJA DR. ZAMBRY ABD KADIR
MENTERI LUAR NEGERI
KEMENTERIAN LUAR NEGERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pendirian Malaysia mengenai isu Myanmar adalah jelas dan konsisten. Berdasarkan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 19 Januari 2022, Malaysia akan terus berpendirian untuk tidak mengiktif pemerintahan junta di Myanmar susulan rampasan kuasa tentera di negara tersebut pada 1 Februari 2021.

3. Malaysia akan meneruskan usaha sedia ada dalam membantu Myanmar mencapai penyelesaian terhadap konflik di negara tersebut. Usaha-usaha tersebut termasuk menyeru semua pihak kembali ke meja rundingan demi mencapai satu jalan penyelesaian damai dan berkekalan. Namun, usaha ini memerlukan semua pihak menghentikan keganasan, dan satu dialog yang konstruktif dan inklusif melibatkan semua pemegang taruh di Myanmar perlu diadakan demi kepentingan rakyat Myanmar dan kestabilan rantau ini.

NO SOALAN: 76

4. Malaysia berpandangan bahawa situasi di Myanmar adalah permasalahan serantau yang, jika tidak dibendung, boleh menggugat keselamatan, keamanan, kestabilan dan kemakmuran rantau ini. Malaysia juga berpendirian bahawa situasi di Myanmar tidak seharusnya menjelaskan perpaduan dan kredibiliti ASEAN. Ia juga tidak seharusnya menjelaskan kerjasama ASEAN, termasuk proses pembangunan Komuniti ASEAN dan hubungan dengan rakan luar dan masyarakat antarabangsa, dalam memastikan rantau ini kekal aman, stabil, selamat dan makmur serta memanfaatkan rakyat.
5. Semasa Sidang Kemuncak ASEAN ke-42 di Labuan Bajo pada 10 dan 11 Mei 2023, Malaysia telah menyuarakan pandangan perlunya ASEAN melahirkan visi dan pendekatan baru untuk menangani isu-isu kompleks seperti isu Myanmar. Dalam hal ini, YAB Perdana Menteri telah mencadangkan agar Pasukan Petugas Peringkat Tinggi yang bertanggungjawab membangunkan Visi Komuniti ASEAN pasca-2025 membincang dan mencadangkan langkah dan pendekatan yang bersesuaian bagi ASEAN menangani isu Myanmar.
6. Semasa Sidang Kemuncak tersebut juga, para Pemimpin ASEAN mengakui situasi Myanmar adalah sangat kompleks dan setakat ini masih tiada kemajuan bermakna dalam pelaksanaan Kemuafatan Lima Perkara atau 5PC. Pemimpin ASEAN sepakat bahawa Kemuafakatan ini kekal rujukan utama dalam usaha ASEAN menangani situasi di Myanmar.

7. Pemimpin ASEAN juga sepakat bahawa isu-isu keutamaan pada masa ini meliputi tiga perkara, iaitu, (i) supaya keganasan dihentikan segera (ii) agar diwujudkan persekitaran kondusif untuk dialog terangkum (iii) ke arah mencari penyelesaian damai dan penyaluran bantuan kemanusiaan kepada yang memerlukan, tanpa diskriminasi. Malaysia menyokong penuh kesepakatan ini.
8. Malaysia akan terus menyokong usaha Indonesia selaku Pengerusi ASEAN 2023, melalui Pejabat Utusan Khas Pengerusi ASEAN mengenai Myanmar di bawah pejabat Menteri Luar Indonesia, untuk melaksanakan 5PC termasuk mengadakan dialog dengan semua pemegang taruh di Myanmar. Namun demikian, pendekatan dialog ini tidak bermakna ASEAN mengiktiraf mana-mana pihak di Myanmar.
9. Malaysia akan terus bekerjasama dengan Negara-negara Anggota ASEAN lain serta rakan-rakan luar ASEAN dan masyarakat antarabangsa dalam usaha memajukan pelaksanaan Kemuafatan Lima Perkara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB DATUK SERI HAJAH ZURAINAH
BINTI MUSA**

DATUK SERI HAJAH ZURAINAH BINTI MUSA minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan statistik purata jumlah murid dalam satu kelas, bilangan kelas dan bilangan sekolah menengah serta sekolah rendah mengikut negeri. Sila berikan statistik ini sepanjang lima tahun yang lepas dan dibahagikan di antara kawasan luar bandar dan bandar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, statistik purata jumlah murid dalam satu kelas ialah nisbah murid-kelas atau purata saiz kelas, iaitu purata bilangan murid bagi satu kelas pada peringkat pendidikan tertentu. Saiz kelas merujuk kepada jumlah enrolmen murid berbanding jumlah bilangan kelas di sesebuah sekolah. Saiz kelas yang bersesuaian dapat memberi sokongan terhadap persekitaran pembelajaran kondusif dan seterusnya menyokong keberhasilan murid. Secara umumnya, purata saiz kelas pada peringkat rendah dan menengah di sekolah bandar dan luar bandar KPM masih berada di bawah 35, iaitu nilai saiz kelas optimum berdasarkan Garis Panduan dan Peraturan bagi Perancangan Bangunan Edisi Tahun 2015. Selain itu, sekolah di kawasan luar bandar mencatatkan purata saiz kelas yang lebih kecil berbanding sekolah di kawasan bandar pada peringkat nasional mahupun di setiap negeri.

Pada peringkat nasional, purata saiz kelas sekolah rendah bagi tahun 2019 adalah 25.75 berbanding tahun 2023 iaitu 25.98, manakala bagi sekolah menengah, purata saiz kelas tahun 2019 adalah 24.95 berbanding tahun 2023 iaitu 25.66. Bagi kawasan bandar, saiz kelas sekolah rendah adalah 27.99 pada tahun 2019, manakala 28.42 bagi tahun 2023. Sekolah menengah pula mencatatkan purata saiz kelas 25.19 pada tahun 2019 dan 25.82 pada tahun 2023. Bagi kawasan luar bandar, saiz kelas sekolah rendah adalah 20.21 pada tahun 2019 dan 19.98 pada tahun 2023, manakala 24.04 bagi tahun 2019 dan 25.09 bagi tahun 2023 pada peringkat sekolah menengah. Data ini telah dianalisis berdasarkan Buku Perangkaan Pendidikan Malaysia yang diterbitkan setiap tahun oleh KPM.

Pada tahun 2023, negeri yang mencatatkan purata saiz kelas tertinggi bagi sekolah rendah ialah Wilayah Persekutuan Putrajaya, Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Bagi sekolah menengah pula, negeri yang mencatatkan purata saiz kelas tertinggi ialah Selangor, Sabah dan Wilayah Persekutuan Putrajaya.

Berdasarkan statistik, bilangan kelas sekolah rendah dan menengah KPM meningkat daripada 187,266 kelas pada tahun 2019 kepada 188,000 kelas pada tahun 2023. Pada peringkat rendah, bilangan kelas meningkat daripada 105,992 kelas pada tahun 2019 kepada 106,929 kelas pada tahun 2023. Walau bagaimanapun, bilangan kelas menengah menurun daripada 82,008 kelas pada tahun 2019 kepada 80,337 kelas pada tahun 2023.

Jumlah bilangan sekolah rendah dan menengah KPM telah meningkat daripada 10,212 buah pada tahun 2019 kepada 10,231 pada tahun 2023. Bilangan sekolah rendah telah bertambah daripada 7,773 pada tahun 2019 kepada 7,779 pada tahun 2023, manakala sekolah menengah telah bertambah daripada 2,439 pada tahun 2019 kepada 2,452 pada tahun 2023.

KPM sentiasa berusaha untuk memastikan purata saiz kelas di semua sekolah rendah dan menengah KPM, sama ada di kawasan bandar mahupun luar bandar berada pada tahap yang optimum agar persekitaran pembelajaran kondusif dapat diwujudkan untuk manfaat murid.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB DATUK SERI HAJAH ZURAINAH
BINTI MUSA

DATUK SERI HAJAH ZURAINAH BINTI MUSA minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan berapakah bilangan dan peratusan pesara Angkatan Tentera Malaysia yang telah berjaya mendapat pekerjaan selepas bersara sepanjang lima tahun yang lepas. Sila berikan pecahan ini mengikut jantina dan jumlah gaji yang diperoleh dan apakah usaha Kerajaan untuk memastikan kebijakan pesara dalam mendapatkan pekerjaan berpendapatan tinggi selepas bersara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pertahanan sentiasa prihatin dengan keadaan semasa Veteran ATM. Kementerian telah menyediakan pelbagai bentuk kemudahan serta bantuan kepada Veteran ATM yang layak samada berpencen atau tidak berpencen. Dalam memastikan kelestarian dan taraf sosioekonomi Veteran ATM berada pada tahap yang optimum sejajar dengan Pelan Strategik MINDEF (2021-2025), menerusi teras 7 iaitu Transformasi Kesejahteraan Veteran ATM, Kementerian melalui JHEV ATM giat menjalankan kerjasama dengan pelbagai agensi kerajaan dan swasta dengan matlamat untuk membuka ruang yang luas kepada Veteran ATM untuk menceburkan diri dalam bidang keusahawanan dan penawaran peluang pekerjaan kedua pasca perkhidmatan.

2. Bagi data pesara Angkatan Tentera Malaysia yang telah berjaya mendapat pekerjaan selepas bersara sepanjang 5 tahun yang lepas, semakan silang senarai Veteran ATM yang berdaftar di Kementerian ini dengan dapatan data caruman PERKESO mendapati bahawa seramai 55,350 Veteran ATM berstatus pencarum dalam PERKESO pada tahun 2022. Jumlah tersebut meliputi 29.96% daripada jumlah Veteran ATM berdaftar pada tahun tersebut. Pecahan skala pendapatan bagi 55,350 Veteran ATM tersebut adalah seperti berikut:

- i. pendapatan di bawah RM1,000 : 5.65%;
- ii. pendapatan RM1,001 – RM2,000 : 34.17%;
- iii. pendapatan RM2,001 – RM3,000 : 22.41%;

- iv. pendapatan RM3,001 – RM3,900 : 11.08%; dan
v. pendapatan melebihi RM3,900 : 26.69%.
3. Di samping itu, dalam usaha membantu Veteran ATM bagi mendapatkan peluang pekerjaan pasca perkhidmatan, pihak Kementerian telah menjalankan kerjasama dengan PERKESO iaitu agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia menerusi program ‘*MY Future Job*’ bagi membantu Veteran ATM dalam membuat pilihan kerjaya yang luas dan bersesuaian dengan kemahiran serta pengalaman sewaktu di dalam perkhidmatan untuk diaplikasikan pada kerjaya kedua pasca perkhidmatan. Ini secara tidak langsung akan meningkatkan taraf sosioekonomi dan kelestarian kehidupan setiap Veteran ATM.
4. Kementerian Pertahanan turut menjalankan kolaborasi dengan Jabatan PERHILITAN bagi melantik Veteran ATM sebagai Renjer Komuniti. Tahun ini merupakan tahun keempat kolaborasi ini dijalankan dan jumlah Veteran ATM yang ditawarkan ke jawatan ini bagi tahun 2023 ialah seramai 253 orang. Kementerian berterima kasih kepada Kementerian Kewangan (MOF) kerana mempertimbangkan permohonan PERHILITAN untuk menawarkan tangga gaji khas RM2,900 kepada Veteran ATM iaitu lebih tinggi berbanding tawaran kepada penjawat lain.
5. Dalam setiap sesi perbincangan dengan agensi dan syarikat yang menawarkan peluang pekerjaan kepada Veteran ATM, pihak Kementerian sentiasa menitikberatkan pemilihan tawaran jawatan yang bersesuaian dengan kemahiran Veteran ATM. Malah, pihak Kementerian juga berusaha memastikan bahawa skim/ tangga gaji yang ditawarkan untuk Veteran ATM adalah lebih baik berbanding tawaran

NO SOALAN: 78

sedia ada sebagai menghargai perjuangan dan pengorbanan Veteran ATM yang cukup signifikan dan memberi impak kepada kestabilan dan kesejahteraan negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB DATUK SERI HAJAH ZURAINAH
BINTI MUSA**

DATUK SERI HAJAH ZURAINAH BINTI MUSA minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan status pelaksanaan kad MySiswa dan adakah benar semua pelajar yang menuntut pengajian di universiti awam diwajibkan untuk mengaktifkan kad MySiswa yang dilaksanakan oleh RHB. Jika ya, apakah rasional tindakan ini memandangkan tidak semua pelajar dan universiti menggunakan akaun RHB sebagai medium utama transaksi mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Inisiatif Kad Prihatin Siswa (KPS) merupakan salah satu usul yang telah dikemukakan oleh Majlis Perundingan Pelajar Kebangsaan (MPPK) kepada YAB Perdana Menteri pada 30 Jun 2020.
2. Melalui inisiatif ini, terdapat elemen penyeragaman dalam mekanisme pengenalan identiti mahasiswa universiti awam. Malah mahasiswa akan mendapat kad matrik pelajar pelbagai guna yang turut berfungsi sebagai:
 - i. kad debit bank,
 - ii. kad tawaran promosi/diskaun,
 - iii. kad bagi penyaluran kemudahan pinjaman pendidikan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), dan
 - iv. kad yang memberi aksesibiliti kepada kemudahan dalam kampus.
3. Bagi memastikan tadbir urus yang cekap dan amalan governans yang baik, kementerian ini telah mengadakan sesi taklimat dan ekesais *Request for Proposal* (RFP) pada 1 dan 8 Oktober 2020 dengan melibatkan Sembilan (9) buah bank, iaitu Bank Islam Malaysia Berhad, Affin Bank Berhad, Bank Rakyat, Bank Simpanan Nasional, CIMB, Maybank, RHB Islamic Bank, Ambank dan Bank Muamalat.

4. KPT juga telah menubuhkan 2 peringkat Jawatankuasa bagi proses saringan dan meneliti tawaran dari pihak bank, iaitu Jawatankuasa Penilaian dan Jawatankuasa Pemilihan. Jawatankuasa Penilaian yang dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan dan Pembangunan) telah bersidang pada 16 Disember 2020 dan Jawatankuasa Pemilihan yang dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) pula telah bersidang pada 22 Disember 2020 bagi mempertimbangkan tawaran yang diterima, seterusnya mengesyorkan cadangan rakan strategik bagi pelaksanaan ini. Untuk makluman juga, keahlian kedua-dua Jawatankuasa ini turut dianggotai oleh wakil PTPTN dan wakil Universiti Awam (UA).
5. Seterusnya, syor dari hasil keputusan kedua-dua jawatankuasa ini telah dipanjangkan kepada semua UA agar diteliti, dibincangkan dan diangkat untuk kelulusan Lembaga Pengurusan Universiti (LPU).
6. Malah, KPT turut mewujudkan dua (2) jawatankuasa peringkat kerja iaitu Jawatankuasa Teknikal dan Jawatankuasa Perundangan bagi melancarkan gerak kerja penyelarasan aspek teknikal pelaksanaan serta pembangunan draf perjanjian. Selanjutnya draf perjanjian yang telah dimurnikan, *timeline* pelaksanaan dan kertas pertimbangan telah dipanjangkan kepada semua UA pada 22 November 2021 supaya dapat diteliti dan diangkat untuk pertimbangan serta kelulusan LPU.
7. Hasilnya, perjanjian kerjasama antara pihak RHB Islamic Bank, UA, PTPTN dan Yayasan Kebajikan Siswa (YKS) telah dimeterai dan ditandatangani pada tahun 2022 setelah melalui kesemua proses tersebut secara telus.

8. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, pembukaan akaun bank bagi semua mahasiswa yang terlibat dalam inisiatif ini tidak melibatkan sebarang implikasi kewangan kepada mereka. Mahasiswa juga tidak mempunyai keperluan untuk menghadirkan diri ke cawangan bank untuk membuka akaun kerana pihak RHB Islamic Bank yang datang ke kampus khusus bagi melaksanakan perkara tersebut.
9. Di samping itu, mahasiswa yang merupakan pemegang Kad Prihatin Siswa juga akan menikmati pelbagai manfaat menerusi tawaran dan diskaun yang disediakan oleh *merchants* yang terpilih. Pelaksanaan inisiatif ini juga menjadi pemangkin bagi transformasi ekosistem kewangan tanpa tunai di dalam kampus seiring dengan peredaran teknologi kewangan terkini.
10. Pada masa kini, proses dan gerak kerja bagi pelaksanaan inisiatif ini sedang giat dilaksanakan merangkumi sesi pengagihan dan pengaktifan Kad Prihatin Siswa di semua kampus UA yang dijangka selesai menjelang bulan Julai 2023.
11. Penyaluran kemudahan pinjaman Pendidikan PTPTN kepada mahasiswa pemegang Kad Prihatin Siswa telah dilaksanakan secara rintis di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) pada bulan Februari 2023. Seterusnya, penyaluran kemudahan pinjaman pendidikan PTPTN bakal dilaksanakan sepenuhnya kepada semua mahasiswa UA menerusi platform Kad Prihatin Siswa bagi Sesi Akademik 2023/2024.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB DATUK SERI HAJAH ZURAINAH
BINTI MUSA**

DATUK SERI HAJAH ZURAINAH BINTI MUSA minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan butiran terperinci tentang status pelaksanaan dan impak tindakan-tindakan yang dicatatkan dalam Faktor 4: Menangani stigma dan norma sosial - di bawah Pelan Strategi Kebangsaan bagi menangani punca perkahwinan bawah umur.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

1. Pelan Strategi Kebangsaan bagi Menangani Punca Perkahwinan Bawah Umur terdiri daripada 7 objektif, 17 strategi dan juga 58 program dengan penglibatan daripada pelbagai agensi di peringkat Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri, pertubuhan bukan Kerajaan (NGO) serta pertubuhan antarabangsa sebagai agensi peneraju dan pelaksana. Pelan ini dilaksanakan dalam jangka masa pendek, sederhana dan panjang untuk tempoh lima (5) tahun iaitu daripada tahun 2020 sehingga 2025.
2. Terdapat enam (6) faktor yang telah dikenalpasti sebagai punca kepada perkahwinan bawah umur. Faktor empat (4) yang berobjektifkan kepada menangani stigma dan norma sosial pelbagai pihak terlibat terhadap isu-isu perkahwinan bawah umur merangkumi dua (2) strategi dan tujuh (7) program/tindakan yang perlu dicapai. Dua (2) strategi bagi faktor tersebut adalah seperti berikut:
 - (a) Menyediakan mekanisme dan platform untuk membincangkan mengenai norma sosial dan stigma pelbagai pihak terlibat terhadap isu-isu perkahwinan bawah umur; dan
 - (b) Menangani isu perkahwinan bawah umur melalui pelan komunikasi strategik.

3. Strategi ini disasar untuk mendapatkan maklumat yang komprehensif mengenai stigma yang wujud dalam masyarakat dan seterusnya mengesyorkan tindakan yang bersesuaian, disamping bagi meningkatkan kesedaran dan kefahaman pelbagai pihak mengenai perkahwinan bawah umur.
4. Bagi tujuan ini, satu jawatankuasa yang diselaraskan oleh Kementerian Komunikasi dan Digital telah ditubuhkan bagi memberikan tumpuan kepada perkara-perkara spesifik berkaitan stigma masyarakat. Manakala, KPWKM sedang merangka Pelan Komunikasi Strategik bagi menangani punca perkahwinan bawah umur. Objektif bagi pelan komunikasi strategik ini adalah untuk memberikan kesedaran terhadap punca-punca perkahwinan bawah umur, di samping mendidik masyarakat tentang bagaimana cara untuk menanganinya serta mengurangkan kadar kes perkahwinan bawah umur di Malaysia.
5. Pada masa yang sama, Kementerian memainkan peranan yang sangat signifikan untuk mempertingkat kesedaran dan kefahaman kepada masyarakat menerusi pelbagai platform dan mekanisme seperti media arus perdana, media sosial, konsultasi dan advokasi supaya masyarakat khususnya ibu bapa lebih cakna kepada hak kanak-kanak yang perlu dipelihara. Kementerian melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) juga melaksanakan program pengukuhan institusi kekeluargaan seperti program SMARTSTART bagi membantu pasangan mempertingkat pengetahuan dan kemahiran keibubapaan. Di samping itu, LPPKN turut memperkasakan pendidikan reproduktif dan sosial melibatkan generasi muda melalui Pendidikan Kesihatan Reproductif and Sosial (PEKERTI), *Sexual Education*

NO SOALAN: 80

Reproductive Initiative (SERI) dan Program KafeTEEN bagi menjamin kesejahteraan masyarakat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB DATUK SERI HAJAH ZURAINAH
BINTI MUSA

DATUK SERI HAJAH ZURAINAH BINTI MUSA minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah proses yang ditetapkan oleh pihak JPN terhadap permohonan kewarganegaraan bagi kanak-kanak yang dilahirkan di luar negara kepada ibu yang berwarganegara dan bapa yang bukan berwarganegara. Benarkah dakwaan sesetengah pihak bahawa apabila ibu sudah meninggal dunia, permohonan itu menjadi lebih rumit.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemerolehan kewarganegaraan bagi kanak-kanak yang dilahirkan di luar negara oleh ibu bertaraf warganegara berkahwin dengan pasangan warga asing adalah di bawah Perkara 15(2) Perlembagaan Persekutuan tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan dalam Bahagian III Perlembagaan Persekutuan, Kaedah-Kaedah Kewarganegaraan 1964 [L.N.82/1964] serta perundangan berkaitan yang berkuatkuasa dalam isu pendaftaran perkahwinan, pengangkatan, kesahtarafan anak, dan peraturan imigresen. Permohonan kewarganegaraan di bawah Perkara 15(2) Perlembagaan Persekutuan masih boleh dibuat oleh penjaga bagi kanak-kanak yang mempunyai ibu yang sudah meninggal dunia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB DATO DR. NUING JELUING

DATO DR. NUING JELUING minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah status terkini cadangan untuk mengubah borang rasmi Kerajaan di bahagian kaum dengan menggugurkan kategori 'Lain-Lain' dan menambah dua lagi kategori iaitu 'Dayak' dan 'Kadazan-Dusun'. Cadangan ini telah dipersetujui pada waktu pemerintahan Barisan Nasional dahulu. Dengan perubahan ini, kaum orang asal Sarawak dan Sabah tidak terasa dipinggirkan di negara sendiri.

JAWAPAN:

**DIJAWAB OLEH YB DATUK ARMIZAN BIN MOHD ALI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL SABAH,
SARAWAK DAN TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan melalui Jawatankuasa Teknikal Bumiputera Sabah dan Sarawak (JKTBSS) sebelum ini telah mengkaji cadangan pengklasifikasian Kaum Bumiputera Sarawak dan Sabah dalam borang Kerajaan dan berpandangan pengklasifikasian ini seharusnya tidak menjaskan hak-hak dan keistimewaan pemohon, sebagaimana yang ditetapkan dalam perundangan di peringkat Persekutuan dan Negeri, serta mengambil kira tujuan sebenar penggunaan klasifikasi kaum di dalam borang.

Dalam hal ini, Mesyuarat Jemaah Menteri pada 30 Oktober 2015 telah bersetuju penggunaan perkataan “Dayak” untuk dimasukkan dalam borang-borang rasmi Kerajaan manakala tiada keputusan dibuat mengenai klasifikasi kaum Bumiputera Sabah khususnya kaum Kadazan.

Hasil daripada mesyuarat-mesyuarat susulan yang telah diadakan, Kerajaan telah memutuskan untuk memansuhkan istilah “lain-lain” bagi klasifikasi kaum dalam borang-borang rasmi Kerajaan. Sehubungan dengan itu, Kerajaan telah menetapkan klasifikasi kaum dalam borang rasmi Kerajaan adalah seperti berikut:

- (i) Melayu
- (ii) Cina
- (iii) India
- (iv) Dayak
- (v) Kaum: (Sila nyatakan)

Susulan itu, arahan pelaksanaan telah dikeluarkan kepada semua Ketua Setiausaha Kementerian/ Ketua Jabatan Kerajaan, YB Setiausaha Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun Persekutuan dan Negeri serta Pihak Berkuasa Tempatan melalui Surat Ketua Pengarah MAMPU bertarikh 27 April 2016. Walau bagaimanapun, pelaksanaan arahan ini adalah secara pentadbiran bagi borang-borang yang tidak melibatkan keperluan pindaan undang-undang.

Ini adalah seiring dengan nilai di bawah konsep Malaysia Madani yang mengiktiraf hak setiap warganegara Malaysia tanpa mengira latar belakang untuk hidup dalam persekitaran yang mampan dan menyumbang kepada kesejahteraan bangsa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB DATO DR. NUING JELUING

DATO DR. NUING JELUING minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah jumlah terkini (setakat Disember 2022) permohonan kewarganegaraan yang dikemukakan kepada Kementerian dari Sarawak dan dari jumlah itu, berapakah yang telah diluluskan. Apakah sebab-sebab permohonan ditolak.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan rekod Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), sebanyak **1,723 permohonan kewarganegaraan** yang diterima di negeri Sarawak dari tahun 2018 hingga 31 Disember 2022. Dari jumlah itu, sebanyak **158 permohonan kewarganegaraan** telah diluluskan.

Penganugerahan kewarganegaraan Malaysia kepada individu bertaraf bukan warganegara merupakan anugerah tertinggi dan hak eksklusif Kerajaan Persekutuan yang tidak ditawarkan dan diberikan dengan sewenang-wenangnya. Dalam mempertimbangkan permohonan kewarganegaraan Malaysia, beban untuk membuktikan kelayakan untuk dianugerahkan kewarganegaraan Malaysia ini pula adalah di bawah tanggungjawab setiap pemohon dan proses pertimbangan adalah tertakluk kepada syarat-syarat di bawah Bahagian III, Perlembagaan Persekutuan, Kaedah-Kaedah Kewarganegaraan 1964 serta perundangan berkaitan yang berkuatkuasa dalam isu pendaftaran perkahwinan, pengangkatan, kesahtarafan anak, dan peraturan imigresen. Fakta dan dokumen bukti yang dikemukakan oleh setiap pemohon akan diteliti mengikut giliran yang sewajarnya sebelum keputusan dikeluarkan. Justeru, tiada tempoh tertentu yang ditetapkan bagi pengeluaran keputusan dan ia berbeza-beza mengikut keperluan kes.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB DATO DR. NUING JELUING

DATO DR. NUING JELUING minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah status terkini (setakat Disember 2022) tentang sasaran lapan puluh peratus (80%) guru di Sarawak terdiri daripada anak tempatan telah tercapai. Apakah langkah-langkah yang diambil untuk memastikan sasaran ini, yang mana telah dipersetujui oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri akan tercapai.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa memberi perhatian terhadap pengisian guru di sekolah rendah dan menengah seluruh negara bagi memastikan pengajaran dan pembelajaran di sekolah dapat dilaksanakan dengan berkesan. Pada masa yang sama, KPM juga berusaha untuk memastikan guru kelahiran Sarawak diberikan keutamaan untuk ditempatkan di negeri kelahiran mereka berdasarkan kekosongan perjawatan dan keperluan opsyen selaras dengan Dasar *Empowerment 90:10* (Dasar 90:10) yang telah diperkenalkan pada tahun 2015.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 31 Mei 2023, jumlah perjawatan bagi sekolah di Sarawak adalah sebanyak 42,991 dan pengisian adalah seramai 40,053 orang guru. Daripada jumlah pengisian tersebut, sebanyak 89.09 peratus guru merupakan anak kelahiran Sarawak berbanding 10.94 peratus adalah guru daripada Semenanjung Malaysia.

KPM menerusi pengumuman yang dibuat semasa sambutan Hari Guru 2023, telah menyatakan komitmen untuk terus memperkasa kaedah yang lebih strategik dalam urusan pengambilan guru baharu. Ini termasuklah mempertingkat sinergi dan kerjasama strategik dengan Pihak Berkuasa Melantik (Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan) serta agensi pusat yang berkaitan termasuk Jabatan Perkhidmatan Awam dan Kementerian Kewangan.

Beberapa kaedah dan pendekatan strategik telah dipersetujui dan akan dilaksanakan termasuk peluasan kluster mata pelajaran bagi membolehkan lebih ramai calon berpotensi dilantik sebagai guru.

Pengambilan guru juga diperluaskan kepada graduan-graduan berpotensi tinggi dari universiti swasta dan universiti luar negara bagi mata pelajaran - mata pelajaran kritikal dan sukar mendapat calon dari Universiti Awam seperti Bahasa Inggeris, Bahasa Melayu, Reka Bentuk dan Teknologi dan Pendidikan Islam.

Sekiranya pelbagai kaedah strategik yang dilaksanakan masih gagal memenuhi kekosongan maka pelantikan guru secara *Contract of Service* (CoS) dalam kalangan graduan yang tidak mempunyai ikhtisas pendidikan juga akan dilaksanakan. Guru-guru lantikan CoS ini akan dipersiapkan dengan ilmu, kemahiran dan sikap yang sesuai melalui Program Diploma Pascasiswa Pendidikan (PDPP) selama setahun sebelum dilantik tetap oleh SPP.

Selain itu, KPM juga menubuhkan Jawatankuasa Pengambilan dan Penempatan Guru KPM yang berperanan mengenal pasti perubahan yang berlaku dalam dasar, kurikulum, program dan enrolmen yang memberi implikasi kepada keperluan guru, seterusnya memastikan keseimbangan dalam pengambilan serta penempatan guru sekolah KPM.

KPM komited untuk terus memastikan keperluan guru di seluruh negara dipenuhi bagi memastikan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB DATO DR. NUING JELUING

DATO DR. NUING JELUING minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan berapakah jumlah kemalangan jalan raya yang menyebabkan kematian sepanjang tahun 2022. Berapakah bilangan kemalangan yang disebabkan oleh penunggang motosikal. Apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengurangkan kemalangan jalan raya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- Untuk makluman Ahli yang Berhormat, Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik (JSPT), Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah mengemukakan statistik jumlah kemalangan jalan raya yang menyebabkan kematian bagi tahun 2022 seperti Jadual 1.

Jadual 1: Jumlah Kemalangan Maut Mengikut Negeri bagi Tahun 2022

BIL.	NEGERI	KEMALANGAN MAUT	BILANGAN MAUT
1	MELAKA	208	225
2	PAHANG	395	447
3	PERAK	662	708
4	JOHOR	804	862
5	KUALA LUMPUR	218	224
6	SARAWAK	344	391
7	KEDAH	492	521
8	SELANGOR	976	1,015
9	SABAH	255	280
10	PERLIS	62	64
11	KELANTAN	311	336
12	TERENGGANU	262	282
13	NEGERI SEMBILAN	322	337
14	PULAU PINANG	411	434
JUMLAH		5,722	6,126

Sumber: Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik, PDRM

NO SOALAN: 85

2. Manakala, statistik jumlah kemalangan yang disebabkan oleh penunggang motosikal bagi tahun 2022 ialah sebanyak 85,744. Di mana 4,153 kes kemalangan maut melibatkan penunggang dan pembonceng motosikal telah direkodkan. Pecahan mengikut jenis kecederaan adalah seperti di Jadual 2.

Jadual 2: Jumlah Kemalangan yang Disebabkan oleh Penunggang Motosikal

BIL	JENIS KENDERAAN	JUMLAH KEMALANGAN	JENIS KECEDERAAN					
			PENUNGGANG			PEMBONCENG		
			MAUT	PARAH	RINGA N	MAUT	PARAH	RINGA N
1	MOTOSIKAL < 90CC	516	204	114	290	9	11	36
4	MOTOSIKAL 90-250CC	82,744	3,506	2,557	22,519	277	250	935
2	MOTOSIKAL 250-499CC	2,350	78	48	349	8	11	13
3	MOTOSIKAL 500CC	134	68	50	70	3	6	7
JUMLAH		85,744	3,856	2,769	23,228	297	278	991

Sumber: Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik, PDRM

3. Pihak PDRM dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) sentiasa menguatkuasakan undang-undang dengan langkah-langkah yang diambil terhadap mana-mana pihak samada pemandu atau penunggang yang tidak mematuhi undang-undang jalan raya sedia ada. Sepanjang tahun 2022 pihak PDRM telah mengeluarkan sebanyak 1,050,229 saman terhadap motosikal di atas pelbagai kesalahan lalu lintas dan sejumlah 39,577 saman atas kesalahan kemalangan. Manakala, JPJ juga telah mengeluarkan sebanyak 396,609 saman atas pelbagai kesalahan

motosikal antaranya melanggar lampu isyarat, tidak memakai topi keledar, gagal mematuhi isyarat lorong motosikal dan menunggang di bawah umur.

4. Pihak PDRM dan JPJ juga sentiasa menjalankan operasi-operasi seperti Op Bersepadu, Op Samseng Jalanan, Op Selamat, Op Didik, Ops Patuh dan lain-lain operasi yang menjurus kepada penguatkuasaan terhadap penunggang motosikal yang juga melibatkan agensi-agensi penguatkuasaan lain seperti Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) dan Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) bagi memastikan penguatkuasaan menyeluruh terhadap mana-mana pihak atau individu yang tidak mematuhi undang-undang jalan raya terutamanya penunggang motosikal.
5. Selain itu, JPJ Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) dan PDRM secara berterusan mengadakan advokasi, kempen, seminar dan ceramah serta pameran berkenaan keselamatan jalan raya bagi memberi kesedaran kepada pengguna jalan raya terutamanya penunggang motosikal yang melibatkan mahasiswa Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA), Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS), pelajar sekolah, jabatan kerajaan dan pihak swasta serta pertubuhan awam.
6. Bagi langkah-langkah mengurangkan kemalangan jalan raya untuk tempoh jangka panjang, Kementerian Pengangkutan telah membangunkan Pelan Keselamatan Jalan Raya Malaysia 2022-2030 (PKJRM 2022-2030) dan mensasarkan untuk mencapai pengurangan jumlah kematian akibat nahtas jalan raya sekurang-kurangnya pada kadar 50% menjelang tahun 2030.

7. Bagi memudahkan proses pemantauan dan pengukuran pencapaian, pelaksanaan PKJRM 2022-2030 telah dibahagikan kepada dua fasa utama. Fasa Pertama yang bermula pada tahun 2022 hingga tahun 2027 merupakan fasa untuk membiasakan diri, belajar, dan membuat penilaian yang disokong oleh dua pelan tindakan, manakala Fasa Kedua dari tahun 2028 hingga tahun 2030 merupakan fasa penyelarasan dan profesional yang mengandungi satu pelan tindakan.
8. PKJRM 2022-2030 mengandungi 10 Bidang Keutamaan (BK) yang melibatkan aspek tadbir urus yang responsif, pemantauan dan penilaian yang efektif melibatkan keselamatan penunggang motosikal dan kenderaan mikromobiliti, kumpulan berisiko tinggi (orang tua, kanak-kanak & wanita), infrastruktur yang lebih selamat sehinggalah kepada pengurusan pasca kemalangan. Semua BK yang dibangunkan mempunyai 41 indikator pengukuran yang meliputi 23 sub bidang dalam menetapkan 58 strategi pelaksanaan yang dirangka sehingga menjelang tahun 2023. Kesemua aktiviti dan strategi ini dilaksanakan berpandukan dokumen Pelan Tindakan yang dibangunkan untuk PKJRM 2022-2030 dan pemantauan secara berterusan akan dilaksanakan oleh pihak Kementerian.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB DATO DR. NUING JELUING**

DATO DR. NUING JELUING minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan berapakah bilangan anak Sarawak yang berkhidmat dengan Angkatan Tentera Malaysia dan apakah jawatan yang disandang oleh mereka sehingga Disember 2022.

JAWAPAN

1. Statistik bilangan anggota dari kalangan anak Sarawak yang berkhidmat di dalam Angkatan Tentera Malaysia (ATM) adalah sebanyak 11.3% daripada kekuatan keseluruhan anggota ATM. Pecahan jawatan tertinggi yang dipegang dikalangan anggota anak Sarawak dalam ATM mengikut pecahan perkhidmatan dengan pangkat Pegawai dan Lain-Lain Pangkat (LLP) adalah seperti jadual di bawah:

KATEGORI PANGKAT	PANGKAT	KHIDMAT			JUMLAH
		DARAT	LAUT	UDARA	
PEGAWAI	JENERAL			1	1
	BRIGEDIER JENERAL	1			1
	KOLONEL	4	4		8
	LEFTENAN KOLONEL	21	6	14	41
	MEJAR	116	12	26	154
	KAPTEN	61	13	15	89
	LEFTENAN	35	10	7	52
	LEFTENAN MUDA	49	6	9	64
	JUMLAH PEG	287	51	72	410
LAIN-LAIN PANGKAT	PEGAWAI WARAN I	120	33	18	171
	PEGAWAI WARAN II	345	28	49	422
	STAF SARJAN	474	74	122	670
	SARJAN	1,142	94	188	1,424
	KOPERAL	3,874	236	338	4,448
	LANS KOPERAL	1,939	279	83	2,301
	PREBET	3,409	284	157	3,850
	JUMLAH LLP	11,303	1,028	955	13,286
JUMLAH KESELURUHAN		11,590	1,079	1,027	13,696

NO SOALAN: 86

2. Bagi jawatan tertinggi yang disandang anak Sarawak dalam perkhidmatan ATM pada masa kini adalah jawatan Panglima Angkatan Tentera (PAT) yang disandang oleh Jeneral Tan Sri Dato' Sri Hj Effendi bin Buang TUDM.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB TUAN MANOLAN BIN MOHAMAD**

TUAN MANOLAN BIN MOHAMAD minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah kakitangan awam daripada kalangan Masyarakat Orang Asli mengikut Kementerian, gred jawatan serta jumlah perjawatan tetap dan kontrak. Apakah perancangan Kerajaan untuk menambah kakitangan Masyarakat Orang Asli yang berkhidmat di Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA).

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YB DATUK ARMIZAN MOHD ALI,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(HAL EHWAL SABAH, SARAWAK DAN TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan data Sistem Pengurusan Maklumat Sumber Manusia (HRMIS) Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), sehingga 1 Jun 2023 terdapat seramai 2,430 pegawai awam keturunan Orang Asli dalam Perkhidmatan Awam Persekutuan. Pecahan data mengikut Kementerian dan status perjawatan (tetap dan kontrak) adalah seperti di **Jadual 1** dan pecahan mengikut Gred adalah seperti di **Jadual 2**.

2. Kerajaan sentiasa bersikap terbuka untuk meneliti dan mengadakan perbincangan bersama dengan pihak Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) dan JAKOA untuk memperkasakan dan meningkatkan penglibatan Orang Asli dalam Perkhidmatan Awam. Dalam hal ini, ia akan turut mengambil kira dasar-dasar semasa Kerajaan yang berkaitan dengan pembangunan Orang Asli sebagaimana yang digariskan dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe12).

INPUT KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

3. Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) telah mengadakan perbincangan dengan pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) pada 25 Mei 2023 bagi membincangkan mengenai hala tuju perjawatan JAKOA. Antara agenda yang dibincangkan adalah kaedah menambah jumlah kakitangan masyarakat Orang Asli di dalam JAKOA melalui lantikan secara *Contract of Service*.
4. Calon bagi lantikan ini adalah dalam kalangan pelajar Orang Asli yang menerima biasiswa pelajaran daripada JAKOA. Di dalam cadangan tersebut, pelajar-pelajar tajaan JAKOA yang terpilih akan berkerja dengan JAKOA secara kontrak bagi tempoh 2 tahun. Setelah tamat kontrak, perjawatan berkenaan akan ditawarkan kepada pelajar lain. Langkah ini diambil bagi menambah pengisian perjawatan dalam kalangan masyarakat Orang Asli di JAKOA pada masa yang sama bertujuan untuk membuka ruang pekerjaan kepada para graduan Orang Asli untuk mendapatkan pendedahan awal mengenai alam pekerjaan setelah bergraduasi.

Sekian, terima kasih.

**JADUAL 1 : STATISTIK ORANG ASLI
DALAM PERKHIDMATAN AWAM PERSEKUTUAN (PAP) MENGIKUT KEMENTERIAN
DAN STATUS PERJAWATAN**

KEMENTERIAN	PEGAWAI		JUMLAH
	TETAP	KONTRAK	
Jabatan Perdana Menteri	74	2	76
Kementerian Belia Dan Sukan	13	2	15
Kementerian Alam Sekitar Dan Air	10	-	10
Kementerian Dalam Negeri	271	-	271
Kementerian Kemajuan Desa Dan Wilayah	214	123	337
Kementerian Kerja Raya	13	-	13
Kementerian Kesihatan Malaysia	791	29	820
Kementerian Kewangan Malaysia	46	-	46
Kementerian Komunikasi Dan Digital	33	4	37
Kementerian Luar Negeri	3	-	3
Kementerian Pelancongan, Seni Dan Budaya	6	-	6
Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan	24	-	24
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat	53	1	54
Kementerian Pendidikan	510	3	513
Kementerian Pengangkutan	28	-	28
Kementerian Perdagangan Antarabangsa Dan Industri	2	-	2
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Kos Sara Hidup	6	-	6
Kementerian Perladangan dan Komoditi	1	-	1
Kementerian Pendidikan Tinggi	11	-	11
Kementerian Perpaduan	10	5	15
Kementerian Pertahanan	32	-	32
Kementerian Sains, Teknologi Dan Inovasi	5	-	5
Kementerian Pertanian Dan Keterjaminan Makanan	30	-	30
Kementerian Sumber Manusia	14	-	14
Kementerian Tenaga Dan Sumber Asli	61	-	61
JUMLAH KESELURUHAN	2261	169	2430

**JADUAL 2 : STATISTIK ORANG ASLI DALAM PERKHIDMATAN AWAM
PERSEKUTUAN (PAP) MENGIKUT GRED**

GRED JAWATAN	PEGAWAI		JUMLAH
	TETAP	KONTRAK	
Jusa C dan ke atas	1	-	1
41 - 56	433	12	445
29 - 40	410	88	498
11 - 28	1,417	69	1,486
JUMLAH KESELURUHAN	2,261	169	2,430

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB TUAN MANOLAN BIN MOHAMAD

TUAN MANOLAN BIN MOHAMAD minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan berapakah jumlah bangunan-bangunan Kerajaan yang tidak digunakan sepenuhnya dan yang tidak digunakan langsung di setiap Kementerian dan agensi-agensi Kerajaan. Apakah langkah-langkah yang diambil untuk memulihkan kembali bangunan tersebut supaya dapat memberi manfaat kepada negara.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, Kerajaan melalui Jabatan Perdana Menteri (JPM) telah mengeluarkan Tatacara Pengurusan Aset Tak Alih Kerajaan melalui Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 2021 berkuatkuasa 30 September 2021.

Struktur tadbir urus pengurusan pelaksanaan Pengurusan Aset Tak Alih Kerajaan adalah di bawah bidang kuasa Pegawai Pengawal Kementerian/ Agensi masing-masing.

Pegawai Pengawal juga berperanan dalam memastikan pengurusan aset tak alih kerajaan dilaksanakan secara teratur, cekap dan berkesan di Kementerian/ Agensi masing-masing termasuk pelan pelaksanaan aktiviti setiap fasa dalam kitaran hayat aset tak alih.

Bagi Aset Tak Alih JKR Malaysia, aset-aset tersebut adalah milikan Kementerian Kerja Raya (KKR) dan telah didaftarkan sebagai Daftar Premis Aset (DPA). Sehingga kini, JKR Malaysia mempunyai sebanyak 14 DPA bagi kategori bangunan pejabat yang beroperasi sepenuhnya di seluruh Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB TUAN MANOLAN BIN MOHAMAD

TUAN MANOLAN BIN MOHAMAD minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah jumlah pemegang visa Malaysia My Second Home (MM2H) yang terkini mengikut negara masing-masing serta adakah kerajaan bercadang untuk mengurangkan Simpanan Tetap yang dikenakan RM1juta bagi menggalakkan pelabur datang ke Malaysia dan bersaing dengan negara jiran. Adakah kerajaan bercadang mengenakan Bon Keselamatan yang dipegang oleh Kerajaan yang mana ketika ini dipegang oleh bank komersial.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 31 Mei 2023, pemegang pas aktif Program Malaysia Rumah Kedua (MM2H) adalah seramai 53,682. Jumlah keseluruhan tersebut adalah terdiri daripada 26,486 prinsipal dan 27,196 tanggungan.

Untuk makluman, Kementerian Dalam Negeri telah mengadakan mesyuarat dengan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya pada 18 Mei 2023. Hasil daripada mesyuarat tersebut, beberapa keputusan telah dibuat mengenai cadangan penambahbaikan syarat-syarat Program Malaysia Rumah Keduaku (MM2H). Antara syarat-syarat yang dikaji semula adalah deposit simpanan tetap (*fixed deposit*). Ini bagi menjadikan program MM2H berupaya meningkatkan tarikan pelabur ke Malaysia dan memastikan program ini kekal relevan dan berdaya saing dengan negara jiran.

Selain itu, bon keselamatan atau dikenali sebagai wang jaminan adalah bayaran yang dikenakan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) kepada warga asing yang memohon pas jangka panjang termasuk program MM2H. Pada masa ini keperluan wang jaminan bagi kerajaan adalah masih relevan dan wajar dikekalkan bagi mewujudkan kesedaran dan meningkatkan rasa kebertanggungjawaban penaja dan pemegang pas untuk sentiasa mematuhi undang-undang negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB TUAN MANOLAN BIN MOHAMAD**

TUAN MANOLAN BIN MOHAMAD minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan berapakah jumlah pelajar Orang Asli yang sedang mengikuti kursus yang ditawarkan di setiap Kementerian dan berapakah jumlah yang telah tamat tempoh kursus serta jumlah peratusan yang telah berjaya mendapat pekerjaan mengikut bidang masing-masing.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian ini melalui Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) cukup komited dalam memastikan supaya semua masyarakat Orang asli tidak dipinggirkan samada dalam bidang Pendidikan malah dalam kursus-kursus berkaitan kemahiran.

Untuk makluman Tuan Yang Dipertua, bagi tahun 2013 sehingga 2019, JAKOA telah mendapat peruntukan daripada Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) dan juga Unit Perancang Ekonomi (EPU) melalui Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK) dengan pelaksanaan bilangan kursus sebanyak 219 buah kursus dan bilangan peserta seramai 6,691 orang. Daripada jumlah tersebut, seramai 5,725 orang atau 86% belia belianwas Orang Asli telah bekerja selepas tamat kursus tersebut. Sebanyak 14% lagi tidak bekerja disebabkan pelbagai faktor di antaranya tidak tamat latihan, tidak berminat untuk meneruskan pekerjaan dalam sektor yang dipelajari, menyambung pengajian ke peringkat lebih tinggi, berkahwin dan menetap di kampung serta masalah keluarga.

Bagi tahun 2020 sehingga 2022 pula, disebabkan situasi pandemik Covid-19 yang membimbangkan dan pergerakan rentas daerah dan negeri yang terhad menyebabkan pelaksanaan program ini sedikit terkesan. Namun pelaksanaan program-program kemahiran ini dilaksanakan semula pada tahun 2023 dengan pelaksanaan 1 kursus dan sasaran 20 orang peserta.

NO SOALAN: 90

Selain itu, JAKOA juga sentiasa bekerjasama dengan pelbagai Kementerian dan Agensi bagi memastikan belia-beliawanis Orang Asli mendapat peluang dalam latihan kemahiran. Di antaranya ialah melalui kerjasama bersama Kementerian Sumber Manusia (KSM) dalam pelaksanaan program Perantis Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) McDonald's, dimana pelatih akan memperolehi Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 2 dan Tahap 3 dalam bidang Penyediaan dan Perkhidmatan Makanan Segera selama 18 bulan di Akademi Vokasional McDonald's dan peluang kerjaya di McDonalds selepas tamat latihan. Setakat Disember 2022, seramai 74 orang belia beliawanis Orang Asli telah menyertai program ini dan 166 orang telah mendapat pekerjaan sebagai crew di McDonalds.

Di samping itu juga, sejak tahun 2022, JAKOA telah merancang dan melaksanakan Program TVET In-Situ bersama Agensi/ Institut Latihan Kemahiran Awam seperti Giatmara, Kolej Komuniti, Agensi kerajaan dan swasta. Latihan ini berkonsepkan kursus jangka pendek yang diadakan di perkampungan Orang Asli bagi meningkatkan kemahiran mereka untuk diaplikasikan dalam kehidupan harian dan membantu mereka menjana pendapatan sendiri.

Antara kursus yang dilaksanakan ialah seperti gunting rambut, jahitan, dandanan diri dan lain-lain lagi. Kursus yang akan diadakan adalah mengikut minat dan permintaan daripada masyarakat Kampung itu sendiri bagi menggalakan penyertaan Orang Asli di dalam bidang kemahiran. Pada tahun 2022, sebanyak 33 buah kursus TVET Insitu telah dilaksanakan di dalam perkampungan Orang Asli dengan penglibatan seramai 1,600 orang peserta.

NO SOALAN: 90

Manakala berdasarkan Sistem MyMoheS di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), secara keseluruhannya pada tahun 2022, bilangan pelajar Orang Asli yang sedang mengikuti pengajian di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) adalah seramai 714 orang pelajar. Daripada jumlah tersebut, seramai 171 pelajar orang Asli telah menamatkan pengajian.

Manakala daripada 150 graduan Orang Asli yang menyertai kajian pengesanan graduan (SKPG,KPT) pada tahun 2022, seramai 93 orang atau 62% telah bekerja enam (6) bulan selepas menamatkan pengajian mereka.

Sekian, terima kasih.

MAKLUMAT TAMBAHAN**LATIHAN KEMAHIRAN DAN PENEMPATAN PEKERJAAN****1. PROGRAM LATIHAN KEMAHIRAN DAN KERJAYA (PLKK)**

No	Tahun	Peruntukan	Bil. Kursus	Peserta	Bekerja	%	Tidak Bekerja	%
1	2013	KKLW - PLKK	5	165	155	94%	10	6%
		EPU	29	666	593	89%	73	11%
2	2014	KKLW - PLKK	7	195	152	78%	43	22%
		EPU	15	275	209	76%	66	24%
3	2015	KKLW - PLKK	8	200	180	90%	20	10%
		EPU	25	595	550	92%	45	8%
4	2016	KKLW - PLKK	8	210	192	91%	18	9%
		EPU	37	1,183	1100	93%	83	7%
5	2017	EPU	51	1,986	1622	82%	364	18%
6	2018	EPU	15	556	371	67%	185	33%
7	2019	EPU	19	660	601	91%	59	9%
JUMLAH			219	6,691	5,725	86%	966	14%

2. DATA LATIHAN KEMAHIRAN ORANG ASLI TAHUN 2020-2023 (TVET)

Bil	Agensi	Bidang	Jumlah (Orang)
1	Akademi McDonald	F&B	74
2	ECERD	Train & Place / Upskilling Reskilling	123
3	HRD Corp	Go TVET Orang Asli Train & Place	323
4	Institut Latihan Perindustrian, Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM,ILP,ADTEC & JMTI)	Pelbagai	136
5	Institut Latihan Kemahiran Belia dan Sukan	Pelbagai	9
6	Latihan dibawah PENJANA PERKESO	Pelbagai	174
7	Pusat Latihan Perak	Pelbagai	66
8	TVET Insitu JAKOA	Kursus pendek	1,600
JUMLAH			2,505

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB TUAN MANOLAN BIN MOHAMAD

TUAN MANOLAN BIN MOHAMAD minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan jumlah pelajar Orang Asli yang sedang belajar di luar negara tajaan Kerajaan mengikut negara dan kursus yang mereka ambil. Berapakah jumlah yang telah tamat pengajian dari tahun 2020 hingga 2022 dan apakah sasaran serta tindakan Kementerian untuk meningkatkan jumlah pelajar Orang Asli yang belajar di luar negara pada masa hadapan.

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat, pelbagai usaha telah dilakukan bagi menggalakkan dan meningkatkan bilangan pelajar Orang Asli ke Institusi Pengajian Tinggi samada dalam dan luar negara. Bermula tahun 2018 sehingga 2022, seramai 65 pelajar Orang Asli yang telah mengikuti Program Ijazah Luar Negara (PILN). Sehingga kini, pelajar Orang Asli yang mendapat tajaan pinjaman pelajaran MARA dan masih aktif ialah berjumlah seramai 14 orang di pelbagai negara mengikut peringkat pengajian dalam pelbagai bidang antaranya bidang perubatan, farmasi, kejuruteraan dan lain-lain.

Pihak JAKOA sedang mempergiatkan lagi usaha dalam meningkatkan jumlah pelajar Orang Asli yang belajar di IPT. Antaranya ialah seperti berikut:

a) Perluasan skop bagi Skim Bantuan Galakan Pendidikan (SBGP)

Bantuan kewangan bagi Skim Bantuan Galakan Pendidikan bagi pelajar Orang Asli telah diperluaskan lagi daripada 31 buah institut awam dan swasta seluruh negara kepada 40 institusi awam dan swasta yang lain merangkumi Kolej Komuniti Malaysia, Kolej Matrikulasi Malaysia, Institut Pendidikan Guru Malaysia, Politeknik Malaysia, Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTM), Kolej Profesional MARA (KPM), Institusi Latihan Kemahiran Awam dan semua institusi TVET Awam. Ini bertujuan untuk memberi peluang lebih ramai lagi pelajar Orang Asli dapat melanjutkan pelajaran ke Institusi Pengajian Tinggi.

b) Kerjasama Strategik dengan MARA

Pihak JAKOA sentiasa bekerjasama dan mempunyai hubungan yang baik dengan pihak MARA dalam memastikan lebih ramai pelajaa Orang Asli akan menjaki ke menara gading. Pihak MARA menawarkan tajaan pinjaman pelajaran bagi pelajar Orang Asli yang ingin melanjutkan pengajian ke luar negara dan memberikan pengurangan pinjaman yang khas kepada pelajar Orang Asli setelah tamat pengajian melalui e-Conversion. Ini bertujuan bagi menggalakkan pelajar Orang Asli untuk melanjutkan pengajian ke luar negara.

c) Taklimat program pengajian dan pembiayaan pendidikan kepada pelajar Orang Asli oleh MARA

Mengadakan sesi taklimat bersama MARA berkaitan program pengajian dan pembiayaan pendidikan kepada pelajar Orang Asli di dalam Majlis Anugerah Murid Cemerlang Orang Asli bagi mempromosikan program-program di bawah MARA.

d) Program ‘Jom Masuk U’ kerjasama bersama Kementerian Pengajian Tinggi (KPT)

Memberi peluang kepada pelajar Orang Asli masuk ke Universiti melalui aktiviti pameran, forum, taklimat dan sesi konsultasi yang diadakan oleh kementerian Pengajian Tinggi mengenai peluang pendidikan tinggi di IPTA, ILKA dan IPTS.

e) Program Young Talent

Menggalakkan murid Orang Asli cemerlang lepasan SPM mengikuti Program *Young Talent Development Programme* (YTP) di bawah Majlis Amanah Rakyat (MARA) menyambung pengajian bermula peringkat persediaan hingga ke peringkat ijazah pertama di institusi pendidikan tinggi terpilih di dalam dan luar negara.

Sekian, terima kasih.

MAKLUMAT TAMBAHAN

Jadual 1 : Data Pelajar Orang Asli Yang Aktif Tajaan Pinjaman Pelajaran MARA Bidang

BIL.	NAMA PELAJAR	KURSUS SEMASA	PERINGKAT PENGAJIAN	NEGARA	UNIVERSITI	TARAF MINUMAN TAJUH
1.	Mardiyanne A/P Lipok	Medicine	Bachelor	Malaysia	USM Kubang Kerian	09/
2.	Izlan A/L Ismail	Economic And Finance	Bachelor	United Kingdom	Cardiff University	09/
3.	Azmirol Azri Bin Long	Engineering	Sarjana	Perancis	Ecole National Supérieur Des Industries	09/
4.	Morven A/L Manu	Electrical & Electronic	Bachelor	United Kingdom	University College London	09/
5.	Shima Rabi'atul Adawiyah Binti Zainal	Catalysis & Porous Materials	PHD	United Kingdom	University Of Manchester	09/
6.	Alisya A/P Anjang Harun	Pengajian Media	Bachelor	Australia	University Of New South Wales	02/

7.	Muhammad Shahrul Ilyas Bin Bulat	Computer System & Networking	Diploma	Malaysia	KPTM Batu Pahat	07/
8.	Wa Ibraniya'a A/P Bah Nooah	Pengurusan Maritim	Diploma	Malaysia	Unikl Mimet	02/
9.	Winnie A/P Annuar	Engineering	Bachelor	Korea	Sungkyunkwan University	02/
10.	Siti Masitah Binti Hasan	Transport	Bachelor	Malaysia	UiTM Puncak Alam	04/
11.	Pong Shiao Yin A/P Pong Ah Kau	Construction Project Management	PHD	United Kingdom	University Of Salford	05/
12.	Susherrie Suki	Urban Design	Sarjana	United Kingdom	University College London	09/
13.	Wan Muhammad Hikmi Bin Wan Aziz	Control Systems Engineering	Bachelor	Rusia	Moscow Aviation Institute (Mai)	09/
14.	Nuriatiyah Azyan Binti Arisad	Business Management	Diploma	Malaysia	KPTM Kuantan	11/

Bilangan pelajar Orang Asli yang telah menamatkan pengajian dari tahun 202 seramai 14 orang. Maklumat seperti jadual di bawah.

Jadual 2 : Data Pelajar Orang Asli Yang Telah Tamat Pengajian Tahun Pinjaman Pelajaran MARA

BIL.	NAMA PELAJAR	KURSUS SEMASA	PERINGKAT PENGAJIAN	NEGARA	UNIVERSITI
1.	Nurul Izaty Binti Osman	Marine & Offshore Engineering	Bachelor	Australia	University Of Tasmania
2.	Nurul Zainab Bin Along	Architecture	PHD	Australia	Newcastle Univers
3.	Tan Bee Hui A/P Tan Boon Huat	Dentistry	Bachelor	Malaysia	Mahsa University College
4.	Axelyn Juni	Chemical Engineering Process	Bachelor	Australia	University Of Strathclyde
5.	Nur Asfa Auni Binti Ayak	Chemical Engine & Material Sc	Bachelor	Korea	Chung-Ang Univers
6.	Kuah Yuk Hong A/P Kuah Chee Kwan	Psychology Science	Bachelor	Australia	University Of New South Wales
7.	Airene Binti July	Pharmacy	Bachelor	Australia	Monash Universit
8.	Shamien A/P Seliman	Commerce	Bachelor	Australia	The University Of Queensland

9.	Wan Muhammad Syafiq Bin Wan Aziz	Chemical Engineering	Bachelor	United Kingdom	University Of Edinburgh
10.	Masni A/P Mat Dong	Business And Management	PHD	United Kingdom	Aberystwyth University
11.	Tan Bee Ting Ap Tan Boon Huat	Immunology	Sarjana	United Kingdom	Imperial College London
12.	Md Sabtuah Bin Mohd Royali	Health Education	PHD	Australia	Griffith University
13.	Lee Yie Kei	Art Accounting & Finance	Bachelor	United Kingdom	Cardiff University
14.	Mira Nabilah Bt Ira Isra	Medicine And Surgery	Bachelor	Malaysia	Melaka-Manipal Medical College

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB DATO' SIVARAJ A/L CHANDRAN

Dato' Sivaraj a/l Chandran minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah langkah-langkah pihak Kementerian untuk mengiktiraf penyedia perkhidmatan yang menawarkan kepakaran khusus sebagai contohnya jurulatih, pengurusan sukan, pakar sains sukan, pakar perubatan sukan dan pakar teknologi sukan sebagai langkah menggalakkan pembangunan sub-sektor penyedia perkhidmatan sukan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini Kementerian Belia dan Sukan (KBS) melalui Institut Sukan Negara (ISN) menyediakan beberapa insentif kepada penyedia perkhidmatan melibatkan pakar sains sukan dan pakar perubatan sukan di bawah ISN. Antara insentif yang disediakan adalah;

- (a) membangunkan program saintis muda sukan yang menawarkan pelan hala tuju kerjaya untuk saintis sukan seperti memiliki sijil profesional dalam disiplin tertentu yang sah (bilangan graduan peringkat Sarjana/Doktorat (PhD)). Program ini juga menawarkan program pertukaran staf/program sangkutan (*attachment*)/cuti sabatikal/cuti bagi tujuan penyelidikan;
- (b) menawarkan program latihan dan pembangunan pendidikan (program *continuing professional development* (CPD)) kepada pakar sains sukan dan perubatan sukan setiap tahun. Program ini merupakan usaha bersepadu bagi memastikan profesion kesihatan melengkapkan diri atau dilengkapkan dengan pengetahuan, kemahiran dan nilai serta amalan profesional berteraskan pembangunan kompetensi, pembelajaran berterusan dan laluan kerjaya;

- (c) pihak ISN juga sedang berkerjasama dengan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dalam membangunkan laluan Inisiatif Kemajuan Kerjaya Pakar Bidang Khusus (*Subject Matter Expert - SME*) dalam membantu menguruskan kompetensi staf dengan lebih telus berdasarkan merit dan prestasi dalam perkhidmatan. Pegawai yang diiktiraf sebagai pegawai SME oleh Lembaga Kenaikan Pangkat (LKP) akan diberi pemangkuhan dan seterusnya kenaikan pangkat pada 1 gred yang lebih tinggi secara Khas Untuk Penyandang (KUP) tertakluk melepas tapisan kepakaran yang ketat; dan
- (d) selain itu, bayaran insentif akan diberikan kepada pegawai-pegawai yang membuat kajian tentang sesuatu topik/tajuk berkaitan sains, perubatan dan teknologi sukan serta menerbitkan kertas kajian di jurnal bertaraf kuartil 1 sehingga kuartil 3 (Q1-Q3) dan *Scopus*.

Selain itu, program pendidikan kejurulatihan secara formal yang komprehensif melalui sistem akreditasi jurulatih sukan, iaitu program Skim Pensijilan Kejurulatihan Kebangsaan (SPKK) Tahap I, II dan III ditawarkan kepada jululatih. SPKK merupakan satu piawai kebangsaan yang memberi pengiktirafan kepada individu yang berhasrat untuk menjadi seorang jurulatih bertauliah dan kompeten melalui Skim Pelesenan Kejurulatihan Kebangsaan (SLKK).

Akademi Kejurulatihan Kebangsaan (AKK) ISN yang ditubuhkan pada tahun 1 Januari 2012 merupakan badan yang bertanggungjawab dalam menguruskan kepakaran kejurulatihan sukan yang lebih tersusun, terutamanya dalam aspek pengiktirafan jurulatih dan pendidikan jurulatih.

Bagi memperkasakan fungsi AKK serta menjamin kualiti jurulatih berlesen di bawah AKK, peraturan-peraturan Institut Sukan Negara (Akademi Kejurulatihan Kebangsaan) di bawah Akta Institut Sukan Negara 2011 (Akta 729) sedang dalam proses akhir untuk diwartakan.

KBS juga melalui Majlis Sukan Negara (MSN) telah menyediakan **Skim Galakan Jurulatih (SGAR)** sejak tahun 1990 bagi mengiktiraf sumbangan jurulatih dalam arena sukan negara. Kadar pemberian SGAR ini adalah sebanyak **20% daripada nilai insentif Skim Hadiah Kemenangan Sukan (SHAKAM)** yang diperolehi oleh atlet di peringkat antarabangsa khususnya di Temasya Sukan Olimpik, Asia, Komanwel dan SEA serta kejohanan individu peringkat Dunia, Komanwel serta Asia.

Terkini, Jawatankuasa Peringkat Tertinggi (HLC) Pembangunan Sukan bermesyuarat pada 7 Jun 2023 yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Bin Hamidi telah memutuskan bahawa peranan ISN dalam memperluaskan program pendidikan dan pelesenan kejurulatihan kepada guru dan jurulatih di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia dan Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia.

Pihak ISN akan terus menyumbang ke arah transformasi pendidikan kejurulatihan sukan bagi memastikan aspek kejurulatihan sukan di negara ini lebih seragam dan berada di tahap yang tertinggi serta diiktiraf di peringkat antarabangsa.

Kementerian ini melalui ISN juga dalam usaha untuk merangka dokumen peraturan-peraturan Institut Sukan Negara (Pengamal Sains Sukan) di bawah Akta Institut Sukan Negara 2011 (Akta 729). Tujuan peraturan ini disediakan adalah untuk memastikan penyedia/pakar sains sukan seperti pakar fisioterapi, pakar biomekanik sukan dan pakar pemakanan sukan diiktiraf untuk memberi perkhidmatan sains sukan khususnya kepada atlet Kebangsaan dan juga orang awam.

Buat masa ini, Kementerian ini tidak mempunyai sebarang bentuk pengiktirafan khusus untuk pengurusan sukan, pakar perubatan sukan. Pada masa ini kedua-dua perkhidmatan tersebut adalah di bawah seliaan Kementerian Kesihatan Malaysia dan pakar teknologi sukan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB DATO' SIVARAJ A/L CHANDRAN

DATO' SIVARAJ A/L CHANDRAN minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan:-

- (a) berapakah jumlah permohonan Inisiatif Pendapat Rakyat (IPR) yang telah diterima dan diluluskan mengikut kategori setakat ini; dan
- (b) apakah rancangan Kerajaan dalam usaha meluaskan Inisiatif Usahawan Tani (INTAN) IPR di semua negeri agar segenap rakyat dapat menerima manfaat melalui program ini memandangkan Fasa 1 INTAN IPR hanya terhad di PJ City Food Valley.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pada 26 Februari 2023, Kerajaan telah memperkenalkan program Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) bagi meningkatkan pendapatan golongan sasar secara mampan melalui kerjasama antara Kerajaan, rakyat dan rakan-rakan strategik di bawah *whole-of-nation approach*. Di bawah IPR, sebanyak 3 inisiatif rintis telah diperkenalkan iaitu Inisiatif Usahawan Tani (INTAN), Inisiatif Usahawan Makanan (INSAN) dan Inisiatif Operator Perkhidmatan (IKHSAN). Susulan pelancaran IPR, Inisiatif Pembasmian Kemiskinan Tegar (BMT) sedia ada masih diteruskan dan diintegrasikan serta dijenamakan semula di bawah IPR. Kesemua inisiatif ini menekankan kepada penjanaan pendapatan golongan sasar iaitu miskin tegar, miskin dan B40 secara mampan.

Sehingga 31 Mei 2023, sejumlah 117,062 ketua isi rumah (KIR) miskin tegar direkodkan melalui pangkalan Bank Data Kemiskinan Nasional atau eKasih.

Pemilihan peserta yang berkelayakan bagi menyertai program IPR adalah berdasarkan senarai eKasih yang dikeluarkan oleh Unit Penyelarasian Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU, JPM). Manakala, pemilihan isi rumah miskin tegar dalam kalangan Orang Asli dilaksanakan melalui sistem Data Pengurusan Maklumat Orang Asli (iDAMAK). Selain itu, senarai peserta juga akan diambil berdasarkan permohonan yang dibuat menerusi laman sesawang IPR (www.ipr.epu.gov.my).

Sehingga 11 Jun 2023, jumlah keseluruhan permohonan IPR berjumlah 60,495 pemohon. Namun, setelah disemak silang dengan data e-Kasih, iDAMAK dan Sumbangan Tunai Rahmah hanya 34,726 pemohon yang layak dipertimbangkan menyertai IPR. Dari segi kategori, seramai 16,882 individu (bersamaan 48%) memohon untuk program INSAN, 10,332 individu (bersamaan 30%) memohon untuk program INTAN dan 7,512 individu (bersamaan 22%) memohon untuk program IKHSAN.

Berikut merupakan pecahan peserta IPR yang telah diluluskan mengikut inisiatif:

INISIATIF	BIL. PESERTA	NEGERI
INTAN	40	Selangor
INSAN	1	Pulau Pinang
	5	Selangor
	5	Kuala Lumpur
	1	Negeri Sembilan
	1	Johor
IKHSAN	15	Kedah
	13	Pulau Pinang
	62	Selangor
	4	Pahang
	31	Terengganu
BMT	1,521	Pelbagai daerah di seluruh negara
JUMLAH	1,699	

Program INTAN yang seterusnya bakal dilaksanakan di atas tanah berkeluasan hampir 300 ekar tanah iaitu Putrajaya (30 ekar), Setiu (50 ekar) dan Kota Marudu (200 ekar). Selain itu, Kementerian Ekonomi juga sedang mempertimbangkan beberapa lagi lokasi bagi Program INTAN iaitu di Ulu Kinta (10 ekar), Puchong (25 ekar), Segamat (35 ekar) dan Shah Alam (17 ekar).

Bagi memperluaskan lagi Program INTAN di seluruh negara, Kementerian Ekonomi sedang mengadakan rundingan dengan beberapa Kerajaan Negeri termasuk Kerajaan Negeri Johor, Pahang, Perlis dan Sabah bagi mengenal pasti kawasan dan jenis tanaman yang sesuai bagi pelaksanaan program INTAN.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB TUAN HAJI ABDUL NASIR BIN HAJI
IDRIS**

TUAN HAJI ABDUL NASIR BIN HAJI IDRIS minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan

- a. nilai pelaburan masuk ke Malaysia mengikut negeri-negeri bagi tahun 2022 sehingga suku pertama tahun 2023; dan
- b. insentif pihak Kerajaan kepada pelabur bagi menarik minat pelabur luar negara.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Bagi tempoh 2022 sehingga Mac 2023, Malaysia telah berjaya menarik jumlah pelaburan sebanyak RM339.1 bilion dalam pelbagai sektor ekonomi, meliputi sektor perkilangan, perkhidmatan dan utama. Pelaburan ini melibatkan 5,782 projek dan dijangka akan mewujudkan sejumlah 164,417 peluang pekerjaan baharu.

Daripada keseluruhan jumlah pelaburan yang diluluskan, pelaburan asing menyumbang lebih daripada separuh iaitu 59.2% atau RM200.8 bilion, manakala pelaburan domestik menyumbang sebanyak 40.8% atau RM138.3 bilion.

Berdasarkan Pecahan Pelaburan Asing Mengikut 10 Negeri Utama tahun 2022 sehingga Mac 2023, negeri Johor merekodkan pelaburan asing tertinggi dengan sumbangan sebanyak 33.7% atau RM67.6 bilion, diikuti oleh Selangor (16.8% atau RM33.7 bilion), W.P. Kuala Lumpur (12.5% atau RM25.1 bilion), Sarawak (7.6% atau RM15.2 bilion) dan Pulau Pinang (6.5% atau RM13 bilion). Kesemua lima (5) negeri utama ini menyumbang sebanyak 77% atau RM154.6 bilion daripada jumlah pelaburan asing dalam ketiga-tiga sektor seperti di **Jadual 1** berikut:

**Jadual 1: Pecahan Pelaburan Asing Mengikut 10 Negeri Utama,
2022 Hingga Mac 2023**

Bil.	Negeri	2022 (Jan-Dis) (RM juta)	2023 (Jan-Mac) (RM juta)	Jumlah (RM juta)
1.	Johor	58,786.0	8,832.6	67,618.6
2.	Selangor	33,030.2	628.7	33,658.9
3.	W.P. Kuala Lumpur	9,635.7	15,503.4	25,139.1
4.	Sarawak	12,398.2	2,766.7	15,164.9
5.	Pulau Pinang	10,157.1	2,856.1	13,013.2
6.	Kedah	11,147.0	218.4	11,365.4
7.	Sabah	9,171.7	1.5	9,173.2
8.	Melaka	6,536.8	1,507.6	8,044.4
9.	Negeri Sembilan	6,583.1	281.0	6,864.1
10.	Perak	2,283.0	4,398.6	6,681.7

Nota : Nilai penjumlahan mungkin berbeza disebabkan pembundaran

Sumber : MIDA

Bagi merangsang pelaburan terutamanya pelaburan daripada luar negara, Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) melalui Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) sentiasa menawarkan pelbagai pakej insentif antara lain seperti berikut:

- a. Pakej insentif cukai kepada syarikat-syarikat domestik dan asing yang menjalankan aktiviti yang digalakkan di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986 iaitu:

1. Galakan Taraf Perintis (pengecualian cukai pendapatan sebanyak 70% atau 100% daripada pendapatan berkanun bagi tempoh 5 atau 10 tahun); atau
 2. Elaun Cukai Pelaburan iaitu elaun sebanyak 60% atau 100% daripada jumlah perbelanjaan modal yang layak yang dibuat oleh syarikat dalam tempoh 5 atau 10 tahun bagi menjalankan aktiviti atau mengeluarkan keluaran yang digalakkan;
- b. Galakan cukai kepada syarikat dalam sektor perkilangan yang memindahkan operasi ke Malaysia berikutan krisis ekonomi global yang mengganggu rantai bekalan global, dalam bentuk Kadar Cukai Khas pada kadar 0% untuk tempoh 10 hingga 15 tahun bagi syarikat baharu, atau Elaun Cukai Pelaburan sebanyak 100% dalam tempoh 5 tahun bagi syarikat sedia ada serta kadar cukai 15% kepada C-Suite sehingga 31 Disember tahun 2024; dan
- c. Galakan Cukai bagi Pengilang Peralatan Pengecasan untuk Kenderaan Elektrik serta menambahbaik Elaun Modal Automasi yang kini meliputi adaptasi elemen Industri 4.0, sektor pertanian serta had perbelanjaan yang dipertingkat sehingga RM10 juta.

Bagi memastikan insentif cukai kekal relevan, tangkas dan berdaya saing seiring dengan perubahan teknologi selaras dengan standard percukaian antarabangsa, Kerajaan sedang melaksanakan Kajian Penstruktur Semula Insentif Cukai untuk memastikan penyeragaman insentif dilaksana dengan efisyen di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 dan Akta Penggalakan Pelaburan 1986.

Selain menawarkan pakej insentif, Malaysia juga mempunyai daya tarikan tersendiri dalam menarik pelabur antaranya infrastruktur, akses kepada bakat sedia ada dan ekosistem rantaian bekalan yang memenuhi keperluan pelabur. Ini dapat dilihat melalui pengiktirafan Malaysia pada kedudukan pertama dalam Asia Tenggara sebagai negara paling berpotensi untuk menarik pelabur asing berdasarkan *Global Opportunity Index, Bloomberg 2022*. Malaysia menerima kedudukan tertinggi di rantau ini berdasarkan prestasi kukuh merentas semua kategori yang dinilai.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB TUAN HAJI ABDUL NASIR BIN HAJI IDRIS

TUAN HAJI ABDUL NASIR BIN HAJI IDRIS minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan :-

- (a) senarai peratusan kawasan berhutan dan hutan simpan kekal mengikut negeri-negeri di Malaysia; dan
- (b) adakah pihak Kementerian bercadang memberikan ganjaran insentif kepada negeri Kedah yang mengurus dan memelihara Hutan Simpan Ulu Muda sebagai sumber bekalan air bagi negeri Kedah, Pulau Pinang dan Perlis.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga kini, Malaysia mempunyai kawasan berhutan seluas 18.05 juta hektar atau 54.58 peratus daripada keluasan tanah negara. Daripada jumlah tersebut, keluasan hutan simpanan kekal (HSK) adalah 10.67 juta hektar atau 32.29 peratus daripada keluasan tanah negara. Pecahan peratusan kawasan berhutan dan HSK mengikut negeri-negeri di Malaysia adalah seperti berikut:

Bil	Negeri	Kawasan Berhutan		Kawasan Hutan Simpanan Kekal/Hutan Simpan/Esstet Hutan Kekal	
		Luas (hektar)	%	Luas (hektar)	%
1.	Johor	442,884	23.11	334,292	17.44
2.	Kedah	344,945	36.27	341,976	35.96
3.	Kelantan	767,203	51.04	629,881	41.90
4.	Melaka	5,448	3.10	5,199	2.96
5.	Negeri Sembilan	157,907	23.53	155,143	23.12
6.	Pahang	2,015,936	55.79	1,545,610	42.77
7.	Perak	1,010,570	47.79	987,632	46.70
8.	Perlis	11,546	14.15	10,629	13.03
9.	Pulau Pinang	7,752	7.52	5,387	5.22
10.	Selangor	251,721	31.70	250,208	31.51
11.	Terengganu	676,823	52.23	540,309	41.70
12.	WP Kuala Lumpur	2,049	8.44	68	0.28

Bil	Negeri	Kawasan Berhutan		Kawasan Hutan Simpanan Kekal/Hutan Simpan/Esstet Hutan Kekal	
		Luas (hektar)	%	Luas (hektar)	%
13.	WP Putrajaya	-	-	-	-
14.	WP Labuan	-	-	-	-
Jumlah Semenanjung		5,694,784	42.95	4,806,334	36.25
15.	Sabah	4,679,594	63.56	1,906,200	25.89
16.	Sarawak	7,671,222	61.64	3,964,880	31.86
JUMLAH KESELURUHAN		18,045,600	54.58	10,677,414	32.29

2. Buat masa ini, Kerajaan Persekutuan tidak menyediakan insentif khusus kepada negeri-negeri yang mengurus dan memelihara hutan bagi tujuan sebagai sumber bekalan air. Pemberian insentif khusus bagi tujuan tersebut perlu mengambil kira banyak aspek termasuk keupayaan fiskal negara. Walau bagaimanapun, Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) telah menyediakan insentif kewangan bagi konservasi biodiversiti dan hutan (*Ecological Fiscal Transfer for Biodiversity Conservation - EFT*) kepada Kerajaan-kerajaan Negeri mulai tahun 2019.

3. Sehubungan itu, insentif kewangan EFT tersebut boleh dimanfaat oleh Kerajaan-kerajaan Negeri untuk meningkatkan pengurusan kawasan hutan dan melaksanakan aktiviti konservasi lain seperti mengurus dan memelihara Hutan Simpan Ulu Muda.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB TUAN HAJI ABDUL NASIR BIN HAJI
IDRIS

TUAN HAJI ABDUL NASIR BIN HAJI IDRIS minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan:

- a) senarai projek dan kos bagi menaik taraf infrastruktur luar bandar di Kedah bagi tahun 2023 sehingga sekarang; dan
- b) senarai projek dan kos jalan-jalan kampung di daerah Baling bagi tahun 2021 sehingga suku pertama tahun 2023.

JAWAPAN

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian sentiasa komited dalam membuat perancangan pembangunan desa dan wilayah yang inklusif, mampan dan holistik agar memenuhi kehendak, jangkaan dan keperluan rakyat khususnya bagi memastikan masyarakat desa juga mempunyai akses kepada infrastruktur dan kemudahan sosial yang setanding dengan kawasan bandar.

Berdasarkan Belanjawan 2023: Membangun Malaysia Madani, Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) di bawah Bajet Pembangunan *Rolling Plan 3 Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12)* Tahun 2023 sejumlah RM196.94 juta telah diperuntukkan di bawah projek menaik taraf infrastruktur luar bandar bagi negeri Kedah melibatkan 73 projek dengan kos keseluruhan sebanyak RM2.20 bilion seperti di **Jadual 1**.

- b) Untuk makluman Yang Berhormat juga, sejumlah 55 projek telah diluluskan bagi pelaksanaan projek jalan-jalan kampung di Daerah Baling, Kedah sepanjang tahun 2021 sehingga suku pertama tahun 2023 melibatkan Program Jalan-Jalan Luar Bandar (JALB), Jambatan Luar Bandar (JMLB) dan Jalan Perhubungan Desa (JPD) dengan jumlah keseluruhan kos projek sebanyak RM36.6 juta seperti di **Jadual 2**.

Jadual 1:
Senarai Projek Infrastruktur di Kedah Tahun 2023

BIL	NAMA PROJEK	KOS DE DIPINDA (RM)	SILING ASAL TAHUN 2023 (RM)
1	PEMBINAAN TABIKA KEMAS AN NUR SEMELING, KEDAH	474,625	74,000
2	PEMBINAAN TABIKA KEMAS PKM MALAU, KEDAH	475,000	74,000
3	PEMBINAAN TASKA KEMAS PKM KUBANG PASU JALAN BUKIT WANG, MUKIM MALAU, JITRA, KEDAH	640,000	390,000
4	PEMBINAAN PUSAT PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK (PPAK) KEM LAPANGAN TERBANG SUNGAI LAYAR, SUNGAI PETANI, KEDAH	7,240,000	200,000
5	PEMBINAAN TABIKA KEMAS PKM KUALA KEDAH, KEDAH	850,000	200,000
6	BINA BARU PUSAT KEGIATAN MASYARAKAT (PKM) SIK, KEDAH	13,703,000	4,000,000
7	NAIKTARAF DAN PEMULIHARAAN PREMIS KEMAS NEGERI KEDAH	13,000,000	2,550,000
8	PROJEK PEMBINAAN MAKTAB RENDAH SAINS MARA (MRSM) SIK, KEDAH	101,173,183	20,000,000
9	MENAIK TARAF BANGUNAN DAN UBAH SUAI INFRASTRUKTUR DI MRSM LANGKAWI, KEDAH	5,000,000	500,000
10	MENAIK TARAF BANGUNAN DAN UBAH SUAI	3,720,000	500,000

BIL	NAMA PROJEK	KOS DE DIPINDA (RM)	SILING ASAL TAHUN 2023 (RM)
	INFRASTRUKTUR DI MRSM PENDANG, KEDAH		
11	MENAIK TARAF BANGUNAN DAN UBAH SUAI INFRASTRUKTUR DI INSTITUT KEMAHIRAN MARA (IKM) SUNGAI PETANI, KEDAH	4,000,000	500,000
12	MENAIK TARAF BANGUNAN DAN UBAHSUAI INFRASTRUKTUR DI INSTITUT KEMAHIRAN MARA (IKM) ALOR SETAR, KEDAH	4,000,000	500,000
13	MENAIK TARAF BANGUNAN DAN UBAHSUAI INFRASTRUKTUR DI INSTITUT KEMAHIRAN MARA (IKM) SIK, KEDAH	2,000,000	500,000
14	MENAIK TARAF BANGUNAN DAN UBAHSUAI INFRASTRUKTUR DI KOLEJ MARA (KM) KUALA NERANG, KEDAH	5,000,000	1,000,000
15	MENAIK TARAF BANGUNAN DAN UBAH SUAI INFRASTRUKTUR DI KOLEJ MARA (KM) KULIM, KEDAH	5,000,000	1,000,000
16	MENAIK TARAF BANGUNAN & INFRASTRUKTUR DI KOLEJ POLY-TECH MARA (KPTM) ALOR SETAR, KEDAH	3,000,000	100,000
17	PROJEK MENAIK TARAF BENGKEL, PERALATAN DAN KELENGKAPAN BENGKEL DI	900,000	100,000

BIL	NAMA PROJEK	KOS DE DIPINDA (RM)	SILING ASAL TAHUN 2023 (RM)
	BENGKEL KENDERAAN BAS MARA (KBM) SIK		
18	PEMBELIAN BANGUNAN UNTUK DIJADIKAN TAPAK KEKAL GIATMARA SIK, KEDAH	3,500,000	1,950,000
19	PEMBINAAN BANGUNAN BAHARU GIATMARA MERBOK, KEDAH	11,000,000	2,500,000
20	PROJEK MENAIKTARAF 13 PUSAT GIATMARA DI SELURUH NEGERI KEDAH	2,600,000	900,000
21	MENAIK TARAF BANGUNAN DAN UBAH SUAI INFRASTURKTUR DI UNIKL MSI, KULIM, KEDAH	5,000,000	100,000
22	PROJEK BEKALAN AIR LUAR BANDAR (BALB) NEGERI KEDAH	7,500,000	1,500,000
23	PROJEK MENAIKTARAF LOJI RAWATAN AIR JENUN LAMA, PENDANG, KEDAH	24,000,000	1,200,000
24	PROJEK BEKALAN AIR LUAR BANDAR (BALB) SISTEM RETIKULASI NEGERI KEDAH TAHUN 2021	26,300,000	2,000,000
25	PROJEK BEKALAN AIR LUAR BANDAR (BALB) SISTEM RETIKULASI NEGERI KEDAH TAHUN 2019	9,900,000	4,000,000
26	PROJEK MENAIKTARAF LOJI RAWATAN AIR JENIANG BARU, SIK, KEDAH.	84,000,000	5,000,000

BIL	NAMA PROJEK	KOS DE DIPINDA (RM)	SILING ASAL TAHUN 2023 (RM)
27	PROJEK BEKALAN AIR LUAR BANDAR DI DAERAH PADANG TERAP, KEDAH - PAKEJ C : MELAKSANAKAN BAKI KERJA PEMBINAAN RUMAH PAM DAN TANGKI SEDUTAN	1,900,000	50,000
28	PROJEK BEKALAN AIR LUAR BANDAR (BALB) DI TUPAH, DAERAH KUALA MUDA, KEDAH DARUL AMAN	35,000,000	1,500,000
29	PROJEK BEKALAN AIR LUAR BANDAR (BALB) DI KG ALOR PUDAK DAN KAWASAN SEKITAR, DAERAH PENDANG, KEDAH DARUL AMAN	20,000,000	800,000
30	PROJEK BEKALAN AIR LUAR BANDAR (BALB) DI KODIANG DAN KAWASAN SEKITAR, DAERAH KUBANG PASU, KEDAH DARUL AMAN	28,000,000	1,000,000
31	MEMBINA SISTEM BEKALAN AIR LUAR BANDAR (BALB) MERBOK, DAERAH KUALA MUDA KEDAH	35,000,000	100,000
32	MEMBINA SISTEM BEKALAN AIR LUAR BANDAR (BALB) DAERAH PADANG TERAP	25,000,000	100,000
33	MENAIKTARAF LOJI RAWATAN AIR BEKALAN AIR LUAR BANDAR (BALB) JENERI, SIK KEDAH	70,000,000	100,000
34	MEMBINA JAMBATAN BARU DI JALAN BUKIT KUBUR, MUKIM	6,940,000	90,000

BIL	NAMA PROJEK	KOS DE DIPINDA (RM)	SILING ASAL TAHUN 2023 (RM)
	MAHANG, DAERAH KULIM BANDAR BAHARU, KEDAH DARUL AMAN		
35	MENGGANTI JAMBATAN KAMPUNG PADANG CINA, BALING, KEDAH	5,000,000	150,000
36	MENGGANTI JAMBATAN DI KAMPUNG PERMATANG DURIAN, PADANG MEIHA, KEDAH	5,000,000	150,000
37	MENGGANTI JAMBATAN DI KAMPUNG BARU TANJUNG THAI (PEDU), PADANG TERAP, KEDAH	4,000,000	150,000
38	JALAN DARI KG. SG. BATU / KG. SG. PASIR / LADANG DUBLIN, DAERAH BANDAR BAHARU, KEDAH	40,000,000	900,000
39	PROJEK MEMBINA JALAN DAN JAMBATAN ALOR GANU/TITI GAJAH, DAERAH KOTA SETAR KE TITI BESI, DAERAH KUBANG PASU, KEDAH	54,500,000	5,000,000
40	JALAN TANAH MERAH/GUAR KEPAYANG, KEDAH	75,763,000	5,400,000
41	MEMBINA JALAN BARU DARI JENERI KE SIK DALAM (JALAN BUKIT HANGUS) DAERAH SIK, KEDAH DARUL AMAN	126,270,000	3,000,000
42	MENGGANTIKAN SEBUAH JAMBATAN KONKRIT SEDIADA DI PERKAMPUNGAN TAMAN KOTA NELAYAN BERHAMPIRAN	5,000,000	900,000

BIL	NAMA PROJEK	KOS DE DIPINDA (RM)	SILING ASAL TAHUN 2023 (RM)
	PASAR NELAYAN KUALA KEDAH, DAERAH KOTA SETAR, KEDAH DARUL AMAN		
43	MEMBINA JALAN PESISIR PANTAI DARI KUALA KEDAH KE KUALA JERLUN, KOTA SETAR, KEDAH	136,100,000	3,000,000
44	MENAIKTARAF JALAN KAMPUNG DARI SIMPANG JALAN KG BANDAR HILIR (K 579) KE PERSIMPANGAN JALAN KAMPUNG CHARUK PADANG (FT 175), DAERAH SIK, KEDAH	44,000,000	2,700,000
45	MENAIKTARAF JALAN KAMPUNG BUKIT KE KAMPUNG LUBUK BATU, MUKIM DERANG, DAERAH POKOK SENA, KEDAH DARUL AMAN	40,000,000	2,700,000
46	MEMBINA DAN MENYIAPKAN JALAN KAMPUNG BADLISHAH/AYER PUTEH JUNJONG KULIM KEDAH DARUL AMAN	190,000,000	2,700,000
47	MEMBINA JALAN BATU LINTANG KE JALAN PANTAI MERDEKA, DAERAH KUALA MUDA, KEDAH	260,000,000	2,700,000
48	MEMBINA JALAN KAMPUNG PERUPOK KUALA PAI, PADANG TERAP, KEDAH	45,000,000	250,000
49	MEMBINA JALAN DARI PAYA RAWA KE KAMPUNG BELAT, PENDANG, KEDAH	80,000,000	250,000

BIL	NAMA PROJEK	KOS DE DIPINDA (RM)	SILING ASAL TAHUN 2023 (RM)
50	MEMBINA JAMBATAN DARI PULAU TUBA KE PULAU DAYANG BUNTING, LANGKAWI, KEDAH	65,000,000	250,000
51	JALAN PERHUBUNGAN DESA - JALAN LADANG PERTANIAN NEGERI KEDAH	5,000,000	2,000,000
52	JALAN PERHUBUNGAN DESA NEGERI KEDAH	50,000,000	20,000,000
53	PROGRAM AMENITI SOSIAL NEGERI KEDAH	30,000,000	7,000,000
54	PROJEK PEMAJUAN KAWASAN KG. TANJUNG PIRING, PADANG TERAP, KEDAH	37,421,039	200,000
55	PROJEK PEMAJUAN KAWASAN KG. CHAROK TEMBAGA, SIK, KEDAH	46,215,249	200,000
56	PROJEK PEMAJUAN KAWASAN KG. WANG TOK RENDONG, LANGKAWI, KEDAH	16,377,458	200,000
57	PROGRAM BANTUAN RUMAH - BINA BARU KEDAH	33,244,000	17,000,000
58	PROGRAM BANTUAN RUMAH - BAIK PULIH KEDAH	49,329,500	18,000,000
59	PROJEK JALAN PERHUBUNGAN DESA DI WILAYAH KEDA	20,000,000	500,000
60	PROJEK PREMIUM TANAH LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH KEDAH (KEDA)	51,000,000	3,000,000
61	PROJEK KEMUDAHAN PERNIAGAAN KEDA (PKPK) KOTA SETAR	21,200,000	10,000,000

BIL	NAMA PROJEK	KOS DE DIPINDA (RM)	SILING ASAL TAHUN 2023 (RM)
62	PROJEK PEMBANGUNAN PUSAT PERTUMBUHAN DESA DI DAERAH BALING, NEGERI KEDAH	12,932,000	4,000,000.00
63	PROJEK PEMBINAAN PUSAT INDUSTRI SOSIO EKONOMI KEDA (KESOC) (KEDA INDUSTRIAL SOSIO ECONOMIC HUB)	10,000,000	3,000,000
64	PROJEK PEMBANGUNAN PUSAT PERTUMBUHAN DESA DI BINJAL, DAERAH KUBANG PASU, NEGERI KEDAH	15,131,000	7,500,000
65	PROJEK MEMBINA DAN MENAIKTARAF TIGA PERSIMPANGAN JALAN BAGI PEMBANGUNAN SUNGAI NAMEK, DAERAH SIK, KEDAH DARUL AMAN	11,869,000	5,000,000
66	PROJEK PEMBANGUNAN KEMUDAHAN DAN INFRASTRUKTUR DI KOLEJ KEDA SIK / KULIM	19,000,000	4,400,000
67	PROJEK PEMBANGUNAN PREMIS PERNIAGAAN USAHAWAN (KBC - KEDA BUSINESS CENTRE)	5,500,000	2,369,000
68	PROJEK PENAMBAIKAN INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN BERKAITAN DI PUSAT KOMUNITI DESA (PKD) NAPOH, JITRA	6,000,000	2,000,000

NO SOALAN: 96

BIL	NAMA PROJEK	KOS DE DIPINDA (RM)	SILING ASAL TAHUN 2023 (RM)
69	PROJEK MENAIKTARAF PREMIS IKS KEDA	6,000,000	500,000
70	MENAIKTARAF DESA-DESA KEDA	6,000,000	3,000,000
71	PROGRAM PENDIGITALAN DAN PEMBANGUNAN SISTEM PENYAMPAIAN KEDA	2,000,000	300,000
72	PROJEK PENGURUSAN SISA PEPEJAL DI WILAYAH KEDA (SPIKE)	504,000	500,000
73	MEMBINA BARU RUMAH DALAM PENEMPATAN DESA-DESA KEDA	12,075,000	1,000,000
JUMLAH KESELURUHAN (RM)		2,208,247,054	196,947,000

Jadual 2:
Senarai Projek Jalan-Jalan Kampung di Daerah Baling, Kedah

1. Jalan-Jalan Luar Bandar (JALB)

BIL	NAMA PROJEK	TAHUN	KOS PROJEK (RM)
1	JALAN ULU LEGONG / WENG DALAM / TANJUNG PARI, BALING, KEDAH	2021	27,668,000
JUMLAH (RM)			27,668,000

2. Jambatan Luar Bandar (JMLB)

BIL	NAMA PROJEK	TAHUN	KOS PROJEK (RM)
1	MENGGANTI JAMBATAN KAMPUNG PADANG CINA, BALING, KEDAH	2023	5,000,000
JUMLAH (RM)			5,000,000

3. Jalan Perhubungan Desa (JPD)

BIL	NAMA PROJEK	TAHUN	KOS PROJEK (RM)
1	KERJA-KERJA NAIKTARAF JPD SERTA KERJA LAIN YANG BERKAITAN DI KG BELIDA, MUKIM TELOI KANAN, BALING, KEDAH	2021	125,000.00
2	KERJA-KERJA NAIKTARAF JPD SERTA KERJA LAIN YANG BERKAITAN DI KG BENDANG	2021	100,000.00

NO SOALAN: 96

BIL	NAMA PROJEK	TAHUN	KOS PROJEK (RM)
	PELAM MALAU, MUKIM BAKAI, BALING, KEDAH		
3	KERJA-KERJA NAIKTARAF JPD SERTA KERJA LAIN YANG BERKAITAN DI KG LAHAR, MUKIM BONGOR, BALING, KEDAH	2021	100,000.00
4	KERJA-KERJA NAIKTARAF JPD SERTA KERJA LAIN YANG BERKAITAN DI KG MAK LIAH, MUKIM BONGOR, BALING, KEDAH	2021	100,000.00
5	KERJA-KERJA NAIKTARAF JPD SERTA KERJA LAIN YANG BERKAITAN DI KG CHAROK MAT SAH KG PAJAK, MUKIM PULAI, BALING, KEDAH	2021	85,000.00
6	KERJA-KERJA NAIKTARAF JPD SERTA KERJA LAIN YANG BERKAITAN DI KG KUALA KUANG, MUKIM KUPANG, BALING, KEDAH	2021	85,000.00
7	KERJA-KERJA NAIKTARAF JPD SERTA KERJA LAIN YANG BERKAITAN DI KG JAWA, MUKIM TAWAR, BALING, KEDAH	2021	60,000.00
8	KERJA-KERJA NAIKTARAF DAN BAIKPULIH JPD SERTA KERJA LAIN YANG BERKAITAN DI KG. BUKIT LEGONG, KG. SADEK, KUPANG, BALING, KEDAH	2021	90,000.00
9	CADANGAN MENAIKTARAF JALAN PREMIX SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI KAMPUNG	2021	90,000.00

NO SOALAN: 96

BIL	NAMA PROJEK	TAHUN	KOS PROJEK (RM)
	BUKIT TINGGI, MUKIM KUPANG, BALING		
10	CADANGAN MEMBINA BAHARU TITI SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI KAMPUNG ULU TAWAR, MUKIM BAKAI	2021	160,000.00
11	CADANGAN MENAIKTARAF JALAN PREMIX SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI KAMPUNG TEMBAK B, MUKIM TELOI KANAN, BALING	2021	90,000.00
12	KERJA-KERJA NAIKTARAF JALAN SERTA KERJA BERKAITAN DI KG SEBERANG PEKAN, BALING KEDAH	2021	20,000.00
13	KERJA-KERJA NAIKTARAF JALAN SERTA KERJA BERKAITAN DI KG BELUKAR TEDURI, MUKIM PULAI, BALING KEDAH	2021	20,000.00
14	KERJA-KERJA NAIKTARAF JALAN SERTA KERJA BERKAITAN DI KG JENALIK KE KG BUKIT PUYUH MUKIM BONGOR, BALING KEDAH	2021	20,000.00
15	KERJA-KERJA BAIKPULIH JALAN SERTA KERJA BERKAITAN DI KG DI KG. KUALA CENERAI, KUALA PEGANG, BALING KEDAH	2021	20,000.00
16	KERJA-KERJA BAIKPULIH JALAN SERTA KERJA BERKAITAN DI KG DI KG. KETEMBA, MUKIM KUPANG, BALING KEDAH	2021	20,000.00
17	KERJA-KERJA BAIKPULIH JALAN SERTA KERJA BERKAITAN DI KG.	2021	20,000.00

NO SOALAN: 96

BIL	NAMA PROJEK	TAHUN	KOS PROJEK (RM)
	PAYA BESAR ULU, MUKIM TELOI, BALING KEDAH		
18	KERJA-KERJA BAIKPULIH JALAN SERTA KERJA BERKAITAN DI KG. DI KG. TEMBAK (B), MUKIM TELOI, BALING KEDAH	2021	20,000.00
19	KERJA-KERJA NAIKTARAF JPD SERTA KERJA LAIN YANG BERKAITAN DI KG MENGKUANG, BALING KEDAH	2022	250,000.000
20	KERJA-KERJA NAIKTARAF JPD DAN KERJA BERKAITAN DI KG. BATU 7, MUKIM BALING, BALING, KEDAH	2022	200,000.00
21	KERJA-KERJA NAIKTARAF JPD DAN KERJA BERKAITAN DI KG. BATU 60 TANJUNG PARI, BALING, KEDAH	2022	100,000.00
22	KERJA-KERJA NAIKTARAF JPD DAN KERJA BERKAITAN DI KG. CHARUK KAPAS/CHARUK ROTAN MAS, MUKIM KUPANG, BALING, KEDAH	2022	200,000.00
23	KERJA-KERJA NAIKTARAF JPD DAN KERJA BERKAITAN DI KG. SG TEMBAK A, SG TEMBAK B / KAMPUNG CHARUK SALANG, MUKIM PULAI, BALING, KEDAH	2022	230,000.00
24	KERJA-KERJA NAIKTARAF JPD DAN KERJA BERKAITAN DI KG. SELARONG, MUKIM BAKAI, BALING, KEDAH	2022	200,000.00
25	KERJA-KERJA NAIKTARAF JPD DAN KERJA BERKAITAN DI KG.	2022	120,000.00

BIL	NAMA PROJEK	TAHUN	KOS PROJEK (RM)
	TAWAR, MUKIM TAWAR, DAERAH BALING, KEDAH		
26	NAIKTARAF JPD DAN KERJA BERKAITAN DI KG. BUKIT PUYUH, BALING, KEDAH	2022	40,000.00
27	NAIKTARAF JPD DAN KERJA BERKAITAN DI KG. ASAM JAWA, BALING, KEDAH	2022	50,000.00
28	NAIKTARAF JPD DAN KERJA BERKAITAN DI KG. TANJUNG, BALING, KEDAH	2022	50,000.00
29	NAIKTARAF JPD DAN KERJA BERKAITAN DI KG. KUALA BALUT, BALING, KEDAH	2022	45,000.00
30	NAIKTARAF JPD DAN KERJA BERKAITAN DI KG. BUKIT LEGONG, BALING, KEDAH	2022	45,000.00
31	NAIKTARAF JPD DAN KERJA BERKAITAN DI KG. LUBUK BATU, BALING, KEDAH	2022	45,000.00
32	NAIKTARAF JPD DAN KERJA BERKAITAN DI KG. BANGGOL SETANG, BALING, KEDAH	2022	50,000.00
33	NAIKTARAF JPD DAN KERJA BERKAITAN DI KG. JERNANG, BALING, KEDAH	2022	38,000.00
34	BINA BARU JALAN KAMPUNG (150M) DI KAMPUNG BELAKANG TAMAN BUKIT, BALING	2022	40,000.00
35	KERJA-KERJA NAIKTARAF JPD SERTA KERJA BERKAITAN DI KG TELUK TEDURI, MUKIM PULAI, BALING	2022	50,000.00

NO SOALAN: 96

BIL	NAMA PROJEK	TAHUN	KOS PROJEK (RM)
36	KERJA-KERJA MENAIKTARAF JPD SERTA KERJA BERKAITAN DI KG ULU TELUK SERA, MUKIM PULAI, BALING	2022	50,000.00
37	KERJA – KERJA NAIKTARAF JPD SERTA KERJA BERKAITAN DI KG. CHAROK BERAS TENGAH, MUKIM TELOI, BALING, KEDAH	2022	50,000.00
38	KERJA-KERJA NAIKTARAF JPD SERTA KERJA BERKAITAN DI KG BARU KG SURAU, MUKIM BAKAI, BALING, KEDAH	2022	50,000.00
39	KERJA – KERJA MENAIKTARAF JPD SERTA KERJA BERKAITAN DI KG. BADANG, MUKIM BAKAI, BALING, KEDAH	2022	50,000.00
40	KERJA – KERJA MENAIKTARAF JPD SERTA KERJA BERKAITAN DI KG. TELUK PENDIAT, MUKIM PULAI, BALING, KEDAH	2022	50,000.00
41	KERJA – KERJA MENAIKTARAF JPD SERTA KERJA BERKAITAN DI KG PADANG BESAR MUKIM TELOI KANAN KG. BATU LEMBU, MUKIM PULAI, BALING, KEDAH	2022	50,000.00
42	KERJA - KERJA NAIKTARAF JPD DAN KERJA BERKAITAN DI KG. HJ ABAS, BALING, KEDAH	2023	100,000.000
43	KERJA - KERJA NAIKTARAF JPD DAN KERJA BERKAITAN DI KG. TUALANG BOK, BALING, KEDAH	2023	75,000.00
44	KERJA - KERJA MENAIKTARAF JPD SERTA KERJA BERKAITAN DI KG ULU TAWAR, BALING, KEDAH	2023	50,000.00

NO SOALAN: 96

BIL	NAMA PROJEK	TAHUN	KOS PROJEK (RM)
45	KERJA - KERJA MENAIKTARAF JPD SERTA KERJA BERKAITAN DI KG TELUK DURIAN, BALING, KEDAH	2023	50,000.00
46	KERJA - KERJA MENAIKTARAF JPD SERTA KERJA BERKAITAN DI KG BADANG, BALING, KEDAH	2023	50,000.00
47	KERJA - KERJA MENAIKTARAF JPD SERTA KERJA BERKAITAN DI KG TANJUNG MERBAU, BALING, KEDAH	2023	50,000.00
48	KERJA - KERJA MENAIKTARAF JPD SERTA KERJA BERKAITAN DI KG BATU 54, MUKIM SIONG, BALING, KEDAH	2023	50,000.00
49	KERJA - KERJA MENAIKTARAF JPD SERTA KERJA BERKAITAN DI KG WENG DALAM, MUKIM SIONG, BALING, KEDAH	2023	50,000.00
50	KERJA - KERJA MENAIKTARAF JPD SERTA KERJA BERKAITAN DI KG BUKIT, MUKIM PULAI, BALING, KEDAH	2023	50,000.00
51	KERJA - KERJA MENAIKTARAF JPD SERTA KERJA BERKAITAN DI KG BANGGOL DERAM, MUKIM BONGOR, BALING, KEDAH	2023	50,000.00
52	KERJA - KERJA MENAIKTARAF JPD SERTA KERJA BERKAITAN DI KG TENGAH KEJAI, MUKIM BAKAI, BALING, KEDAH	2023	50,000.00
53	KERJA - KERJA MENAIKTARAF DAN BAIKPULIH JPD SERTA KERJA BERKAITAN DI KG GUAR	2023	50,000.00

NO SOALAN: 96

BIL	NAMA PROJEK	TAHUN	KOS PROJEK (RM)
	CHEMPEDAK, MUKIM TELOI KANAN, BALING, KEDAH		
JUMLAH (RM)			3,953,000

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB TUAN HAJI ABDUL NASIR BIN HAJI
IDRIS**

TUAN HAJI ABDUL NASIR BIN HAJI IDRIS minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan:

- (a) Impak positif kepada negara daripada penganjuran LIMA 2023 di Langkawi; dan
- (b) Kos keseluruhan program berprestij tersebut dan senarai negara-negara luar yang terlibat secara langsung dalam program tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Penganjuran LIMA secara ringkasnya adalah bertujuan untuk memperkasakan pembangunan industri pertahanan tempatan selain sebagai satu agenda diplomasi pertahanan untuk memperkuuhkan hubungan diplomatik dengan pelbagai negara. *Return on investment* (ROI) hasil daripada penganjuran LIMA ini bukan hanya dinilai dari segi pulangan atau keuntungan dalam bentuk kewangan, tetapi juga dalam pelbagai bentuk lain yang diperolehi oleh pihak kerajaan, pempamer, pelawat perdagangan mahupun penduduk setempat.
2. Interaksi dan jalinan kerjasama yang dijalankan semasa LIMA membolehkan penggiat industri pertahanan tempatan meningkatkan keupayaan syarikat dan peluang menembusi pasaran pertahanan global seiring dengan usaha Kerajaan untuk memudahkan projek-projek pelaburan dan perkongsian perniagaan melalui pertukaran maklumat dan teknologi. Pelaburan jangka masa panjang ini diperkuuhkan dengan perjanjian-perjanjian persefahaman (MoU) dan kontrak yang ditandatangani semasa LIMA berlangsung. Angka yang direkodkan melalui kontrak/MoU yang ditandatangani semasa LIMA 2023 adalah berjumlah RM10.2 bilion bagi Kementerian Pertahanan dan RM7.3 bilion bagi Kementerian Pengangkutan.

3. Dari segi kos keseluruhan program LIMA 2023, Kerajaan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM25.311 juta kepada Kementerian Pertahanan dan RM9.95 juta kepada Kementerian Pengangkutan bagi melaksanakan tanggungjawab dalam menganjurkan Pameran LIMA 2023.
4. Pameran LIMA 2023 telah mencatatkan penyertaan dan kehadiran lebih daripada 50 buah negara yang merangkumi tetamu kenamaan dan delegasi luar negara, syarikat pempamer dan pavilion negara, pasukan aerobatik, media dan pelawat perdagangan. Antara negara yang terlibat dan hadir dengan kumpulan yang besar adalah Turkiye, Emiriah Arab Bersatu (UAE), Amerika Syarikat, Australia, Finland, Perancis, India, Indonesia, Itali, Jepun, Jerman, Korea Selatan, Belanda, Pakistan, Republik Czech, Republik Rakyat China, Scotland dan United Kingdom.
5. Selain daripada itu, LIMA 2023 turut mendapat sokongan melalui penyertaan pempamer persendirian antaranya daripada Australia, Austria, Brunei, Kanada, Greece, Norway, Russia, Singapura, Switzerland, Thailand dan Vietnam.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB TUAN HAJI ABDUL NASIR BIN HAJI
IDRIS

TUAN HAJI ABDUL NASIR BIN HAJI IDRIS minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) senarai Sekolah Jenis Kebangsaan Cina SJK(C), Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil SJK(T) dan sekolah persendirian yang berdaftar dengan Kementerian dan enrolmen pelajar di semua jenis sekolah berkenaan di negeri Kedah; dan
- (b) apakah bentuk bantuan yang telah disalurkan dan jumlah peruntukan bagi tahun 2022 sehingga Mac 2023.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan data sehingga 31 Mei 2023, terdapat sebanyak 89 buah sekolah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dengan enrolmen seramai 17,671 orang murid manakala 60 buah sekolah Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) dengan enrolmen seramai 6,851 orang murid di negeri Kedah. Ini menjadikan bilangan keseluruhan sekolah SJKC dan SJKT ialah 149 buah sekolah dengan enrolmen keseluruhan seramai 24,522 orang murid di negeri Kedah. Maklumat asas semua sekolah Kerajaan dan Bantuan Kerajaan boleh diakses melalui *Dashboard Maklumat Asas Pendidikan* di portal Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sekolah persendirian yang berdaftar dengan KPM merujuk kepada:

- i. sekolah rendah akademik dan sekolah menengah akademik yang melaksanakan Kurikulum Kebangsaan;
- ii. sekolah rendah agama dan sekolah menengah agama yang melaksanakan Kurikulum Kebangsaan dan kurikulum agama;
- iii. sekolah pendidikan khas yang melaksanakan Kurikulum Kebangsaan; dan
- iv. sekolah antarabangsa dan sekolah ekspatriat yang melaksanakan kurikulum luar negara.

NO SOALAN: 98

Berdasarkan data sekolah persendirian sehingga 31 Mac 2023, keseluruhan bilangan sekolah persendirian di negeri Kedah adalah sebanyak 17 buah sekolah dengan enrolmen seramai 6,000 orang murid. Perincian sekolah persendirian di negeri Kedah adalah seperti berikut:

- i. sebuah sekolah rendah akademik dengan enrolmen seramai 288 orang murid;
- ii. dua buah sekolah menengah akademik dengan enrolmen 167 orang murid;
- iii. tujuh buah sekolah rendah agama dengan enrolmen 4,479 orang murid;
- iv. tiga buah sekolah menengah agama dengan enrolmen 560 orang murid; dan
- v. empat buah sekolah antarabangsa dengan enrolmen 506 orang murid.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN BERTULIS
DARIPADA : YB TUAN SR. HAJI MOHD APANDI BIN
MOHAMAD**

TUAN SR. HAJI MOHD APANDI BIN MOHAMAD minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan adakah Kementerian berhasrat untuk meneruskan program penghantaran angkasawan negara ke angkasa lepas seperti angkasawan pertama Malaysia, Syeikh Muszaphar Shukor.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Program Angkasawan Negara Pertama (PAN-1) telah dilaksanakan pada Oktober 2007 yang mana Malaysia telah berjaya menghantar angkasawan negara, Datuk Dr. Sheikh Muszaphar Shukor ke Stesen Angkasa Antarabangsa (ISS). Program Angkasawan Negara turut melibatkan beberapa penyelidikan dalam persekitaran mikrograviti yang dijalankan oleh angkasawan negara di ISS. Hasil-hasil penyelidikan dari program ini telah memberi sumbangan kepada penjanaan ilmu dan pengetahuan baharu dalam bidang perubatan dan farmaseutikal, sains hidupan dan bioteknologi. Sebanyak lapan (8) paten daripada penyelidikan di ISS telah difaiklan di Malaysia dan antarabangsa. Kejayaan program ini telah berjaya menyemarakkan minat masyarakat terutamanya pelajar terhadap bidang angkasa serta menjadi titik tolak perkembangan penglibatan negara dalam sektor angkasa.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Berhubung kesinambungan Program Angkasawan Negara, Jemaah Menteri pada 7 Januari 2009 telah bersetuju supaya Malaysia meneruskan Program Angkasawan Negara dan penghantaran Angkasawan Negara yang ke-2 (PAN-2) dengan mengambil kira kestabilan ekonomi dan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada masa hadapan. Selepas mengambil kira kedudukan kewangan

negara, pada 22 September 2015, Jemaah Menteri telah meluluskan penjenamaan semula ke atas Program Angkasawan Negara Kedua (PAN-2) kepada Program Mikrograviti Negara.

3. Objektif utama Program Mikrograviti Negara adalah untuk meneruskan penyelidikan mikrograviti di ISS tanpa penghantaran angkasawan dari Malaysia. Pendekatan yang lebih ekonomik dengan kos yang jauh lebih rendah berbanding kos penghantaran angkasawan memberikan manfaat hasil penyelidikan yang sama.
4. Kerajaan akan meneruskan Program Mikrograviti Negara ini, namun perancangan bagi penghantaran angkasawan negara yang kedua sekiranya hendak dilaksanakan, perlu mengambil kira kedudukan semasa kewangan negara terutamanya ketika negara dalam usaha pemulihan ekonomi pasca COVID-19 bagi memastikan kehidupan rakyat semakin baik. Oleh itu, buat masa ini Kerajaan belum berhasrat untuk melaksanakan program penghantaran Angkasawan Negara yang kedua.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB TUAN SR. HAJI MOHD APANDI BIN
MOHAMAD

TUAN SR. HAJI MOHD APANDI BIN MOHAMAD minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat untuk mengadaptasi sistem pembelajaran di Finland yang telah diiktiraf sebagai sistem pendidikan terbaik dunia selama lebih lima tahun berturut-turut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menghasilkan pelan satu transformasi sistem pendidikan iaitu Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 – 2025 yang menggariskan lima aspirasi sistem iaitu Akses, Kualiti, Ekuiti, Perpaduan dan Kecekapan untuk mencapai aspirasi murid yang berikut, iaitu: Pengetahuan, Kemahiran Berfikir, Kemahiran Memimpin, Kemahiran Dwibahasa, Etika dan Kerohanian serta Identiti Nasional.

Perancangan pembangunan PPPM 2013 – 2025 dilaksanakan bermula tahun 2011. Malaysia telah mengadakan beberapa kajian dan lawatan penanda aras termasuk dari negara Finland dan Korea untuk mendapatkan pandangan serta cadangan bagi menghasilkan sistem pendidikan yang terbaik untuk Malaysia. Hasil kajian yang dijalankan dan lawatan penandaarasan serta khidmat runding bersama-sama pakar pendidikan daripada *The United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO)*, *Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD)* dan *World Bank* termasuk sesi dialog dengan pemegang taruh serta seluruh peringkat masyarakat dijadikan maklumat dan panduan dalam penyediaan PPPM 2013 – 2025. Berdasarkan lawatan, tinjauan dan kajian yang dilaksanakan, KPM mendapati negara Finland telah mengambil masa selama 40 tahun untuk mentransformasi sistem pendidikan mereka bagi mencapai tahap kecemerlangan sedia ada.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada 15 Mei 2023 hingga 9 Jun 2023 yang lepas, KPM dengan kerjasama Yayasan Khazanah telah menghantar dua orang pegawai perkhidmatan pendidikan yang bertugas di KPM untuk mengikuti Program Khazanah ACE Education Fellowship kelolaan Teacher Training School, Oulu University, Finland. Program ini menyediakan peluang kepada pegawai perkhidmatan pendidikan mengikuti latihan jangka pendek di luar negara sebagai persediaan menerajui agenda pendidikan negara pada masa hadapan dengan melahirkan kumpulan bakat elit (*elite-talent-pool*) dalam kalangan pegawai KPM yang mempunyai sikap, bakat dan keterampilan yang terpuji.

PPPM 2013-2025 merupakan pelan transformasi pendidikan secara holistik dan strategik yang telah dirangka oleh KPM bagi menghadapi cabaran abad ke-21 dan telah mendapat pengiktirafan pada peringkat antarabangsa. Kejayaan mencapai tahap sistem terbaik seperti Finland merupakan tanggungjawab bersama dan bukan hanya terletak kepada KPM sahaja. Semua Kementerian dan agensi terlibat, ibu bapa dan masyarakat mempunyai peranan masing-masing serta perlu bekerjasama bagi memastikan inisiatif yang dirancang dengan teliti dilaksanakan dengan istiqamah dan berterusan bagi mencapai aspirasi sistem pendidikan yang telah digariskan dengan jelas dalam PPPM 2013 – 2025.

PPPM juga terus mendukung hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) untuk pendidikan seimbang sebagai asas aspirasi setiap murid bagi membolehkan mereka menerajui pembangunan ekonomi dan dunia global masa hadapan.

NO SOALAN: 100

Pada masa yang sama, KPM juga sentiasa memastikan sistem pendidikan kita selari dengan agenda pendidikan global Matlamat Pembangunan Mampan 4: Pendidikan Berkualiti (SDG4).

KPM optimis bahawa sistem pendidikan Malaysia sejajar dengan sistem pendidikan antarabangsa, serta selari dengan agenda pendidikan global, akan dapat melahirkan generasi Malaysia MADANI yang berilmu, berkemahiran, dan berakhlak mulia, serta berdaya tahan bagi mendepani cabaran dunia sekaligus dapat menyumbang kepada pembangunan negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB TUAN SR. HAJI MOHD APANDI BIN
MOHAMAD

TUAN SR. HAJI MOHD APANDI BIN MOHAMAD minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah usaha Kerajaan agar Malaysia mampu menjadi hos Sukan Olimpik seperti yang telah dibuktikan oleh negara Asia lain seperti China dan Jepun.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Malaysia telah menganjurkan temasya sukan bertaraf antarabangsa seperti Sukan SEA sebanyak enam kali dan penganjuran Sukan Komanwel pada tahun 1998 di Kuala Lumpur. Malah Malaysia pernah melakukan percubaan membida hak penganjuran Sukan Asia pada tahun 2006 namun tewas kepada Qatar dengan undian 13 - 22.

Namun begitu, kerajaan belum mempunyai sebarang perancangan untuk menganjurkan temasya Sukan Olimpik dalam masa terdekat. Tumpuan Kementerian Belia dan Sukan (KBS) pada waktu ini ialah memastikan kemudahan sukan di negara ini berada pada tahap terbaik serta melaksanakan program berkualiti berkaitan pembangunan sukan dan atlet secara konsisten.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB TUAN SR. HAJI MOHD APANDI BIN
MOHAMAD

TUAN SR. HAJI MOHD APANDI BIN MOHAMAD minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan apakah langkah untuk memantau dan memastikan agar tidak berlaku penipuan dan penyelewengan oleh pihak yang bekerjasama dalam menjayakan program Rahmah anjuran Kerajaan.

JAWAPAN:

Yang di-Pertua,

Inisiatif Payung RAHMAH ini telah mula dilaksanakan sejak 11 Januari 2023 yang lalu. Ianya telah berkembang dan mendapat sambutan yang menggalakkan di seluruh negara daripada pemegang taruh dan pengguna melalui beberapa program yang telah dilaksanakan seperti Bakul RAHMAH, Jualan RAHMAH, Pakej RAHMAH, Kafe RAHMAH dan Menu RAHMAH.

KPDN akan terus melaksanakan pemantauan dan memastikan agar tidak berlaku penipuan dan penyelewengan oleh pihak yang bekerjasama dalam menjayakan Program Payung RAHMAH. Walau bagaimanapun, saya ingin tekankan bahawa pelaksanaan inisiatif-inisiatif di bawah Program Payung RAHMAH ini dibuat atas inisiatif pemain-pemain industri dan pengusaha restoran/kafe yang menyertainya.

Sebagai contoh, pelaksanaan Menu RAHMAH sejak dilancarkan pada 31 Januari 2023 yang lalu di MYDIN Subang Jaya sehingga penyerahan jenama makanan segera KFC dan Pizza Hut pada 30 Mei 2023 yang lalu telah dilaksanakan tanpa melibatkan sebarang implikasi kewangan oleh Kerajaan (khususnya KPDN) dan berdasarkan operasi jualan masing-masing melalui menu makanan dan minuman sedia ada.

Selain itu, pelaksanaan Bakul RAHMAH yang memberi sumbangan barang keperluan harian kepada penerima juga dilaksanakan secara konsep “tanggungjawab sosial korporat” atau *corporate social responsibility* (CSR) (dengan izin) oleh penyumbang perseorangan atau oleh pemain-pemain industri sendiri.

Malah, pelaksanaan Jualan RAHMAH (dan turut meliputi Pakej RAHMAH) di seluruh negara dilaksanakan dengan sebahagian besar daripada peruntukan RM100 juta yang disediakan di bawah Bajet 2023 juga dikhatuskan untuk membayar insentif jualan (bagi tujuan pengurangan harga) dan melibatkan kos logistik yang minimum.

Selain itu, KPDN juga sedang merancang pelaksanaan Kajian Impak Inisiatif Payung RAHMAH selepas enam (6) bulan pelaksanaan Program Payung RAHMAH sebagai satu usaha untuk melihat keberkesanan dan kemampanan inisiatif-inisiatif di bawahnya.

Akhir sekali, KPDN akan terus melaksanakan kerjasama dengan beberapa kementerian lain seperti Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI), dan menganjurkan sesi libat urus yang berterusan dengan pemain industri sektor peruncitan agar pelaksanaan Program Payung RAHMAH ini diterima kepada golongan sasar dan tidak berlaku penipuan dan penyelewengan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB TUAN SR. HAJI MOHD APANDI BIN
MOHAMAD

TUAN SR. HAJI MOHD APANDI BIN MOHAMAD minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan apakah skop keterlibatan Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Kelantan dalam projek tebatan banjir Sungai Golok berikutan panggilan tender semula untuk kesemua Projek Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu (PLSB) Sungai Golok yang belum dimulakan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman yang Ahli Yang Berhormat, skop keterlibatan JPS Negeri Kelantan adalah sebagai Wakil Pegawai Penguin bagi projek PLSB Sungai Golok (KESBAN) Fasa 1 yang berperanan sebagai penyeliaan kerja-kerja ditapak bina.
2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Projek Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu (PLSB) Sungai Golok (KESBAN) Fasa 1 sedang dalam pelaksanaan dengan kemajuan terkini di tapak sehingga 73% manakala Projek Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu (PLSB) Sungai Golok Fasa 2 dalam peringkat tender semula.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA
ANIFAH BIN AMAN

TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA ANIFAH BIN AMAN minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan apakah rasional pengurangan bajet pengurusan Jabatan Bekalan Air Labuan dan apakah perancangan proaktif Kerajaan bagi menangani masalah bekalan air di Labuan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NCC) sedia maklum terdapat pengurangan bajet pengurusan yang diterima oleh Bahagian Bekalan Air Labuan (BBAL) daripada Kementerian Kewangan (MOF). Dalam usaha mendapatkan kelulusan bajet sebagaimana keperluan, Kementerian dan Bahagian Bekalan Air telah mengambil langkah proaktif dengan mengadakan lawatan kerja bersama pihak MOF bagi meninjau keadaan infrastruktur bekalan air supaya permohonan bajet sebenar yang dimohon oleh BBAL dapat dipertimbangkan. Kementerian juga sedang dalam tindakan untuk mengemukakan permohonan tambahan peruntukan bajet mengurus BBAL yang dijangka akan dihantar kepada MOF pada bulan Ogos tahun ini.

2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat. di bawah *Rolling Plan Ketiga, Rancangan Malaysia Kedua Belas (RP3, RMKe-12)*, terdapat 10 projek pembangunan yang telah diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan berjumlah RM462.74 juta bagi menangani masalah bekalan air di Labuan. Projek-projek ini melibatkan 2 projek di dalam peringkat perancangan, 1 projek dalam peringkat rekabentuk, 2 projek dalam peringkat perolehan, 4 projek dalam peringkat pembinaan dan 1 projek yang telah siap. Kesemua projek ini meliputi kerja-kerja penggantian paip usang sepanjang 31.7km, pembinaan tangki simpanan air, Program Pengurangan Air Tidak Berhasil (*non-revenue water - NRW*), menaiktaraf sistem takungan air mentah dan menaiktaraf empangan berisiko tinggi.

3. Untuk makluman ahli Yang Berhormat juga, Mesyuarat Jemaah Menteri pada 23 Ogos 2017 telah bersetuju dengan cadangan penstrukturran semula industri perkhidmatan bekalan air dan pembetungan di Wilayah Persekutuan Labuan yang melibatkan pengkorporatan Bahagian Bekalan Air Labuan. Susulan daripada keputusan tersebut, Kementerian melalui Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) sedang melaksanakan Kajian *Due Diligence* Pewujudan Entiti Korporat Tunggal Bagi Menyediakan Perkhidmatan Bekalan Air dan Pembetungan di Wilayah Persekutuan Labuan.

4. Tujuan utama kajian ini dilaksanakan adalah bagi mengenalpasti cadangan atau opsyen terbaik bagi penubuhan entiti tunggal di Wilayah Persekutuan Labuan sebagai projek perintis ke arah perkhidmatan bekalan air dan pembetungan yang lebih mampan di Malaysia. Melalui pelesenan kepada entiti tunggal yang dibangunkan kelak, kawal selia yang lebih berkesan akan dapat dilaksanakan oleh SPAN ke atas industri perkhidmatan air dan pembetungan di Wilayah Persekutuan Labuan, sekali gus memastikan jaminan kelestarian perkhidmatan kepada rakyat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB DATO' HAJI JEFRIDIN BIN HAJI ATAN

DATO' HAJI JEFRIDIN BIN HAJI ATAN minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bagaimanakah tahap manakah kesiapsiagaan dan penguatkuasaan maritim negara dalam menangani pencerobohan bot-bot asing terutamanya nelayan dari negara seperti Vietnam dan Indonesia ke perairan negara serta nyatakan statistik tangkapan bot-bot asing yang dilakukan sepanjang suku pertama tahun 2023.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Agenzi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Pasukan Polis Maritim (PPM) merupakan agensi-agensi di bawah Kementerian Dalam Negeri (KDN) yang bertanggungjawab terhadap keselamatan perairan di kawasan maritim Malaysia. APMM dan PPM sentiasa komited dalam menangani isu bot nelayan asing (BNA) terutamanya dari negara Vietnam dan Indonesia yang menceroboh masuk ke perairan negara. APMM telah melaksanakan pelbagai pendekatan seperti berikut:

1. Melaksanakan Rondaan Harian Dengan Menggunakan Aset Laut Dan Udara

Melaksanakan rondaan dan penguatkuasaan setiap hari dengan mengoperasikan sebanyak 45 buah vesel laut dan juga aset udara dalam memastikan keselamatan dan kedaulatan Zon Maritim Malaysia sentiasa terjamin dan terpelihara dari sebarang pencerobohan bot nelayan asing yang mencuri hasil laut di seluruh perairan negara. Pengawasan melalui udara dari semasa ke semasa juga akan terus dilaksanakan bagi mengesan pencerobohan BNA yang memasuki perairan negara kerana ianya dapat memantau aktiviti di perairan negara meliputi kawasan yang luas.

2. Mengoptimumkan Pengoperasian Aset OPV (*Offshore Patrol Vessel*)

Pengoperasian dua (2) buah kapal kelas OPV (*Offshore Patrol Vessel*) KM PEKAN dan KM ARAU di perairan laut dalam hingga ZEE Malaysia (sehingga 200 batu nautika atau 370.4 km) memberi impak positif terhadap pencegahan pencerobohan BNA di perairan negara terutamanya di Laut Cina Selatan. Pengoperasian dua (2) buah OPV ini telah dioptimumkan kerana kemampuannya untuk berlayar dalam tempoh yang lama khususnya di perairan Laut Cina Selatan.

3. Pemantauan Melalui Radar Sistem Pengawasan Laut (SWASLA)

Pengawasan sistem radar SWASLA telah banyak membantu dalam meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan APMM di kawasan perairan negara. APMM juga dalam perancangan untuk menempatkan sistem SWASLA di Sarawak serta di Pantai Timur Semenanjung kerana dengan kaedah ini aset laut dan udara dapat digerakkan untuk memintas (*intercept*) objek curiga dengan cara vektor (pandu tuju) dengan cepat dan tepat.

Berdasarkan statistik dari APMM bagi suku tahun pertama 2023, terdapat 20 kes tangkapan yang melibatkan BNA dari Vietnam, Indonesia dan Thailand yang melibatkan penahanan seramai 125 orang kru kapal atas pelbagai kesalahan.

NO SOALAN: 105

Manakala, dalam konteks PPM pula, PPM juga sentiasa melaksanakan operasi-operasi bagi mengekang aktiviti yang menyalahi undang-undang di perairan negara. Berdasarkan rekod dari 01 Januari hingga 01 Jun 2023, sebanyak 157 buah aset (84%) daripada 188 buah aset PPM adalah dalam pengoperasian manakala baki 31 buah dalam penyelenggaraan. Sepanjang tempoh dari 01 Januari hingga 01 April 2023, PPM telah berjaya memperolehi jumlah nilai rampasan sebanyak RM124 juta dengan keseluruhan 2,396 kes. Berdasarkan statistik dari PPM bagi suku tahun pertama 2023, tiada sebarang rekod tangkapan bot nelayan asing dari mana-mana negara Jiran.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA
ANIFAH BIN AMAN

TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA ANIFAH BIN AMAN minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah program pertanian yang telah disusun oleh Kerajaan bagi meningkat ekonomi dan keterjaminan makanan untuk rakyat di W.P Labuan dan di Negeri Sabah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Melalui Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12), Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) telah dan akan menjalankan sebanyak 123 buah program di negeri Sabah dan 33 buah program di Wilayah Persekutuan Labuan seperti berikut:

Sektor	Negeri	
	Sabah	W.P Labuan
Tanaman	62	8
Ternakan	9	5
Perikanan	28	9
Pemasaran	18	5
Dana/ Pinjaman	6	6
Jumlah	123	33

Senarai program bagi setiap sektor adalah seperti di **Lampiran**.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
**DARIPADA : YB TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA
ANIFAH BIN AMAN**

TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA ANIFAH BIN AMAN minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah status terkini tuntutan hak milik Laut China Selatan, khususnya perairan Sabah dan Sarawak di peringkat antarabangsa.

JAWAPAN

**YB DATO' SERI DIRAJA DR. ZAMBRY ABD KADIR
MENTERI LUAR NEGERI
KEMENTERIAN LUAR NEGERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tan Sri Anifah bin Aman atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Sepertimana Yang Berhormat sedia maklum, kawasan maritim Malaysia adalah sepertimana yang termaktub dalam Peta Baru Malaysia 1979. Tuntutan ini adalah selaras dengan perjanjian-perjanjian yang telah dimeterai diantara Malaysia dengan negara-negara jiran dan juga undang-undang antarabangsa termasuklah Konvensyen-konvensyen berkaitan serta tuntutan sepihak negara di kawasan-kawasan yang terlibat.

3. Malaysia tegas dalam komitmennya untuk mempertahankan kedaulatan, hak berdaulat dan kepentingan di dalam perairan negara, termasuk di Laut China Selatan.

4. Kementerian, bersama-sama dengan Majlis Keselamatan Negara (MKN), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) sentiasa menzahirkan dan memperkuuhkan hak kedaulatan negara di kawasan berdasarkan Peta

Baru Malaysia 1979 antaranya melalui pelaksanaan rondaan, pengawasan dan penguatkuasaan secara berterusan di perairan Malaysia.

5. Kementerian Luar Negeri turut menyuarakan pendirian atau mengemukakan bantahan Malaysia kepada negara-negara yang berkaitan terhadap pencerobohan yang berlaku di perairan Malaysia dalam platform-platform yang berkaitan. Tindakan tersebut juga adalah selaras dengan undang-undang antarabangsa dan pendirian Malaysia yang mempertahankan hak tuntutan perairan negara daripada sebarang pencerobohan.
6. Memandangkan isu berkaitan Laut China Selatan merupakan isu yang kompleks dan sensitif, adalah penting bagi isu ini dikendalikan secara konstruktif menggunakan forum dan saluran diplomatik yang sesuai. Sehubungan ini, adalah penting bagi Malaysia untuk terus menjalankan dan mengekalkan hubungan diplomatik yang baik dengan negara-negara lain, termasuk negara-negara penuntut Laut China Selatan (dengan izin, *Claimant States*) lain bagi menjamin keamanan, kestabilan dan kemakmuran serantau.
7. Antara langkah untuk memastikan keamanan, kestabilan dan mengelakkan ketegangan di Laut China Selatan, negara-negara ASEAN dan China juga telah memeterai Deklarasi Tatalaku Pihak-pihak Berkepentingan di Laut China Selatan, atau dengan izin, *Declaration on the Conduct of Parties in the South China Sea* (DOC) pada 4 November 2002. Selaras dengan persefahaman di bawah DOC tersebut, negara-negara ASEAN telah mengambil pendekatan, dengan izin, “*self-restraint*” dan memastikan tindakan-tindakan yang diambil dan aktiviti-aktiviti yang

dijalankan di Laut China Selatan, tidak meningkatkan ketegangan di perairan tersebut.

8. Buat masa ini, negara-negara ASEAN dan China sedang merundingkan Kod Tatalaku di Laut China Selatan, atau dengan izin, *Code of Conduct in the South China Sea* (COC). COC dilihat sebagai satu kod tatacara untuk mengelakkan konflik dan ketegangan di Laut China Selatan. Ianya adalah tanpa prejedis terhadap tuntutan wilayah dan maritim negara masing-masing.
9. Dalam melaksanakan rundingan COC tersebut, Malaysia sentiasa memastikan bahawa COC yang akan dirundingkan tidak sekali-kali mengetepikan kedaulatan dan hak kepentingan negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA
ANIFAH BIN AMAN

TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA ANIFAH BIN AMAN @ HANIFF AMMAN minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah bajet yang diberikan secara terperinci untuk pembangunan dan penyelenggaraan kemudahan asas di W.P. Labuan, W.P. Kuala Lumpur dan W.P. Putrajaya bagi tahun 2015-2022.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa komited dalam memastikan pembangunan W.P. Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan diberi keutamaan sama ada melalui pelaksanaan projek-projek baharu atau melibatkan kerja-kerja menaik taraf serta menyelenggara kemudahan asas.
2. Bagi Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP), sebanyak RM2.62 bilion telah diluluskan Kerajaan Persekutuan mulai tahun 2015 hingga 2022 untuk membiayai 73 projek dibawah maksud perbelanjaan pembangunan di ketiga-tiga Wilayah Persekutuan tersebut. Bajet ini melibatkan projek-projek yang dilaksanakan melalui Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Perbadanan Putrajaya (PPj) dan Perbadanan Labuan (PL).
3. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 28 projek bernilai RM1.6 bilion diluluskan kepada DBKL dan 22 projek bernilai RM713 juta diluluskan kepada PPj manakala 23 projek bernilai RM305 juta diluluskan kepada PL.
4. Projek-projek yang diluluskan meliputi pelbagai infrastruktur seperti jalan raya, jambatan dan sistem pembentungan serta kemudahan awam seperti taman rekreasi, pusat komuniti, pasar dan gerai-gerai.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA
ANIFAH BIN AMAN

TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA ANIFAH BIN AMAN @ HANIFF AMMAN minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perancangan dan program dibawah Jabatan Wilayah Persekutuan bagi membangunkan sosial dan ekonomi rakyat di W.P Labuan bagi tahun 2020 – 2022.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam merangka perancangan dan pelaksanaan program bagi membangunkan aspek sosial dan ekonomi rakyat di Wilayah Persekutuan Labuan (WP Labuan), terdapat program-program berkaitan telah dilaksanakan sepanjang tahun 2020 hingga 2022.
2. Pada tahun 2020, sebanyak RM2.04 juta telah diperuntukkan bagi melaksanakan program yang mana antaranya merupakan inisiatif Wilayah Peduli yang mengandungi empat (4) aktiviti dengan jumlah peruntukan sebanyak RM380,000.00. Aktiviti yang dilaksanakan adalah seperti baik pulih rumah, pembangunan produk, pembangunan insan dan inovasi menerusi pembangunan aplikasi serta usahawan digital. Selain itu, inisiatif menangani kos sara hidup turut diadakan melalui program Labuan Go Green yang memberi fokus menggalakkan aktiviti pertanian di kalangan komuniti di samping kerajaan melaksanakan inisiatif naik taraf kemudahan awam di kawasan kampung.
3. Bagi Tahun 2021 terdapat beberapa program baharu telah dilaksanakan iaitu Program Mampan Sejahtera (*Local Agenda 21*), Program Peningkatan Pendapatan serta beberapa Projek Kecil Kemudahan Awam. Secara keseluruhannya, terdapat 30 program yang

telah dilaksanakan melibatkan sebanyak RM3.99 juta yang meliputi lima (5) projek fizikal dan 25 program ekonomi. Antara program tersebut ialah penyaluran bantuan barang asas iaitu beras, minyak masak, tepung dan gula ke lapan (8) kawasan yang terjejas semasa Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Labuan pada 15 Jun 2021. Program jualan murah Aidilfitri juga dilaksanakan melibatkan barang keperluan makanan asas iaitu telur ayam dan minyak masak.

4. Sebanyak RM6.33 juta telah disediakan pada tahun 2022 oleh kerajaan bagi melaksanakan program yang melibatkan kemudahan awam, kerja-kerja penyelenggaraan dan pembangunan keusahawanan. Daripada peruntukan tersebut sebanyak 17 projek fizikal dilaksanakan seperti penyelenggaraan jalan dan perhubungan manakala 16 projek ekonomi pembangunan keusahawanan turut dilaksanakan. Selain itu, Projek Pertanian Bandar turut dilaksanakan dengan melibatkan lima (5) program yang bertujuan untuk menggalakkan aktiviti pertanian sara diri sekaligus menjana pendapatan komuniti yang terlibat.

5. Antara inisiatif lain yang turut dilaksanakan pada tahun 2022 adalah seperti MyBeras@Wilayah yang merupakan bantuan edaran beras dibawah kerangka MyFood@Wilayah disalurkan kepada Ketua Isi Rumah (KIR) yang layak di Labuan berdasarkan senarai pangkalan data e-kasih. Program Jualan Rakyat MYGrocer@Wilayah turut diperkenalkan di Labuan melalui peruncit terpilih yang telah memberi manfaat kepada seramai 3,558 penduduk B40.

6. Bagi meneruskan usaha untuk membangunkan sosial dan ekonomi rakyat WP Labuan, kerajaan telah menyediakan perancangan sebanyak 23 inisiatif dibawah program utama berikut:

- a. Program Pembasmian Kemiskinan Tegar Keluarga Malaysia (BMTKM) - 4 inisiatif;
- b. Program Menangani Kos Sara Hidup - 2 inisiatif;
- c. Program Taman Bandar - 4 inisiatif;
- d. Program Bandar Hijau - 1 inisiatif;
- e. Program Mempelbagai Ekonomi Komuniti - 4 inisiatif;
- f. Program Memperkasa Produk IKS Labuan - 2 inisiatif;
- g. Program Mampan Sejahtera - 5 inisiatif;
- h. Program Tadbir Urus - 1 inisiatif.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB DATO' HAJI JEFRIDIN BIN HAJI ATAN

DATO' HAJI JEFRIDIN BIN HAJI ATAN minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan apakah perancangan dan kerjasama yang dilaksanakan oleh Kementerian dengan agensi-agensi lain dalam memperkasakan dan memperkuuhkan lagi pertahanan keselamatan siber di Malaysia dan nyatakan statistik aduan yang telah diterima mengenai penggodaman serta tindakan yang diambil bagi menyelesaikan isu tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Keselamatan siber di Malaysia adalah di bawah kawal selia Agensi Keselamatan Siber Negara (NACSA) selaku agensi peneraju. Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD) melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) adalah bertanggungjawab bagi sektor Maklumat dan Komunikasi dan turut dibantu oleh CyberSecurity Malaysia (CSM) iaitu agensi teknikal keselamatan siber negara.

Dalam hal ini, mengambil kira pelaksanaan teknologi 5G dan kepentingan dalam memastikan keselamatan rangkaian, pihak SKMM telah melaksanakan inisiatif melalui pendekatan berdasarkan risiko, atau dengan izin, *risk-based approach* bersama-sama dengan pihak pemberi perkhidmatan dalam mengenal pasti ancaman dan risiko yang ada serta langkah-langkah kawalan yang perlu diambil. Pelaksanaan inisiatif ini adalah di bawah pemantauan secara berkala oleh pihak SKMM.

Walaupun penggodaman tidak secara khusus berada di bawah bidang kuasa pihak SKMM, pihak SKMM melalui Pusat Keselamatan Rangkaian SKMM berperanan untuk menyusuli tindakan serta penyelarasan teknikal bagi menangani insiden keselamatan rangkaian yang dikesan, atau yang dilaporkan oleh agensi awam dan swasta, termasuk orang awam. Selain SKMM, CSM juga turut menerima aduan berkenaan penggodaman atau pencerobohan sesawang (*web defacement*). Pada tahun 2020, sebanyak 2,589 aduan telah diterima oleh KKD, diikuti dengan 3,653 aduan bagi tahun 2021 dan 3,667 aduan bagi

tahun 2022. Bagi tahun 2023 pula, sehingga 31 Mei 2023, sebanyak 1,399 aduan telah diterima.

Namun begitu, jumlah aduan ini adalah yang diterima terus oleh pihak SKMM dan CSM sahaja dan tidak termasuk jumlah kes-kes penggodaman yang diterima oleh agensi-agensi lain memandangkan penggodaman adalah di bawah bidang kuasa pihak PDRM.

Kesemua insiden yang diadukan tersebut akan disusuli dengan tindakan yang meliputi tindakan sekatan di peringkat rangkaian penyedia perkhidmatan Internet domestik, penurunan atau pengalihan kandungan di peringkat hos, penyahaktifan dan menyenarai hitam alamat elektronik serta nama domain, dan lain-lain langkah teknikal bagi menyekat serta menghentikan penularan insiden berkenaan, serta bagi melindungi orang awam daripada terjejas atau menjadi mangsa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB DATO' HAJI JEFRIDIN BIN HAJI
ATAN

DATO' HAJI JEFRIDIN BIN HAJI ATAN minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan :-

- (a) apakah statistik semasa bagi pendaftaran pelajar di institusi pengajian tinggi di bawah seliaan Kerajaan seperti kolej komuniti dan politeknik dan apakah kursus yang mencatatkan penurunan bilangan kemasukan pelajar; dan
- (b) apakah tindakan Kementerian dalam mempromosikan institusi-institusi pengajian tinggi dalam menggalakkan ramai lagi lepasan sekolah menengah untuk mendaftar dan menyambung pengajian.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

(a)

1. **Statistik enrolmen semasa** bagi pelajar di Politeknik adalah seramai 77,816 orang manakala di Kolej Komuniti pula adalah seramai 15,239 orang.
2. Antara bidang yang mencatatkan **penurunan bilangan kemasukan pelajar di Politeknik** adalah bidang Kejuruteraan Awam, Kejuruteraan Elektrik, Kejuruteraan Mekanikal, Kejuruteraan Petrokimia dan Teknologi Maklumat.
3. Manakala bidang yang mencatatkan **penurunan bilangan kemasukan yang signifikan di Kolej Komuniti** adalah bidang Teknologi Pembuatan dan Pembinaan, Teknologi Elektrik, Teknologi Automotif, Teknologi Maklumat dan Pelancongan & Hospitaliti.

(b)

Tuan Yang di-Pertua,

4. Pelbagai inisiatif dan langkah dilaksanakan oleh pihak Kementerian Pendidikan Tinggi dalam **mempromosikan institusi-institusi pengajian tinggi** untuk menggalakkan lebih ramai lepasan sekolah menengah mendaftar dan menyambung pengajian. Antaranya adalah melalui:

i. **Program Jom Masuk U.**

- Program ini dilaksanakan setiap tahun melibatkan zon terpilih seluruh Negara yang mensasarkan pelajar, kaunselor sekolah, guru-guru dan ibu bapa serta masyarakat.
- Program ini juga disertai 20 Universiti Awam (UA), Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK), Empat (4) Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA), lebih 30 Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) terpilih serta agensi-agensi awam seperti Perbadanan Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), Jabatan Perkhidmatan Awam, Bahagian Biasiswa KPT dan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).
- Bagi tahun 2023, **Program Jom Masuk U 2023** telah berjaya dilaksanakan di 6 zon seluruh negara yang telah dikunjungi oleh seramai **70,208** pengunjung. Bilangan pengunjung ini menunjukkan peningkatan sebanyak **28.60%** berbanding tahun **2022** iaitu sebanyak **54,595** pengunjung.

ii. **Program Outreach** melibatkan **lokasi terpilih di seluruh Malaysia** dengan kerjasama Universiti Awam selaku rakan strategik Kementerian yang mensasarkan pelajar di sekolah luar bandar, B40 dan Orang Asli.

iii. **Promosi melalui saluran media sosial rasmi KPT** antaranya melalui platform Facebook, Instagram, Youtube dan TikTok.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB DATO' HAJI JEFRIDIN BIN HAJI
ATAN

DATO' HAJI JEFRIDIN BIN HAJI ATAN minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:-

- (a) apakah statistik yang dilaporkan mengenai salah laku oleh agensi Kerajaan yang telah diterima dan apakah bentuk penyelesaian serta tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan; dan
- (b) adakah wujud keperluan untuk mendedahkan individu atau agensi yang terlibat sebagai salah satu aspek ketelusan serta nyatakan juga statistik agensi Kerajaan yang telah mengabaikan cadangan tindakan untuk diambil.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Bagi tahun 2019 sehingga Mei 2023, SPRM telah menerima sebanyak 18,388 maklumat berkaitan penjawat awam. Daripada maklumat tersebut sebanyak 10,507 adalah maklumat berunsur rasuah dan 7,881 maklumat bukan berunsur rasuah. Berdasarkan kepada maklumat berunsur rasuah, SPRM telah menjalankan sebanyak 5,857 siasatan, 657 risikan dan selebihnya melibatkan lain-lain tindakan.
2. Bagi tempoh tersebut juga, sebanyak 1,912 tangkapan dan sebanyak 956 pertuduhan telah dibuat di mahkamah.
3. Hasil daripada siasatan proaktif, SPRM turut membuka Kertas Pemeriksaan dan Perundingan (KPP) dan mengedar Laporan SPRM (LSPRM) kepada agensi awam. KPP bertujuan untuk menjalankan pemeriksaan ke atas amalan, sistem dan tatacara badan awam dan swasta bagi mengenalpasti kelemahan-kelemahan yang boleh membuka ruang dan peluang rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan. Manakala LSPRM pula adalah satu laporan yang dikeluarkan kepada agensi awam yang mengandungi keterangan-keterangan pelanggaran tata kelakuan yang diperoleh dari hasil siasatan SPRM.

NO SOALAN: 112

4. Untuk makluman Yang Berhormat jua, SPRM turut memaparkan individu yang telah disabitkan kesalahan rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan di dalam Data Pesalah Rasuah di laman sesawang SPRM untuk makluman dan rujukan am orang awam.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB DATO' HAJI JEFRIDIN BIN HAJI ATAN

DATO' HAJI JEFRIDIN BIN HAJI ATAN minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan statistik aduan dan laporan yang diterima daripada aktiviti pencatutan dan menyorokkan barang bersubsidi sepanjang suku tahun pertama 2023 dan apakah penambahbaikan dalam aspek penguatkuasaan yang boleh dilakukan oleh Kementerian dalam memastikan tidak berlaku manipulasi keuntungan yang membebankan pengguna.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua

Kementerian telah menerima aduan berkenaan harga **barangan mahal** sehingga Jun 2023 sebanyak **1907** aduan di seluruh negara. Bagi aktiviti **penyorokan barangan** bersubsidi pula kementerian telah menerima **86** aduan sehingga suku tahun 2023.

Antara penambahbaikan yang telah dijalankan oleh kementerian dalam memastikan tidak berlakunya manipulasi keuntungan adalah dengan menguatkuasakan **Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011** bagi mengawal pengambilan untung secara tidak munasabah oleh peniaga dengan **pengeluaran notis pengesahan maklumat harga atau caj bagi perkhidmatan** dan **notis bertulis di bawah Seksyen 21 AKHAP 2011**. Disamping itu pelaksanaan operasi seperti Ops Catut 2023, Ops Pasar 2023 dan Ops Kesan 2023 telah dilaksanakan pada tahun ini.

Ops Catut 2023 yang telah dilaksanakan pada tahun ini adalah Ops Catut (*Back to School*) dan Ops Catut (Barangan Bakeri). Semasa pelaksanaan Ops Catut (*Back to School*) 442 notis di bawah Seksyen 21 AKHAP 2011 telah dikeluarkan kepada peniaga. Bagi Ops Catut (Barangan Bakeri), 229 notis bertulis di bawah Seksyen 21 AKHAP 2011 telah dikeluarkan kepada peniaga.

Ops Pasar 2023 yang telah dilaksanakan adalah Ops Pasar (Sayur), Ops Pasar (Tahun Baru Cina) dan Ops Pasar (Hari Raya Puasa). Untuk Ops Pasar (Sayur) 774 notis telah dikeluarkan kepada peniaga, Ops Pasar (Tahun Baru Cina), 1,261 notis telah dikeluarkan dan bagi Ops Pasar (Hari Raya Puasa) 1,081 notis telah keluarkan kepada peniaga di seluruh negara.

Ops Kesan 2023 yang dilaksanakan adalah Ops Kesan (Tadika) dan Ops Kesan (Barang Kering). Bagi Ops Kesan (Tadika) 87 notis bertulis di bawah AKHAP 2011 telah dikeluarkan kepada pengusaha tadika dan untuk Ops Kesan (Barang Kering), 203 notis bertulis telah dikeluarkan kepada peniaga.

Berdasarkan statistik tindakan kes yang diambil dari tahun **2019 hingga Mei 2023**, kementerian telah menghasilkan **sebanyak 411 kes** dengan **nilai rampasan berjumlah RM2,011**. Sebanyak **12 kes** telah **dikompaun** dan **jumlah kompaun yang dikenakan bernilai RM58,300**. Bagi tahun **2023 setakat bulan Mei**, kes yang dihasilkan di bawah seksyen 14(1) AKHAP 2011 iaitu kesalahan di bawah mengambil keuntungan tinggi yang tidak munasabah, jumlah kes yang dihasilkan ialah sebanyak **10 kes**.

Kementerian akan terus sentiasa bekerjasama rapat dengan kementerian lain terutamanya Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) dalam memastikan pengeluaran dan bekalan makanan dan barang keperluan pada harga yang stabil.

NO SOALAN: 113

Libat urus berterusan dengan industri, pengeluar, pengimport, pemborong, peruncit, persatuan pengguna dan lain-lain pihak berkaitan, tetap dijalankan dari semasa ke semasa bagi mendapatkan input-input berkaitan kenaikan kos pengeluaran dan harga jualan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB DATUK DR. HAJI AZHAR BIN AHMAD

DATUK DR. HAJI AZHAR BIN AHMAD minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah projek yang bakal dilaksanakan di Negeri Perak yang dilihat boleh menjadi pemangkin ekonomi rakyat di Perak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa memberi perhatian dan prihatin kepada keperluan dan kemakmuran rakyat di seluruh negara. Kerajaan juga sentiasa berusaha untuk memastikan kesejahteraan rakyat terus menjadi keutamaan bagi memelihara dan meningkatkan taraf hidup rakyat.

Bagi tahun 2023, sebanyak 437 projek telah diluluskan untuk dilaksanakan di negeri Perak dengan kos berjumlah RM14.3 bilion. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 117 projek merupakan projek baharu dan selebihnya, iaitu sebanyak 320 projek merupakan projek sambungan. Antara projek baharu berskala tinggi yang diluluskan dan dijangka mampu menjadi pemangkin ekonomi di negeri Perak adalah seperti di bawah:

- i. Membina Jalan Sambungan Dari Lebuhraya PLUS Ke Persimpangan Lebuhraya Ipoh-Lumut (FT005) Jelapang, Daerah Kinta;
- ii. Rancangan Tebatan Banjir Kampong Gajah Fasa 2, Daerah Perak Tengah;
- iii. Menaiktaraf Jalan Utama Dari Parit 1- Parit 10, Jalan Parit 3 Dan Parit 5 Di Kampung Sungai Pergam, Bagan Datuk;
- iv. Membina Baru Pasar Pasir Pinji, Ipoh; dan

NO SOALAN: 114

v. Pemajuan Kawasan Kg. Parit Sungai Melan, Kerian; dan

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB DATUK DR. AZHAR BIN AHMAD

DATUK DR. AZHAR BIN AHMAD minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah mekanisme yang akan dirangka dan dilaksanakan oleh pihak Kerajaan bagi mengawal hutang negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam memastikan paras hutang Kerajaan Persekutuan terkawal dan terurus, beberapa mekanisme kawalan berikut perlu dipatuhi dalam usaha menyelesaikan peningkatan paras hutang. Antaranya:

- i. Meneruskan langkah konsolidasi fiskal secara beransur-ansur bagi memastikan pinjaman baharu adalah lebih rendah berbanding semasa pandemik tanpa menjelaskan pemulihan ekonomi negara;
- ii. Memperluas asas hasil dan memastikan kutipan hasil yang mampan di mana perbelanjaan mengurus perlu dibiayai melalui hasil negara dan Kerajaan sentiasa mempunyai lebihan baki semasa serta dapat menampung sebahagian perbelanjaan pembangunan;
- iii. Meminimumkan *rollover risks* dengan menerbitkan instrumen hutang jangka panjang dan memberi tumpuan kepada pasaran domestik;
- iv. Memastikan bayaran khidmat hutang terkawal dan tidak melebihi 15% daripada hasil;
- v. Memastikan pinjaman Kerajaan adalah semata-mata untuk membayai perbelanjaan pembangunan yang ditumpukan kepada projek berimpak tinggi seterusnya memberi pulangan kepada negara dan rakyat dalam tempoh jangka masa panjang; dan

- vi. Menyemak semula kaedah pelaksanaan projek secara *off-budget* yang membebankan. Projek-projek ini boleh dipertimbangkan untuk dilaksanakan di bawah DE.

Di samping itu, mekanisme kawalan dan pengurangan hutang serta konsolidasi fiskal perlu disokong dengan pelaksanaan strategi hasil jangka sederhana. Strategi ini meliputi penambahbaikan sistem percukaian sedia ada, memperluas asas hasil, meneroka potensi hasil daripada sektor tidak formal dan memberi fokus kepada insentif cukai yang lebih bersasar. Kesemua usaha dan langkah ini mampu memperkuuh kedudukan kewangan Kerajaan, membina semula ruang fiskal dan seterusnya mengurangkan hutang negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB DATUK DR. HAJI AZHAR BIN
AHMAD

DATUK DR. HAJI AZHAR BIN AHMAD minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah langkah yang diambil dan dirancang dalam memastikan kadar pengangguran di negara ini berada pada tahap yang terkawal.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

1. Pengangguran berlaku di sesebuah negara yang pasaran buruhnya dinamik, disebabkan beberapa faktor. Sesetengah pengangguran hanya berlaku dalam jangka masa pendek yang mana ia merupakan satu proses semula jadi bagi individu-individu yang bergerak antara satu pekerjaan ke pekerjaan yang lain atau pergerakan daripada alam persekolahan ke pasaran kerja. Sesetengah pengangguran lain pula mengambil masa beberapa bulan disebabkan kesukaran mencari pekerjaan.
2. Antara faktor utama yang menyumbang kepada pengangguran ialah ketidakpadanan kemahiran dengan izin *skill mismatched*, penawaran gaji yang tidak setimpal dan kecenderungan majikan untuk menggaji pekerja asing. Selain daripada itu, faktor keperibadian pencari kerja dan kemahiran insaniah dengan izin *softskills* turut menyumbang kepada kesukaran mendapat dan mengekal diri dalam pekerjaan.
3. Berdasarkan definisi Pertubuhan Buruh Antarabangsa atau International Labour Organisation, kadar pengangguran pada kadar 4 peratus dan ke bawah dikira sebagai guna tenaga penuh. Semasa pandemik COVID-19, kadar pengangguran telah melonjak kepada 4.5 peratus. Dengan usaha berterusan melalui pelbagai program dan inisiatif oleh Kerajaan, kadar pengangguran telah berjaya dikurangkan kepada keadaan sebelum pandemik COVID-19.

4. Berdasarkan laporan Survei Tenaga Buruh oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, kadar pengangguran pada suku pertama tahun 2023 adalah 3.5 peratus. Jumlah penganggur aktif untuk suku pertama tahun 2023 pula adalah sebanyak 312.4 ribu orang, iaitu 63.0 peratus daripada keseluruhan penganggur aktif.

5. Kerajaan secara berterusan merangka dan melaksanakan pelbagai inisiatif merentasi kementerian dan agensi bagi membantu mengawal kadar pengangguran. Antara inisiatif yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

- i. Kementerian Sumber Manusia melalui PERKESO mempergiatkan beberapa program bagi menggalakkan penyertaan tenaga kerja antaranya melalui:
 - Penyediaan platform pencarian pekerjaan melalui **platform MYFutureJobs**;
 - **Program Karnival Kerjaya** di seluruh negara;
 - Penyediaan **program-program bagi peningkatan modal insan dan kebolehpasaran pekerja** seperti khidmat kaunseling kerjaya, *skills profiling*, penulisan resume, *mock interview*, latihan kemahiran bahasa dan penyampaian serta seminar pekerjaan; dan
 - Jalinan kerjasama bersama Kementerian Belia Dan Sukan untuk memperkasa **Program Perantisan** kepada para belia.

- ii. Di bawah Bajet 2023, Kementerian Sumber Manusia melalui PERKESO telah diberi tanggungjawab untuk melaksanakan lima (5) inisiatif **Program Pasaran Buruh Aktif** iaitu;
- Program Transisi Pekerjaan Untuk Perantis TVET dan Lepasan Sekolah atau Kerjaya TVET;
 - Program Bina Kerjaya Pekerja Informal Gig Riders;
 - Pelanjutan Insentif Penggajian Secara Bersasar menerusi Program Daya Kerjaya;
 - Pembangunan Pusat Satelit MYFutureJobs Di Pusat Transformasi Bandar Seluruh Malaysia; dan
 - Elaun mobiliti kepada penerima faedah di bawah Sistem Insurans Pekerjaan.
- iii. Kementerian Sumber Manusia juga aktif dalam menawar dan menyediakan **pelbagai program reskilling dan upskilling berteraskan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET)** dan pelbagai disiplin cabang pekerjaan menerusi agensi di bawahnya seperti Jabatan Tenaga Manusia, Jabatan Pembangunan Kemahiran, Pembangunan Sumber Manusia Berhad , dan PERKESO.
- iv. Selain itu, Kementerian Sumber Manusia turut mempergiatkan usaha mengadakan program melalui TalentCorp dengan fokus terhadap **pembangunan kebolehpasaran dan kebolehkerjaan bakat muda negara** melalui sinergi dan kerjasama merentasi kementerian, jabatan, agensi Kerajaan, pemain industri dan institusi pengajian tinggi awam/ swasta serta teknikal.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB TAN SRI DATO' LOW KIAN CHUAN

TAN SRI DATO' LOW KIAN CHUAN minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah jumlah subsidi bagi tahun 2022 hingga Mei 2023 secara terperinci termasuk kos sebenar dan harga kawalan bagi produk-produk berikut: Minyak RON95, diesel, minyak tanah, gas, elektrik, ayam, telur, gula, baja, dan subsidi kadar faedah bagi pinjaman.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, pada tahun 2022, Kerajaan membelanjakan lebih dari RM90 bilion bagi keseluruhan subsidi, insentif dan bantuan termasuk subsidi pertanian, bantuan tunai dan jumlah terbesar perbelanjaan adalah bagi tujuan subsidi kepenggunaan iaitu sebanyak RM66.3 bilion termasuk subsidi petrol, diesel dan gas cecair memasak, skim subsidi minyak masak, subsidi bil elektrik dan subsidi harga ayam dan telur.

Sehingga Mei 2023, lebih RM22 bilion telah dibelanjakan bagi tujuan pemberian subsidi, bantuan dan insentif termasuk subsidi produk petroleum sebanyak RM11 bilion, subsidi bil elektrik sebanyak RM4 bilion dan bantuan tunai sebanyak RM3.5 bilion.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB TAN SRI DATO' LOW KIAN CHUAN

TAN SRI DATO' LOW KIAN CHUAN minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk mengalih penjawat awam baharu ke dalam skim pencen pencaruman yang ditetapkan (*define contribution*) seperti KWSP untuk meringankan beban kewangan fiskal Kerajaan.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YB DATUK ARMIZAN MOHD ALI,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(HAL EHWAL SABAH, SARAWAK DAN TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sedang memperhalusi sistem persaraan baharu untuk pelantikan baharu dalam perkhidmatan awam. Sistem baharu ini dijangkakan dapat menjadikan beban kewangan Kerajaan lebih mampan dalam jangka masa panjang dan pada masa yang sama kebajikan pegawai semasa bersara turut diberi perhatian sewajarnya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB TAN SRI DATO' LOW KIAN CHUAN**

TAN SRI DATO' LOW KIAN CHUAN minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan:-

- (a) bilakah Kementerian akan membentangkan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas (2021-2025) di Parlimen; dan
- (b) adakah jumlah peruntukan perbelanjaan pembangunan sebanyak RM400 bilion akan disemak semula.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021 - 2025 (KSP RMKe-12) dijadual dibentangkan di Parlimen pada 11 - 19 September 2023 (Dewan Rakyat) dan 20 - 26 September 2023 (Dewan Negara).

Pada masa ini, Kerajaan tidak bercadang untuk membuat semakan semula ke atas anggaran peruntukan pembangunan RMKe-12 berjumlah RM400 bilion.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB TAN SRI DATO' LOW KIAN CHUAN

TAN SRI DATO' LOW KIAN CHUAN minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah langkah-langkah yang dapat meningkatkan nisbah pampasan pekerja (CE) kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang sebanyak 34.8% pada tahun 2021, memandangkan nisbah CE Malaysia adalah sangat rendah berbanding dengan banyak negara maju.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

1. Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia sedang giat melaksanakan usaha-usaha bagi menyumbang peningkatan kepada nisbah pampasan pekerja dengan izin *Compensation Of Employees* seperti berikut:

- i) Menggalakkan majikan melaksanakan Sistem Upah Yang Dikaitkan Dengan Produktiviti dengan izin *Productivity-Linked Wage System* sebagai salah satu mekanisma untuk meningkatkan produktiviti pekerja yang secara tidak langsung akan membantu meningkatkan pendapatan pekerja bagi mencapai pampasan pekerja sebanyak 40 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar sebagaimana fokus kepada pertumbuhan produktiviti buruh di dalam RMK-12.

Productivity-Linked Wage System merupakan satu sistem yang mewujudkan hubungan yang lebih rapat di antara upah dan produktiviti atau prestasi pekerja atau syarikat. Pelaksanaan sistem ini dapat memastikan sebarang kenaikan upah selaras dengan peningkatan produktiviti atau prestasi yang lebih tinggi. Sistem ini juga membolehkan pekerja-pekerja mendapat upah yang adil hasil daripada peningkatan produktiviti dan prestasi mereka. Sehingga bulan April 2023, seramai 96,595 majikan telah melaksanakan *Productivity-Linked Wage System* yang memanfaatkan seramai 5,820,769 orang pekerja;

- ii) Selain itu, bagi syarikat yang mempunyai kesatuan sekerja pekerja, Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia juga sentiasa menggalakkan majikan dan kesatuan berunding mengenai pemberian ganjaran dan insentif berdasarkan prestasi dalam Perjanjian Kolektif selaras dengan peruntukan undang-undang yang sedang berkuatkuasa.

Perjanjian Kolektif merupakan dokumen perjanjian yang ditandatangani di antara majikan dan kesatuan sekerja pekerja dan diperakukan (*given cognisance*) oleh Mahkamah Perusahaan. Perjanjian Kolektif mengandungi syarat-syarat perkhidmatan seperti bayaran bonus, kenaikan gaji dan insentif-insentif berdasarkan prestasi dan produktiviti.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN :

BUKAN LISAN

DARIPADA :

YB TAN SRI DATO' LOW KIAN CHUAN

TAN SRI DATO' LOW KIAN CHUAN minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan berapakah jumlah pelaburan yang menyahut insentif cukai istimewa (*Special Tax Incentive*) di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA).

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Insentif Cukai Istimewa di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi (PENJANA) telah diumumkan oleh Kerajaan pada 5 Jun 2020 bagi membantu syarikat yang berhasrat untuk memindahkan operasi ke Malaysia berikutan krisis ekonomi global yang telah membawa kepada gangguan besar kepada rantai bekalan global.

Insentif Cukai Istimewa yang ditawarkan adalah Kadar Cukai Khas dengan kadar cukai 0 peratus untuk tempoh 10 tahun atau 15 tahun bagi syarikat baharu, manakala Elaun Cukai Pelaburan sebanyak 100 peratus dalam tempoh 5 tahun bagi syarikat sedia ada, di mana:

- syarikat baharu merujuk kepada syarikat yang tidak mempunyai sebarang operasi perkilangan sedia ada di Malaysia dan syarikat tersebut memindahkan operasi perkilangannya untuk aktiviti yang layak dari mana-mana negara ke Malaysia atau syarikat yang memulakan operasi baharu di Malaysia; dan
- syarikat sedia ada pula merujuk kepada syarikat asing atau tempatan yang mempunyai operasi perkilangan sedia ada di Malaysia dan memindahkan operasi perkilangannya dari luar Malaysia untuk segmen perniagaan baharu. Bagi tujuan ini, produk daripada segmen perniagaan baharu tidak termasuk projek pembesaran untuk produk sedia ada.

Di samping itu, insentif kadar cukai 15 peratus untuk tempoh 5 tahun juga ditawarkan kepada individu yang memegang jawatan kategori C-Suite bagi syarikat yang memindahkan operasi mereka ke Malaysia.

Semenjak diperkenalkan pada tahun 2020, sebanyak empat (4) syarikat baharu dengan jumlah pelaburan bernilai RM50.5 bilion telah diluluskan di bawah Insentif Cukai Istimewa ini. Syarikat ini melibatkan industri-industri yang terdiri daripada industri elektrikal dan elektronik, peranti perubatan, logam asas, serta kimia dan produk kimia. Insentif ini juga telah dilanjutkan sehingga 31 Disember tahun 2024 seperti yang diumumkan dalam Belanjawan 2023.

Kerajaan sentiasa menggiatkan usaha mempromosikan peluang dan potensi pelaburan sejahtera dengan aspirasi Kerajaan untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara sekaligus memberi manfaat yang signifikan kepada rakyat. Ini juga adalah selaras dengan kerangka Malaysia MADANI yang mendorong pemindahan teknologi melalui jalinan kerjasama luar, dalam sektor berpotensi dan berkepentingan strategik, ke arah memacu ekonomi yang berdasarkan kesejahteraan terangkum.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB TUAN HAJI HUSSIN BIN ISMAIL

TUAN HAJI HUSSIN BIN ISMAIL minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan :-

- (a) berapakah luas peratusan keluasan tanah mengikut etnik di negeri-negeri pada skala kecil (10 ekar ke bawah) dan skala besar (10 ekar ke atas/ladang) yang didaftarkan sebagai tanah pertanian; dan
- (b) berapakah luas dan peratusan tanah tersebut yang dibangunkan secara ekonomi dan berapa luas dan peratusannya yang dikelaskan sebagai tanah terbiar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian melalui Jabatan Pertanian (DOA) telah membangunkan Sistem AgriS GeoPortal. Sistem ini membolehkan maklumat pertanian dikumpul, disedia dan dianalisis bagi membuat sebarang perancangan serta keputusan. Sistem ini mampu meningkatkan ketepatan, kesediaan serta mengurangkan pertindihan data pertanian negara. Selain itu juga, iaanya membantu mempercepatkan proses pelaporan serta boleh diakses pada bila-bila masa mengikut keperluan. Sistem ini mengandungi pelbagai maklumat pengusaha yang berdaftar di bawah jabatan bagi setiap projek dibawah DOA termasuk maklumat tanah yang diusahakan mengikut etnik dan negeri. Maklumat terperinci mengenai pemilikan tanah pertanian pula, boleh diperolehi daripada Pihak Berkuasa Negeri (PBN) bagi negeri-negeri berkaitan selaras dengan peruntukan Kanun Tanah Negara (KTN) yang berkuatkuasa.

Berdasarkan rekod daripada sistem AgriS GeoPortal, keluasan tanah berskala kecil iaitu kurang 10 ekar, dan berskala besar adalah seperti berikut:

i. Maklumat pengusaha mengikut etnik di negeri-negeri pada skala kecil

NEGERI	< 10 EKAR						BIL. PETANI	
	MELAYU (86.12%)		CINA (10.74%)		INDIA (0.64%)			
	BIL. PETANI	LUAS BERTANAM (CHE)	BIL. PETANI	LUAS BERTANAM (CHE)	BIL. PETANI	LUAS BERTANAM (CHE)		
JOHOR	2,370	7,486.50	272	1,199.17	17	70.43	5,719	
KEDAH	3,290	13,703.92	72	295.35	11	38.40	3,603	
KELANTAN	3,250	10,195.30	80	265.29	4	10.67	6,009	
MELAKA	591	2,034.09	188	813.00	18	62.64	-	
NEGERI SEMBILAN	783	2,292.06	240	1,247.58	16	71.29	3,291	
PAHANG	3,229	10,041.24	150	633.18	4	12.60	2,285	
PERAK	4,914	13,164.39	795	3,419.25	53	201.27	4,440	
PERLIS	5,702	16,944.06	89	411.16	1	2.82	1,182	
PULAU PINANG	4,176	16,177.54	1,192	4,319.36	10	23.43	7,700	
SABAH	2	4.35	7	12.68	-	-	2	
SARAWAK	13	44.08	16	94.34	-	-	1,188	
SELANGOR	1,466	3,988.15	168	689.76	147	273.64	1,111	
TERENGGANU	4,990	12,315.63	48	77.76	1	9.88	2,239	
WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN	19	35.01	15	29.17	-	-	3	
JUMLAH KESELURUHAN	34,795	108,426.32	3,332	13,507.05	282	777.08	44,838	

NOTA:

1. Terdapat Petani yang *double counting* kerana mempunyai ladang/kebun di dua (2) negeri
2. Bil. Petani ini merangkumi Petani di bawah Projek Jabatan Pertanian yang mempunyai tanah
3. Bil. Petani sebenar (unik mengikut No. KP / No. ROC) adalah 44,838 orang
4. Luas Bertanam (CHE) adalah dalam unit ekar

ii. Maklumat pengusaha mengikut etnik di negeri-negeri pada skala besar

NEGERI	> 10 EKAR (
	MELAYU (55.97%)		CINA (29.95%)		INDIA (0.2%)	
	BIL. PETANI	LUAS BERTANAM (CHE)	BIL. PETANI	LUAS BERTANAM (CHE)	BIL. PETANI	LUAS BERTANAM (CHE)
JOHOR	293	7,765.27	203	13,100.09	5	167.37
KEDAH	638	12,342.15	37	1,093.81	3	54.61
KELANTAN	556	12,095.48	10	159.48	-	-
MELAKA	141	5,166.21	68	3,991.31	7	122.54
NEGERI SEMBOLAN	131	3,951.04	118	3,657.37	4	101.31
PAHANG	149	4,031.27	62	4,666.53	3	47.94
PERAK	354	8,628.91	388	9,324.33	17	464.01
PERLIS	251	3,666.17	38	651.99	-	-
PULAU PINANG	919	17,170.21	280	5,032.12	1	14.83
SABAH	-	-	6	105.88	2	66.62
SARAWAK	8	105.14	15	203.15	-	-
SELANGOR	62	1,189.25	59	3,410.39	15	495.45
TERENGGANU	366	9,335.75	11	436.81	-	-
WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN	1	14.70	1	12.01	-	-
JUMLAH KESELURUHAN	3,869	85,461.54	1,296	45,845.27	57	1,534.68

NOTA:

1. Terdapat Petani yang *double counting* kerana mempunyai ladang/kebun di dua (2) negeri
2. Bil. Petani ini merangkumi Petani di bawah Projek Jabatan Pertanian yang mempunyai lahan bertanam di atas 10 ekar.
3. Bil. Petani sebenar (unik mengikut No. KP / No. ROC) adalah 44,838 orang
4. Luas Bertanam (CHE) adalah dalam unit ekar

Berdasarkan data daripada sistem tersebut, jumlah luas tanah yang dibangunkan menerusi projek yang berdaftar dengan Jabatan Pertanian adalah sebanyak 113,075.87 hektar. Berdasarkan Kajian Perancangan Guna Tanah Makanan (PeGUMN) 2021 pula, keluasan yang direkodkan adalah sebanyak 870,994.41 hektar iaitu sebanyak 88.11% keluasan diusahakan. Bagi tanah terbiar, sebanyak 103,563 hektar telah dikenal pasti iaitu 11.89% daripada keseluruhan luas tanah yang dibangunkan bagi keluaran makanan negara.

Data Tanah Terbiar Mengikut Negeri

Bil.	Negeri	Bil. Lot	Luas (Ha.)
1	JOHOR	4,561	10,098
2	KEDAH	1,774	2,655
3	KELANTAN	3,690	4,815
4	MELAKA	1,915	2,332
5	N.SEMBILAN	5,885	11,324
6	PAHANG	11,292	29,391
7	PERAK	4,004	11,013
8	PERLIS	14	12
9	PULAU PINANG	877	2,622
10	SELANGOR	4,485	20,058
11	TERENGGANU	7,027	7,862
12	W.P. LABUAN	858	1,381
	JUMLAH	46,382	103,563

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN :

BUKAN LISAN

DARIPADA :

YB TUAN HAJI HUSSIN BIN ISMAIL

TUAN HAJI HUSSIN BIN ISMAIL minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan:-

- (a) berapakah keluasan tanah-tanah yang diteroka dan diceroboh secara haram di seluruh negara mengikut etnik serta status tindakan pencerobohan tanah seperti di Raub, Tapah dan Cameron Highland; dan
- (b) apakah tindakan Kerajaan terhadap pemimpin politik yang bangkit mempertahan kerja pelanggaran undang undang dan mencabar penjawat awam serta menghalang tugasannya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan perundangan semasa, hal ehwal pentadbiran tanah adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Oleh yang demikian, data mengenai keluasan tanah yang diteroka dan diceroboh boleh didapati dengan merujuk kepada Pihak Berkuasa Negeri masing-masing.
2. Secara umum, Pihak Berkuasa Negeri boleh mengambil tindakan penguatkuasaan menerusi Pejabat Tanah dan Galian Negeri atau Pejabat Tanah/ Daerah mengikut Seksyen 425 Kanun Tanah Negara (KTN) bagi pencerobohan yang berlaku di atas tanah kerajaan. Manakala, tindakan penguatkuasaan juga boleh dilaksanakan menerusi Jabatan Perhutanan Negeri bagi pencerobohan kawasan hutan mengikut Seksyen 32, Akta Perhutanan Negara 1984 [Akta 313].
3. Berdasarkan Seksyen 186, Kanun Keseksaan [Akta 574], seseorang yang menghalang penjawat awam melaksanakan tugasnya jika sabit kesalahan boleh dikenakan hukuman penjara maksimum dua tahun atau denda sehingga RM10,000 atau kedua-duanya sekali.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB TUAN HAJI HUSSIN BIN ISMAIL

TUAN HAJI HUSSIN BIN ISMAIL minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan :-

- (a) apakah langkah-langkah yang dijalankan bagi membangunkan kawasan pertanian di kawasan tanah yang berstrategik serta langkah bagi menggalakkan pendekatan "*precision agriculture*" terutama dalam usaha memenuhi keterjaminan makanan negara; dan
- (b) apakah ada institusi kewangan tertentu yang dilantik oleh kerajaan untuk menjadi rakan kolaborasi bagi menjayakan program strategik ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) komited untuk membangunkan kawasan pertanian di kawasan tanah yang berstrategik melalui langkah-langkah seperti berikut:

- (i) mewujudkan kawasan khusus bagi pengeluaran makanan secara kekal iaitu Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) sebagai salah satu program berimpak tinggi oleh Kerajaan di bawah Dasar Pertanian Negara ke-3 untuk mentransformasikan sektor pertanian dengan menggalakkan pelaksanaan projek pertanian secara berskala besar, komersil dan berteknologi tinggi. Secara keseluruhan, sebanyak 71 TKPM telah dibangunkan dengan keluasan fizikal berjumlah 10,459.08 hektar. Di bawah RMKe-12 (2021 – 2025), peruntukan sebanyak RM30 juta telah diluluskan bagi pembangunan TKPM Tanaman baharu dengan sasaran keluasan 600 hektar;
- (ii) Projek Ladang E-Satelit oleh Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dengan peruntukan sebanyak RM10 juta berbentuk geran padanan dengan nisbah 70% oleh Kerajaan dan 30% dengan had maksimum RM30 ribu turut ditawarkan kepada petani dan usahawan peladang bagi menggalakkan penggunaan aplikasi teknologi terkini seperti sistem aplikasi pertanian pintar, perisian dan peralatan teknologi *Internet of Things* (IoT) dan dron serta pembangunan infrastruktur;

- (iii) bagi industri akuakultur, sebanyak 44 lokasi Zon Industri Akuakultur (ZIA) dengan keluasan 16,853.78 hektar telah dibangunkan bagi memfokuskan peningkatan pendapatan golongan sasar seperti usahawan dan penternak akuakultur. Melalui pembangunan ZIA, keupayaan pengeluaran perikanan negara dapat ditingkatkan terutamanya dengan penggunaan teknologi moden seperti IoT dan *Artificial Intelligence* (AI) dalam kaedah penternakan akuakultur;
- (iv) bagi sektor ternakan, sebanyak dua (2) Taman Kekal Pengeluaran Ruminan (TKPR) telah dibangunkan di Johor dan Perak di bawah seliaan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS). Manakala Ladang Satelit Nasional telah dibangunkan di tujuh (7) buah negeri termasuk Kedah, Terengganu, Kelantan, Pahang, Perak, Negeri Sembilan dan Johor sebagai usaha untuk menggalakkan penglibatan pemain-pemain industri supaya menceburi bidang penternakan dengan kos awal operasi yang minima; dan
- (v) mengenal pasti teknologi yang bersesuaian untuk meningkatkan produktiviti seperti sistem fertigasi dan tanaman menegak atau *vertical farming* yang dapat mengatasi cabaran yang dihadapi oleh sektor agromakanan seperti tanah yang terhad, kebergantungan kepada tenaga buruh asing dan perubahan iklim.

Seterusnya, bagi menggalakkan penggunaan teknologi pertanian tepat (*precision agriculture*), beberapa inisiatif telah dilaksanakan oleh KPKM seperti berikut:

- (i) bagi sektor tanaman, Jabatan Pertanian (DOA) telah diluluskan peruntukan sebanyak RM232 juta di bawah RMKe-12 yang melibatkan tujuh (7) projek termasuk pembangunan tanaman buah-buahan jangka panjang dan jangka pendek, pembangunan tanaman sayur-sayuran, pembangunan *Agrofood Park* baharu dan sedia ada, menaiktaraf sistem pengairan sedia ada kepada pengairan pintar menggunakan IoT serta pembangunan data *geospatial* sebagai *farming aid tool*.
- (ii) dalam sektor perikanan, Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) dengan kerjasama Agensi Angkasa Malaysia telah membangunkan Sistem Penentuan Lokasi Penangkapan Ikan (FSI – *Fishing Site Identification*). Melalui sistem FSI, maklumat daripada imej satelit membolehkan nelayan mengenal pasti lokasi populasi ikan berkepadatan tinggi untuk penangkapan yang menjimatkan masa dan penggunaan diesel. Selain itu, terdapat juga sistem IoT untuk ternakan akuakultur seperti ternakan superinsentif udang marin di dalam sistem kolam tertutup; dan
- (iii) bagi sektor ternakan, DVS memberi tumpuan kepada aplikasi bioteknologi pembiakan seperti permanian beradas, aplikasi teknologi *Real-Time Artificial Intelligence Assisted Cattle Management System* dalam penternakan ruminan dan susu serta amalan penternakan secara reban tertutup (*closed house system*) bagi ternakan unggas yang dapat meningkatkan produktiviti ternakan serta lebih mesra alam. Sistem blok rantai (*blockchain*) juga diperkenalkan sebagai salah satu usaha Kerajaan untuk mengukuhkan sistem daya jejak sarang burung walet.

Bagi menjayakan program strategik ini, KPKM menyediakan kemudahan pembiayaan melalui Agrobank untuk perolehan teknologi moden seperti pertanian tepat, *smart farming* dan perolehan mekanisasi dan automasi. Menerusi Program Modenisasi Rantaian Nilai Agromakanan (PMRNA) peruntukan sebanyak RM60 juta telah disediakan. Kemudahan pembiayaan sehingga RM1 juta pada kadar 3.5 peratus setahun bagi tempoh sehingga 10 tahun disediakan kepada usahawan di sepanjang rantaian nilai agromakanan untuk perolehan peralatan dan perkhidmatan teknologi berteraskan Revolusi Perindustrian Keempat (4IR) seperti IoT dan AI yang turut merangkumi teknologi pertanian tepat seperti sistem fertigasi pintar, robotik dan dron.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB TUAN HAJI HUSSIN BIN ISMAIL

TUAN HAJI HUSSIN BIN ISMAIL minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan:-

- (a) berapa keluasan tanah yang sudah ditukar status daripada tanah "Leasehold" kepada tanah "Freehold" mengikut negeri-negeri di seluruh negara; dan
- (b) apakah syarat-syarat utama sehingga pertukaran status tanah tersebut boleh diizinkan serta nyatakan jumlah pertukaran itu menurut etnik.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat,

1. Bagi soalan pertama, selaras dengan perundangan semasa, hal ehwal tanah adalah bidang kuasa Pihak Berkuasa Negeri. Oleh yang demikian, data berkaitan dengan keluasan tanah yang sudah ditukar status daripada tanah "*Leasehold*" kepada tanah "*Freehold*" di negeri-negeri boleh didapati dengan merujuk Pihak Berkuasa Negeri yang berkaitan.
2. Bagi soalan seterusnya, Kanun Tanah Negara (KTN) telah menyatakan melalui seksyen 76 (aa) bahawa pemberimilikan tanah Kerajaan secara pegangan selama-lamanya (*in perpetuity*) adalah dalam tiga (3) keadaan iaitu:
 - (i) untuk kegunaan Kerajaan Persekutuan;
 - (ii) untuk kegunaan bagi tujuan awam; atau
 - (iii) dalam keadaan-keadaan khas (*special circumstances*).
3. Keadaan-keadaan khas (*special circumstances*) yang dimaksudkan adalah tertakluk kepada pertimbangan Pihak Berkuasa Negeri secara *case by case basis*.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB TUAN HAJI HUSSIN BIN ISMAIL

TUAN HAJI HUSSIN BIN ISMAIL minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan sejauh mana kebenaran dapatan kajian yang mengatakan bahawa Malaysia berisiko untuk mengalami gempa bumi berskala besar yang dijangka mencapai sehingga 6 atau 7 magnitud serta langkah persediaan kerajaan dalam mendepani isu global ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) melalui agensinya, Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia) memantau dan mengeluarkan maklumat gempa bumi yang berlaku di Malaysia dan seluruh negara mengikut kriteria yang ditetapkan. Pemantauan gempa bumi telah bermula sejak tahun 1975 oleh Jabatan Kajicuaca Malaysia (nama lama MET Malaysia). Namun, sejak tragedi tsunami pada 26 Disember 2004, kerajaan bersetuju untuk membangunkan Sistem Amaran Awal Tsunami Nasional Malaysia (SAATNM) di MET Malaysia bertujuan mengesan, menganalisa dan mengeluarkan maklumat gempa bumi dan amaran awal tsunami.

2. Berdasarkan pemantauan yang dibuat sejak tahun 1975, berlaku banyak gempa bumi bermagnitud 1.0 sehingga 4.5 Skala Richter telah dikesan di seluruh Malaysia. Di Semenanjung Malaysia, beberapa kejadian gempa bumi telah dikesan di beberapa kawasan seperti di Empangan Kenyir, Terengganu, Bukit Tinggi, Pahang dan Temenggor, Perak. Bacaan tertinggi gegaran seismik yang dikesan di Semenanjung Malaysia adalah 4.6 Skala Richter di Empangan Kenyir, Terengganu pada 21 Disember 1984 jam 5.28 petang. Manakala di Sarawak, bacaan gempa bumi tertinggi yang pernah direkodkan adalah 4.1 Skala Richter berlaku di Bintulu pada 1 Mei 2004 jam 7.29 pagi. Gempa bumi juga telah dikesan di beberapa kawasan lain di Sarawak seperti di Batu Niah, Bakun, Sebuyau, Mir, Semenggok dan Limbang bermagnitud di antara 3.0 hingga 4.0 Skala Richter.

3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, aktiviti gempa bumi terbanyak di negara kita direkodkan berlaku di Negeri Sabah yang majoritinya berintensiti lemah dan sederhana. Terdapat sekali sahaja kejadian gempa bumi berintensiti kuat dengan magnitud 6.0 telah berlaku di Ranau, Sabah, iaitu pd 5 jun 2015 jam 7.15 pg. Kejadian ini telah menyedarkan umum bahawa Malaysia tidak bebas dari bencana gempa bumi.
4. Bencana tersebut telah menyebabkan kerosakan pada struktur bangunan, kediamanan, infrastruktur jalan raya serta mengorbankan 18 orang malim gunung dan pendaki Gunung Kinabalu. Berikutan gempa bumi kuat tersebut, sebanyak 143 gegaran susulan juga dikesan di Ranau sehingga bulan Februari 2016. Kejadian gempa bumi pernah juga dikesan di daerah-daerah lain di Sabah seperti Tawau, Lahad Datu, Keningau, Beaufort, Tongod, Kunak, Kinabatangan, Beluran dan Semporna. Musibah yang melanda ini perlu dijadikan iktibar agar sentiasa mengambil langkah berwaspada bahawa Malaysia berisiko dan terdedah kepada ancaman gempa bumi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
**DARIPADA : YB DATO' AHMAD BIN DATO' SRI HJ
IBRAHIM**

DATO' AHMAD BIN DATO' SRI HJ IBRAHIM minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan adakah Kementerian akan mengkaji semula semua prasyarat dan syarat pembiayaan yang sedia ada supaya lebih fokus kepada rakyat yang baru menceburи bidang perniagaan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

1. Selari dengan peranan dalam meneraju agenda pembangunan keusahawanan negara, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) menggalas tanggungjawab untuk menjadikan keusahawanan sebagai kerjaya pilihan. Justeru, dalam menggalakkan masyarakat menceburi bidang perniagaan, KUSKOP sentiasa menambahbaik prosedur dan syarat pembiayaan dari semasa ke semasa.
2. Antara langkah yang telah diambil adalah melalui TEKUN Nasional yang mengurangkan keperluan dokumentasi daripada **17 dokumen** kepada **4 dokumen** sahaja bagi skim pembiayaan TEKUN bermula pada **Mac 2021**. Tempoh kelulusan pembiayaan juga telah dikurangkan kepada **7 hari bekerja** berbanding **21 hari bekerja**, serta urusan penyaluran peruntukan kepada usahawan dilaksanakan dalam tempoh **3 hari bekerja**.
3. Di samping itu, agensi-agensi di bawah KUSKOP yang menawarkan bantuan kewangan seperti TEKUN Nasional, Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) dan SME Corp. Malaysia **tidak mengambil kira** penilaian *Credit Tip-Off Service (CTOS)* dan *Central Credit Reference Information System (CCRIS)* dalam menawarkan pinjaman dan geran kepada usahawan yang menggunakan dana Kerajaan.

NO SOALAN: 127

4. Selain daripada itu, aktiviti penyampaian maklumat berhubung kemudahan pembiayaan yang ditawarkan oleh agensi-agensi KUSKOP termasuk syarat-syarat kelayakan dilaksanakan secara berterusan melalui program-program yang dijalankan di lapangan serta hebahan melalui media.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
**DARIPADA : YB DATO' AHMAD BIN DATO' SRI HJ
IBRAHIM**

DATO' AHMAD BIN DATO' SRI HJ IBRAHIM minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah usaha Kerajaan dalam meningkatkan bilangan pengambilan anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan perolehan aset terbaru selaras dengan pemodenan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) terutamanya selepas penganjuran Langkawi International Maritime & Aerospace Exhibition (LIMA) 2023.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pertahanan dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) telah melaksanakan pelbagai program dalam usaha untuk menarik minat golongan belia dan remaja dari kalangan masyarakat tanpa menetapkan sebarang kuota kaum dan memastikan peningkatkan bilangan pengambilan Askar Lasykar merupakan salah satu usaha utama memperkasakan keutuhan organisasi.
2. Sehingga kini pelbagai inisiatif yang diambil untuk mempergiatkan usaha bagi meningkatkan bilangan pengambilan anggota ATM seperti:
 - i. Mengadakan promosi ATM di institusi pengajian tinggi seperti '*road show*' bersama-sama Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) untuk membuat promosi yang ditawarkan oleh Institusi Pendidikan Tinggi Awam (Universiti Awam, Politeknik, Kolej Komuniti dan Institusi Latihan Kemahiran Awam). Tujuan mengadakan pameran sempena karnival ini bagi mempromosikan serta menyebarluas maklumat kepada belia-belia lepasan SPM dan pelajar lepasan IPTA/IPTS tentang peluang kerjaya dalam ATM;
 - ii. Selain daripada itu pihak ATM juga tidak pernah gagal untuk mengiklankan kekosongan perjawatan Pegawai dan anggota LLP di dalam ATM melalui media sosial seperti *Facebook*, *Instagram*, *Twitter* dan *TikTok*. ATM juga turut mengiklankan kekosongan Askar Layskar melalui radio dan *crawler*, dan

- iii. ATM juga giat memperkenalkan Perkhidmatan ATM melalui sesi wawancara dengan mengetengahkan Pegawai dan Askar Lasykar sebagai panel tetamu terpilih untuk slot bual bicara televisyen dan radio. Ikon-ikon terpilih ini juga ditampilkan sebagai jurucakap perkhidmatan dan kaum dalam sesi *roadtour* pengambilan anggota ATM.
3. Bagi perolehan aset terbaru pula, Kementerian Pertahanan dan pengurusan tertinggi ATM sentiasa bekerjasama menentukan perolehan strategik ATM di dalam memastikan strategi serta visi yang telah digariskan di dalam Kertas Putih Pertahanan (KPP) iaitu menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang selamat, berdaulat dan makmur dapat dicapai. Setiap Perkhidmatan ATM telah membangunkan Pelan Strategik Perkhidmatan seperti *Army 4nextG*, *Navy 15 to 5* dan *Air Force CAP55* bagi merancang perolehan aset - aset untuk meningkatkan keupayaan dan melengkapkan pegangan aset - aset sedia ada bagi memenuhi keperluan latihan dan operasi ATM.
4. Perancangan perolehan ini telah mengambil kira keperluan teknologi yang terkini dan faktor keusangan agar warga ATM dapat melaksanakan tugas dengan lebih efektif. Perolehan aset terbaru telah dirancang berdasarkan keutamaan perolehan aset dan garis masa yang telah ditetapkan bagi mencapai keperluan Angkatan Masa Hadapan sebagaimana yang telah digariskan di dalam KPP.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN :

BUKAN LISAN

DARIPADA :

YB DATO' HAJI HUSAIN BIN AWANG

DATO' HAJI HUSAIN BIN AWANG minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan sama ada Kementerian bercadang untuk mendapatkan Pesawat Amaran Awal Udara (AEW) bagi mengesan kemasukan pesawat luar yang berpotensi mengancam kedaulatan negara ke dalam sempadan negara kita.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pertahanan melalui Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) mengakui bahawa pesawat Amaran Awal Udara atau *Airborne Early Warning and Control* (AEW&C) merupakan sebuah aset yang berkeupayaan tinggi dalam pengawasan ruang udara (*air surveillance*). Sistem sensor dan platform komunikasinya melibatkan pelbagai domain yang diintegrasikan bersama perkhidmatan lain serta dapat menggandakan keberkesanan sesuatu operasi.

2. TUDM berhasrat dan mempunyai perancangan untuk melaksanakan perolehan pesawat AEW&C berdasarkan perancangan Pelan Pembangunan Keupayaan TUDM (CAP55) pada fasa 3 rancangan CAP55. Perolehan tersebut dirancang di dalam 2 fasa iaitu pada RMKe-17 dan RMKe-18. Namun begitu, perolehan pesawat ini masih perlu mengikut keutamaan kerana ianya melibatkan kos yang tinggi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB DATO' HAJI HUSAIN BIN AWANG

DATO' HAJI HUSAIN BIN AWANG minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan statistik jumlah tahanan di bawah kesalahan Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 atau SOSMA pada waktu ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman, jumlah individu yang masih ditahan di bawah SOSMA 2012 sehingga 31 Mei 2023 adalah seramai 194 orang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB DATO' HAJI HUSAIN BIN AWANG**

DATO' HAJI HUSAIN BIN AWANG minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan usaha yang dirancang oleh Kementerian untuk mengurangkan kos sara hidup di negeri Terengganu yang dikatakan antara yang tertinggi di dalam negara.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Berdasarkan Laporan Analisis Indeks Harga Pengguna 2022, negeri Terengganu mencatatkan kadar inflasi sebanyak 3.1% pada 2022, lebih rendah berbanding 3.4% pada 2021. Selain itu, kadar inflasi di negeri Terengganu pada 2022 juga berada di bawah kadar inflasi nasional iaitu 3.3%. Jika dilihat pada kadar inflasi terkini iaitu pada April 2023, inflasi di negeri Terengganu merekodkan peningkatan 2.4% (Mac 2023: 2.5%), lebih rendah berbanding inflasi nasional (3.3%). Di samping itu, Terengganu juga adalah antara negeri yang merekodkan inflasi terendah pada kedudukan tangga ke-5 terendah pada April 2023 berbanding negeri-negeri lain.

Kerajaan telah mengorak langkah yang proaktif dalam mengekang isu kos sara hidup dengan melaksanakan pelbagai inisiatif bagi mengurangkan bebanan kos sara hidup rakyat seperti berikut:

- 1) **Program Pengedaran Barang Perlu (BP), Gas Petroleum Cecair (LPG) dan Community Drumming (CD)** atau lebih dikenali sebagai **Program Penyeragaman Harga** merupakan program sedia ada yang memberi impak tinggi dalam membantu kos sara hidup rakyat melalui Program Penyeragaman Harga tujuh (7) barang asas iaitu beras putih, gula, minyak masak 1kg, tepung gandum, LPG, petrol RON95 dan diesel supaya bekalan barang tersebut sampai kepada penduduk di kawasan luar bandar/ pedalaman Semenanjung, Sabah dan Sarawak pada harga kawalan sama dengan kawasan bandar dan memberi subsidi kepada syarikat

pengangkutan yang menghantar barang asas tersebut ke kawasan pedalaman. Negeri Terengganu tidak terkecuali daripada mendapat manfaat daripada program ini melalui tiga (3) zon iaitu **Pulau Perhentian, Pulau Redang dan Pasir Raja**. Jumlah penduduk yang mendapat manfaat ialah seramai 13,100 orang dengan jumlah keseluruhan peruntukan bagi tahun 2023 sebanyak **RM 2.72 juta**.

2) Inisiatif Payung Rahmah

- a) **Menu Rahmah** – Sehingga 6 Jun 2023, sebanyak 1,797 kedai makan dan restoran secara sukarela telah sama-sama berganding bahu dalam *Private Driven Initiative* ini menawarkan Menu Rahmah yang merupakan hidangan makanan seimbang mengandungi protein, serat sayur-sayuran dan kabohidrat yang dijual pada harga RM5.00 ke bawah. Secara keseluruhan bagi negeri Terengganu sebanyak 108 premis telah menyertai secara sukarela yang meliputi 61 restoran/afe, 43 restoran makanan segera dan 4 medan selera;
- b) **Bazar Ramadan Rahmah** telah dilancarkan pada 27 Mac 2023. Program ini dirancakkan dengan pelaksanaan Inisiatif Pendigitalan Sektor Peruncitan (ReDI) melalui e-wallet sebanyak RM20.00 kepada 40,185 orang pengunjung. Inisiatif ini dilaksanakan di negeri Terengganu yang melibatkan satu (1) bazar ramadan yang meliputi 83 peniaga;

- c) **Bakul Rahmah** iaitu inisiatif yang menyasarkan sumbangan berbentuk bakul makanan (keperluan harian) bernilai RM100.00 dan RM50.00. Sehingga 6 Jun 2023 sebanyak 3,842 bakul Rahmah telah diedarkan di seluruh negara.
 - d) **Jualan dan Pakej Rahmah** adalah berkonseptan jualan murah yang menyasarkan kawasan penempatan atau kawasan tumpuan B40 yang dilaksanakan melalui pasaraya besar, pasaraya rangkaian atau premis peruncitan yang bersesuaian di semua 222 kawasan Parlimen dengan penurunan harga barang keperluan harian antara 10% hingga 30% atau lebih berbanding harga pasaran semasa setempat. Pakej Rahmah kini telah diperluaskan kepada sektor-sektor lain selain peruncitan seperti perhotelan, fisioterapi dan farmasi. Sehingga 6 Jun 2023, program ini telah dilaksanakan di 19 pasar raya besar dan pasar raya rangkaian yang meliputi 120 parlimen yang melibatkan 3,316 lokasi;
- 3) Pada bulan Februari, Jemaah Menteri bersetuju **subsidi ayam dan telur ayam** diteruskan sehingga Jun 2023. Pengumuman terbaru pada 9 Jun 2023 adalah pelaksanaan subsidi ini akan diteruskan bagi suatu tempoh yang akan ditetapkan kelak;
- 4) Kerajaan juga telah bersetuju untuk meneruskan **pemberian subsidi minyak masak paket** agar semua golongan mendapatkan minyak masak pada harga RM2.50 per paket; dan

- 5) **Penetapan harga siling** bagi minyak masak sawit kemasan botol juga diteruskan. Ini bagi menstabilkan permintaan dan harga minyak masak sawit kemasan botol 1kg, 2kg, 3kg dan 5kg.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB DATO' HAJI HUSAIN BIN AWANG

DATO' HAJI HUSAIN BIN AWANG minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan :-

- I. jumlah kluasan Tanah Rizab Melayu mengikut negeri hingga tahun 2023; dan
- II. sejauh manakah Tanah Rizab Melayu ini berkualiti dan mempunyai nilai ekonomi yang tinggi berbanding tanah bukan milik Melayu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini, Kementerian hanya mempunyai data lengkap keluasan Tanah Rizab Melayu sehingga Disember 2022 mengikut negeri seperti berikut:

Bil	Negeri	Keluasan Tahun 2022 (Hektar)
1.	Perlis	32,705.10
2.	Kedah	716,537.28
3.	Kuala Lumpur	999.48
4.	Negeri Sembilan	226,403.82
5.	Johor	561,053.70
6.	Pahang	444,074.90
7.	Terengganu – Tanah Rizab Melayu	1,650.91
	Terengganu – Tanah Pegangan Melayu	444,409.81
8.	Kelantan	1,453,025.30
9.	Perak	953,040.87
10.	Selangor	162,505.25
Jumlah		4,996,406.42

Pengurusan data Tanah Rizab Melayu adalah di bawah Pentadbiran Tanah Negeri masing-masing dan Enakmen Tanah Rizab Melayu dikawal oleh Pihak Berkuasa Negeri kecuali di negeri Pulau Pinang, Sabah, Sarawak dan Melaka yang tidak mempunyai Tanah Rizab Melayu. Data Tanah Rizab Melayu bagi tahun 2023 sedang dalam proses pengumpulan dan akan dimuktamadkan pada Januari 2024.

- (b) Kementerian tidak mempunyai maklumat nilai ekonomi Tanah Rizab Melayu dan perkara ini adalah lebih kepada perancangan ekonomi di peringkat Pihak Berkuasa Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan. Dalam hubungan ini, Kerajaan Negeri mempunyai kelebihan dalam merancang pembangunan ekonomi di kawasan Tanah Rizab Melayu memandangkan data tersebut diuruskan sendiri oleh Pihak Berkuasa Negeri.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB DATO' HAJI HUSAIN BIN AWANG

DATO' HAJI HUSAIN BIN AWANG minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan:

- (a) statistik penggunaan rokok elektronik di Malaysia sejak tahun 2018 hingga pertengahan tahun 2023 mengikut kategori umur; dan
- (b) apakah langkah-langkah proaktif dilakukan oleh pihak Kerajaan untuk menangani penggunaan rokok elektronik yang semakin membimbangkan dalam kalangan pelajar-pelajar bawah umur.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Menurut *National E-Cigarette Survey* (NECS), pengguna rokok elektronik atau vape dalam kalangan mereka yang berumur 15 tahun ke atas adalah **3.2 peratus (602,122 orang)** pada tahun 2016. Peratusan pengguna rokok elektronik atau vape meningkat kepada **4.9 peratus (1.12 juta)** orang pada 2019 berdasarkan Kajian Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan (NHMS) .
2. Dalam kalangan remaja berumur 13 hingga 17 tahun, berdasarkan NHMS pada tahun 2017, bilangan pengguna rokok elektronik adalah sebanyak **9.8 peratus (211,084 orang)** dan terus meningkat kepada **14.9 peratus (307,109 orang)** pada tahun 2022. Daripada jumlah statistik pada tahun 2022, sebanyak **23.5 peratus (242,849 orang)** terdiri dalam kalangan remaja lelaki manakala **6.2 peratus (64,260 orang)** adalah remaja perempuan yang berusia 13 hingga 17 tahun.
3. Bagi menangani penggunaan rokok elektronik yang semakin membimbangkan, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) komited akan membentangkan Rang Undang-Undang (RUU) Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023. RUU ini adalah lebih komprehensif dan merangkumi kawalan terhadap semua jenis produk merokok termasuk rokok elektronik atau vape dan peruntukan Generasi Penamat Rokok.

4. Sementara itu, tindakan segera yang telah dilaksanakan oleh KKM adalah dengan bekerjasama dengan agensi-agensi lain dalam mempertingkatkan penguatkuasaan seperti kawalan import, kawalan peranti, pelesenan premis, dan pelesenan pengilangan.
5. KKM juga telah melaksanakan program pencegahan tabiat merokok termasuk rokok elektronik atau vape dalam kalangan pelajar melalui kempen *Generational Endgame* Anti Rokok 18 atau ringkasannya GEGAR-18. Melalui kempen ini, KKM telah bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan seperti Persatuan Mencegah Dadah Malaysia (PEMADAM), Majlis Belia Malaysia (MBM), Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS), Pertubuhan Green Lung Malaysia serta pelbagai NGO yang lain bagi meningkatkan kesedaran tentang kemudaratan penggunaan rokok elektronik atau vape dalam kalangan pelajar sekolah dan seterusnya memastikan pelajar-pelajar sekolah kekal bebas tidak merokok sepanjang hayat mereka.
6. KKM juga telah bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dengan menjalankan intervensi bersasar kepada pelajar sekolah yang telah terjebak dengan tabiat merokok melalui program intervensi oleh pasukan pergigian sekolah, program intervensi oleh pasukan kaunselor sekolah, dan pengukuhan pekeliling larangan menggunakan barang terlarang seperti rokok elektronik atau vape.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB DATUK PAUL IGAI

DATUK PAUL IGAI minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kerajaan Persekutuan berhasrat untuk membina landasan kapal terbang baharu di Kapit, Sarawak kerana landasan terdahulu dah lama ditamatkan operasinya memandangkan pembangunan di kawasan Kapit sedang pesat namun perkhidmatan udara yang sukar perlu ditambah baik demi kemajuan ekonomi tempatan khususnya sektor pelancongan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Kementerian Pengangkutan melalui surat bertarikh 1 November 2021 telah memaklumkan persetujuan YB Menteri Pengangkutan untuk menubuhkan sebuah padang terbang (STOLport) di Bukit Mabong, Kapit.
2. Pembinaan projek STOLport ini yang mengambil masa 36 bulan untuk disiapkan telah bermula pada 26 Februari 2021 dan merupakan biayaan sepenuhnya Kerajaan Negeri Sarawak.
3. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri Sarawak semasa *State Development Coordination Committee Meeting* (SDCCM) Bil.1/2023 pada 1 Februari 2023 telah memutuskan untuk mengkaji semula Rancangan Pembangunan Bukit Mabong termasuk pembinaan STOLport disebabkan kekangan infrastruktur asas di kawasan tersebut.
4. Kerajaan Negeri Sarawak telah menyatakan hasrat untuk memberi keutamaan kepada penyediaan Infrastruktur asas seperti jalan, perparitan dan utiliti terlebih dahulu.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB DATUK PAUL IGAI

DATUK PAUL IGAI minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah Kementerian berhasrat mempertingkatkan kualiti jalan Song - Kapit yang pada masa kini semakin sesak dan sempit memandangkan jumlah kereta termasuk bas dan lori yang besar dan panjang lebar turut menggunakannya. Tambahan pula, jalan tersebut juga berbukit bukau.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, bagi penyenggaraan **Jalan Song - Kapit** yang dimaksudkan adalah berstatus Jalan Negeri. Kementerian ini hanya bertanggungjawab di dalam pemantauan dan penyenggaraan Jalan Persekutuan sahaja manakala bagi penyenggaraan Jalan Negeri ia adalah di bawah tanggungjawab Kerajaan Negeri.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB TUAN MOHD HASBIE BIN MUDA

TUAN MOHD HASBIE BIN MUDA minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah jumlah kes bunuh diri di Malaysia mengikut negeri sejak tahun 2018 sehingga 2023 serta apakah faktor-faktor berlakunya perkara tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di Pertua,

Statistik kes bunuh diri di Malaysia bagi tahun 2018 sehingga April 2023 adalah sebanyak 4271 kes. Jumlah tertinggi kes bunuh diri di Malaysia dicatatkan pada tahun 2021 dengan 1142 kes dan negeri yang mencatatkan jumlah kes tertinggi adalah negeri Selangor iaitu sebanyak 938 kes.

Faktor-faktor yang menyumbang berlakunya kes bunuh diri termasuklah masalah kewangan, masalah kesihatan, tekanan perasaan, kemurungan, masalah keluarga, putus cinta, sakit mental dan masalah rumahtangga.

NO SOALAN: 136

Pecahan Statistik Bunuh Diri bagi tempoh 2018 hingga April 2023 seluruh Malaysia adalah seperti berikut:

BIL	KONTINJEN	2018	2019	2020	2021	2022	2023 (JAN-APR)	JUMLAH
1	JOHOR	83	101	101	165	139	36	625
2	KEDAH	24	35	16	65	48	17	205
3	KELANTAN	9	18	30	12	11	10	90
4	KUALA LUMPUR	52	82	60	129	105	35	463
5	MELAKA	23	12	22	26	16	11	110
6	NEGERI SEMBILAN	25	42	44	51	39	24	225
7	PAHANG	27	35	37	45	42	14	200
8	PERAK	54	42	56	112	111	31	406
9	PERLIS	1	1	0	5	5	4	16
10	PULAU PINANG	77	63	65	114	87	50	456
11	SABAH	45	24	49	56	58	14	246
12	SARAWAK	26	54	40	64	39	17	240
13	SELANGOR	100	90	96	284	274	94	938
14	TERENGGANU	2	10	15	14	7	3	51
JUMLAH		548	609	631	1142	981	360	4271

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB TUAN MOHD HASBIE BIN MUDA

TUAN MOHD HASBIE BIN MUDA minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah jumlah penagih dadah di Malaysia mengikut negeri dan apakah usaha Kerajaan untuk memulihkan mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang di Pertua,

Jumlah penagih dadah mengikut negeri bagi tahun 2018 hingga Mac 2023 adalah seperti berikut:

JUMLAH PENAGIH DADAH SERTA BAHAN MENGIKUT NEGERI						
NEGERI	2018	2019	2020	2021	2022	2023^P (JAN-MAC)
Johor	12,313	16,124	16,138	13,261	14,317	10,962
Kedah	11,735	11,629	10,518	13,502	13,267	11,057
Kelantan	14,871	16,341	13,649	11,843	13,316	9,759
Melaka	4,150	4,968	4,855	5,246	5,535	4,291
Negeri Sembilan	6,356	7,934	6,589	6,243	6,629	5,222
Pahang	15,886	13,616	12,170	10,551	12,253	8,467
Perak	8,300	9,335	8,604	9,869	11,715	9,967
Perlis	2,123	2,064	1,778	1,868	2,116	1,842
Pulau Pinang	9,084	8,987	7,633	8,185	8,968	7,274
Sabah	7,991	10,288	7,284	6,377	8,156	4,297
Sarawak	4,762	6,774	7,963	5,652	7,841	5,323
Selangor	14,743	13,722	10,955	12,182	12,949	10,794
Terengganu	9,453	11,409	12,499	12,033	13,314	9,743
Wilayah Persekutuan*	9,021	9,008	7,690	6,327	6,850	4,762
Jumlah	130,788	142,199	128,325	123,139	137,226	103,760

Nota :

A) * WP: Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan
B) ^P data awalan / preliminary sehingga Mac 2023

NO SOALAN: 137

Program rawatan dan pemulihan ketagihan dadah dijalankan oleh AADK melalui 30 buah pusat pemulihan penagihan narkotik (PUSPEN), 109 buah AADK Daerah dan 43 buah pusat khidmat di seluruh negara. PUSPEN mengendalikan Program Rawatan dan Pemulihan Dalam Institusi (RPDI) manakala AADK Daerah mengendalikan Program Rawatan dan Pemulihan Dalam Komuniti (RPDK).

Individu yang menjalani rawatan dan pemulihan penagihan dadah di fasiliti-fasiliti AADK sama ada secara sukarela ataupun secara perundangan akan dikenali sebagai klien AADK. Setiap klien AADK akan melalui proses rawatan dan pemulihan mengikut Rancangan Pemulihan masing-masing yang ditetapkan oleh Pegawai Pemulihan AADK berasaskan kepada sembilan komponen Model i-Pulih AADK meliputi keperluan biologi, psikologi, sosial dan spiritual seseorang klien tersebut.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB TUAN MOHD HASBIE BIN MUDA

TUAN MOHD HASBIE BIN MUDA minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapakah kanak-kanak yang tidak bersekolah kerana faktor kemiskinan serta apakah inisiatif Kerajaan bagi membolehkan mereka bersekolah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) merujuk kepada definisi keciciran iaitu murid warganegara Malaysia yang berada dalam sistem pendidikan (bersekolah) tetapi keluar daripada sistem sebelum tamat tempoh pendidikan. Sehingga Jun 2022, kadar keciciran murid di seluruh negara pada peringkat sekolah rendah adalah 0.07 peratus manakala pada peringkat sekolah menengah pula adalah 0.99 peratus.

KPM memandang serius isu murid yang tercicir disebabkan oleh faktor kemiskinan. Sehubungan dengan itu, pihak KPM telah menyediakan sebanyak 18 jenis bantuan persekolahan bagi tahun 2023 yang terdiri daripada 13 jenis Bantuan Khusus dan 5 jenis Bantuan Umum. Bantuan ini turut diagihkan untuk murid yang tercicir akibat kemiskinan seperti Biasiswa Kecil Persekutuan (BKP), Rancangan Makanan Tambahan (RMT), Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM), Bantuan Awal Persekolahan (BAP), Bantuan Makanan Asrama (BMA), Bantuan Perjalanan dan Pengangkutan Murid Asrama (PPM) dan Bantuan Pakaian Seragam Badan Beruniform (BPS). Selain daripada itu, pelbagai bantuan seperti pinjaman buku teks serta khidmat guru kaunselor dan guru pemulihan disediakan bagi meningkatkan minat murid untuk meneruskan persekolahan.

Terkini, KPM juga akan sentiasa meneliti ruang bagi meluaskan pelaksanaan Sekolah Model Khas Komprehensif 9 atau K9. K9 merupakan sekolah yang memberi pendidikan mulai Tahun 1 sehingga Tingkatan 3. Matlamat utama sekolah komprehensif 9 atau K9 diwujudkan

untuk menangani isu keciciran di kawasan pedalaman, terutamanya bagi murid yang menghadapi kesukaran untuk meneruskan pendidikan ke peringkat menengah disebabkan faktor lokasi ke sekolah menengah yang jauh, bentuk muka bumi yang mencabar dan sosio ekonomi keluarga.

KPM sedang memperluaskan konsep K9 kepada Sekolah Model Khas K11. Ini merupakan satu inisiatif dalam memberikan akses pendidikan yang lebih menyeluruh dari peringkat rendah hingga menengah selama 11 tahun, iaitu daripada Tahun 1 hingga Tingkatan 5. Selain itu, konsep Sekolah Model Khas K11 ini juga dijangka mampu mengurangkan kadar keciciran transisi murid dari Tingkatan 3 ke Tingkatan 4 atau transisi peringkat pengajian menengah rendah ke menengah atas. Sekolah Model Khas K11 juga menjadi inisiatif yang akan menyokong usaha KPM ke arah memastikan murid di kawasan yang dikenal pasti dapat menamatkan pendidikan 11 tahun. Sebagai permulaan, KPM telah memulakan program rintis K11 di SK RPS Betau, Kuala Lipis, Pahang yang sekarang dikenali sebagai SMK RPS Betau khas bagi murid Orang Asli di kawasan tersebut. Di samping itu, program rintis ini juga dilaksanakan di SK Long Bedian, Baram, Sarawak.

KPM yakin bantuan yang diberikan dapat menangani keciciran murid dan memastikan mereka kekal dalam sistem pendidikan negara hingga tamat persekolahan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB TUAN MOHD HASBIE BIN MUDA

TUAN MOHD HASBIE BIN MUDA minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan berapakah jumlah subsidi tahunan yang diperuntukkan untuk barang makanan asas bagi tahun 2020 hingga 2023.

JAWAPAN

Yang Dipertua,

1. Secara keseluruhan jumlah subsidi tahunan yang diperuntukkan untuk barang makanan asas adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Kewangan. Namun KPDN, turut membantu dalam meringankan kos sara hidup melalui program-program subsidi di bawah Kementerian.

2. Bagi KPDN, subsidi utama yang berkaitan barang makanan asas termasuk :
 - a. Program Skim Penstabilan Harga Minyak Masak (COSS) iaitu penyediaan minyak masak bersubsidi dalam paket 1kg.

Tahun	2020	2021	2022	2023 *sehingga 19.06.23
Peruntukan (RM)	528.3 juta	2.430 billion	2.420 billion	500 juta
Perbelanjaan (RM)	528.2 juta	2.194 billion	2.416 billion	499.9 juta

- b. Program Penyeragaman Harga Sabah, Sarawak dan Labuan (PPHSSL) iaitu untuk menyeragamkan harga barangan asas seperti gula, minyak masak dan tepung gandum di antara Wilayah Sarawak, Sabah dan Labuan dan Semenanjung Malaysia dengan peruntukan sebanyak RM40 juta.

Tahun	2020	2021	2022	2023 *sehingga 19.06.23
Peruntukan (RM)	38 juta	40 juta	39 juta	40 juta
Perbelanjaan (RM)	37.3 juta	39.2 juta	38 juta	16.4 juta

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB TUAN MOHD HASBIE BIN MUDA

TUAN MOHD HASBIE BIN MUDA minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan berapakah jumlah graduan Doktor Falsafah yang masih menganggur mengikut bidang pengajian.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan Sistem Kajian Pengesanan Graduan (SKPG) yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), **bilangan graduan Doktor Falsafah pada tahun 2022** adalah berjumlah 2,872 graduan dengan peratusan 94.7% (2,721 graduan) menjawab kajian ini selepas enam (6) bulan menamatkan pengajian.
2. Daripada jumlah tersebut, **seramai 143 graduan atau 5.3% masih belum bekerja.** Tiga (3) bidang pengajian utama yang mencatatkan kadar tertinggi graduan yang belum bekerja pada tahun **2022** adalah:
 - a. **Bidang Pertanian, perhutanan, perikanan dan veterinar** merekodkan seramai 6 orang graduan atau 14.0% daripada 43 orang graduan;
 - b. **Bidang Perniagaan, pentadbiran dan perundangan** merekodkan seramai 30 orang graduan atau 7.3% daripada 411 orang graduan; dan
 - c. **Bidang Sains semulajadi, matematik dan statistik** merekodkan seramai 28 orang graduan atau 7.0% daripada 399 orang graduan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
**DARIPADA : YB DR. HAJAH WAN MARTINA BINTI
WAN YUSOFF**

DR. HAJAH WAN MARTINA BINTI WAN YUSOFF minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan apakah status pembinaan dan apakah langkah Kerajaan dalam menyegerakan projek pembinaan 'low weir' Sungai Pengkalan Datu kerana pada musim kemarau dan peningkatan aras air laut memberi kesan kepada penerobosan air masin terhadap Sungai Pengkalan Datu dan menjelaskan abstraksi air mentah pada muka sauk yang melibatkan 29 000 akaun pengguna.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Projek pembinaan *Low Weir* di Sungai Pengkalan Datu tidak dilaksanakan pada masa ini disebabkan pertindihan lokasi dengan pelaksanaan Projek Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu (PLSB) Sungai Kelantan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) yang mana projek ini termasuk dalam projek tebatan banjir berkeutamaan tinggi.
2. Oleh yang demikian, penyelarasan rekabentuk *Low Weir* Sg. Pengkalan Datu perlu dilaksanakan semula selepas PLSB dimuktamadkan memandangkan pelebaran sungai yang terlibat akan mengganggu fungsi dan reka bentuk asal *Low Weir* Sg Pengkalan Datu.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
**DARIPADA : YB DR HAJAH. WAN MARTINA BINTI
WAN YUSOFF**

**DR. HAJAH WAN MARTINA BINTI WAN YUSOFF minta MENTERI
PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN menyatakan :-**

- (a) apakah pelan strategik jangka pendek, sederhana dan panjang untuk Kerajaan memastikan keselamatan dan jaminan bekalan mencukupi untuk nisbah pengeluaran makanan dalam negara yang rendah seperti daging lembu, kambing dan padi; dan
- (b) adakah disebabkan kegagalan National Feedlot Corporation (NFC), tiada lagi inisiatif Kerajaan untuk memastikan pengeluaran daging lembu mencukupi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) melalui jabatan dan agensi sedang giat melaksanakan pelbagai inisiatif dan program untuk meningkatkan pengeluaran makanan secara domestik antaranya melalui beberapa strategi seperti yang dinyatakan melalui Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0) melalui lima (5) teras dasar seperti berikut:

- (i) mendukung pemodenan dan pertanian pintar;
- (ii) memperkuuh pasaran domestik dan meningkatkan hasil keluaran yang mempunyai permintaan tinggi;
- (iii) membangun bakat yang memenuhi permintaan industri;
- (iv) meningkatkan amalan pertanian dan sistem makanan yang mampan; dan
- (v) menyediakan ekosistem perniagaan yang kondusif dan kerangka institusi yang kukuh.

Bagi menstabilkan bekalan khususnya untuk subsektor padi serta lembu dan kambing, KPKM melaksanakan pelbagai inisiatif yang meliputi pendekatan jangka masa pendek, jangka masa sederhana dan jangka masa panjang seperti berikut:

(i) Subsektor padi

(a) Jangka masa pendek

- 1) **meminimumkan kehilangan lepas tuai padi sehingga 244.2 ribu tan metrik yang bernilai RM293 juta menerusi pelaksanaan sesi libat urus dengan pihak berkepentingan, penambahbaikan prosedur operasi standard (SOP) dan peraturan sedia ada agar seiring dengan keperluan teknologi terkini;**
- 2) **melaksanakan program SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB) yang menyasarkan peningkatan purata hasil padi per hektar daripada 3.5 tan metrik kepada 7.0 tan metrik melalui pelbagai kaedah pelaksanaan seperti pertanian kontrak, sewaan dan sebagainya; dan**
- 3) **meningkatkan stokpail beras secara berperingkat kepada 290,000 tan metrik.**

(b) Jangka masa sederhana

- 1) **melaksanakan perluasan Program Smart SBB menerusi Model Mini Sekinchan yang telah berjaya meningkatkan pengeluaran padi daripada 2.5 tan metrik per hektar kepada 10 tan metrik per hektar untuk dilaksanakan di beberapa negeri lain. Perluasan ini telah bermula di kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) pada bulan Mei 2023 melalui**

usaha sama dengan Padiberas Nasional Berhad (BERNAS); dan

- 2) **pelaksanaan Program Rintis penanaman padi lima (5) musim dalam tempoh dua (2) tahun di Kawasan Muda** di tujuh (7) kawasan di bawah seliaan MADA yang melibatkan 2 Wilayah iaitu Kangar dan Pendang seluas 213.99 hektar melibatkan 165 orang pesawah.
- (c) Jangka masa panjang
- 1) **membangunkan varieti benih padi baharu** yang bertahan terhadap penyakit tumbuhan dan saliniti.
- (ii) Subsektor lembu dan kambing
- (a) Jangka masa pendek
- 1) **menbenarkan kemasukan ternakan import** dari ladang yang diiktiraf bebas penyakit dari Thailand dan Australia untuk dijadikan *feeder* bagi memenuhi permintaan semasa musim perayaan;
 - 2) **menambah negara sumber melalui loji sembelihan dan loji pemprosesan** diiktiraf di luar negara untuk tujuan pengimportan daging lembu dan kambing ke Malaysia;
 - 3) **menggalakkan pengusaha tempatan untuk menanam makanan ternakan** seperti rumput napier dan pastura serta penggunaan dedak lembu

berasaskan isirung sawit seperti *palm kernel cake/palm kernel expeller* (PKC/PKE) bagi mengatasi kenaikan kos makanan ternakan; dan

- 4) **mewujudkan dana pembiayaan di bawah Agrobank sebanyak RM200 juta bagi ternakan ruminan seperti lembu dan kambing.**

- (b) Jangka masa sederhana
 - 1) **memperluaskan industri penternakan ruminan** dengan memberi tumpuan kepada pemerkasaan lembu pedaging melalui program pembiakbakaan. Selain itu, pelbagai strategi turut dirangka daripada aspek pengeluaran khususnya dalam memantapkan pusat kuarantine swasta untuk menampung tambahan import lembu hidup serta mengenal pasti pemain industri yang berkebolehan tinggi. Pengeluaran ladang nukleus dan pengganda juga diberi perhatian sewajarnya. Untuk jangka masa panjang, Kerajaan akan memastikan pembangunan infrastruktur dan logistik industri ternakan ditambahbaik dan diselenggara secara berkala;

 - 2) **meningkatkan produktiviti ruminan melalui Program Peningkatan Ruminan dengan pemberian geran padanan** 50:50 kepada syarikat peneraju dan 70:30 kepada penternak bagi setiap lembu dan kerbau induk betina;

- 3) **menggalakkan penglibatan penternak tenusu dalam pengeluaran daging melalui kaedah *Beef in Dairy Line*; dan**
 - 4) **meningkatkan jumlah dan kapasiti ternakan ruminan termasuk lembu dan kambing di Taman Kekal Pengeluaran Ruminan dan pengoperasian Ladang Satelit Nasional.**
- (c) Jangka masa panjang
- 1) **membangunkan baka kambing sintetik untuk menggandakan hasil pengeluaran melalui kacukan baka kambing Boer dan Red Kalahari; dan**
 - 2) **menubuhkan Lembaga Ruminan Negara yang berperanan untuk membangunkan industri ruminan secara holistik, berdaya maju dan mampan.**

Untuk makluman juga, KPKM komited meningkatkan capaian dan mutu penyampaian perkhidmatan melalui khidmat nasihat dan bantuan teknikal, menggalakan pertanian pintar serta mengoptimumkan penggunaan mekanisasi dan automasi. Di samping itu, pelbagai program juga telah dilaksanakan untuk menggalakkan penglibatan golongan belia dalam sektor agromakanan termasuk sektor padi dan ternakan.

Berdasarkan pelan strategi yang telah dijelaskan di atas, jelas menunjukkan bahawa Kementerian komited untuk memastikan pengeluaran daging lembu mencukupi untuk memenuhi permintaan penduduk.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
**DARIPADA : YB DR. HAJAH WAN MARTINA BINTI
WAN YUSOFF**

DR. HAJAH WAN MARTINA BINTI WAN YUSOFF minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan apakah perbezaan antara MyDIGITAL dan PEMANGKIN yang telah dilancarkan pada April lalu kerana didapati intipati daripada kedua-dua program adalah hampir sama, malah melalui MyDigital Kerajaan meletakkan sasaran RM70 bilion pelaburan dalam pendigitalan dengan 500,000 peluang pekerjaan baru.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

MyDIGITAL yang diterajui oleh Kementerian Ekonomi adalah satu aspirasi Kerajaan yang diterjemahkan melalui Rangka Tindakan (*Blueprint*) Ekonomi Digital Malaysia dalam usaha mentransformasikan Malaysia menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi yang berpacukan pendigitalan di samping menjadikan Malaysia sebagai peneraju serantau dalam ekonomi digital. MyDIGITAL dirangka sebagai pelengkap kepada dasar pembangunan negara bagi memastikan Malaysia membangun secara mampan dan inklusif dengan pengagihan ekonomi yang adil dan saksama. Pelaksanaannya melibatkan pelbagai inisiatif dan program yang diterajui oleh pelbagai kementerian serta agensi.

PEMANGKIN atau Program Mangkin Malaysia Digital ialah pelaksanaan program-program berimpak tinggi di bawah inisiatif Malaysia Digital (MD). Inisiatif MD adalah inisiatif yang telah ditambah baik daripada inisiatif MSC Malaysia iaitu inisiatif strategik negara yang telah diperkenalkan sejak tahun 1996 hingga kini dan dilaksanakan oleh Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) di bawah Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD). Inisiatif ini bertujuan untuk memacu pembangunan ekonomi digital Malaysia sebagai sebuah negara maju melalui pembangunan ekonomi berasaskan pengetahuan dan pembangunan ekosistem ICT bagi memangkin perkembangan industri ICT tempatan serta menarik pelaburan global.

PEMANGKIN melibatkan usaha sama aktif di antara pihak Kerajaan, industri dan juga rakyat secara kolektif dan holistik iaitu melalui pendekatan *whole-of-nation* approach. Justeru, pelaksanaan PEMANGKIN khususnya adalah untuk melengkapkan dan menjayakan Rangka Tindakan (*Blueprint*) Ekonomi Digital Malaysia di bawah MyDIGITAL bagi mencapai objektif dan sasaran yang telah ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
**DARIPADA : YB DR. HAJAH WAN MARTINA BINTI
WAN YUSOFF**

DR. HAJAH WAN MARTINA BINTI WAN YUSOFF minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan:

- (a) berapakah peratus usahawan-usahawan kecil dan sederhana dari Kelantan yang telah mendapat kejayaan setelah diberi bantuan oleh Kerajaan; dan
- (b) apakah inisiatif Kerajaan untuk mempromosikan bantuan usahawan yang sedia ada kerana masih ramai peniaga kecil di luar bandar yang tidak tahu mengenai bantuan usahawan yang mereka layak memohon.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) dan Agensi-agensi di bawahnya telah melaksanakan pelbagai program/inisiatif bagi memberikan bantuan kepada usahawan kecil dan sederhana. Usahawan di Negeri Kelantan juga tidak terkecuali menerima manfaat daripada inisiatif ini. Bagi tempoh 2021 sehingga Mei 2023, sejumlah **2,051** (2.3%) usahawan perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) Negeri Kelantan telah mendapat mendapat daripada pelbagai program yang dilaksanakan oleh KUSKOP dan agensinya.

2. Antara program tersebut adalah program-program pembangunan keusahawanan oleh **SME Corp. Malaysia**, program-program pembangunan kapasiti usahawan oleh **INSKEN**, program-program pembiayaan oleh **TEKUN Nasional** dan program-program untuk graduan dan belia oleh **PROTEGE**. Hasil penglibatan dalam program INSKEN misalnya, telah membantu usahawan untuk **meningkatkan jualan sekurang-kurangnya 20% daripada pendapatan perniagaan mereka.** Ia turut membantu usahawan untuk memperluaskan peluang-peluang untuk menjana pendapatan, mendapatkan khidmat bimbingan dan sokongan serta memastikan usahawan kekal berdaya saing dalam pasaran.

3. KUSKOP akan terus melaksanakan pelbagai inisiatif bagi mempromosikan bantuan usahawan yang sedia ada melalui hebahan surat khabar, televisyen, radio, media sosial dan papan iklan bagi membolehkan penyampaian info yang lebih berkesan kepada golongan sasar. Menerusi Pelan Komunikasi KUSKOP 2023, **fokus keutamaan** penyampaian promosi dan publisiti juga meliputi usahawan-usahawan yang berada di luar bandar.
4. Di samping itu, KUSKOP turut melaksanakan program turun padang sebagai salah satu usaha untuk mempromosikan serta menghebahkan inisiatif kepada usahawan. Antara program berkenaan ialah Program Jelajah Usahawan dan Koperasi MADANI (PJUKM), Program Jelajah Keusahawanan Bersasar (JKEB), Minggu Perusahaan Kecil dan Sederhana (PMKS), Jelajah Kembara Pemerkasaan Usahawan dan Minggu Usahawan Negara (MUN).
5. Pihak Kementerian turut mengharapkan dan memohon bantuan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat untuk turut sama membantu menguar-uarkan program/inisiatif ini kepada usahawan di kawasan masing-masing agar dapat dihebahkan sehingga ke peringkat akar umbi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
**DARIPADA : YB DR. HAJAH WAN MARTINA BINTI
WAN YUSOFF**

DR. HAJAH WAN MARTINA BINTI WAN YUSOFF minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah inisiatif yang dirangka oleh Kerajaan untuk membantu pengusaha-pengusaha Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) yang mengalami kesukaran untuk membayar gaji pekerja setelah pelaksanaan gaji minimum.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Gaji minimum ditakrifkan di bawah Seksyen 2 Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 (Akta 732) sebagai gaji pokok yang akan ditetapkan atau sebagaimana yang ditetapkan di dalam perintah gaji minimum di bawah Seksyen 23 akta yang sama. Seksyen 23 ini menyatakan bahawa Menteri (Sumber Manusia) hendaklah melalui pemberitahuan dalam warta membuat perintah gaji minimum berkaitan perkara yang dinyatakan di bawah subseksyen 22(1) dengan membuat syor kepada Kerajaan melalui Menteri mengenai perkara-perkara tertentu, termasuklah kadar gaji minimum.

2. Objektif dasar gaji minimum ini terbahagi kepada empat (4) iaitu:
 - i. memastikan keperluan asas pekerja dan keluarga mereka dapat dipenuhi;

 - ii. memberikan perlindungan sosial yang mencukupi kepada pekerja-pekerja;

 - iii. meningkatkan rantaian pengeluaran dengan melabur dalam teknologi intensif untuk meningkatkan produktiviti buruh; dan

 - iv. mengurangkan kebergantungan negara kepada pekerja asing tidak mahir/

3. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah mengadakan satu sesi perjumpaan pada 14 Jun 2022 bersama wakil dari beberapa Persatuan TASKA Negeri dan Sekretariat Majlis Perundingan Gaji Minimum, Kementerian Sumber Manusia bagi mendapatkan maklum balas berhubung pelaksanaan kadar gaji minimum baharu iaitu RM1,500 sebulan di seluruh negara.
4. Secara umumnya, para pengusaha bersetuju dengan kadar gaji minimum RM1,500. Namun, pelaksanaan gaji minimum tersebut hanya boleh dilakukan dengan menaikkan kadar yuran ke atas kanak-kanak yang dihantar ke TASKA kerana ia merupakan punca pendapatan utama kepada sesebuah perusahaan TASKA.
5. Untuk makluman, TASKA yang berdaftar di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) adalah TASKA swasta yang berentitikan perniagaan. Ia memerlukan daya usaha yang kreatif di pihak pengusaha bagi memastikan perniagaan TASKA dapat berkembang maju dan mampan. Manakala bantuan yang diterima daripada pihak kerajaan hanyalah sebagai sokongan sementara. Sehubungan dengan itu, perbincangan di antara pengusaha TASKA, pengasuh dan ibu bapa perlu diadakan untuk mendapatkan persetujuan bersama dalam hal ini.
6. Selain itu, bagi meringankan beban ibu bapa yang berpendapatan rendah dan dalam usaha menyediakan peluang kepada kanak-kanak untuk mendapat asuhan dan didikan awal yang lebih baik di TASKA, Kerajaan telah menyediakan Subsidi Yuran Pengasuhan kepada kanak-kanak yang layak. Antara tahun 2013 hingga 2022, Kerajaan telah membelanjakan sebanyak RM48.96juta untuk tujuan ini dan telah memberi manfaat kepada hampir 19,000 orang kanak-kanak.

7. Kerajaan juga menyediakan insentif bagi pihak yang menyediakan perkhidmatan TASKA, iaitu:

- i. Pengecualian cukai pendapatan bagi tempoh 5 tahun diberi kepada majikan yang menyediakan TASKA;
- ii. Pemberian Elaun Bangunan Industri pada kadar 10% untuk ubah suai, penyenggaraan dan pemilikan bangunan untuk TASKA bagi pengusaha TASKA merujuk kepada Perenggan 80 Jadual Akta Cukai Pendapatan 1967. Insentif ini hanya terpakai kepada pemilik bangunan yang menjalankan perniagaan TASKA yang berdaftar dengan JKM;
- iii. Selain daripada itu, Kerajaan telah menaikkan kelayakan pendapatan bulanan isi rumah penjawat awam daripada RM5,000 kepada RM7,000 bagi tujuan pemberian subsidi yuran pengasuhan TASKA di tempat kerja sektor awam. Subsidi bulanan ini berjumlah RM180 bagi setiap anak;
- iv. KPWKM juga menyediakan TASKA Komuniti yang ditubuhkan atas inisiatif komuniti untuk manfaat kepada keluarga yang berpendapatan rendah di bandar dan luar bandar. Kerajaan telah meluluskan geran subsidi yuran pengasuhan di TASKA Komuniti sebanyak RM180 sebulan kepada kanak-kanak yang ibu bapa/ penjaga berpendapatan RM5,000 dan ke bawah sebulan; dan

NO SOALAN: 145

- v. Kerajaan turut telah menaikkan pelepasan cukai pendapatan dari RM2,000 sehingga RM3,000 kepada pembayar cukai individu yang menghantar anak ke TASKA yang berdaftar dengan JKM bagi tahun taksiran 2021 dan 2022 di bawah inisiatif Pelan Jana Semula Ekonomi Negara.

Sekian, terima kasih.